

## DEWAN RAKYAT

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 28 Khamis 26 Mei 2015

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Hak milik Strata (Pindaan) 2016	(Halaman	27)
Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016	(Halaman	67)
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016	(Halaman	129)
<b>USUL-USUL:</b>		
Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah P.M. 14(2)	(Halaman	53)
Rang Undang-undang Persendirian Ahli Bukan Kerajaan Di Bawah P.M. 49(1) – <i>Rang Undang-undang Mahkamah Syariah</i> <i>(Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan) 2016</i>	(Halaman	65)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	66)
<b>USUL MENTERI KEWANGAN:</b>		
Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014	(Halaman	168)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA  
Khamis, 26 Mei 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)]  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan usul saya, izinkan saya bersama membawa rakan-rakan dalam Dewan ini untuk mengucapkan kepada warga Sabah selamat menyambut Tadau Keamatan dan kepada warga kita dari Sarawak pula Selamat Hari Gawai *[Berucap dalam bahasa Sarawak]* dan kepada kaum Muslim dan Muslimat puasa kita tidak lama lagi akan datang dan tiba bulan Ramadan. Selamat menyambut bulan Ramadan dan selamat berpuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**USUL**

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Puan Hajah Nancy binti Shukri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, D.R.5/2016 Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016 seperti yang tertera di No.4 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat yang akan datang.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, baiklah.

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya berpantun. Saya bagi pihak jiran saya dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian ingin mengalu-alukan rombongan kaunselor Majlis Daerah Samarahan Parlimen Kota Samarahan ke Dewan ini. *[Tepuk]*

*Dulu oil and gas banyak maju,  
Hari ini ekonomi Labuan mesti dibantu,  
Jadikan ia hab pendidikan adalah perlu,  
Soalan saya alhamdulillah nombor satu.*

1. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah perancangan yang ada untuk meningkatkan kapasiti Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) untuk membolehkan ia mengambil lebih ramai pelajar-pelajar antarabangsa seperti yang dirancang pada awalnya.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan atas soalan berkaitan dengan UMSKAL. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya membala pantun Yang Berhormat Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini pantun bocor kah?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: [Ketawa]**  
*Dahulu minyak dan gas memang maju,  
ekonomi Labuan dibiar jangan,  
KPT dengan soaring upwards akan membantu,  
Labuan hab pendidikan dalam rancangan. [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau KPT amat menitikberatkan penambahbaikan pendidikan di semua institusi pendidikan tinggi termasuk Universiti Malaysia, Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan atau UMSKAL.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat berkaitan UMSKAL, Kementerian Pendidikan Tinggi dari semasa ke semasa sentiasa peka, prihatin dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur termasuk penyediaan bangunan baru dan kemudahan *facilities* mengikut keperluan dan keadaan ekonomi semasa. Sehingga ini, sebanyak 16 projek prasarana telah siap dilaksanakan untuk kegunaan warga UMSKAL dan ini termasuklah Kompleks Dewan Kuliah Pusat bernilai RM2050 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah siap dibina pada tahun 2014. Kos keseluruhan yang telah diperuntukkan dan dibelanjakan di UMSKAL adalah sebanyak RM162 juta.

Pada masa ini juga, pihak Universiti Sabah atau UMS ada juga kemukakan rancangan mereka bagi cadangan projek pembangunan tanah membina blok tambahan kampus

antarabangsa Labuan yang merangkumi dewan peperiksaan yang baru dan naik taraf perpustakaan sedia ada. Projek ini masih dalam penelitian dan bergantung kepada keadaan ekonomi semasa kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, sememangnya UMSKAL menjadi pilihan pelajar-pelajar termasuk dari luar negara untuk mengikuti program-program yang ditawarkan di kampus tersebut iaitu lima program di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan dua program di Fakulti Perkomputeran dan Informatik.

Universiti Sabah telah melaksanakan pelbagai promosi akademik untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di UMS termasuk di UMSKAL. Promosi secara menyeluruh untuk 60 program telah dilaksanakan pada tahun 2015 di China, Brunei. Manakala bagi tahun 2014 diteruskan di Kalimantan, Timor Leste, Oman, Bangladesh dan Jordan. Selain daripada itu EMGS juga ada mengadakan program promosi dan dalam tahun 2015 hingga 2016 hampir 1,000 program sudah dijalankan. Sekian, terima kasih.

#### ■1010

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pelajar antarabangsa adalah antara penyumbang besar ekonomi negara, di mana kita menyasarkan seramai 200,000 orang pelajar antarabangsa menjelang 2020 dengan anggaran sumbangan RM15.6 bilion kepada ekonomi negara akan tercapai. Hujung tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Pengurus ASEAN melancarkan ASEAN *Economic Community*. Soalan saya, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri saya cadangkan kita buat inisiatif melalui IPTA-IPTA terutamanya mengadakan program pertukaran pelajar dengan semua negara-negara ASEAN sebesarnya dan berterusan untuk membantu dan untuk Malaysia terus menerajui proses integrasi komuniti ASEAN tersebut dan UMSKAL ataupun Kampus Antarabangsa Labuan dijadikan antara pusat utama untuk itu. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan atas soalan tambahan. Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa memang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Labuan tadi adalah satu cadangan yang begitu baik dan sebenarnya ketua negara-negara anggota ASEAN telah bersetuju untuk mengadakan satu deklarasi Kuala Lumpur mengenai pendidikan tinggi atau *The Kuala Lumpur Declaration on Higher Education*. Dalam deklarasi ini merangkumi salah satu item yang berkaitan dengan pertukaran pelajar dan ini bukan hanya ditumpukan kepada pertukaran pelajar tetapi ada juga melibatkan pertukaran staf akademik. Jadi, ini memang adalah satu program untuk meningkatkan mobiliti mahasiswa dan staf akademik di benua Asia Tenggara dan sebenarnya pada 26 hingga 28 Mei ASEAN *Education Summit* dijalankan di Sunway Resort. Dalam mesyuarat ini, juga ada menyentuh tentang peningkatan mobiliti mahasiswa dan staf akademik di negara ASEAN. Cadangan Yang Berhormat Labuan memang amat dihargai dan Kementerian Pendidikan Tinggi akan mempertimbangkan cadangan ini sehabis baik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya — saya mengucapkan tahniah di atas segala usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai *hub* pendidikan negara kita dan di peringkat antarabangsa. Apa yang saya ingin jelaskan ialah sejauh mana pihak kementerian mengenal pasti terhadap penyalahgunaan visa di kalangan pelajar di peringkat antarabangsa yang masuk ke dalam negara kita mereka hanya datang bukan semata-mata untuk belajar tetapi dia mengambil kesempatan untuk aktiviti sosial yang tidak bermoral yang mungkin menjelaskan — memberi kesan yang besar kepada masyarakat sekitar. Jadi sejauh mana perkara ini diteliti dan diambil perhatian dan tindakan oleh pihak kementerian? Minta penjelasan.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih. Soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan ini ada berkaitan dengan kawalan pelajar asing apabila mereka masuk untuk belajar di IPTS atau IPTA dan memang Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan mekanisme dan mekanisme ini dilaksanakan oleh EMGS atau *Education Malaysia Global Services* di mana pemantauan dapat dijalankan dari masa ke semasa atas kelakuan dan atas prestasi pelajar. Selain daripada itu, untuk mengawal disiplin pelajar saya rasa ini adalah satu tanggungjawab secara kolektif di mana kita hendak juga melibatkan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Dalam Negeri. Jadi ini menunjukkan bahawa ini memerlukan kolaborasi dengan kementerian-kementerian yang lain. Sekian, terima kasih.

**[Soalan No. 2 – Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusi (Batu Pahat) tidak hadir ]**

3. **Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan menurut kajian NAHRIM cuma 6% sahaja daripada jumlah hujan tahunan di Malaysia diserap oleh tanah. Sehubungan itu, bagaimanakah kerajaan atau kementerian merancang untuk memastikan air dalam bumi cukup untuk kestabilan ekologi.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Jerantut. Oleh sebab soalan nombor tiga pantas naik, pantun tidak siap.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar kajian terperinci berkenaan dengan air tanah di Malaysia telah dilaksanakan oleh Japan National Corporation Agency (JICA) dalam *Water Resourcing Malaysia* pada tahun 1982 mendapat bahawa kadar imbuhan ataupun *recharge* air tanah adalah sebanyak 6% dan diterima pakai oleh NAHRIM. Walau bagaimanapun kajian oleh *National Water Resources Study* yang telah dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia pada tahun 2010, mendapat kadar imbuhan air tanah adalah sebanyak 7%. Maknanya angka 6% atau 7% itu boleh diterima pakai. Tahniah kepada Yang Berhormat Jerantut kerana peka dengan angka tersebut.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, sentiasa memantau kualiti air dalam tanah selain daripada kuantiti supaya sentiasa mampan dan memastikan bahawa ekologi sentiasa stabil.

Bagi tujuan tersebut Tuan Yang di-Pertua, seperti mana banyak dibincangkan dalam Majlis Sumber Air Negara serta Majlis Tanah Negara, faktor penting yang menyumbang kepada sumber air di dalam tanah adalah hutan ataupun pokok-pokok yang meliputi muka bumi Malaysia. Jadi langkah-langkah yang paling berkesan bagi tujuan tersebut adalah memastikan bahawa muka bumi Malaysia sentiasa pada tahap melebihi ataupun pada kadar 55%, diliputi oleh pokok-pokok terutamanya pokok-pokok hutan di dalam kawasan tадahan air di seluruh negara. Itulah langkah yang paling cekap, yang paling penting untuk dilaksanakan di dalam memastikan bahawa seperti yang ditanya oleh pihak Yang Berhormat Jerantut ekologi sentiasa stabil kerana tanpa air yang cukup di muka bumi, di dalam bumi, di dalam tanah ekologi di dalam tanah tidak akan stabil dan akan merencatkan keseimbangan keseluruhan ekosistem muka bumi di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, pada awal tahun ini kita dikejutkan dengan kemarau panjang. Banyak kawasan empangan kita menuju kepada kering kontang misalnya Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Tasik Bukit Merah di Perak mengalami kekeringan termasuk juga sungai-sungai di Malaysia tidak terkecuali Sungai Pahang sendiri yang merupakan sungai yang terpanjang di Semenanjung ini. Akibat daripada itu timbul kesulitan krisis bekalan air, di mana air tidak dapat dipam kerana muka sauknya lebih tinggi daripada aras air yang mengalir.

#### ■1020

Tidak terkecuali juga penternak-penternak ikan sangkar yang berada di sepanjang Sungai Pahang, terutamanya di kawasan Jerantut di Kuala Krau, kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri dan sehingga ke Temerloh. Sekarang ini musim hujan datang, timbul masalah yang baru, bekalan air juga tidak dapat diberikan kepada penduduk kerana kandungan air sungainya terlalu keruh. Bila musim kemarau datang, air tak ada kerana air tak ada, bila musim hujan, datang air tak sampai juga kerana keruh. Saya difahamkan ada ketikanya melebihi 6,000 NTU. Jadi, apakah persiapan kerajaan agar dapat mengurangkan derita rakyat ini terhadap bekalan-bekalan air kita ini untuk dijamin tidak berlaku masalah yang besar terhadap punca bekalan air kita yang melibatkan Kementerian NRE sendiri? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Seperti yang saya sebutkan tadi di antara peranan Majlis Sumber Air Negara adalah memastikan bahawa air yang diterima di bumi Malaysia sentiasa mampan disimpan di muka bumi Malaysia.

Saya hendak menggunakan pakai satu teori yang disampaikan oleh FRIM yang disokong oleh beberapa institusi penyelidikan seperti NAHRIM dan sebagainya iaitu sebatang pokok yang baik, bersaiz 30 sentimeter diameter, dengan izin, boleh menyimpan air sebanyak lebih kurang 10 liter sehari. Bermakna, peranan pokok itu penting Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerantut. Pokok menerima air dan menyimpan air. Selain daripada pokok menggunakan air, pokok juga menyalurkan air ke muka bumi, ke dalam tanah. Berbanding

dengan sekiranya air jatuh turun di muka bumi kemudian terus masuk ke alur air seperti sungai dan sebagainya masuk ke laut dan kita kurang air di muka bumi Malaysia.

Jadi, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jerantut tadi ialah yang paling penting kawasan-kawasan tadahan air sama ada yang sedia ada ataupun yang perlu ditambah, mestilah dijaga rapi pokok-pokok yang berfungsi sebagai perangkap dan penyimpan air seperti yang saya sebutkan tadi. Maknanya kerajaan, kementerian akan sentiasa memantau perkara tersebut supaya dasar yang kita pegang selama ini iaitu 50% muka bumi Malaysia seluruh negara, Semenanjung, termasuk Sabah dan Sarawak mestilah diliputi oleh pokok-pokok. Terutamanya, pokok-pokok hutan di kawasan-kawasan tadahan air di seluruh negara, termasuklah di beberapa buah lokasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerantut sebentar tadi. Itulah sebenarnya falsafah dan dasar yang kita pegang yang perlu kita laksanakan sepanjang masa sekiranya kita ingin hidup dalam suasana ekosistem yang stabil. Sekian, terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap berbanyak-banyak terima kasih kerana penjelasan dan memang kita sentiasa bersetuju bahawa kita perlu mengekalkan hutan simpanan lebih daripada 50% dan apa yang kita harapkan penguatkuasaan hutan berkenaan. Umpamanya, contoh di Semenyih, sebelah sana Negeri Sembilan mungkin pernah berlaku pembalakan haram di sebelah Negeri Sembilan ataupun pernah berlaku orang buka hutan untuk tanam sayur-sayuran di sebelah Selangor. Jadi, perkara-perkara itu memang *illegal*. Yang Berhormat Sik semalam juga sebut, di Empangan Beris ada tanam kelapa sawit itu-minta maaf ya, *[Ketawa]* orang utara. Jadi, itulah yang pentingnya penguatkuasaan.

Soalan tambahan saya, dalam mungkin tahun 2010 pihak JPS telah pun membentangkan satu perancangan iaitu untuk mengadakan *retention pond* ataupun kolam di sepanjang sungai-sungai besar. Akan tetapi sampai sekarang saya nampak tidak ada tindakan itu. Kalau lah kata ada *retention pond* yang banyak sepanjang sungai, maka ada dua faktor. Satu, kita boleh mengekalkan air hujan yang banyak turun yang menyebabkan banjir di hilir ini. Yang kedua, kita dapat melambatkan aliran air. Jadi, apa tindakan JPS terhadap rancangan yang pernah pun dibentangkan dahulu? Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Beliau ini seorang pakar nuklear, hari ini beliau jadi pakar air. Sebenarnya, memang betul fungsi kolam takungan di antaranya adalah untuk memerangkap atau menyimpan air supaya air hujan yang banyak turun di muka bumi Malaysia. Terutamanya dapat disimpan dan tidak secara cepat atau deras dalam bahasa Johor, mengalir atau masuk ke dalam sungai dan masuk ke laut. Kalau masuk ke sungai, sungai melimpah akan menyebabkan banjir dan sebagainya.

Di Malaysia, kita tidak kurang daripada lebih kurang 70 kolam takungan air yang dibina oleh JPS. Malangnya tidak dapat diselenggarakan dengan baik kerana tidak diterima oleh pihak berkuasa tempatan, umumnya. Oleh sebab kebanyakan kolam-kolam air atau kolam takungan air sepatutnya diterima oleh pihak PBT. Mungkin faktor kos dan sebagainya. Jadi, inilah di antara perkara-perkara yang sentiasa dibincangkan oleh atau di dalam Majlis Sumber Air Negara supaya mendapat kerjasama sepenuhnya daripada semua kerajaan negeri bagi tujuan tersebut. Ini juga terkandung di dalam yang selalu ramai pihak mula memahami tentang konsep MASMA atau pun Manual Saliran Mesra Alam iaitu untuk menyediakan seboleh-bolehnya di antaranya takungan air bagi memastikan bahawa air tersimpan di muka bumi, kalaupun tidak masuk dalam bumi, sebelum air tersebut dimasukkan dalam sungai dan mengalir terus ke dalam laut.

Jadi, bagi menjawab jawapan khusus daripada Yang Berhormat Hulu Langat tadi ialah pembangunan baru kita mengesyorkan untuk pembinaan kolam di seperti yang disebut oleh MASMA tadi. Kita memerlukan kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak berkuasa tempatan, bukan sahaja daripada aspek menyediakan kolam tersebut tetapi dari segi penyelenggaraan yang merupakan satu perkara yang sangat sukar untuk kita laksanakan di Malaysia ini. Oleh kerana kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya nampak Yang Berhormat Pasir Gudang. Nanti tak lena balik tidur.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, soalan hari ini sensitif sedikit dengan Pasir Gudang kerana Pasir Gudang telah beberapa kali melalui proses catuan air. Dengan penerangan yang diberikan oleh pihak Menteri tadi, jadi saya ingin bertanya kepada pihak Menteri.

#### ■1030

Apakah perancangan pihak kementerian di dalam usaha untuk memastikan pokok-pokok yang disebutkan tadi sebagai menjadi punca takungan air kita ini dihentikan kerja-kerja sama ada penebangan pokok secara berleluasa, pengeluaran dari hutan simpan?

Ketiganya, kepada pemaju-pemaju perumahan yang menebang pokok dengan rakusnya. Akhirnya, kepada JPS sendiri yang bila saya membuat perbincangan beberapa kali, mereka sentiasa memberitahu bahawa mereka tidak terlibat dalam usaha-usaha untuk menyepadan kerja-kerja pembangunan ini. Terima kasih Menteri.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, memang benar JPS sentiasa memberikan garis panduan, khidmat nasihat kepada semua pihak PBT yang meluluskan pelan pembangunan di muka bumi kita ini. Itu perkara betullah itu. Maknanya, JPS beri khidmat nasihat tetapi saya berterus-terang di sini, akta yang berkaitan dengan parit dan saliran ini adalah di bawah PBT.

Oleh sebab itulah untuk makluman Yang Berhormat semua, akta yang sedang kita jaja di seluruh negara sekarang, akta baru iaitu Akta Sumber Air Negara yang akan *insya-Allah* akan dibentangkan pada sesi yang akan datang, kalau berjaya, sedang di jaja di seluruh negara untuk mendapatkan bukan sahaja maklum balas tetapi yang penting persetujuan tentang bentuk kerjasama yang boleh kita peroleh daripada semua pihak khususnya kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, memang sensitif.

Kalau kita bercakap daripada segi penguatkuasaan, saya fikir beginilah. Penguatkuasaan perlu – semalam Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyebut bahawa memerlukan bukan sahaja kos yang tinggi, memerlukan *manpower* yang cukup tetapi juga kepakaran. Kita boleh serahkan daripada penguatkuasaan kepada pihak-pihak yang lain menggunakan kaedah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), melibatkan semua pihak tetapi kalau yang menjalankan penguatkuasaan ini tidak mahir, tidak memahami tentang pokok sebenar yang patut dikawal, akhirnya penguatkuasaan tidak akan berkesan. Justeru, yang paling penting sekali adalah lebih baik kita mengawal daripada kita merawat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Tuan Sim Tong Him.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, lama tidak dengar.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*'Kalau kita sabar menunggu,*

*Satu hari nanti kita dapat,*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Kalau Yang Berhormat Kota Melaka sabar, satu hari nanti akan kembali balik.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Ketawa]*

*'Nampak Menteri sedia menunggu,*

*Untuk jawab soalan Nombor 4'.*

**4. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan :-

- (a) tentang bantuan kewangan dan insentif lain diberikan kepada penerbit filem tempatan yang berjaya meningkatkan perpaduan antara kaum dan juga cinta pada negara; dan
- (b) bagaimanakah kementerian dapat memberi penghargaan kepada penerbitan filem tempatan Ola Bola yang berjaya menghidupkan kembali semangat berpasukan yang kian merosot.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Oleh sebab Yang Berhormat Kota Melaka ada beri pantun, saya beri pantun sedikitlah.

*'Makan sate dengan ketupat,  
saya jawab soalan Nombor 4'. [Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, filem merupakan saluran penting untuk memaparkan elemen bagi mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Bagi menjawab soalan pertama, kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) telah menujuhkan *Content Malaysia Pitching Centre*, dengan izin pada tahun 2015 yang bertujuan menyediakan bantuan-bantuan dana kepada para penggiat industri filem tempatan.

Filem-filem yang mengandungi unsur-unsur perpaduan, patriotisme dan semangat cintakan negara sentiasa diberikan keutamaan dalam pemberian bantuan dana melalui CMPC. Kementerian melalui FINAS sentiasa akan mengutamakan penerbit-penerbit filem yang telah menunjukkan kredibiliti dan kualiti dalam filem mereka termasuklah yang membawa cerita-cerita perpaduan antara kaum dan cinta kepada negara untuk memohon dana bagi penerbitan filem yang seterusnya di CMPC iaitu di *Content Malaysia Pitching Centre*.

Untuk menjawab soalan yang kedua, pihak kementerian melalui FINAS telah sekian lama mewujudkan Insentif Tayangan Filem Cerek (ITFC) yang merupakan pemberian rebat kepada kutipan tiket filem di pawagam. Berdasarkan data daripada kutipan Skim Wajib Tayang (SWT) sehingga bulan Mei 2016, filem Ola Bola telah mendapat kutipan sebanyak RM15.8 juta. Oleh itu, jika permohonan dibuat dan menepati syarat ITFC, filem Ola Bola dijangka akan mendapat bayaran ITFC maksimum sebanyak RM500,000.

Selain daripada itu, FINAS pada setiap tahun juga turut menganjurkan Festival Filem Malaysia (FFM) yang bertujuan untuk mengiktiraf karya-karya tempatan yang bermutu dan berkualiti. Karya-karya yang di pertandingan ini akan dinilai oleh juri-juri yang mempunyai kepakaran masing-masing untuk diberikan pengiktirafan selayaknya dalam FFM. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:**

*'Terima kasih daun keladi,  
jawapan Menteri saya puas hati,  
tetapi ada soalan hendak tanya lagi,  
harap dapat jawapan Menteri'.*

Ini bukan pantun saya, rakan sejawat, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini pasti daripada Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** [Ketawa] Ya, betul. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Yang Berhormat Menteri dan kementerian pun sedia maklum bahawa penerbit-penerbit filem tempatan memang sudah terkenal di

antarabangsa. Beberapa buah filem tempatan juga memenangi beberapa award di antarabangsa seperti baru-baru ini *The Kid from Big Apple* juga mendapat beberapa award termasuk penerbitnya.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan tahap penerbit kita yang begitu dikenali, kita tidak dapat dalam program-program atau rancangan RTM terutama televisyen yang melibatkan *variety show* yang kita sudah sedia maklum bahawa selalu kita dapat stesen televisyen ini ia menggunakan *variety show*nya untuk mempromote mungkin dalam bidang pelancongan atau pendidikan atau yang lain-lain? Mengapa saya nampak, saya mengikuti ada menonton program di RTM ini, saya nampak *variety show* kita memang tidak begitu menarik atau ia punya program itu *a bit dull*, dengan izin? Adakah kerana dasar atau syarat-syarat yang kita menyekat penerbit-penerbit tempatan kita tidak dapat memainkan atau dia punya *I will say* dia punya standard terikat kerana syarat-syarat dan dasar? Adakah ini salah satu sebab atau penghalang terbesar untuk mereka menunjukkan program-program yang dapat menarik lebih peminat atau penonton, dari bukan hanya negara kita tetapi di negara-negara yang lain? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Oleh sebab Yang Berhormat Kota Melaka beri pantun, saya cuba buat pantun satu lagi ya.

'Sumber air, sumber asli dari perigi,

saya cuba menjawab soalan tambahan lagi'.

Jadi, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Kota Melaka ialah berkaitan dengan kandungan ataupun *content* filem yang disiarkan di televisyen. Akan tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita lihat secara keseluruhannya, filem-filem yang diminati di Malaysia pada masa kini daripada segi genrenya, kalau kita lihat walaupun Yang Berhormat memaklumkan daripada segi konsep *variety* dan sebagainya, filemnya lebih bercorak kepada filem-filem seram, aksi, cinta dan juga drama. Sebagai contoh, kalau saya boleh kongsi, misalannya sepanjang tempoh lima tahun yang kita lihat sejak kebelakangan ini, filem yang mendapat kutipan yang paling tinggi adalah filem yang bercorak aksi. Kalau kita lihat daripada segi laporan, filem Polis Evo yang pernah disiarkan di dalam televisyen melalui filem Skim Wajib Tayang, ia mengutip lebih kurang dalam RM17.4 juta dengan filem konsep drama *The Journey* misalannya Yang Berhormat, dengan kutipan melalui Skim Wajib Tayang sebanyak RM17.17 juta. Jadi kita tengok tinggi.

■1040

Filem yang baru-baru ini iaitu filem '*Munafik*' misalannya oleh Skop Production mendapat kutipan filem wajib tayang sebanyak RM16.65 juta. Jadi kalau kita lihat secara perbandingan kita dapat simpulkan bahawa *general* filem yang berbentuk aksi, seram, animasi dan drama ataupun percintaan lebih memenuhi cita rasa masyarakat di luar. Akan tetapi walau bagaimanapun penerbitan sesuatu filem, ini perkara penting, tetap bersandarkan kepada corak

penceritaan yang menarik di samping selalunya pelakon-pelakon. Kalau pelakon filem itu menarik yang boleh menarik *eye ball audience* saya rasa filem tersebut dapat dari segi kutipan dan juga dari segi tontonan sama ada di pawagam ataupun di TV. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah dengar tadi filem berkaitan dengan perpaduan ini sebenarnya memang tidak banyak dihasilkan oleh penerbit-penerbit filem. Kalau kita lihat sebelum ini ada filem *Hati Malaya*, selain daripada filem *Ola Bola* ini. Oleh sebab Filem ini seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi antara agenda penting yang kita boleh kaitkan untuk perpaduan. Akan tetapi hari ini kalau kita lihat kebanyakan penerbit-penerbit filem mereka lebih berminat menerbitkan filem-filem berkonsepkan ciri-ciri yang jauh daripada perpaduan. Kalau kita tengok tahun 80-an dan tahun 70-an banyak filem-filem ini menggabungkan pelakon-pelakon Melayu, Cina, India dan sebagainya untuk berlakon dalam satu filem.

Akan tetapi selain daripada filem kebiasaan ini ada filem berkaitan dengan animasi yang telah memberikan contoh berbentuk perpaduan juga yang kita lihat telah mendapat sambutan yang baik. Contohnya seperti *Boboiboy The Movie* dan juga filem *Upin Ipin*.

Jadi saya hendak tanya dengan pihak kementerian, apakah ciri filem yang diminati oleh rakyat Malaysia pada masa kini? Apakah sebenarnya peranan FINAS membantu penerbit-penerbit tempatan di peringkat antarabangsa ini, penerbit-penerbit tempatan yang hendak menerbitkan filem terutamanya bertaraf antarabangsa ini. Bagaimana filem berkonsep animasi ini juga diberikan dana untuk penerbitan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Ada tiga persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Pertamanya dari segi genre filem seperti yang telah saya maklumkan tadi bahawa genre filem terutamanya filem bercorak aksi, seram, animasi dan juga drama terutamanya dari segi konsep percintaan itu memang menarik perhatian. Dari segi peranan FINAS, sebenarnya di bawah kementerian ini terdapat beberapa agensi selain daripada FINAS.

Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat sentuh tentang FINAS, FINAS merupakan salah satu agensi di bawah kementerian ini. Dari segi peranan yang dimainkan seperti yang saya maklumkan tadi walaupun setiap tahun kita anjurkan Festival Filem Malaysia dan ada juga beberapa karya filem tempatan yang telah dibawa ke peringkat antarabangsa. Kalau kita lihat dari segi peranan FINAS ini membantu penerbit tempatan misalnya membawa produk kandungan kreatif Malaysia termasuk produk animasi menyertai pasaran filem antarabangsa seperti WIP Com di Cannes, Hong Kong Film Market, European Film Market di Berlin, di Asia Televisyen Forum di Singapura dan pelbagai persada antarabangsa lagi. Di peringkat antarabangsa misalannya peranan FINAS adalah sebagai fasilitator kepada penerbit filem tempatan untuk membuka ruang dan peluang menembusi pasaran antarabangsa. Jadi itu peranan yang dimainkan oleh pihak FINAS.

Agensi yang kedua di bawah kementerian ini iaitu agensi yang dinamakan MDEC. Kalau kita lihat program yang diterbitkan iaitu siri animasi seperti *Upin Ipin*, *Boboiboy*, *Didi &*

Friends adalah merupakan siri animasi paling popular dan yang dihasilkan oleh misalannya filem Boboiboy dihasilkan oleh Animonsta Studio. Sini kalau kita lihat dari segi bantuan yang telah diberikan melalui dana, kita lihat dari segi kutipannya pun misalannya filem Boboiboy mula ditayangkan pada 3 April 2016. Kutipan setakat ini ialah sejumlah RM16 juta. Mula ditayangkan juga di Indonesia pada 13 April 2016.

Keduanya misalannya filem animasi Upin Ipin. Ini antara salah satu filem juga yang mula-mula yang mendapat dana daripada di bawah kementerian ini yang diterbitkan oleh Les' Copaque Studio iaitu di bawah pembangunan IP dengan rekod lebih RM12 juta "Like" di Facebook. Jadi kalau kita lihat dalam kementerian ini selain daripada FINAS kita juga ada MDEC dan juga SKMM yang sentiasa memberikan penekanan terutamanya kepada program pembangunan animasi tempatan. Jadi di sini adalah hasrat kita untuk merencanakan pelan strategik pembangunan industri kreatif yang bermula daripada tahun 2010. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillahi Rahmaani raihiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sabak Bernam Indah pemandangannya. Soalan saya nombor lima.

5. **Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah kementerian bagi membantu daripada segi pemilikan dan pembaikan rumah bagi penduduk luar bandar khususnya dari golongan yang berpendapatan rendah untuk memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Pantun dia bagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya jawablah pantun itu pagi ini,

*Pokok mangga pokok delima,  
saya jawab soalan nombor lima.*

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sememangnya ada menyediakan bantuan membina baru dan membaik pulih rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR). Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bagi pelaksanaan PBR untuk tahun 2016 sejumlah RM274.8 juta telah diperuntukkan dengan unjuran pelaksanaannya ialah sebanyak 3,055 unit rumah baru yang sedang dan akan diteruskan pembinaannya dan juga sejumlah 8,168 unit rumah untuk dibaiki pulih seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemberian bantuan ini berdasarkan golongan miskin tegar dan miskin. Takrif miskin ini kalau di Semenanjung kawasan luar bandar ialah pendapatan isi rumah RM870 sebulan dan miskin tegar untuk Semenanjung ialah pendapatan isi rumah RM580 sebulan. Manakala berbeza untuk di Sabah dan Sarawak.

Kalau di Sabah dan Labuan untuk miskin RM1,180, manakala miskin tegar pendapatan isi rumah ialah RM760. Untuk Sarawak kawasan luar bandar kalau pendapatan isi rumah RM920 sini sudah dianggap miskin dan juga miskin tegar RM610 sebulan. Untuk makluman Yang Berhormat juga pelaksanaan bantuan ini dibiayai dalam bentuk geran kepada kumpulan sasar seperti yang kita sebutkan tadi miskin dan miskin tegar serta semua penerima bantuan ini sebenarnya tidak perlu membayar balik pembiayaan berkenaan. Maka rumah ini diberikan secara percuma.

PBR ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dahulu dikenali sebagai PPRT. Adalah juga untuk makluman kita mengharapkan melalui pelaksanaan PBR ini taraf hidup kumpulan sasar dapat kita mempertingkatkan melalui penyediaan kediaman-kediaman kepada rakyat-rakyat miskin dan miskin tegar hari ini agar mereka dapat hidup lebih selesa daripada sebelumnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi.

Masalah perumahan ini adalah masalah yang sangat serius di kawasan luar bandar kerana ini adalah merupakan perkara yang asas dan penting. Kalau kerajaan dapat menyelesaikan masalah perumahan dan juga masalah bina baru dan juga pemilikan, saya rasa 60% daripada kehidupan masyarakat di luar bandar ini akan terbela.

#### ■1050

Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kerana kerajaan mengambil perhatian yang sangat serius. Ini kerana kita dapat kalau kita pergi ke kampung-kampung, kita lihat bahawa walaupun boleh dikatakan di Sabak Bernam ini contohnya dan juga di kawasan luar bandar, rata-rata boleh dikatakan 40%-60% adalah rumah mereka cukup usang. Kadang-kadang kita pun merasa sangat kasihan apabila kita melihat bumbung, dinding yang mungkin perlu dibaik pulih. Saya mengharapkan kepada kerajaanlah supaya dapat menambah peruntukan tentang pembinaan baru dan juga pemilikan penambahan rumah itu.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa sejauh manakah kerajaan telah melaksanakan Program Bantuan Rumah (PBR) ini, sama ada ia adalah merupakan gabungan daripada NBOS seperti ada kerjasama di antara bomba penyelamat, angkatan tentera supaya kita dapat membina rumah dengan lebih banyak lagi. Juga cuba kita lihat bahawa kelayakan ataupun syarat untuk membina dan juga membaik pulih rumah ini terlampaui, mungkin terlampaui tinggi. Jadi kita rendahkan supaya ramai rakyat akan mendapat rumah di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam atas soalan tambahan. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita memang bersetuju pertama sekali, soal syarat pemilikan untuk memohon rumah PBR ini. Kalau boleh Yang Berhormat dan rakan-rakan semua Ahli Yang Berhormat boleh mencadangkan untuk masa-masa yang akan datang kepada ICU dalam ucapan

sebagainya agar takrif kemiskinan ini, miskin dan miskin tegar ini kita naikkan jumlah pendapatan isi rumah. Kita faham dengan jumlah pendapatan isi rumah seperti yang saya sebutkan tadi, barangkali sudah sampai masanya untuk kita kaji semula . Ini kerana dengan kos sara hidup yang meningkat dan juga bilangan golongan-golongan miskin ini mungkin akan bertambah daripada semasa ke semasa.

Untuk menyelesaikan masalah rumah ini, sebenarnya kita tidak boleh mengharapkan semata-mata kepada pihak kementerian di bawah KKLW untuk membina rumah PBR atau PPRT ini Tuan Yang di-Pertua, sebab masalah pemilikan rumah mampu milik ini tidak akan ada satu titik noktah. Ia akan sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa kerana kalau cuti sekolah ini, makin ramailah yang kahwin. Apabila kahwin, mesti memerlukan rumah untuk dijadikan tempat tinggal. Kita faham terutamanya Yang Berhormat, bagi kawasan-kawasan luar bandar ini. Apabila kita berjalan ke kampung-kampung, kita melawat kawasan, ada kalangan masyarakat kita yang sudahlah miskin, dalam rumah yang usang tetapi juga terdapat dua ataupun tiga keluarga yang berada dalam satu rumah dan kadang-kadang biliknya hanya ada satu. Maknanya terpaksa tidur di ruang-ruang tamu.

Inilah yang sebenarnya Yang Berhormat, yang menjadi perkara utama dan perkara pokok yang perlu kita lihat dan sudah tentulah ia melibatkan peruntukan. Peruntukan ini kalau boleh kita pun hendak mohon dengan Kementerian Kewangan akan menyalurkan peruntukan yang lebih bagi tujuan PBR kepada rakyat dan masyarakat luar bandar yang miskin ini.

Juga Yang Berhormat, kita mengucapkan terima kasih kepada pihak KPKT dan juga Kementerian Pertahanan sebab di bawah NBOS ini, agensi bomba dan angkatan tentera ini juga memainkan peranan yang penting. Untuk tahun 2015 contohnya saya bagi, 30 unit rumah telah kita bina dengan kerjasama bomba dan juga 52 unit rumah kita bina rumah PBR ini ataupun PPRT ini. Saya lebih suka guna PPRT sebab ramai yang lebih tahu apabila kita sebut PPRT, 52 unit di bawah angkatan tentera.

Juga Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, rumah yang dibina oleh bomba dan angkatan tentera ini pertama daripada segi kualitinya lebih baik dan lebih cantik kerana pada hemat kita daripada segi kos upahnya sudah tidak ada. Kalau kita bina dengan melantik kontraktor G1 ataupun Kelas F ini, mereka sudah tentulah terpaksa mengupah buruh untuk membina rumah tetapi di bawah agensi-agensi ini, anggota bomba dan anggota tentera, kos upah ini mungkin boleh digunakan sepenuhnya untuk tujuan membina rumah tersebut.

Di samping itu juga, kita menyeru pihak-pihak kerajaan negeri, kalau boleh menyediakan tanah untuk kita bina rumah ini secara berkelompok di bawah Program Agropolitan. Selain daripada kita bina rumah berkelompok, kita buat prasarana, infrastrukturnya juga, program penambahan ekonomi juga dapat kita buat di kawasan tersebut. Saya ucap terima kasih pada Yang Berhormat atas keprihatinan tentang pembelaan orang miskin ini dan saya rasa mungkin sekali lagi *insya-Allah* Yang Berhormat akan menang lagi dalam pilihan raya akan datang. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tengok jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi begitu lancar. Maknanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memang sentiasa berada di bawah untuk melihat keadaan situasi semasa. Saya juga tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri juga datangnya daripada kawasan luar bandar, sama macam saya dan Yang Berhormat Sabak Bernam tadi. Soalan saya bila mana kita melihat pada hari ini, saya bercakap atas konteks negeri Kedah dan Baling di kawasan saya. Kita ada *Kedah Development Authority* (KEDA) di bawah kementerian KKLW.

Saya hendak tanya soalan di sini, kenapa sejak kebelakangan ini, sudah hampir dua tahun ini KEDA sudah mula kurang membina rumah-rumah PPRT di kawasan-kawasan Baling contohnya kawasan saya, Kulim dan juga saya nampak Yang Berhormat Jerlun bangun tadi hendak bercakap. Jadi semuanya sama. Kami merasakan kita tidak tahu sama ada mereka kekurangan dana ataupun kaedah yang tidak sesuai, tidak buat. Dia sudah lama sangat, sudah *almost* berhenti sudah saya boleh kata dengan izin.

Akan tetapi saya hendak tanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri bercerita fasal NBOS itu tadi, dengan RISDAnya, dengan KPKT dan juga ada di sini RISDA, FELDA, FELCRA lagi, semua ini di bawah kementerian KKLW. Apakah kita boleh lakukan sesuatu dalam masa yang terdekat ini kerana ini berkaitan dengan geopolitik untuk rakyat. PPRT ini banyak sangat *red tape*. Contohnya kalau hendak buat rumah, kalau hendak buat rumah kawasan itu oleh kerana kawasan sungai, dia kata ini adalah peruntukan kerajaan. Akan tetapi kerajaan negeri boleh bagi TOL. Takkun hendak tunggu hendak TOL baru hendak buat rumah.

Jadi ini semua di antara faktor kekangan *red tape* yang saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri kena turun padang, kena pergi Kedah. Jangan turun pergi Kelantan saja, pergi Kedah juga, datang kawasan kami untuk pusing tengok. Ini isu yang mana tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri minta kepada Kementerian Kewangan duit. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Pekan, Menteri Kewangan, bagilah duit lebih sedikit dana untuk KKLW untuk memastikan kita dapat melaksanakan, merealisasikan hasrat Yang Amat Berhormat Pekan mendengar denyutan rakyat khususnya di kawasan luar bandar yang menjadi *fixed deposit* untuk kerajaan Barisan Nasional.

Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk lebih prihatin dan turun ke bawah dan boleh maklumkan kepada Dewan yang mulia ini apakah tindakan susulan. Soalan saya, kenapa KEDA tidak membina rumah-rumah di kawasan luar bandar lagi dan guna pakai NBOS, apakah strategi Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian KKLW. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baling, yang sememangnya kita tahu Yang Berhormat Baling ini sentiasa turun ke bawah. Cuma waktu-waktu tertentu saja dia berada di atas. Waktu banjir kita tahu dia merata ceruk kampung, kawasan saya pun dia pergi. Saya rasa terhutang sebab saya

tidak sampai lagi kawasan Baling. Lalu ada, singgah tidak. Akan tetapi *insya-Allah* kita akan sampai ke kawasan Baling. Ini janji saya Yang Berhormat.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat kerana tadi dalam soalan tambahan tadi menyeru pihak Kementerian Kewangan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar memberi peruntukan tambahan bagi tujuan pembinaan rumah-rumah untuk rakyat miskin ini. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam keputusan terbaru kita di peringkat kementerian, agensi-agensi wilayah ini macam KEDA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA, kita telah memutuskan bahwasanya kita memberi satu tanggungjawab juga kepada mereka untuk membina rumah-rumah mampu milik pada kadar harga ataupun harganya yang paling rendah berbanding dengan syarikat-syarikat pemaju perumahan. Ini kerana kita bukan hendak untung, kita hendak bela rakyat dan kita hendak bagi kemudahan kepada rakyat.

#### ■1100

Sekiranya – saya tidak berapa pasti di kawasan Baling sebelum pada ini. Adakah KEDA sebelum ini sebab Yang Berhormat sebut sebelum ini KEDA ada terlibat, sekarang ini sudah kurang sangat? Sebelum ini sudah terlibat atau belum di kawasan Baling, saya akan buat semakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudah kurang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Sudah? Kurang sekarang ini. *Insya-Allah*, untuk tahun 2017 ini seperti yang saya maklum Tuan Yang di-Pertua, kita minta agensi-agensi kita semua sekali terlibat termasuklah agensi seperti disebut oleh Yang Berhormat, RISDA dan juga FELCRA akan membina Rumah Bina Negara, Rumah Barisan Nasional, Yang Berhormat. FELCRA 2,000 unit, RISDA 2,000 unit. FECLRA sudah dalam pembinaan, RISDA pun akan memulakan pembinaannya pada pertengahan tahun ini bulan Jun. *Insya-Allah* kita rasa walaupun dalam keadaan suasana kekangan kewangan, kita sentiasa mencari jalan sebagaimana urusan utama KKLW ialah membela rakyat yang miskin agar kawasan-kawasan luar bandar ini kekal menjadi *fixed deposit* kepada kita, yang makna rakyat ini sentiasa membalias budi kerajaan daripada dahulu lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu berkaitan dengan perumahan ini memang saya rasa sangat penting kerana kalau kita tengok hadis Nabi SAW dia mengajar berdoa antaranya, *[Membaca sepotong Hadis]* “*Dan lapangkanlah untuk saya, kediaman saya*”.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bersedia untuk menyediakan satu dasar perumahan yang baru? Ini kerana apa yang ada hari ini kita tengok rumah yang dibuat masih lagi bersifat sempit, tiga buah bilik. Saya ambil pengalaman ketika saya budak-budak dulu. Apabila kerajaan negeri popularkan projek rumah murah yang mana mereka buka kawasan baru, dibuka tanah satu ekar dibahagi lapan lot dibuat rumah yang tidak besar tetapi memberi ruang untuk kita perbesarkan kemudiannya apabila kita kemampuan kewangan. Hari ini rumah sudah sempit, hendak besar tidak ada ruang untuk dibesarkan.

Jadi semasa kita menyediakan satu dasar perumahan baru yang ambil konsep Islam iaitu “*Lapangkan padaku, pada kediamanku*”. Adakah kerajaan, kementerian bersedia untuk menyediakan satu dasar perumahan yang baru yang diikuti oleh semua di peringkat kementerian dan juga di peringkat kerajaan negeri dan bincangkan kerajaan negeri untuk melancarkan projek pemberian lot-lot tanah untuk rakyat. Ini kerana itu bagi saya lebih baik daripada kita hanya buat rumah yang sempit sedangkan mereka perlukan rumah yang lapang dan dapat dibesarkan kemudian. Ini kerana anak-anak makin ramai, makin besar dan selalunya orang miskin ini anak ramai dibandingkan orang kaya ini, saya tengok macam itulah. Jadi tidak cukup tiga buah bilik rumah ini. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju sangatlah, amat-amat bersetuju. Akan tetapi soal orang miskin anak ramai, orang kaya anak tidak ramai itu saya tidak boleh bagi kepastian. Oleh sebab saya rasa soal ini Tuan Yang di-Pertua boleh jawablah. Soal anak ramai sikit ini pertama sekali atas ketentuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, anak saya sembilan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Atas ketentuan daripada Allah SWT. Keduanya, sudah tentulah setiap perkara yang datang ini kita kena berusaha atas kerajinan. Saya tidak tahu sejauh mana kerajinan Yang Berhormat dalam soal ini. Saya nampak daripada raut wajah itu, nampak macam orang rajin. Jadi saya ucap terima kasih banyak-banyak atas cadangan yang memang baik sekali.

Kita dapat bayangkan seperti yang saya sebut dahulu Tuan Yang di-Pertua, kita melawat kawasan kampung di kawasan kita luar bandar terutamanya. Dalam sebuah rumah yang usang, ada tiga keluarga. Rumah usang cuma ada sebilik. Kita bayangkan bagaimana mereka tinggal. Inilah yang menjadi perkara utama yang juga dibincangkan di peringkat kementerian sekarang ini. Yang Berhormat ini seolah-olah tahu apa yang kerajaan buat. Saya rasa kalau pindah duduk di sebelah sini pun lagi baiklah kalau macam ini. *[Ketawa]* Seolah-olah dapat macam menghidu, menjiwai kerajaan dan atas konsep yang saya sebut *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Makna kita kena bersyukur nikmat-nikmat yang Allah SWT, mesti disahut oleh kerajaan.

Oleh sebab dapat anak ini nikmat itu, rezeki yang datang, maka kerajaan mesti bertanggungjawab terhadap nikmat yang telah diberikan. Akan tetapi kita kena mengubah nasib kita sendiri. Kalau kita tidak mengubah nasib kita, siapa yang hendak mengubah? *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kalau orang Malaysia, orang Malaysia kena ubah nasib. Orang luar tidak akan ubah nasib kita. Maka tidak perlulah kadang-kadang sesetengah perkara ini kita hendak campur ambil daripada pandangan sebelah luar, cukuplah orang dalam negara kita bijaksana semua macam Yang Berhormat, sebelah sana sebelah sini. Semuanya bijaksana boleh memberi pandangan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

*Insya-Allah* kita akan mencadangkan juga kepada ICU supaya kos nilai ini daripada RM40,000 di Semenanjung, RM50,000 di Sabah dan Sarawak ini dapat dinaikkan. Apabila dapat dinaikkan maka dengan sendirinya keluasan rumah tersebut dapat kita perbesarkan seperti kemudahan-kemudahan lain yang dalam rumah. Bukan soal bilik sahaja besar tetapi juga kawasan dapurnya besar, mungkin tandasnya lebih selesa dan juga perkarangan rumah juga dapat kita sediakan supaya persekitarannya lebih kondusif. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kalau semua sebelah sana macam Yang Berhormat ini, aman damailah kerajaan ini. Terima kasih.

6. **Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan rumusan penemuan audit dalaman penggunaan dana kerajaan oleh Yayasan NAAM dan bila audit ini akan dipaparkan kepada orang ramai.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rumusan penemuan audit menyatakan bahawa secara keseluruhannya bantuan kewangan yang disalurkan telah digunakan untuk tujuan ia disalurkan dan boleh membantu golongan belia India dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Bagaimanapun masih terdapat beberapa perkara dalam pengurusan dan rekod kewangan yang perlu penambahbaikan mengikut program yang diluluskan oleh EPU dan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) sebagai panduan serta mengadakan perjanjian surat akur janji antara Yayasan NAAM dan penyelaras program bagi memastikan kepentingan yayasan terjamin.

Laporan oleh kementerian ini tidak dicadangkan untuk dipaparkan kepada orang ramai tetapi boleh dirujuk di Pejabat Yayasan NAAM. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, audit dalaman adalah untuk kegunaan dalaman tetapi sebagai sebuah agensi ataupun yayasan berdaftar dengan SSM setiap laporan audit akan difaillkan di SSM. Yang Berhormat bolehlah dapatkan daripada SSM. Tidak ada masalah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mencatatkan ketidakpuasan hati saya terhadap peranan Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab kerana ini adalah merupakan satu *conflict of interest*. Ini kerana beliau adalah Pengerusi kepada Yayasan NAAM dan pada masa yang sama beliau juga jawab soalan yang berkenaan dengan Yayasan NAAM. Saya rasa lebih sesuai untuk Yang Berhormat Menteri sendiri jawab soalan ini supaya boleh mengelakkan *conflict of interest*. Akan tetapi tidak mengapa, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas usaha beliau untuk memberi saya akses kepada sebahagian daripada dokumen yang berkenaan dengan Yayasan NAAM selepas saya mengeluarkan kenyataan media.

Akan tetapi selepas saya mengeluarkan kenyataan media, saya hendak memberitahu Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, saya menerima banyak aduan terhadap beberapa buah syarikat yang telah diberikan kontrak untuk memberi *training* sejumlah RM19 juta ini. Termasuk sebuah syarikat yang ada nama sebagai Silver Line Sendirian Berhad di mana RM8.5 juta telah diberikan kepada syarikat ini. Aduan ini kata pemegang ataupun direktur

syarikat ini ada kaitan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini adalah aduan yang saya terima. Saya tidak hendak cakap sama ada ini betul atau tidak. Pada masa sama Silver Line Sdn Bhd ini juga tidak ada pengalaman *training* dari segi *agriculture*. Jadi saya hendak tanya, mengapakah tidak mendedahkan laporan ini kepada orang awam?

■1110

Pada masa yang sama, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga selaku Pengerusi NAAM sedia untuk memberi semua butir tentang semua syarikat yang telah mendapatkan kontrak daripada Yayasan NAAM untuk membuat *training* supaya kita semua boleh *check*, kita boleh semak sama ada syarikat-syarikat ini memang ada pengalaman dalam bidang *agriculture*, dalam bidang pertanian untuk *train* belia-belia yang telah dibantu oleh Yayasan NAAM?

Juga, saya telah minta daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Pengerusi NAAM, bolehkah memberikan satu senarai semua orang yang telah melalui latihan ini dan sekarang berapa orang yang telah menghasilkan cili? Berikan senarai supaya kalau saya hendak *check*, kalau Yang Berhormat di kawasan yang terlibat hendak *check*, mereka boleh check sama ada program ini memang ada hasil yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Dari segi saya sebagai Pengerusi Yayasan NAAM dan juga Timbalan Menteri menjawab soalan ini, adalah amat patut di mana saya mengambil tanggungjawab sebagai Pengerusi untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Yang kedua, aduan ataupun fitnah yang telah diterima oleh Yang Berhormat menyatakan ada salah satu syarikat dapat RM8.5 juta kontrak, sama sekali tidak benar.

Yang ketiga, syarikat-syarikat ini bukanlah terima kontrak. Mereka telah membantu Yayasan NAAM untuk melaksanakan program. Menerima kontrak dan membantu Yayasan NAAM untuk melaksanakan program-program latihan kemahiran adalah jauh berbeza, di antara dua darjah. Maka Yang Berhormat, Yayasan NAAM telah menggunakan syarikat-syarikat yang berpengalaman yang memberi bantuan kepada masyarakat India dan juga memberi caj ataupun harga yang berpatutan untuk menjalankan, melaksanakan program telah dipilih secara tender terbuka mengikut SOP Yayasan NAAM.

Yang seterusnya, setakat hari ini..

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Beri namalah, beri nama syarikat

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tak ada masalahnya Yang Berhormat, sebagai satu Yayasan yang berdaftar dengan SSM atau *Companies Act*, segala maklumat telah pun difailkan dengan SSM. Setiap audit *report* luar difailkan kepada SSM yang telah menjadi *public document*. Tak ada masalah, bila-bila boleh Yang Berhormat *check*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya telah *check* SSM, tak ada syarikat-syarikat yang disenaraikan yang diberi kontrak dalam SSM, saya telah *check*. Saya boleh beri bukti. *[Dewan riuh]*

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Okey, okey, tak ada masalah, tak masalah Yang Berhormat, *nothing to hide.*

Okey, yang pertama, Syarikat Beyond Petroleum yang telah melatih 30 orang belia dalam bidang *oil and gas*.

Yang kedua, Alahir Electrical Consultancy yang telah membinakan kemahiran kepada 300 orang belia dalam bidang mekatronik.

Yang ketiga, Riverbank Academy yang telah membantu 1,000 orang belia dalam bidang CCTV, *mobile phone repair, computer repair* dan sebagainya.

Yang keempat, Tune Skill Vocational yang telah memberi latihan kepada 25 orang belia dalam bidang automatik.

Yang kelima, MySkills Foundation telah membantu 50 orang belia dalam bidang *wiring, mekatronik* dan *corporate secretary services*.

Yang keenam, Yayasan Rakyat Sejahtera Malaysia telah membantu 1,000 wanita dalam bidang kosmetik, *flower arrangement, tailoring, manicure, pedicure* dan sebagainya.

Yang ketujuh, Aberdeen Asset yang telah menggunakan pakar daripada luar negara dalam bidang pertanian, memberi latihan kepada 170 orang belia.

Yang kelapan, Silver Line Consultancy telah memberi latihan kepada 200 orang belia dalam bidang agro dengan membekalkan material-material untuk memulakan projek perintis.

Dan yang kesembilan, Risk Regency Institute of Learning Sdn Bhd telah melatih 1,000 orang belia dengan *good agriculture practise*.

Keseluruhannya Yayasan NAAM telah memberi latihan kepada 3,735 orang belia dalam masa setahun, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita ketahui, pengangguran di kalangan belia cukup tinggi termasuklah di kalangan siswazah. Sebenarnya kita mempunyai kawasan industri di kawasan bandar-bandar kecil yang mampu menyediakan peluang perniagaan dan pengurusan IKS.

Jadi soalan tambahan saya, apakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk memperuntukkan lebih banyak dana untuk belia dalam usaha membuka peluang perniagaan dan pekerjaan dan juga dalam perusahaan IKS? Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus dikaji secara mendalam. Kita lihat kerajaan yang sedia ada hari ini telah dan sedang membantu golongan belia untuk memastikan mereka tidak tercincir daripada arus pembangunan. Dalam masa empat tahun akan datang, negara ini akan menjadi negara berpendapatan tinggi, *high income nation*, dengan izin. Akan tetapi, walaupun kita telah membekalkan pelbagai bantuan melalui pelbagai agensi kerajaan, kita masih menghadapi masalah yang besar khususnya di golongan B40. Apabila Kementerian Belia dan Sukan telah mengkaji perkara ini, kita mendapati sebahagian besar daripada golongan belia tidak dapat meneruskan peluang-peluang pekerjaan ataupun bermiaga di negara ini kerana mereka kekurangan kemahiran di kalangan mereka.

Hari ini kita lihat sebelum ini golongan ini masih dapat peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Apabila seorang murid ataupun belia telah tercicir daripada bidang pendidikan sama ada dia *drop out* Tingkatan Tiga atau Darjah Enam, sebelum ini mereka masih dapat peluang bekerja di negara. Akan tetapi baru-baru ini kita lihat dalam 10 tahun atau 20 tahun yang lalu, semua peluang ini telah diambil alih oleh pekerja asing. Kita lihat di semua sektor—perkilangan, pembangunan, pembinaan, kedai-kedai makanan—semua ini telah diambil alih oleh pekerja asing. Maka golongan yang tercicir ini tidak dapat peluang lagi bekerja dalam sektor-sektor ini di mana sebelum ini mereka telah berjaya dalam bidang ini.

Maka Kementerian Belia dan Sukan, agensi-agensi lain seperti Kementerian Pertanian di bawah Agropreneur Muda, Kementerian Sumber Manusia dan pelbagai agensi membekalkan latihan-latihan kemahiran kepada golongan belia ini supaya mereka masih relevan dalam pembangunan negara dan melahirkan modal insan yang amat berguna kepada negara. Terima kasih.

**7. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dari Simpang Ukong ke daerah kecil Nanga Medamit untuk membantu sekolah-sekolah, pejabat-pejabat dan pekan baru di sana yang dianggarkan berjumlah RM22.50 juta yang telah diluluskan di bawah RMKe-11.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]**: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab soalan nombor tujuh.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk memberi kemudahan infrastruktur asas termasuk bekalan elektrik, bekalan air dan pembinaan jalan kepada semua penduduk di kawasan luar bandar seluruh negara. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha berterusan dan menjadi keutamaan kerajaan.

Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek bekalan air luar bandar dari Simpang Ukong ke Pekan Kecil Nanga Mendamit dan telah menyelaraskannya dengan senarai cadangan pelaksanaan projek bekalan air luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian bercadang untuk memulakan kerja awalan bagi projek ini pada tahun 2017 dalam RP2 tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]**: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan.

Saya kata orang terus terang sikitlah Timbalan Menteri ya sebab Timbalan Menteri dari Sarawak. Saya memang terkilan sedikitlah dengan perancangan ini sebab tempat yang dipohon ini adalah sebuah pekan kecil, cukup dengan sekolah menengahnya, sekolah rendahnya, klinik, gereja-gereja, perkampungan, pekan baru dan penduduk di sana pun dalam 1,000 ke 2,000 oranglah dan penyokong tegar Barisan Nasional.

Saya tak nafikan mungkin terlepas pandang, sebab tempat lain dapat. Di kawasan saya tempat lain dapat, luar bandar sahaja. Saya bukan kata tak ada, memang banyak pun. Boleh kata sekarang 70 ke 80 peratus sudah dapat dah tetapi yang satu pekan kecil ini, macam mana boleh terlepas pandang? Sebab, permohonan saya ini dari penggal lepas. Belum lama ini. Timbalan Menteri Kesihatan pun ada pergi sana tengok. Dia pun tertanya-tanya, “*Eh, macam mana boleh terlepas pandang?*” [Disampuk] Diamlah. [Ketawa] Macam mana boleh terlepas pandang tempat ini sebab jalan raya elok, semua elok tetapi bekalan itu sahaja separuh jalan.

Jadi saya kalau boleh mintalah kepada kerajaan supaya dibuat dalam seawalnya sebab belum lama ini pun saya dapat dah peruntukan sebanyak RM5 juta dan akan bermula dalam bulan Jun ini RM5 juta daripada kerajaan negeri untuk tanam paip sahaja, *halfway*.

▪ 1120

Akan tetapi saya rasa RM5 juta itu tidak boleh sampai, ke Pekan Medamit itu dalam 15 kilometer sahaja lagi. Jadi saya berharap bakinya itu saya boleh diskualah daripada 22 bagi 15 pun cukup. RM5 juta sudah ada dan saya yakin *insya-Allah* tempat itu klinik kesihatan boleh. Masa ini mereka ada bekalan air tetapi daripada gunung dan elok tetapi masalah bila sekarang ini El-Nino. El-Nino, musim kemarau. Ini masalahnya.

Jadi saya sarankanlah, saya minta kepada kerajaan supaya melihat kepada perkara ini. Kalau boleh tidak payahlah tunggu 2017 sebab yang diminta ini pun bukannya RM50 juta, bukannya ratus-ratus juta hanyalah RM15 juta sahaja kalau boleh. Itu saya minta kepada pihak Yang Berhormat Menteri, mungkin bawa benda ini kepada EPU supaya *think about it*. RM15 juta sahaja, tidak banyak. Itu permohonan saya. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah mengakui bahawa kawasan Yang Berhormat Limbang sudah mendapat banyak projek infrastruktur seperti mana yang telah diakui oleh Yang Berhormat sendiri. Ini kerana negara kita besar dan negeri Sarawak sendiri pun besar dan keperluan untuk kita hendak membangunkan dan membekalkan projek-projek sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Limbang tadi juga diperlukan di kawasan-kawasan lain. Oleh sebab itulah kita merancang supaya tidak ada kawasan ketinggalan. Kalaulah belum lengkap di kawasan Limbang, itu hakikatnya. Di mana-mana pun kawasan belum lengkap dalam kemudahan infrastruktur asas seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita ambil maklum akan apa yang telah disarankan ataupun diminta oleh Yang Berhormat Limbang peruntukan untuk kita membangunkan projek ini. Itu jawapannya. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan kajian semula penambahbaikan berkenan dengan syarat-syarat kelayakan kesatuan.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kuala Langat. Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya nampak amat-amat ceria. Ini sepatutnya keadaan Dewan Rakyat yang

mulia ini. Ramai yang berpantun, jadi *for the first time*, izinkan saya juga berpantun. [Tepuk] Pantun saya berbunyi begini.

*Buah langsat sedap dimakan;*

*Senang didapati di Pekan Serian;*

*Kuala Langat menanya soalan nombor lapan;*

*Biarlah MOHR saya sendiri memberi jawapan.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) sedang dalam proses meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 261] dan Peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959 secara holistik, sesuai dengan perkembangan semasa dan selaras dengan kehendak *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) serta lain-lain yang berkaitan.

Cadangan pindaan akan turut meliputi penambahbaikan berkenaan dengan syarat-syarat kelayakan kesatuan. Draf pindaan Akta 262 ini akan dibincangkan bersama *stakeholders* dalam sesi libat urus atau *engagement* yang melibatkan kesatuan sekerja dan majikan bagi mendapatkan pandangan serta cadangan ke atas penambahbaikan akta ini. Draf pindaan ini juga akan dipaparkan di dalam laman sesawang (*website*) JHEKS bagi mendapatkan maklum balas daripada semua pihak. Maklum balas yang diterima akan diteliti secara terperinci sebelum dibentangkan di Parlimen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Atas maklumat yang kita terima, beberapa perkara yang akan dilakukan terutama sekali tentang Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang diramalkan banyak pindaan yang akan dibuat untuk membolehkan berseiring dengan TPPA dan juga aplikasi kepada persoalan masalah sekarang seperti mana yang berlaku di *Westport*. Enam tahun mereka mohon pengiktirafan tetapi mereka tidak mendapat majoriti sebab pengurus besar pun masuk dalam borang B, pegawai pun masuk dalam borang B, lembaga pengarah pun masuk dalam borang B.

Jadi persoalan saya ialah apakah langkah kerajaan ketika ini dalam dua tahun ini, ketika waktu ini yang boleh dimainperanankan supaya pengiktirafan yang dibuat oleh *Westport* itu dalam kriteria mekanisme kelayakan itu tidak boleh berlaku kesilapan berkali-kali. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk mengenal pasti pengiktirafan itu mengikut daripada mekanisme yang ada untuk mengetepikan mereka yang tidak layak itu dalam kumpulan kelayakan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana semua sedia maklum, dalam kita meluluskan penubuhan kesatuan sekerja, *I used the words* atau *in sort* perkataan ETOI. Apakah ETOI itu? ETOI bermaksud kesatuan sekerja boleh didirikan dalam satu organisasi atau dalam satu majikan. Ini bererti ETOI ini, 'E' adalah *Establishment*. Kedua, 'T' ialah *Trade*. Ketiga, 'O' untuk *Occupation* dan keempat untuk *Industry*. Jadi ini bererti Tuan Yang di-Pertua, dalam menubuhkan sesuatu kesatuan sekerja, kriteria-kriteria ini hendaklah diguna pakai dalam mana kita tidak boleh menubuhkan lebih dari

satu kesatuan sekerja dalam satu syarikat. Oleh yang demikian, perkataan seperti mana yang saya sebut tadi iaitu ETOI adalah harus menjadi pegangan kepada kita. Sekian, terima kasih.

**9. Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apa masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian kenapa projek Klinik Kesihatan Daerah Lubok Antu yang telah diluluskan dalam Bajet 2015 tiada sebarang tandatanda ia akan dibina.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk William. Soalan ini adalah berkenaan dengan perkara yang spesifik juga iaitu berkenaan dengan Klinik Kesihatan Lubok Antu. Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan klinik kesihatan jenis empat dengan kuarters Lubok Antu, Sri Aman telah diluluskan dalam Rolling Plan Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan kos anggaran sebanyak RM35 juta. Projek ini dilaksanakan oleh JKR Sarawak sebagai agensi pelaksana dan kerja-kerja *survey topography* telah disiapkan dan pelantikan khidmat perunding sedang dijalankan oleh JKR Sarawak untuk membantu dalam melaksanakan projek dan dijangka iklan tender akan dikeluarkan pada bulan Ogos tahun ini Tuan Yang di-Pertua. Projek ini setakat ini dia adalah mengikut jadual Tuan Yang di-Pertua.

■1130

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan menteri. Kelulusan projek ini telah diumumkan Bajet 2015 oleh Perdana Menteri. Jadi rakyat Lubok Antu tertanya-tanya kenapa projek ini belum lagi dimulakan? Saya rasa dengan jawapan menteri saya berterima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada soalan Yang Berhormat.

**10. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kadar pampasan untuk tanaman dan tanah yang terjejas semasa menjalankan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Highway. Apakah asas penilaian untuk tanah yang terlibat.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sarikei atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kos pengambilan balik tanah termasuk kos menyelesaikan halangan di atas tanah bagi keseluruhan jajaran Lebuh raya Pan Borneo Sabah ialah dianggarkan sebanyak RM2 bilion. Manakala untuk Lebuh raya Pan Borneo Sarawak pula ialah sebanyak RM800 juta. Kos ini akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, proses pengambilan tanah dan kadar penilaian pampasan kepada pemilik tanah yang terlibat akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak menerusi

agensi jabatan tanah negeri masing-masing iaitu Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.

Pengambilan tanah termasuk nilai pampasan dibuat berdasarkan kepada peruntukan dalam perundangan tanah sedia ada iaitu Ordinan Tanah Sabah 1930 bagi negeri Sabah dan Kanun Tanah Sarawak 1958 bagi negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pemilik-pemilik tanah yang mempunyai dokumen hak milik tanah. Mereka akan menerima pampasan berdasarkan kepada penilaian harga pasaran harta tanah semasa. Manakala bagi penduduk yang mempunyai hak milik tanah berdasarkan Hak Tanah Adat atau NCR, nilai bayaran pampasan tanah termasuk pampasan untuk struktur bangunan dan tanaman-tanaman terlibat juga dibuat mengikut harga penilaian semasa yang ditentukan oleh agensi Jabatan Tanah Negeri.

Di samping itu, kerajaan negeri juga bersetuju mempertimbangkan pembayaran ehsan atau *ex gratia* dengan izin ke atas tuntutan untuk rumah-rumah setinggan dan juga tanaman yang didirikan ditanam secara tidak sah atas tanah hak milik kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menerima surat pada pagi ini daripada Setiausaha Dewan di mana ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Peraturan Mesyuarat 23(1)(c) di mana Tuan Yang di-Pertua telah mengarahkan untuk menolak satu soalan saya kepada Menteri Kewangan yang meminta mengikut Laporan PAC. Soalan ini telah mengesahkan bahawa Sukuk IMTM bernilai RM5 bilion telah disalahgunakan oleh pihak pengurusan 1MDB dan PetroSaudi.

Apakah langkah-langkah preventif atau *punishment* yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai *custodian* Sukuk tersebut. (b) Sukuk tersebut telah melanggar Akta Perusahaan di mana semua perusahaan harus mendapat persetujuan pemegang saham.

Dalam PAC Report telah mengidentifikasi bahawa Perdana Menteri telah bertindak di luar kuasa beliau dengan menyuruh CEO iaitu Shahrol Helmi untuk mengendahkan arahan pemegang saham. Ini adalah pecah amanah. Soalan saya, adakah Menteri Kewangan

membuat laporan kepada pihak polis dan Peguam Negara dan apakah tindakan ke atas kesalahan ini?

Jadi penolakan saya ini atas alasan kononnya ini merupakan sangkaan dan tohmahan. Saya ingin sebut kepada Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ada sangkaan atau pun tohmahan. Soalan saya berasaskan kepada Laporan PAC. Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa ini merupakan satu sangkaan dan tohmahan seperti mana yang disyaratkan dalam soalan ini. Ini bermakna bahawa Tuan Yang di-Pertua juga menganggap bahawa Laporan PAC itu satu sangkaan dan tohmahan yang tidak berasas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini bermakna bahawa kita kena 'lempar' buang buku PAC itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat. Saya sudah faham Yang Berhormat. Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, saya hendak mintalah penjelasan yang munasabah. Soalan saya tidak ada sangkaan dan tohmahan kepada Perdana Menteri. Saya hanya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sepatutnya Menteri Kewangan harus menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena pun sudah beritahu bahawa Yang Berhormat Pokok Sena telah menerima jawapan dari Pejabat Tuan Yang di-Pertua dan telah menyatakan bahawa sebab-sebab penolakan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Muktamad bermakna bahawa Tuan Yang di-Pertua setuju Laporan PAC adalah sangkaan dan tohmahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat kena rujuk kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Jangan buat andaian begitu Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu yang saya bawa. Satu lagi Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat hendak balik awal Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Satu lagi Peraturan Mesyuarat berkaitan 27(3). Saya telah mengemukakan satu usul di bawah perkara Peraturan Mesyuarat 27(3) bagi merujuk Yang Berhormat Rompin kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

Dewan yang di atas mengambil maklum bahawa telah mengubah Laporan Jawatankuasa PAC tanpa persetujuan PAC. Dua kali saya hantar usul tersebut satu pada 11 hari bulan dan kemudian disusuli pada 17 ataupun 18 hari bulan.

Jadi sehingga sekarang saya belum mendapat apa-apa penjelasan sama ada usul saya tidak cukup syarat dan sebagainya. Jadi, saya minta kenapa usul ini tidak boleh dikemukakan kepada Dewan dan isunya kenapa tidak ada penjelasan kepada saya usul itu diterima ataupun ditolak ataupun apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Dalam pengetahuan saya, Tuan Yang di-Pertua sedang meneliti sehalus-halusnya. Yang Berhormat sila sabar Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betul, hari ini hari akhir sidang. Jadi tak kan saya kena tunggu sidang bulan 10?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, hari akhir sidang bukan bermakna kita hari terakhir persidangan kita Yang Berhormat. Ada lagi persidangan akan datang dalam Mesyuarat yang ketiga Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kecuali Tuan Yang di-Pertua boleh panggil satu sidang khas untuk saya bawa usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Setiausaha.

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG HAK MILIK STRATA (PINDAAN) 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[25 Mei 2016]**.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Tanjong untuk menyambung perbahasan.

**11.38 pg.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang bagi saya menyambung semula perbahasan ke atas Rang Undang-undang Hak Milik Strata

(Pindaan) 2016. Sebelum saya meneruskan apa yang saya belum habis semalam, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri terhadap Fasal 31. Di mana Fasal 31 adalah berbunyi sebelum bermula kuat kuasanya bahagian 4A, apabila bukti pembayaran caruman oleh pemilik petak kepada MC atau mana-mana pihak lain yang diberi kuasa oleh pentadbir tanah dikemukakan kepada pendaftar. Bukti itu hendaklah memadai bagi maksud seksyen 301A Kanun Tanah Negara yang mana urus niaga petak adalah berkaitan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

Ini adalah bersangkutan dengan cukai petak yang akan dilaksanakan. Biasanya cukai tanah akan dibayar oleh MC walaupun bukan semua pemilik petak yang telah membuat bayaran. Resit cukai tanah itu akan dipegang oleh MC. Jikalau sesiapa ingin membuat pindah milik atau hendak buat urus niaga *sub sale*, maka mereka perlu mendapatkan salinan resit cukai tanah itu daripada MC. MC akan memastikan bahawa semua tunggakan, servis caj, cukai tanah, insurans dan bayaran-bayaran yang lain semua dapat dijelaskan dan termasuk bayar tiga bulan ke depan sebelum resit cukai tanah itu dapat diberikan.

Jadi jikalau dengan adanya cukai petak ini, adakah dengan resit cukai petak yang dibayar oleh pemilik sendiri sudah memadai untuk memastikan urus niaga petak tersebut boleh dijalankan? Macam mana dengan tunggakan yang lama? Adakah sebarang mekanisme untuk memastikan sebarang tunggakan yang lama boleh dijelaskan sebelum MC dapat memberi sebarang pengesahan kepada PTG, kepada pejabat tanah untuk pindah milik atau urus niaga *sub sale* yang seterusnya.

#### ■1140

Saya ingin balik kepada isu subsidiari MC. Seksyen 17A ada mengizinkan kewujudan perbadanan pengurusan subsidiari. Akan tetapi sehingga hari ini belum ada suatu mekanisme yang lengkap dan terperinci bagi menangani permohonan sedemikian, banyak juru ukur tanah berlesen juga menyatakan masalah sedemikian. Macam mana pelan khas disediakan, berapakah fi yang dikenakan, apakah yang dikehendaki di bawah sesuatu *checklist* dan sebagainya. Tiada satu garis panduan yang lengkap dan di negeri-negeri tertentu mungkin daripada segi *guidelines* tertentu pun belum disiapkan dan yang paling menggerunkan adalah fi profesional yang akan dicajkan oleh juru ukur tanah berlesen.

Saya pernah rujuk satu kes di Pulau Pinang kepada seorang juru ukur tanah berlesen untuk mendapatkan sebut harga bagi khidmatnya untuk penubuhan tiga MC subsidiari. Di bawah payung satu MC dan sebut harga yang diberikan adalah mencecah RM90 ribu, di mana ini merangkumi RM54 ribu bagi *survey* ke atas semua harta tanah umum dalam semua bangunan dan RM28 ribu bagi *survey* ke atas semua harta tanah umum di luar bangunan yang dihitung mengikut RM2 setiap meter persegi.

Mengapa perlu fi-fi survey bagi hartanah umum dalam dan di luar bangunan tersebut dikenakan kali kedua kerana bayaran yang sama telah dikenakan semasa permohonan hak milik strata. Jikalau tiada pindaan yang dilakukan ke atas jadual ketiga belas yang terkandung di bawah Peraturan-peraturan Juru Ukur Tanah Berlesen 2011 bagi mengurangkan atau mengehadkan caj-caj yang boleh dikenakan. Banyak projek yang bermasalah akan terus bermasalah dan akan terus berlarutan jikalau tiada subsidiari MC yang dapat ditubuhkan dengan segeranya.

Saya pernah membantu satu projek yang dikenali sebagai Desa Emas di Pulau Pinang untuk menubuhkan perbadanan pengurusan subsidiari tetapi hasilnya tidak memuaskan. Hanya lebih kurang 30% pemilik yang bersetuju supaya subsidiari MC ditubuhkan. Jadi, ini merupakan satu masalah daripada segi penglibatan atau penyertaan pemilik petak untuk membuat undi ke atas resolusi komprehensif kerana mengikut Akta Pengurusan Strata 2013, *comprehensive resolution* yang perlu dikemukakan dalam satu AGM atau EGM hanya boleh diputuskan selepas itu dalam tempoh 60 hari selepas AGM atau EGM diadakan. Ia tidak boleh diputuskan atau tidak boleh dimulakan pengundian dalam AGM atau EGM tersebut.

Jadi, apabila lepas AGM atau EGM tersebut, mungkin banyak pemilik yang tidak begitu berminat atau mereka tidak sudi untuk menyertai pengundian tersebut. Jadi, adakah ini boleh digubal supaya *comprehensive resolution* itu boleh diputuskan, di mana proses pengundian itu boleh dimulakan daripada masa AGM atau EGM diadakan. Lagi satu, *comprehensive resolution* membenarkan mereka yang ada tunggakan juga boleh mengundi. Memang menjadi satu masalah kerana jikalau mereka yang tidak aktif, mereka akan terus tidak aktif dan mereka tidak begitu berminat untuk melibatkan diri di dalam sebarang pengundian dan yang sudah meninggal, tidak menghuni dalam projek tersebut, mereka tidak sudi untuk hadir untuk membuang undi.

Jadi, saya ingin bertanyakan sejak pelaksanaan Akta Pengurusan Strata 2013 yang membenarkan pengsubsidiari MC ditubuhkan, berapakah subsidiari MC telah ditubuhkan sehingga hari ini? Mengikut akta, proses pengundian perlu mengambil masa 60 hari dan memang saya ada kekeliruan sama ada 60 hari ini termasuk hari yang tidak bekerja, termasuk hari Sabtu dan hari Ahad supaya di mana proses pengundian perlu dijalankan walaupun itu bukan merupakan hari bekerja.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan penubuhan MC bagi projek perumahan yang terlibat dalam *private lease*. Ini satu masalah yang belum dapat diselesaikan sehingga hari ini, di mana ada projek pemajuan berstrata dibina atas *private lease*, di mana hanya tempoh pegangan terhad diberikan kepada seseorang pemaju. Walaupun daripada segi hak milik tanah tersebut adalah hak tanah yang ada pegangan kekal. Saya berharap suatu perundangan yang baru dapat diperkenalkan oleh pihak kementerian bagi menangani masalah tersebut yang dianggap serius sehingga pembeli-pembeli untuk 10 tahun ke 20 tahun yang lepas, mereka tidak dapat menguruskannya dengan sendiri dan mereka terus tertekan dan ditekan oleh pihak pemaju.

Ada satu contoh di Farlim, di Bandar Baru Air Hitam, Pulau Pinang. Projek ini walaupun pemaju dalam S&P nya, mereka telah menyatakan bahawa satu MC akan ditubuhkan dan hak milik strata akan dikeluarkan. Apabila hak milik strata telah dikeluarkan untuk 99 tahun tetapi tiada MC ditubuhkan. Saya pun berasa aneh mengapa ini tidak boleh dijalankan. Tanah yang diberi itu diberi pegangan bebas, dimiliki oleh pemegang-pemegang amanah Khoo Khong See dan pemaju Farlim hanya diberikan tempoh pegangan 99 tahun bagi memajukan bahagian-bahagian tanah yang terlibat.

Jadi, pada hakikatnya terdapat banyak masalah bangunan berstrata telah dijualkan oleh pemaju kepada pembeli-pembeli tetapi tiada JMB atau MC boleh ditubuhkan. Syarikat pemaju tidak dapat membekalkan perkhidmatan pengurusan yang memuaskan dan projek-projek sedemikian akan terus diurus oleh syarikat pengurusan yang dilantik oleh pemaju sendiri untuk selama-lamanya.

Saya amat berharap satu kaedah penyelesaian dapat ditawarkan supaya pindaan dapat dibuat ke atas Kanun Tanah Negara, Akta Hak Milik Strata dan Akta Pengurusan Strata supaya sekurang-kurangnya JMB dapat ditubuhkan kerana JMB itu adalah bersifat *transitional*, bersifat peralihan. Jadi, saya rasa ada ruang untuk JMB ditubuhkan walaupun MC tidak dapat ditubuhkan untuk memastikan kepentingan-kepentingan pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan *private lease* dapat dipertahankan oleh mereka sendiri. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

#### 11.47 pg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca doa] Bismillaahir Rahmaanir Rahim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya juga peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2016. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga kementerian yang telah menimbulkan atau membawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Oleh kerana saya melihat perkara ini adalah satu perkara yang akan memberikan kemudahan dan akan menyelesaikan masalah rakyat. Perkara ini adalah satu perkara yang agak begitu lama dan tergantung kerana disebabkan oleh polisi-polisi lama yang tak dapat memberikan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi.

Jadi, usaha-usaha untuk memudahkan dan menyelesaikan masalah rakyat dilihat sebagai satu usaha yang penting yang mana kerajaan prihatin dan memberikan keutamaan kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya sebutkan pada awal tadi ialah tentang polisi-polisi lama yang memerlukan perubahan dan juga penyesuaian dalam masa kini. Hari ini perubahan telah berlaku dengan begitu dristik sekali dan bermacam-macam perkara yang perlu dibuat pengubahsuaian supaya rakyat dapat menikmati kehidupan dengan lebih baik. Hak milik strata mulanya telah diperkenalkan pada 1966 melalui Kanun Tanah Negara Malaysia

1965 untuk meningkatkan perundangan bagi pemilikan bangunan berbilang tingkat. Jadi, Akta Hak Milik Strata ini ataupun AHS 1985, Akta 318 menjelaskan pecah bahagi bangunan berbilang tingkat kepada petak-petak strata dalam satu lot tanah. Akta ini telah mengalami beberapa evolusi bermula dari tahun 1966 lagi sehingga Jun 2015.

## ■1150

Evolusi terhadap akta ini merangkumi petak bangunan, *strata title* dengan izin bagi pembangunan berperingkat, blok sementara dan lain-lainnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan yang akan dibuat ini akan memberikan penambahbaikan dan penyusunan kepada apa yang perlu kita ada sekarang ini. Objektif utama pindaan ini pertamanya ialah memperuntukkan tatacara penggunaan cukai petak oleh pihak berkuasa negeri ke atas setiap hak milik strata. Keduanya, memberi peruntukan khas kepada bangunan khas dan ketiganya membuat pindaan berbangkit daripada cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah sebenarnya pun berkenaan pengambilan hartanah semula.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan fasil 6 seksyen 4C pembinaan cukai petak..

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun ya, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Gerik, begitu awal sekali Yang Berhormat Gerik. Terima kasih, silakan, Yang Berhormat Gerik.

**Seorang Ahli:** Dia tidak sabar sudah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai. Sebenarnya selama ini pemilik-pemilik bangunan berstrata iaitu bertingkat-tingkat ataupun macam kondominium dan sebagainya menghadapi masalah bila beli kondominium atau *apartment* tidak merasakan itu bangunan mereka sendiri kerana selama ini kita tidak boleh bayar cukai tanah *direct* kepada pejabat tanah di mana kita kena bayar pada pengurusan bangunan tersebut.

Pada pandangan saya, dengan mengubahnya akta ini membolehkan setiap pemilik merasai mereka boleh bayar cukai tanah kerana bayar petak tadi memadai cukai tanah. Kalau tidak, cukup menjadi masalah kepada setiap pemilik di seluruh negara. Tambahan pula, kita melihat di Kuala Lumpur banyak rumah berstrata ini dikatakan 300,000 unit tidak boleh menyelesaikan masalah ini.

Pada pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, apakah dengan meluluskan peruntukan ini memberi kebaikan kepada seluruh pemilik strata dan satu persoalan dengan merubahnya akta ini, bagaimana pula kedudukan kita hendak bayar cukai pintu kepada Dewan Bandaraya atau majlis perbandaran. Minta komen daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Gerik. Satu pencelahan yang beras basi waktu pagi ini. Saya harap pencelahan Yang Berhormat Gerik ini dimasukkan ke dalam perbahasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah masuk tengah hari sudah Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Gerik tadi sebab apa hari ini kita lihat bangunan pencakar langit, bangunan kondominium begitu banyak sekali dan pembayaran kalau dulu sebelum pindaan ini pembayarannya terpaksa dibuat sekali gus bermaknanya perbadanan pengurusan mengutip dan perbadanan pengurusanlah yang akan menyelesaikan pembayaran ini. Kalau tidak, urus niaga tidak dapat dijalankan.

Masalah yang timbul ialah seperti apa yang Yang Berhormat Gerik tadi perasaan kekitaan itu, kepunyaan itu sebab apa terpaksa bayar kepada perbadanan pengurusan dan ada pula pemilik-pemilik strata, pemilik unit ini yang tidak cukup disiplin yang tidak bayar. Ini yang boleh menyusahkan. Cuba bayang kalau ada 100 unit, 99 sudah bayar satu tidak bayar dan perkara ini tidak dapat diselesaikan. Ah, tengok perangai satu orang kerana perangai satu orang yang lain semua jadi susah. Yang inilah sebab saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa pindaan ini ialah pindaan yang penting, pindaan yang memudahkan, pindaan yang akan menyelesaikan masalah rakyat.

Hari ini banyak kondominium kita lihat di bandar-bandar utama terutamanya. Jadi kalau perkara ini berlaku sebab apa kata orang rambut sama hitam, hati lain-lain. Ada orang dia hendak bayar cepat, ada orang dia suka hutang dia – komitmen dia, dia bayar cepat. Ada orang dia bayar lambat, dia bayar *last minute*, dia tunggu *last minute* sudah hari terakhir sudah baru kelam-kabut sesak nafas hendak bayar. Kalau tidak, dia tidak peduli dan orang buat tidak peduli langsung. Cuba bayang, daripada 100 orang atau 200 orang dalam satu buah kondominium ada macam-macam perangai. Cuba bayang maka urus niaga yang hendak dilakukan oleh pemilik tidak dapat dijalankan.

Jadi pemilik ini terpaksa hari ini terpaksa menyerahkan bayaran kepada perbadanan pengurusan. Jadi dengan adanya pindaan hari ini, maka mereka boleh secara individu menyelesaikan. Maknanya orang yang boleh bayar cepat dia selesaikan urusan dia. Maknanya yang siapa bayar lambat, lambatlah ataupun siapa yang tidak peduli kenalah dia masalah yang dia tanggung itu. Jadi kita lihat pindaan yang akan dilakukan ini seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua memang akan memberikan kebaikan kerana tidak ada lagi wujudnya semua terpaksa bayar sekali serentak dan tidak akan dapat menjalankan urus niaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga fasil 8 seksyen 8A pindaan tentang bangunan khas ini. Ada juga disebut oleh Yang Berhormat Gerik tadi sebenarnya tentang wujudnya hampir ataupun lebih kurang 300,000 buah bangunan strata yang tidak boleh didaftar. Ini satu perkara lagi sebab benda itu sudah lama. Bangunan-bangunan khas yang kita wujudkan yang kita cerita hari ini iaitu bangunan-bangunan lama yang sudah tidak ada pelan, yang ada tidak ada CCF, yang tidak ada dokumen kerana untuk pendaftaran ini perlu dokumentasi, ada undang-undang yang memerlukan dokumen-dokumen dijalankan.

Oleh sebab perkara ini wujud maka kita lihatlah beratus-ratus ribu buah bangunan berstrata yang tidak dapat diselesaikan dan sudah tentu menyusahkan. Cuba bayangkan

orang-orang yang terlibat ini mereka yang terlibat dengan rumah ini dan bangunan tidak dapat didaftarkan sedangkan ini adalah harta dia kepunyaan dia ataupun dia sudah tua katakan. Kalau sudah tua atau dia sakit dan tiba-tiba dia mati pula panjang cerita. Jadi masalah akan timbul lebih banyak lagi, generasi yang akan datang pun tidak tahu di mana hendak cari ini *certificate of fitness* (CoF) di mana hendak cari pelan, di mana hendak cari semua.

Jadi pindaan yang akan dibuat Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebut pada awal tadi pindaan yang dibuat akan menyelesaikan masalah rakyat akan memberikan kemudahan kepada rakyat..

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Gerik sekali lagi? Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Silakan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Cumanya kalau sudah... Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai kalau kaedah ini diluluskan bila kita sudah bayar cukai tanah mengikut petak, bagaimana pula kedudukannya pihak pengurusan juga masih memegang soal itu. Ada kemungkinan berlaku tak *double tax* apabila cukai petak dikenakan? Minta Yang Berhormat Bagan Serai jelaskan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah macam Menteri sudah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Ketawa]*. Ini memang Menteri kena jawab tapi Tuan Yang di-Pertua pendapat sayalah sebab sudah kalau sudah ada cukai petak, cukai tanah tidak kena bayar. Ini yang faham saya. Jadi kalau kata *double taxation* tadi ataupun kena dua kali kemungkinan besar tidak wujud perkara ini tapi sudah pasti Menteri nanti akan beri penerangan yang *details*.

Bila ada cukai petak, cukai tanah yang dulunya memang dihentikanlah. Ini sebab ada undang-undang pindaan baru ini.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangunlah lagi Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Bagan Serai kena faham apa soalan saya iaitu sekarang ini ada dua kaedah pada bangunan strata. Satu cukai petak, satu lagi pengurusan bangunan yang juga bayar cukai tanah itu maksud – jadi mungkin kita serah pada kementerian untuk memberi jawapan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu lebih eloklah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Bagan Serai minta laluan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Selamat. Tuan Yang di-Pertua, bila saya terpaksa berdepan dengan Yang Berhormat Gerik..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis hendak bantu, Yang Berhormat Lipis hendak bantu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lipis silakan. Yang Berhormat Gerik ini orang tanah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Serai berkenaan dengan pemecahan petak. Saya melihat daripada pengasingan petak ini mungkin timbul juga masalah daripada segi perkara ini kerana sebelum ini mereka biasa khususnya kondominium, apartment dan sebagainya mereka diuruskan di bawah satu *management* dan apabila diserahkan kepada petak maka mungkin ada di antara pengguna itu akan berdegil dia kata tidak perlu lagi sudah pakai *management* dia hendak jaga sendiri dan sebagainya kawasan dia.

Jadi bagaimana kita pihak kita untuk menyelesaikan perkara ini supaya mereka masih lagi berada dalam satu situasi yang di bawah *management* itu. Kalau dekat lobi itu umpamanya mungkin esok atap dia bocor siapa hendak ganti lagi sebab dia sudah sendiri, dia tidak peduli sudah, kolam renang dia tidak peduli sudah, lif, parking dan sebagainya.

## ■1200

Maka akhirnya, dia akan menjadi satu kawasan daripada kondominium yang sentiasa kelihatan cantik dan akan berubah menjadi seperti tidak dijagai. Sila beri pandangan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Itu satu pandangan yang betul juga tetapi kita melihat pada pindaan yang hendak dibuat ini kerana masalah yang wujud ialah ada insan-insan yang cerdik yang tidak bayar kepada pihak pengurusan dan pihak pengurusan tidak dapat membayar sebab undang-undang dahulu ialah membayar sekali gus. Dia mesti *all in one*. Semua sudah kumpul, baru boleh bayar. Kalau tidak, tidak boleh bayar.

Daripada kes saya sebut tadi, manusia ini macam-macam perangai. Akan tetapi apabila pindaan ini dibuat, perkara baru ini dimasukkan iaitu membayar secara individu, secara sendiri, maka urus niaga dapat dilaksanakan, mereka dapat selesaikan masalah. Saya percaya di tiap-tiap bangunan, di tiap-tiap perumahan ada badan kebajikan, ada sebagainya untuk supaya memakmurkan, mencantikkan kawasan sendiri masing-masing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada pindaan ini sudah pastinya akan memberikan kemudahan sebenarnya kerana wujudnya mereka yang tidak bayar ataupun yang dalam '*tidak mampu hendak bayarlah*'. Saya pun tidak berapa *clear* tentang ini tetapi ada orang yang kata tidak mampu. Kita lihat di mana-mana pun dia kata dia tidak mampu, dia kata gaji dia kecil, dia kata dia ada masalah keluarga, anak ramai, keluarga ramai, banyak masalah, saya tidak boleh bayar dan dia tidak bayar. Bila dia tidak bayar, maka dia akan merosakkan semua sekali kerana

pada undang-undang yang ada dahulu ialah dia mesti dilaksanakan secara total, secara semua sekali. Jadi ini pindaan yang dilihat sekali lagi saya hendak ulang, yang akan memberikan kemudahan terutama kepada mereka yang positif. Cepat bayar, selesailah urusan dia. Maka lagi mudahlah urusan dia.

Tadi persoalkan cukai tanah, saya sebut cukai tanah digantikan dengan cukai petak dan kewajipan membayar adalah tetap dengan pemilik petak. Pemilik petak senang untuk berurus niaga, boleh berurus niaga dan tiada *double taxation*, cukai dua kali yang dikenakan. Bagi mereka tadi yang kata degil, dia tidak hendak bayar, saya pasti dia akan menerima surat tuntutan, notis. Saya pasti dia akan juga menghadapi masalah. Mungkin daripada segi undang-undang akan berlaku perampasan oleh pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada bangunan tadi, bangunan khas tadi. Bangunan khas, bangunan lama yang sudah tidak ada dokumentasi. Hari ini, seksyen 8A ini memberikan kuasa supaya segala dokumentasi yang diwajibkan selama ini dapat dikecualikan. Cuba bayangkan bagaimana masalah ini selesai. Sebanyak 300,000 bangunan tergendala, 300,000 individu ataupun kalau kali dalam rumah itu dia ada berapa itu. Kalau ada dua orang, dia sudah jadi 600,000 yang kepala sakit pening fikirkan ini harta dia tetapi tidak selesai, tidak dapat didaftarkan. Ini masalah. Ini daripada sendiri, daripada sakit kepala benda ini tidak dapat diselesaikan, benda ini tertangguh, dia boleh jadi macam-macam.

Kebanyakan mereka ini bukan anak muda, tetapi orang-orang yang menjangkau umur yang agak lanjut dan mungkin akan mendatangkan *stress* dan juga penyakit-penyakit yang lain. Tuan Yang di-Pertua, jadi banyaklah orang berpenyakit dengan keadaan rumah yang sebegini. Jadi dengan pindaan yang ada sekarang ini, alangkah baiknya, prihatinnya kerajaan kita kerana pindaan ini akan mengecualikan dokumen-dokumen yang dahulunya dikira penting yang mesti dibuat untuk pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, ini dua perkara yang saya lihat sangat penting dalam rang undang-undang pindaan ini. Saya mohon kementerian menyatakan jumlah amaun tunggakan cukai tetap yang tidak dijelaskan oleh pemilik sebelum suatu notis ditentukan, dikeluarkan oleh pihak berkuasa sebelum berlakunya perampasan tetap. Sebab apa, bagi mereka yang degil ini tadi, dia dalam dunia ini memang ada macam ini. Dalam dunia ini kalau hari ini kita kata hari Khamis, hari Khamis hari ini, dia pula akan kata hari ini hari Selasa. Ada orang macam itu, ada orang macam itu. Dia sentiasa tidak setuju dengan orang. Kita buat baik macam mana pun, dia kata tidak baik. Kita buat elok macam mana pun, dia nampak tidak elok. Mata dia nampak benda negatif sahaja. Ada yang macam ini. Jadi kita lihat hari ini, ada orang yang tidak mahu bayar. Apa jadi pun dia tidak mahu bayar. Jadi orang macam ini kita hendak tanya ini kementerian, berapakah jumlah sebelum perampasan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit persoalan juga saya hendak utarakan kepada kementerian, adakah kementerian akan memberikan sebarang bentuk bantuan kepada golongan yang saya kata sebut tadilah, yang kata dia miskin, duit tidak cukup. Duit tidak cukup

ini, semua orang kata duit tidak cukup. Anak ramai, masalah banyak, saya tidak boleh selesai. Dia ada yang macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang terpanggil Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang terpanggil.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sekijang. Silakan Yang Berhormat Sekijang, anak muda.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma melihat kepada fakta berkaitan dengan hak milik strata ini berkaitan dengan pampasan. Kalau tadi Yang Berhormat sebut ialah bila ada yang - kebanyakannya tinggal di rumah-rumah kondominium, rumah-rumah flat dan sebagainya ini, bila kita hendak kenakan kadar melalui petak ini, jika sekiranya kita ada bincangkan pada perbahasan, dua perbahasan yang lepas berkaitan dengan pampasan ini, apabila contohnya bila ada laluan berkaitan dengan pengambilan tanah oleh pihak kerajaan dan sebagainya, bagaimana pampasan itu akan dibuat? Adakah ia akan dinilai melalui cukai tanah tersebut atau melalui petak yang diberikan kepada pemilik-pemilik strata ini? Adakah pembayaran itu nanti akan dibuat dalam konsep bersekali atau bagaimana? Jadi minta pandangan dan pencerahan daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Pandangan anak muda ini. Saya terima, saya harap kementerian akan bersedia untuk memberikan jawapan ini. Masukkan dalam perbahasan saya, celahan oleh Yang Berhormat Sekijang ini, persoalan tentang pampasan, dari segi teknikal yang lebihnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya cuba hendak ketengahkan tadi ialah adakah kerajaan bersedia untuk memberi sebarang bentuk bantuan...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai, Kak Long belakang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Bagi laluan, boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh Yang Berhormat.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ini dengar perbahasan ini tetapi saya hendak tanya beberapa perkara kerana kawasan saya ini kalau kira flat, memang macam banyaklah, macam beribu-ribu lemon begitu. Permasalahannya begini, permasalahannya sekarang ini kebanyakannya daripada *flat* tidak diselenggara dengan baik oleh MCMC ini, yang menguruskan.

Biasanya KPKT akan bagi bantuan. Mengecatlah, perbaikilah dan sebagainya tetapi dengan hak pemilikan individu ini, nanti bagaimakah perkara ini dapat diteruskan jika ada permasalahan berterusan? Soal hendak *repair*, tidak akan asyik hendak minta KPKT sahaja yang bantu sedangkan dia sudah menjadi hak milik persendirian. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Bagan Serai tentang hal ini Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang hari ini aktif, soalan dapat banyak hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dari tadi lagi saya sudah terfikir hal ini sebenarnya. Apabila orang duduk... [Ketawa] Apabila orang duduk di kondominium ataupun duduk di taman-taman ini, kita tentu ada badan kebajikan. Kita tentu ada fikir hendak buat surau, kita fikir sampah hendak buang dekat mana, kita ada fikir bagaimana memakmurkan, mencantikkan kawasan kita.

Jadi hari ini kita tengok dalam surat khabar, dalam media timbul lif tidak jalan dan sebagainya. Memang betul kita hendak tuding jari kepada kerajaan, kita hendak tuding jari pada pihak pengurusan, tetapi kita yang hendak duduk di situ. Ini rumah kita. Tentu kita ada *share* juga dalam, tentu kita ada masa juga untuk kita melihat perkara-perkara ini untuk kesejahteraan tempat tinggal kita. Kalau kita tidak hendak tebas rumput, rumah kita akan jadi hutan. Kalau kita tidak mahu jaga lif umpamanya, maka kita juga yang akan susah. Jadi memang sebab apa sekarang ini, wujudnya kondominium-kondominium kita lihat di mana-mana pun.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh saya mencelih sedikit?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya minta izin kerana saya terpaksa keluar awal, tidak sempat hendak bercakap kejap lagi.

Saya tertanya tadi Yang Berhormat Bagan Serai menyebut bahawa selepas akta ini diluluskan, maka kita akan selesai masalah bangunan-bangunan lama. Saya hendak kata / *doubt it*, saya tidak fikir akan berlaku begitu kerana bangunan-bangunan lama yang terutamanya lebih daripada 20 tahun. Kalau bangunan baru, ya bila dia dapat kunci rumah itu dia sudah dapat strata *title*, dia petak dia sudah senang kita uruskan.

## ■1210

Akan tetapi bangunan-bangunan lama, di mana terdapat ada setengah bangunan itu pemaju dan pemilik asal sudah orang kata basuh tangan. Tidak lagi ada kena mengena dengan pemilik-pemilik dan ada pemilik-pemilik yang juga *give up* sebab mereka tidak dapat strata *title* dari dahulu lagi. Saya hendak tanya sama ada ini boleh diselesaikan? Adakah bangunan-bangunan lama ini yang tidak pernah bayar cukai tanah dan mungkin juga tidak bayar cukai pintu boleh diselesaikan.

Kedua, saya hendak sebut tentang bagaimana masalah yang sebenarnya timbul kerana GMB atau MC itu sendiri terdiri daripada pemilik-pemilik. Dia mestil pemilik yang datang kuasa itu, bukan penghuni. Jadi penghuni ini kebanyakannya rumah pangsa kos sederhana ini

adalah penyewa. Saya ada banyak dalam kawasan saya mereka ini menyewa. Mereka tidak ada kena mengena dengan cukai pintu dan mereka tidak ada kena mengena dengan cukai tanah.

Jadi selagi – satu perkara yang saya setuju di sini saya rasa lama telah saya rasakan tetapi mungkin satu tindakan yang memang keras iaitu perampasan. Adakah kita perlu merampas baru rakyat kita tahu tanggungjawab dia. Ini kerana kalau di Singapura sesiapa yang enggan membayar cukai pintu dan sebagainya selepas tamat tempohnya, maka dia dirampas oleh pihak kerajaan. Mungkin ini boleh menyedarkan mereka tentang tanggungjawab mereka. Jadi dua soalan saya hendak masukkan melalui Yang Berhormat Bagan Serai dan saya akan mendengar nanti, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya dengar macam tiga soalan itu. *[Ketawa]* Akan tetapi sila kementerian akan memberikan penjelasan pada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja.

Saya melihat juga tentang pemilik dan pemaju yang *give up* dan sebagainya. Ini juga menunjukkan ketelusan daripada awal-awal lagi bangunan itu. Apa yang kita sebut tadi ada pemilik-pemilik yang telah *give up* pun, yang telah *give up* pun dengan perkara-perkara ini. Oleh sebab wujud juga setengah tempat bangunan pun separuh siap, bangunan pun separuh siap. Ada yang boleh duduk dan ada yang tidak boleh duduk. Jadi ini akan menimbulkan masalah bila bangunan itu sudah lama, sudah 20 tahun dan melebihi 20 tahun maka kita lihat perkara-perkara ini berlaku.

Perkara yang saya nampak juga yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi tentang mereka yang pemilik sahaja yang boleh menjadikan jawatankuasa dalam pengurusan bukan penyewa-penyewa. Sekali lagi yang timbul di sini adalah tentang masalah disiplin, masalah *attitude* kita hari ini. Kalau kita tinggal di tempat itu, kalau kita buat perkara ini dan kita fikir ini bukan milik kita, bukan tempat kita yang susahnya kita juga nanti. Begitu juga pemilik-pemilik kerana mereka telah menyewakan maka tidak boleh lepas tangan, mereka tidak boleh lepas tangan. Ini kerana mereka ada tanggungjawab yang perlu diselesaikan supaya kehidupan menjadi lebih sejahtera.

Ya, kita lihat hari ini itulah sebabnya pindaan yang dibuat dalam seksyen 8 itu supaya ada perkataan bangunan khas itu, supaya dokumentasi yang diperlukan untuk perkara yang sudah begitu lama ini. Kata Yang Berhormat Kota Raja, *I doubt it again*. Itu kita tidak kata selesai semua masalah, akan tetapi kerajaan prihatin pindaan ini dibuat untuk memudahkan, untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat. Silakan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Ada satu lagi persoalan saya hendak minta Yang Berhormat Bagan Serai tolong masukkan dalam ucapan untuk ditanya kepada Menteri. Apabila petak-petak ini diagihkan berkaitan dengan strata ini. Apabila petak yang berkaitan dengan surau, mungkin balai raya, balai Islam dan sebagainya ini, bagaimana status itu nanti? Adakah ia akan diletakkan sebagai status wakaf? Oleh sebab kalau di negeri Johor, apabila diletakkan di bawah status tanah wakaf ini

peruntukan daripada kerajaan negeri untuk selenggara dan sebagainya akan diberikan kepada bangunan-bangunan ini.

Akan tetapi dalam kes strata ini bagaimana konsep ini akan dilaksanakan? Adakah ia akan diserahkan kepada kerajaan negeri atau pihak pengurusan akan menjaga petak ini atau bagaimana. Jadi itu persoalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Nampak gaya banyaklah soalan untuk kementerian jawab kali ini. Saya lihat persoalan soalan melalui pencelahan-pencelahan oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat dalam Dewan hari ini memang sangat bernes dan sangat pentinglah tentang rang undang-undang yang saya nampak tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Dua perkara yang saya hendak sentuh, tidaklah begitu lama rupanya. Ya, silakan.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Boleh saya memasukkan ucapan saya. Kementerian harap mengkaji dengan secara mendalam sama ada model Australia lebih baik ataupun model yang kita ambil daripada Singapura. Dua-dua perbandingan. Umpama di Australia bila strata diberi hak milik strata *master title* itu akan dihapuskan, akan dihapuskan *master title* itu.

Akan tetapi saya difahamkan kita ada masih mengekalkan *master title* berbangkit dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Saya minta buat kajian sama ada model ataupun cara yang dibangunkan oleh Australia lebih baik atau cara yang dilaksanakan di Singapura itu lebih baik. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin, satu persoalan yang cukup baik. Saya mohon masukkan dalam perbahasan saya nanti untuk dijawab oleh kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan bangun.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, belakang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Daripada mana?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oh, Yang Berhormat Labuan, silakan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai adakah dengan pemindaian baru ini akan menyenangkan dan membolehkan lagi pengambilan *property* atau pengambilan tanah yang mungkin berada di kawasan yang diguna sama oleh pemilik-pemilik itu menjadi lebih mudah disebabkan pembangunan berstrata ini banyak diadakan di kawasan-kawasan pusat bandar. Di mana sekarang ini kita tengah *upgrade* atau menambahbaikkan pengangkutan awam di mana banyak pengambilan-pengambilan perlu dibuat. Kadang-kadang termasuk juga pengambilan

sebahagian daripada bangunan bertingkat ini ataupun kadang-kadang perlu mengambil keseluruhan. Mohon panjangkan persoalan ini kepada kementerian. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Saya setuju persoalan ini dipanjangkan kepada kementerian. Sudah pastinya kita lihat dalam dua hari ini kita membincangkan rang undang-undang dan pindaan-pindaan yang dilakukan tentang persoalan tanah, pengambilan tanah, pampasan dan sebagainya adalah sebenarnya ke arah negara yang hendak jadi maju. Tanah yang telah banyak, yang padat dan telah digunakan hari ini memaksa kerajaan terpaksa mengambil tanah di bawah tanah. Memaksakan kerajaan memilih blok-blok yang tertentu untuk diambil. Semuanya untuk penambahbaikan untuk pembangunan, untuk kemajuan negara kita hari ini.

Begitu juga dengan rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua yang kita sedang bincangkan hari ini iaitu tentang bagaimana untuk memudahkan cara, menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh warga kota sebenarnya. Kebanyakannya di bandar-bandar besar kita lihat naik kondominium, pencakar langit dan sebagainya masalah-masalah yang akan timbul hari ini.

Jadi seperti Yang Berhormat Rompin sebut tadi kita hendak melihat kepada Australia atau kita hendak melihat kepada Singapore ataupun mana-mana negara yang boleh menjadi contoh supaya kita dapat memperbaiki sistem, undang-undang ataupun polisi yang kita ada di sini. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, hendak mencelah sikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, tadi saya hendak dan saya terfikir ini, Yang Berhormat Kota Raja ada sebut kita ikut model Singapura di mana kalau mereka tidak bayar, kerajaan rampas. Saya ini banyak kawasan flat dan banyak kali juga masalahnya bila keadaan ini berlaku, yang sewa oleh kerajaan negeri bagi sebulan RM100 ini pun kadang Tuan Yang di-Pertua dia tidak bayar. Sudah setahun tidak bayar kerajaan negeri hendak ambil salah kerajaan masa itu, cari wakil rakyat. Di kala itu ada juga puak-puak tertentu ambil kesempatan mengatakan kerajaan zalim. Macam mana itu Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Marah itu Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua saya rasa macam kena marah saya. Yang Berhormat Pasir Gudang marah saya ya. [Ketawa] Kita ada undang-undang, kita ada undang-undang. Apabila Yang Berhormat Kota Raja kata rampas itu bukan makna bila orang tidak bayar terus serang dan rampas, bukan macam itu. Akan tetapi

manusia ini daripada awal lagi dalam perbahasan ini saya sudah sebut, rambut sama hitam hati lain-lain. Ada orang kita nampak biru dia nampak hijau sahaja. Ada orang *color blind* dan sebagainya.

Jadi kita lihat hari ini ada orang yang kita ambil duit, duit itu patut dia bayar sewa, dia tidak bayar sewa, dia pergi beli benda lain. Jadi duit itu tidak digunakan pada tempatnya. Jadi berlakulah orang-orang yang tidak bayar contohnya bayar cukai ini dan sebagainya maka undang-undang yang akan memaksakan, yang akan menjurus kepada perampasan akan berlaku. Akan tetapi bukan kata kita hendak ajar itu terus macam itu. Walau bagaimanapun...

■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang lagi?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sikit lagi. Saya nak *landing* sebenarnya tapi mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya *landing* lah, baiklah *landing*.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya nak *landing* ini. Tuan Yang di-Pertua, jadi...

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepanggar, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepanggar tidak nampaklah, kecil sangat. *[Ketawa]*

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya. Saya terfikir bahawa hari ini kita membincangkan soal pengambilan tanah bawah tanah. Adakah undang-undang ini juga memikirkan bahawa hak pemilik tanah, pemilik bangunan ke atas *air space* di atas bangunan ini. Satu ketika dulu Dewan Bandaraya Kota Kinabalu saya syorkan untuk menambah, untuk mengelak kos yang tinggi untuk membayar hutang. Kita bina bangunan di atas bangunan. Maknanya bangunan lima tingkat itu kita tambah lagi lima tingkat, *air space*, kita jual *air space*.

So, apakah undang-undang ini juga telah menghapuskan hak ke atas pemilik bangunan yang mempunyai hak ke atas *air space* itu untuk menambah ketinggian bangunan. Contohnya bangunan lima tingkat, sebagai owner saya nak tambah lagi lima tingkat, saya gunakan *air space* itu. So, siapakah yang berhak ke atas *air space* sebab hari ini kita membincangkan tentang tanah di bawah tanah, dalam tanah. Ini saya hendak bangkitkan isu *air space* pula, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Dua hari lepas memang kita dalam perbahasan pun saya ingat kita sembang tentang tanah, bawah tanah dan blok-blok yang kita nak ambil. Jadi, saya tak dengar

perbincangan tentang di atas itu, *air space* itu. Mungkin kementerian akan memberikan penjelasan yang sebaiknya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan dan juga kementerian yang membawa rang undang-undang pindaan ini yang saya fikir akan banyak membantu menyelesaikan masalah rakyat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada lagi?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ada lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Bagan Serai ada sebut tentang bila kita duduk rumah kotak-kotak ini, kita bayar cukai yang patut kita bayar, tanah apa semua tetapi kita bayar melalui owner ataupun pengurusan. Yang Berhormat Bagan Serai meminta penjelasan berapa bilangan kes yang mungkin tertunggak dan sebagainya daripada penghuni bangunan tersebut.

Akan tetapi ada juga kes mungkin kita minta penjelasan, pengurusan itu sendiri yang tak bayar, dia kutip duit daripada tuan rumah tetapi dia tidak bayar. Jadi apakah bentuk, saya ingin tahu sama ada dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar atau KPPT yang menguruskan masalah pengurusan bangunan ataupun hak milik strata ini yang masing-masing di bangunan tersebut, di projek kondominium ataupun *flat*. Kutip tapi dia tak bayar dan bila kita hendak jual rumah, kita ada masalah untuk diselesaikan iaitu ada tertunggak itu dan ini, sedangkan sebelum ini berpuluhan tahun kita dah bayar. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sikit-sikit. Yang Berhormat Bagan Serai, saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Apabila hendak mendaftarkan hak milik strata ini sudah pastilah ada bayaran-bayaran yang diperlukan dan mungkin bayaran ini akan menimbulkan masalah kepada tuan punya. Maklumlah dia dah lama, ini bangunan lama. Kalauolah kosnya agak tinggi, apakah kesediaan dalam peruntukan ini untuk memberikan diskain ataupun apa juga bentuk bagi memudahkan tuan punya pemilik ini bagi di sekalikan dalam pindah milik strata ini sama ada mungkin juga pihak kerajaan negeri mungkin boleh membantu ataupun wakil-wakil rakyat tempatan tempat yang berikut itu sebabnya sudah pasti kalau belanjanya tinggi, mungkin mereka tidak berkemampuan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Tasek Gelugor jarang sebab itu minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Gerik di belakang Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan juga oleh Yang Berhormat Jerantut sebentar tadi berkenaan dengan bayaran-bayaran untuk pendaftaran strata dan sebagainya. Jadi kita banyak bincangkan tentang kesan kepada pemilik rumah yang membeli ataupun memiliki rumah strata itu. Akan tetapi dari satu segi, pemaju-pemaju perumahan juga sekarang ini apabila mereka majukan bangunan-bangunan berstrata ini, mereka hendaklah mengemukakan permohonan untuk pelan strata setelah mereka mendapat kelulusan *lay out plan*.

Jadi permohonan strata ini apabila dipohon dengan begitu cepat, kesannya ada kebaikannya di mana proses strata ini akan dibuat dengan lebih cepat. Akan tetapi di pihak pemaju mereka terpaksa menanggung kos awalan yang tinggi kerana apabila memohon untuk mendapatkan kelulusan strata ini, mereka kena membayar terus kepada kerajaan iaitu kos untuk permohonan strata yang berkenaan. Jadi menyebabkan kos awalan *development* itu agak tinggi.

Adakah kerajaan bercadang ataupun kalau kita boleh katakan adakah di dalam akta pindaan strata ini juga boleh memberikan sedikit kelonggaran ataupun keluasan peluang kepada pemaju-pemaju supaya mereka memang perlu memohon kita kata kebenaran strata itu awal tetapi bayarannya itu boleh dibayar secara berperingkat sehingga projek tersebut siap diserahkan. Jadi barulah beban kepada pemaju-pemaju tidaklah begitu teruk. Jadi minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Berkenaan dengan bayaran cukai hasil. Amalan yang berlaku di peringkat negeri, bayar cukai hasil setahun sekali. Biasanya setahun tidak bayar, tidak akan dikenakan tindakan tetapi dalam rang undang-undang kita nak luluskan ini, tiga bulan tak bayar, petak dirampas. Adakah ini bertentangan dengan amalan biasa? Biasanya kita dua tahun tak bayar pun kita tak kena. Jadi nanti akan berlaku tiap-tiap tahun, maknanya keadilan akan berlaku sebabnya kita letak tiga bulan, patutnya kita letak tiga tahun tak bayar berturut-turut barulah cukai tanah tadi kita rampas, tarik. Itu amalan yang biasa kita buat di negeri. Minta pencerahan sama ada daripada Yang Berhormat Bagan Serai ataupun pihak kementerian.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kementerian untuk memberikan penjelasan kepada pencelahan Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan juga Yang Berhormat Gerik tadi. Saya melihat perkara-perkara yang dibangkitkan adalah perkara-perkara yang dikira penting. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan kementerian dan saya sebagai Ahli Parlimen Bagan Serai menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Tidak ada yang bangun Yang Berhormat.

**12.28 tgh.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkenaan dengan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016 sepanjang tempoh perbahasan rang undang-undang tersebut pada 25 dan 26 Mei, Rabu dan Khamis. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Jabatan Peguam Negara yang turut sama membantu dalam menggubal rang undang-undang tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai isu berkaitan rang undang-undang ini dan perkara berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya hendak terus jawab kepada perkara-perkara yang disebutkan sebentar tadi terutamanya perkara-perkara yang menyentuh soal umum. Akan tetapi sebelum itu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian seperti Yang Berhormat Tanjong dan Yang Berhormat Bagan Serai dan juga celahan daripada Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan tadi adalah soal-soal umum yang menyentuh tentang kepentingan orang ramai khususnya yang melibatkan lebih kurang 300,000 unit rumah berstrata ataupun unit bangunan berstrata yang tidak berhak milik ataupun tidak boleh di *transform* dengan izin. Kepada hak milik strata kerana tidak mempunyai contohnya, sijil kelayakan menduduki ataupun dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

**■1230**

Saya hendak tegaskan di sini iaitu rang undang-undang ini menyediakan, dalam bahasa mudahnya, *green lane* Tuan Yang di-Pertua, lorong khas kepada lebih kurang 300,000 unit rumah tersebut atau bangunan berstrata tersebut untuk akhirnya memiliki hak milik masing-masing. Umpamanya perkara yang saya sebutkan tadi tentang dokumen yang diperlukan, saya nak sebutkan di sini di antara dokumen yang diperlukan adalah pelan asal sahaja. Umpamanya, dengan izin, pelan *as-built drawing*. Apa dalam bahasa Melayunya itu? Dengan izin, *as-built drawing*. Tidak perlu ada pelan arkitek yang *detail*, tidak perlu ada pelan kejuruteraan yang terperinci, tidak perlu. Cuma pelan kasar sahaja atau kita panggil *as-built drawing*.

Jika menyebut tentang siapa yang menanggung kos ini, sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita telah sediakan lorong yang mudah, kos tersebut ditanggung oleh pemilik rumah masing-masing dan oleh sebab hanya dokumen minimum sahaja yang diperlukan, sudah tentulah tidak memerlukan kos yang tinggi. Sekiranya ada perkara-perkara berbangkit kemudian, mungkin soal ini boleh dibincangkan secara bersama antara pemilik-

pemilik harta tersebut dengan pihak badan pengurusan dan mungkin juga boleh berbincang dengan kerajaan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dibentangkan semalam iaitu tujuan utama rang undang-undang ini memberikan kelonggaran kepada bangunan khas ialah untuk menyelesaikan segala masalah tertunggak terutamanya daripada segi hak milik yang tidak boleh atau sukar untuk bertukar tangan dan yang paling menjadi isu besar iaitu apabila berlaku kematian, urusan harta waris sukar diurus kerana tidak ada dokumen yang lengkap. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu di antara perkara-perkara yang perlu diselesaikan. Oleh sebab itulah rang undang-undang ini menyediakan, dengan bahasa mudahnya, lorong khas ataupun *green lane*, dengan izin, kepada tuan punya bangunan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu cukai petak. Cukai petak dicadangkan supaya dikuatkuasakan pada tahun 2017. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam pembentangan semalam, cukai petak akan mula berkuat kuasa di mana-mana negeri melalui pendapatan oleh Menteri setelah berunding dengan Majlis Tanah Negara. Ia juga akan diisyiharkan dalam warta. Bagi maksud ini, kementerian melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan berunding dengan pihak berkuasa negeri bagi menetapkan tarikh kuat kuasa cukai petak negeri tersebut.

Pihak kami juga telah menjelaskan bahawa penguatkuasaan ini bergantung sepenuhnya kepada persediaan rapi yang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri yang berkenaan kerana melibatkan implikasi kewangan dalam mempertingkatkan sistem pungutan hasil sedia ada dan penambahan sumber manusia yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan cukai petak dapat direalisasikan.

Dalam hal ini, cadangan Yang Berhormat merupakan suatu cadangan yang bernalas. Namun begitu, penetapan kuat kuasa cukai petak adalah ditetapkan selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri.

Sementara menunggu kuat kuasa cukai berpetak ini, sebagai kerajaan yang prihatin, masalah yang dihadapi oleh pemilik petak untuk mengurusniagakan petak ini sememangnya menjadi keprihatinan kerajaan. Oleh itu, dalam peruntukan peralihan yang dinyatakan dalam fasal 31 rang undang-undang ini, pemilik petak boleh berurus niaga dengan petak mereka walaupun perbadanan pengurusan masih belum menjelaskan cukai tanah. Dalam hal ini juga, penjelasan perkara ini juga akan diperincikan melalui pekeliling yang akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong bangun ya.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanyakan, jikalau selepas pelaksanaan pindaan dan hutang cukai tanah ini masih tidak dibayar dan

menjadi hutang lapuk, adakah sebarang cara lain supaya kita dapat menghalang pindah milik atau urus niaga seterusnya dijalankan? Minta penjelasan.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong, seperti yang saya sebutkan tadi, kita memberikan kelonggaran atas perkara-perkara asas. Tentang kaedah dan sebagainya, seperti yang saya sebutkan tadi, ini akan diadopt, dengan izin, oleh pihak negeri dan saya yakin negeri mungkin ada kaedah tersendiri bagaimana untuk menguruskan soal kutipan cukai tertunggak dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini di antara beberapa perkara yang boleh diurus oleh pihak negeri.

Tentang isu bagaimana tunggakan cukai tanah sedia ada yang tidak dibayar. Ini tentang tunggakan cukai tanah ini, ramai juga Ahli yang menyebut tadi. Suka saya nyatakan di sini bahawa berdasarkan seksyen 23C(8)(b), tunggakan cukai tanah tersebut boleh diagharkan kepada setiap petak berdasarkan unit syer masing-masing atau dikutip melalui kaedah lain yang difikirkan oleh pihak berkuasa negeri seperti yang saya sebutkan tadi. Perkara ini akan ditetapkan dalam kaedah hak milik strata negeri yang akan dipinda bagi menjelaskan perkara ini.

Ini saya rasa ramai yang bertanya atau membangkitkan perkara ini, tentang masa yang cukup untuk membuat memorial di atas hak milik strata bagi pelaksanaan cukai petak yang melibatkan masa. Dalam hal ini, seksyen 23C telah memperuntukkan bahawa memorial berhubung dengan cukai petak akan diendorsekan, dengan izin, di atas dokumen hak milik daftar sahaja. Ia akan diendorsekan di atas dokumen hak milik keluaran apabila pemilik petak membuat sebarang urus niaga di pejabat tanah dan menyerahkan hak milik tersebut untuk diendorsekan. Negeri-negeri telah dimaklumkan untuk membuat persediaan awal berhubung pelaksanaan cukai petak semenjak tahun 2013 dan kementerian ini akan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan.

Begitu juga tentang hak milik strata belum dipindah milik, adakah bil cukai petak dihantar kepada pemilik asal ataupun pemilik petak? Saya menjelaskan terlebih dahulu bahawa apabila hak milik strata didaftarkan, ia akan didaftarkan atas nama pemilik asal selaras dengan seksyen 16(3) Akta Hakmilik Strata 1985 dan selaras dengan prinsip yang telah dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara, obligasi membayar cukai dipertanggungjawabkan kepada pemilik berdaftar harta tanah iaitu pemilik asal. Oleh itu, prinsip yang sama terpakai bagi pelaksanaan cukai petak di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 yang mana sebelum pindah milik kepada pemilik petak dilaksanakan, bil cukai petak akan dihantar kepada pemilik.

Saya ada jawapan tambahan untuk soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi iaitu apabila cukai petak dikenakan, dengan izin, tiada *double taxation* atau *double* cukai akan berlaku kerana cukai tanah akan terhenti berkuasa dan akan dikenakan semula selepas berlaku penamatan skim strata berkenaan. Ini selaras dengan cadangan pindaan seksyen 23C.

Tentang – sekiranya hak milik strata belum dipindah milik kepada pembeli dan pemilik asal telah digulung, bolehkah tindakan diambil ke atas pembeli petak atas kegagalan pembayar cukai petak? Ini juga banyak dibangkitkan tadi iaitu – dalam hal ini, tindakan penguatkuasaan bagi kegagalan membayar cukai ditujukan kepada pemilik petak. Sekiranya pemilik petak masih merupakan pemilik asal, maka tindakan penguatkuasaan akan dibuat dengan mengambil kira kedudukan pemilik asal tersebut. Kementerian ini akan mengambil tindakan perundangan dengan mengambil kira peruntukan perundangan semasa di bawah Akta Syarikat 1965 bagi pemilik asal sebegini. Perkara ini juga akan diperjelaskan dalam pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan perbezaan antara cukai bagi petak atau blok sementara dengan cukai pintu yang kedua-duanya perlu dibayar oleh pemilik petak ataupun blok sementara. Berdasarkan kepada pindaan kali ini, menurut seksyen 4 Akta Hak Milik Strata 1995 definisi cukai dimasukkan dan membawa erti sebagaimana di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Negara serta termasuk sebarang jumlah wang tahunan yang kena dibayar oleh pihak berkuasa negeri berkaitan mana-mana petak atau blok sementara. Menurut seksyen 4C melalui cukai dan sebarang fi terhutang kepada pihak-pihak berkuasa negeri. Berkennaan dengan tunggakan cukai melalui kaedah di bawah seksyen 81, cukai pintu pula merupakan sejenis bayaran tahunan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) ke atas penduduk sesebuah kawasan perbandaran. PBT akan menggunakan hasil pungutan cukai pintu ini bagi membiayai kos penyelenggaraan bandar seperti kos mengangkut sampah, membersihkan longkang, mengindahkan landskap, membayar bil lampu jalan dan menyelenggara lampu isyarat.

Isu yang dibangkitkan tentang bangunan khas seperti yang saya sebutkan tadi, tujuan memasukkan dua jenis tempoh adalah untuk memanjangkan – ini tentang kenapa ada dua tempoh yang berlaku. Ini adalah pindaan kepada akta yang asal. Makna tujuannya adalah untuk memanjangkan. Tujuan memasukkan dua jenis tempoh adalah untuk memanjangkan tempoh bangunan lama yang boleh diklasifikasikan sebagai bangunan khas sehingga tahun 2017. Maknanya sekarang ia bertambah kepada tahun yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penguatkuasaan permohonan strata iaitu isu penguatkuasaan kegagalan memohon hak milik strata selepas kuat kuasa Akta Hak Milik Strata ini. Tindakan penguatkuasaan telah berjalan semenjak sebelum kuat kuasa Akta A1450 pada 1 Jun 2015. Perkara ini adalah di bawah kuasa pihak berkuasa negeri. Dalam rekod kementerian kami, sebanyak 7,720 skim dalam pemantauan dan sebanyak 6,174 telah pun dapat diselesaikan. Manakala baki 1,546 skim masih gagal memohon hak milik strata dan masih dalam pemantauan kementerian. Maknanya ada tindakan penguatkuasaan yang boleh dilakukan. Buat masa ini, kementerian sedang sentiasa memantau perkembangan perkara ini melalui mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Hak Milik Strata yang diurus seliakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Tentang – ini tentang pelikuidasi mohon strata iaitu apabila pemaju dan pemilik asal digulung, adakah pelikuidasi wajib mengemukakan permohonan hak milik strata? Ini juga ramai yang bangkit sama ada dalam Dewan ataupun di luar Dewan. Berdasarkan seksyen 8 Akta Hak Milik Strata 1985, kewajipan memohon hak milik strata adalah ke atas pemilik asal. Dalam keadaan pemilik asal digulung, pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah di bawah Akta Syarikat 1965. Pelikuidasi tersebut boleh mengemukakan permohonan hak milik strata bagi pihak pemilik asal yang telah digulung. Tafsiran yang dirujuk dalam Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 adalah pemaju perumahan. Manakala Akta Hak Milik Strata 1985 mewajibkan permohonan hak milik strata kepada pemilik asal. Oleh demikian, ia adalah dua perkara yang berbeza.

Tentang gadaian iaitu berhubung isu gadaian tidak dilepaskan dan hak milik strata tidak boleh dikeluarkan. Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pengeluaran hak milik strata, gadaian di atas tanah adalah dilepaskan sebagai salah satu syarat permohonan. Sekiranya permohonan hak milik strata tidak dibenarkan dengan gadaian ia akan membebankan pembeli yang terpaksa menanggung gadaian pemilik asal. Kesannya juga dalam keadaan *default of payment* dengan izin, maka semua petak yang menjadi milik pembeli boleh diambil tindakan lelongan oleh pemegang gadaian. Gadaian juga adalah bebanan dengan izin *encumbrance* yang tidak boleh dipindahkan kepada seseorang pemilik kepada pihak lain yang tidak berkenaan dengannya. Akta Hak Milik Strata 1985 yang dipinda melalui Akta A1450 pada tahun 2013 telah menganjakkan syarat pelepasan gadaian di atas tanah daripada sebelum kelulusan kepada sebelum permohonan hak milik strata. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pembeli dan selaras dengan komitmen kerajaan untuk mengeluarkan hak milik strata dengan pemilikan kosong.

Tentang pemotongan seksyen 19A, mengapa peruntukan seksyen 19A dimansuhkan? Seksyen 19A dipotong memandangkan tanggungjawab pemilik asal untuk melaksanakan pindah milik hak milik strata kepada pembeli telah diperuntukkan dalam Jadual H, Akta Pemaju Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1966, Akta 118 Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1989, Akta 318 hanya memperuntukkan prosedur. Hanya memperuntukkan prosedur bagi pengeluaran hak milik strata sahaja. Isu berhubung pindah milik kepada pembeli juga tidak diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara. Pihak-pihak boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah atas kegagalan memohon hak milik strata oleh pemaju dan pemilik tanah berdasarkan terma perjanjian jual beli yang telah ditandatangani sebelum ini. Apa-apa isu yang berbangkit dengan perjanjian jual beli yang dibuat berdasarkan format Jadual H kementerian ini akan memaklumkan kepada kementerian berkaitan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan. Ini bukan berkenaan dengan isu permohonan hak milik strata, ini berkaitan dengan pindah milik. Pindah milik itu adalah sesuatu yang penting. Ini kerana banyak pembeli atau pemaju pun mengambil sikap sambil lewa kerana mereka selalu membuat aduan bawah. Apabila hendak buat pindah milik, mereka kena bayar duti setem. Duti setem itu memang mahal dan banyak *legal fee* dan semua itu kena dibayar.

Mereka menggunakan pelbagai alasan supaya tidak membuat pindah milik. Jadi jikalau ada peruntukan ini, ini boleh memastikan pindah milik dapat dijalankan dengan secepat mungkin. Sebarang kelewatan akan menggagalkan, akan melambatkan proses pengurusan yang lebih berkesan. Jadi daripada segi yang asal kita diberikan 12 bulan. Selepas itu, dengan 19A kita diberikan sebulan. Akan tetapi mengapa sekarang satu tempoh yang munasabah itu pun tidak diberikan? Saya rasa sekurang-kurangnya kena ada satu tempoh yang munasabah. Jika satu bulan terlalu cepat mungkin kita boleh – masih boleh kita beri 12 bulan untuk memastikan pindah milik dilakukan. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tanjong yang prihatin. Sementara menunggu jawapan saya – kalau teknikal saya baca dulu yang lain dulu.

Isu pengurusan subsidiari. Adakah terdapat mekanisme bagi permohonan Perbadanan Pengurusan Subsidiari daripada segi fi dan pelan khas? Kementerian kami melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah menyediakan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan berkenaan perbadanan pengurusan subsidiari yang mengandungi tatacara yang jelas tentang permohonan Perbadanan Pengurusan Subsidiari selaras dengan pekeliling yang telah dikeluarkan ini. *Road show* dengan izin, telah dijalankan kesemua negeri dan perindustrian yang terlibat, yang melibatkan juruukur, peguam serta orang awam. Dalam keadaan hak milik strata negeri juga, ada dijelaskan tentang perkara ini antaranya fi dan borang permohonan Perbadanan Pengurusan Subsidiari. Pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia bertanggungjawab untuk menyediakan pekeliling yang memperincikan tentang pelan khas.

#### ■1250

Setakat ini tiada lagi Perbadanan Perusahaan Subsidi yang ditubuhkan. Tentang isu kelewatan kuat kuasa Akta 1450, Pindaan Akta Hak Milik Strata 1985, Akta A1450, dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 kerana ia perlu dikuatkuasakan bersama-sama Akta Pengurusan Strata 2013. Ini memandangkan melalui Akta A1450, peruntukan-peruntukan berkenaan urusan bangunan telah dipotong dalam Akta Hak Milik Strata 1985 dan diperuntukkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013. Itu jawapan yang ringkas ya Yang Berhormat. Kemudian tentang tadi Yang Berhormat tanya tentang seksyen 19A, kementerian akan mencadangkan kepada KPPT untuk menambah tempoh pindah milik dalam Jadual H. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Yang Berhormat Tenggara menjeling. Kita cadang, kita akan mencadangkan.

Tentang garis panduan untuk juru ukur menyediakan pelan khas, fi untuk ukuran pelan khas dan sebagainya. Garis panduan untuk pelan khas bagi tujuan tersebut dalam tindakan pemurnian dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti JKPTG, PTG dan lain-lain. Fi yang diguna pakai pada masa ini adalah menggunakan *survey fee*, Jadual 2 di bawah Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung. Tentang fi ini seperti yang sebut tadi, banyak dokumen yang telah tidak pun diperlukan. Hanya pelan atau *drawing* yang penting saja. Tidak perlu ada *RC Plan*, dengan izin, tidak perlu ada pelan arkitek terperinci ataupun kita dulu kalau kita *submit*

kalau kita di PBT dipanggil Pelan Pembangunan, cukup dengan *as-built drawing* seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi maknanya, sebahagian daripada kos telah pun dapat dikurangkan. Tentang kos juruukur, ia termaktub dalam *fees* yang berkenaan dan perkara ini sebenarnya boleh dirundingkan dengan kerajaan negeri, bagaimana kita boleh membantu mereka-mereka yang berkaitan. Maknanya akan ada tindakan selanjutnya oleh pihak yang berkaitan. Tentang permohonan strata selepas mendapat sijil cadangan pelan strata. Pemaju terpaksa tanggung kos tinggi. Ini juga seperti yang saya sebutkan tadi lah ya. Maknanya, kos itu akan berlaku tetapi tidaklah sebagaimana kos yang besar bagi bangunan yang memohon hak milik strata yang baru. Ini kemudian yang telah pun disediakan. Akan tetapi apa yang penting seperti yang saya sebutkan tadi ialah kita menyediakan lorong ataupun *green lane* bagi permohonan tersebut.

Tentang kaji model strata di Australia iaitu apabila keluar hak milik strata, hak milik tidak akan terpisah daripada skim tersebut. Semasa Akta Hak Milik Strata mula digubal pada tahun 1985, sudah lama ini, kita juga telah mengkaji perundangan Australia dan Singapura dan akhirnya kita gubal Akta Hak Milik Strata dengan acuan kita sendiri. Apabila Hak Milik Strata didaftarkan hak milik tanah masih hidup, ini memandangkan hak milik strata adalah hak milik terbitan daripada hak milik tanah. Konsep ini telah berterusan sejak tahun 1985 sehingga sekarang. Seperti yang saya sebutkan tadi, proses, dengan izin, *engagement* telah pun dibuat dengan semua yang berkepentingan, termasuk kerajaan negeri. Setakat ini, inilah yang terbaik buat masa ini dan untuk tempoh yang terdekat pada masa akan datang.

Tentang bayaran diskauan dan sebagainya, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut, saya fikir saya sudah jawab tadi. Ada kaedah yang tersendiri saya fikir kerajaan negeri amat prihatin tentang perkara ini. Tentang adakah perlu rampas apabila enggan membayar cukai pintu. Saya rasa ini termaktub dalam setiap undang-undang yang berkaitan. Saya tidak mahu untuk mengulas panjang tentang soalan ini. Peruntukan undang-undang sedia ada telah pun ada, ada proses yang tertentu yang saya rasa boleh dilaksanakan.

Tentang masalah bangunan lama akan selesai kerana pemaju telah- ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja, saya rasa saya tidak perlu jawab kerana Yang Berhormat Kota Raja tidak ada. Akan tetapi tidak apa. Yang penting ialah bagi penyelesaian masalah ini, masalah tentang masalah bangunan lama akan selesai kerana pemaju telah cuci tangan untuk mendapatkan hak milik strata kerana bangunan lama tidak pernah bayar cukai tanah dan cukai pintu. Bagi penyelesaian masalah ini oleh kerana juga dibangkitkan oleh pihak lain, pemilik petak boleh berbincang untuk melangsaikan apa-apa tunggakan cukai bagi memperoleh hak milik strata. Secara alternatif, pendakwaan boleh dibuat di bawah seksyen 8 kepada pemaju yang enggan memohon hak milik strata dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Tentang bagaimana pampasan dibayar kepada pemilik petak yang terlibat dengan pengambilan skim strata. Jadi, ini juga dibangkitkan oleh ramai pihak tadi. Dalam hal ini, pampasan akan dibayar kepada pihak berkepentingan sewajarnya bergantung kepada jenis-jenis pengambilan tanah yang terlibat. Ada pampasan yang akan dibayar kepada pemilik petak

dan ada yang dibayar kepada Perbadanan Pengurusan atau MC. Prinsip pembayaran pampasan masih sama seperti diperuntukkan dalam Jadual Pertama Akta Pengambilan Balik Tanah. Kementerian juga akan menyediakan garis panduan berhubung dengan perkara tersebut.

Kemudian tentang adakah pindaan AHS akan memudahkan pengambilan skim strata, contohnya untuk projek pengangkutan awam. Betul, pindaan kepada Akta Hak Milik Strata ataupun AHS dan Akta Pengambilan Tanah yang telah diluluskan pada Selasa lalu, ini berkaitan, akan memudahkan dan menjelaskan prosedur untuk pengambilan skim strata bagi tujuan projek untuk kepentingan rakyat.

Seterusnya, tentang isu bagaimana dengan Perbadanan Pengurusan yang di buat kutipan cukai tetapi tidak dibayar kepada pejabat tanah. Ini mungkin berlaku di Jerlun kot? Adalah menjadi tanggungjawab Perbadanan Pengurusan untuk membayar cukai tanah kepada pejabat tanah. Walau bagaimanapun terdapat kemungkinan cukai tanah tersebut tidak dijelaskan oleh pemilik strata tersebut yang menyebabkan MC, Perbadanan Pengurusan tidak boleh menjelaskan cukai tanah kepada pejabat tanah. Sekiranya MC gagal menjalankan tanggungjawab tersebut selepas mendapat bayaran penuh daripada pemilik, pemilik boleh mengemukakan tuntutan kepada Tribunal Pengurusan Strata.

Tentang adakah kementerian akan membantu penduduk untuk membayar cukai petak, penduduk yang miskin dan sebagainya. Yang ini dibangkitkan oleh rakan-rakan dan Yang Berhormat Bagan Serai dan sebagainya. Cukai petak merupakan komplikasi individu dan perlu dibayar oleh setiap pemilik petak. Mungkin Ahli Yang Berhormat yang prihatin boleh membantu lah kot? *[Ketawa] Mileage kepada Ahli Yang Berhormat.*

Tentang adakah kemungkinan berlaku *double taxation* apabila cukai petak dikenakan. Tadi saya fikir saya sudah jawab. Kemudian akhir sekali, kalau tidak salah saya ini akhir sekali ini. Yang Berhormat Sepanggar bertanya tentang bagaimana hak pemilik tanah diruang udara dan sebagainya. Hak ke atas ruang udara masih lagi kekal sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 44, Kanun Tanah Negara, Yang Berhormat Sepanggar ya. Ada hak milik ke atas ruang udara ini. Pemilik tanah berhak kepada ruang udara atas tanahnya sebagaimana yang munasabah diperlukan bagi menikmati tanah itu dengan sah. Tertakluk kepada undang-undang bertulis, contohnya Akta Penerbangan Awam dan sebagainya.

Isu tentang adakah pemilik mempunyai tanggungan caj boleh mengundi dalam mendapatkan resolusi komprehensif. Ini tertakluk dalam akta berkaitan dengan pengurusan berstrata ini. Maknanya, pemilik yang mempunyai tanggungan, tidak boleh mengundi. Mereka ini tidak boleh mengundi. Dalam bahasa pemain golf, OB, *out of boundary, out of bound* kan? Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cover, saya sudah jawab semua sekali. Mungkin ada perkara-perkara yang tertinggal. Saya tidak berhajat untuk menjawab secara bertulis tapi kita boleh berbincang di luar.

Sekian, setakat ini saja penjelasan yang dapat saya berikan berkaitan isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Hak Milik Strata 2016. Saya

berharap daripada penjelasan tersebut telah dapat menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu yang berkaitan dengan pindaan kepada perundangan utama tanah di negara ini yang merupakan suatu langkah *unprecedented*, dengan izin, oleh kementerian ini. Pindaan yang terdiri daripada 3 rang undang-undang iaitu Akta Pengambilan Balik Tanah, Kanun Tanah Negara dan Akta Hak Milik Strata Pindaan 2016 telah dibahaskan mulai Isnin, 23 Mei sehingga hari ini. Jadi, kami mengucapkan terima kasih. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]**

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.02 tengah hari]**

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila usul Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 14(2).

**MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT  
DI BAWAH P.M 14(2)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 14(2), saya mohon mencadangkan bahawa usul Yang Berhormat Marang seperti yang tertera di nombor 15 didahulukan selepas Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2016 di nombor 1 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini”.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua; saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengapa perkara yang tertera pada perkara yang ke-15 didahulukan kerana ada beberapa rang undang-undang lagi yang belum lagi dibahaskan. Rang undang-undang persendirian daripada Yang Berhormat Marang ini hanya dikemukakan di Dewan pada pagi ini. Langsung tidak ada apa-apa masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti rang undang-undang tersebut dan untuk membincangkan rang undang-undang tersebut. Sekarang ini diletakkan untuk hendak dibahaskan pada petang ini juga.

Saya rasa ini adalah sesuatu yang sangat tidak wajar dan sesuatu yang amat pelik kerana tidak pernah berlaku rang undang-undang persendirian daripada seorang ahli yang bukan kerajaan dibenarkan pada hari ini juga. Pada ketika pagi ini sahaja dibentangkan di dalam Dewan yang mulia dalam *Order Paper*, petang yang sama dibenarkan untuk dibahaskan.

Apakah ini ada agenda politik daripada pihak kerajaan? Saya merasakan bahawa ini amat pelik. Saya meminta Tuan Yang di-Pertua untuk menimbang semula keputusan yang membenarkan untuk ini dibahaskan pada ketika ini juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sila rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14(2). Saya baca Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila saya buat *ruling* saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat fahami kedudukan saya sebagai Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya duduk di sini kerja saya bukan memikirkan agenda politik daripada kerajaan atau pembangkang tugas saya adalah Speaker. Peraturan Mesyuarat 14(2), “*Majlis Mesyuarat*

*dengan dikeluarkan usul oleh seorang Menteri yang akan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau di bahas dan yang tidak berkehendakkan dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh pada bila-bila masa, at any time, memutuskan hendak menjalankan mana-mana urusan dengan tidak mengikuti aturan yang telah ditetapkan. Usul ini hendaklah didahului daripada urusan-urusan lain.” Jelas.*

Peraturan 14(2) adalah merujuk kepada keadaan Peraturan Mesyuarat 15. Peraturan Mesyuarat 15 yang sering kali saya gunakan ialah urusan kerajaan didahului kecuali kerajaan sendiri yang mengatakan bahawa tidak apa, urusan Ahli Yang Berhormat persendirian boleh, siapa pun boleh tetapi kerajaan mesti persetujui. Itu sebab ada Peraturan Mesyuarat 14(2). Jadi apabila saya menimbang ini semua, saya rasa saya tidak melanggar peraturan mesyuarat kerana itu adalah kehendak kerajaan. Jelas?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini merupakan satu pindaan rang undang-undang bukan satu usul sahaja. Ini merupakan satu pindaan rang undang-undang yang mungkin memberikan implikasi yang besar kepada undang-undang negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jadi saya tidak faham mengapa dibenarkan, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Usul ini Yang Berhormat adalah cuma *procedural* seperti Peraturan Mesyuarat 12(1). Menteri boleh berdiri buat usul di bawah Peraturan 12(1) lepas itu saya kemukakan masalahnya ialah bahawa kita bersidang sehingga selesai satu hal lepas itu kita berhenti. *This is a procedural matter.*

Jadi apabila diangkat mana yang perlu diangkat di atas mengikut Peraturan Mesyuarat adalah lagi langkah-langkah seterusnya Yang Berhormat. Tugas saya untuk memastikan bahawa Peraturan Mesyuarat diikuti tidak lebih dan tidak kurang daripada itu. Saya pertahankan Peraturan Mesyuarat. Dalam hal ini sering kali juga dibangkitkan dalam Dewan ini bahawa apabila sesuatu usul itu dimasukkan dalam *Order Paper*. Umpamanya apabila kuasa Speaker untuk direview, saya kata okey gunakan Peraturan Mesyuarat 43 masukkan dalam *Order Paper*.

Akan tetapi yang jawapan saya dapat sama ada dalam sini ataupun di luar sana *the moment it is put in Order Paper it will never say, see the light of day. So now I'm using my kebijaksanaan sebagai Speaker untuk membenarkan satu rang undang-undang that we never see the light of day*, itu pun Ahli Yang Berhormat bantah. *Where you putting me? You see, when I create a precedent like this it will not only be this akta yang dibentangkan nanti. Lain akta pun boleh it is a precedent that I'm creating so that I can overcome the Peraturan Mesyuarat 15. So, why I'm being question about this?*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua kita tahu yang rang undang-undang ini yang tertera dalam Perkara 15 oleh Yang Berhormat Marang ini ada satu

implikasi yang sangat besar terhadap undang-undang di negara kita ini. Sepatutnya kita harus lebih *consultation* dengan pihak pelbagai masyarakat.

■1440

Kenapakah yang ini, *the last one you bring it up*. Tuan Yang di-Pertua membenarkan yang terakhir sekali ini dibentangkan dinaikkan tanpa mengira yang sebelum ini ada lagi banyak usul yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Ipoh Barat dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seputeh, duduk Yang Berhormat. Saya faham itu Yang Berhormat, *Order Paper* setiap hari depan saya. Saya faham tetapi apabila peraturan mesyuarat dibangkitkan seperti begitu, seperti Peraturan Mesyuarat 12, saya tidak boleh *stop*. Tugas saya cuma memastikan tafsiran peraturan mesyuarat saya buat dengan sebaik mungkin tanpa mengambil kira agenda politik siapa-siapa. Itu daripada dulu pendirian saya. Sepatutnya dalam soal begini, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan ambil kira pendirian politik. Bantu saya oleh kerana cuma dengan cara ini saya boleh mengatasi halangan Peraturan Mesyuarat 15 kerana kalau tidak, tidak ada usul daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun *backbencher* yang lain, akan boleh bawa setiap apa pun yang perlu untuk masyarakat.

Kalaupun ini saya benarkan sudah termasuk di atas, tidak semestinya perkara itu sudah dibincangkan. *It's only priority up. You see?* Daripada 15 dinaikkan kerana itu apa kehendak kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 14(2) dan saya tidak mahu panjangkan lagi cerita ini kerana itu keputusan saya, Yang Berhormat. Siapa tidak setuju...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa ini dimarahi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh. Saya sedang berhujah. Apabila ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju dengan keputusan saya ini, jelas Peraturan Mesyuarat 43 iaitu bawa usul yang tidak lebih daripada dua hari notis. Kalau begitu, kalau kerajaan mahu bawa 14(2), *can. Why not? If I can create separation like this, why not? You see?* Jikalau lagi ada lagi dibantah ini, berdiri lagi Yang Berhormat, 'huha...huha' lagi, saya terpaksa gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44. *Simple as that.* Jangan lagi kita buat isu yang tidak kompleks, jadi kompleks. Jadi sekarang ini saya tidak mahu dengar lagi apa-apa hujah daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan maka saya kemukakan masalah ini kepada...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tan Sri, Tan Sri, Tan Sri!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *is it the same issue?*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *It is the same issue but different point.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *If it is the same issue, already being uttered by Ahli Yang Berhormat yang lain, I don't need your opinion.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini bukan, bukan. Ya, saya memang tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Okay. Last one because you represent from the East, Sarawak and Sabah. You represent Sabah and Sarawak voice. Sila.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *I represent all Malaysian.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri Yang Berhormat atas sebab itu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, jadi terima kasih. Saya rasa memang yang Tan Sri hendak *exercise the discretion* di mana *private members bill* akan dibincangkan, boleh dibincangkan. Akan tetapi saya rasa perkara ini merupakan satu perkara yang begitu sensitif dan... Perkara ini haruslah ada lebih *consultative* dan bukan satu perkara yang boleh dibincangkan sebegitu sahaja ini *a rush manner*. *In such a rush manner*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, *your argument have nothing to do with peraturan mesyuarat. Your argument is political...*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *No, exercise of your power...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *I am exercising my discretion, my power nothing to do with peraturan mesyuarat.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *This! This!*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Eh! Dengarlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain, jangan campur. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, *please*.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Exercise of discretion, it is illogical.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *If you are saying it illogical, in another words what you are saying is that you are...*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada, ada kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching. Kalau Yang Berhormat tidak mahu saya gunakan Peraturan Mesyuarat 44, jangan lagi panjang lebarkan kerana ini adalah kehendak kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 14(2). *Nothing, not beyond that. Don't explain to me because* alasan Ahli Yang Berhormat adalah alasan politik. *I don't want to know that. See?* Kalau nanti ini dibahas Yang Berhormat, bahawa ia kepentingan negara...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah Kerajaan Negeri Sarawak di *consult...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk. Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Di *consultation* kan. Apakah Kerajaan Negeri Sarawak dikonsultasikan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat Bandar Kuching. Duduk dulu Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Dengar saya dan lepas itu saya tidak mahu lagi dengar siapa-siapa kerana saya akan gunakan Peraturan Mesyuarat 44. Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya usul daripada Yang Berhormat Marang dinaikkan di atas, kalaupun

pada ketika itu dibahas, alangkah eloknya semua orang tahu sensitiviti atau tidak sensitiviti pun orang tahu. Selepas itu kan juga ada belah bahagian? Dibuatlah begitu. Kenapa harus bawa saya di situ? *Why?*

**Seorang Ahli:** *Why you allowed it?*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Because* saya tidak melanggar peraturan mesyuarat. Saya tidak melanggar peraturan mesyuarat, Ahli Yang Berhormat. *You see?* Kalau bermakna tindakan saya ini tidak dipersetujui, berbalik kepada Peraturan Mesyuarat 43. Jadi rundinglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sana ke sebelah sini bahawa saya punya *decision* ini *wrong*. *You see? I don't have any problem with that.* [Tepuk] Saya bukan ada masalah ini. Alangkah baiknya kalau *decision* saya ini *wrong after* kamu semua berucap berunding pasal soal ini, so at least *I know*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa kah pilih pada waktu ini, hari terakhir dalam sidang Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Seputeh, kalau berdiri pun cakap *point of order*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Hari ini yang petang ramai Ahli Parlimen di Sabah dan Sarawak tidak ada. Ramai sudah balik ke kawasan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu Yang Berhormat, bukan saya punya hal. Itu bukan hal saya. Hal saya ialah saya diberitahu bahawa ada usul.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kenapa ini jadi hal? *Suddenly, last minute.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah, sudah! Sudah, saya tidak mahu dengar apa-apa lagi alasan itu.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua kata tak hendak terperangkap dalam politik, yang keputusan Tan Sri ini adalah di atas keputusan politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan tanya saya, tanya kepada kerajaan yang bawa usul. Bukan saya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua. Berikan hak demokrasi kepada Yang Berhormat Marang. Sensitif atau tidak, itu hak kita untuk menilai selepas kita bahas. Ikut peraturan dulu, peraturan benarkan. Apa masalahnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Saya kemukakan masalah kepada Majlis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta belah bahagian untuk usul ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, saya sokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]* Sokong, sokong. 15 sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, rujuk saya kepada peraturan mesyuarat mana belah bahagian.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Untuk usul, untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Rujuk peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Point of order.*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tadi sebab Tuan Yang di-Pertua meminta untuk diundi dengan suara. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, mana Yang Berhormat? Yang kamu berdiri ini atas peraturan mesyuarat mana? Rujuk kepada saya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Peraturan mesyuarat untuk meminta belah bahagian.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila *point of order*. Sila. Bermakna Yang Berhormat Kota Bharu ada *point of order*, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lain duduk dulu pasal ini *point of order*. *I take point of order.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban sekejap tadi untuk belah bahagi di peringkat suatu usul dibentangkan, untuk dibentangkan. Bukan di peringkat untuk pengundian. Saya telah meneliti keseluruhan *Standing Order* yang ada untuk kegunaan Dewan yang mulia ini, tidak ada mana-mana peruntukan yang membolehkan pengundian belah bahagi dijalankan semasa di peringkat ini.

Jika sekiranya di peringkat ini Tuan Yang di-Pertua diberikan peluang ini, tidak akan ada mungkin rang undang-undang yang dibangkitkan dan dibawa oleh Ahli bukan kerajaan boleh dibentangkan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa rakan-rakan saya juga di peringkat ini sering kali mempersoalkan kenapa kerajaan susah sangat hendak menaikkan satu-satu *private Members bill* dan pada hari ini satu *private Members bill* yang dibawa oleh Yang Berhormat Marang telah dinaikkan. Sepatutnya kita menyokong perkara ini mengikut peraturannya. *[Tepuk]* Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, secara prinsipnya kita bukan tidak mengatakan bahawa sebarang rang undang-undang bukan kerajaan tidak dibenarkan cumanya perlu ada proses konsultasi, proses perbincangan dan sebagainya. Ini secara jelas tidak memberikan ruang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti. Pagi tadi baru dibentangkan sekarang hendak dibahas dan diputuskan. Tadi Tuan Yang di-Pertua meminta untuk dipersetujukan dengan suara. Ada yang cakap setuju, ada yang cakap tidak setuju. Tadi

saya dengar suara yang tidak setuju lebih besar. Jadi bagaimana Tuan Yang di-Pertua untuk memutuskan bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** ...Ini dibenarkan. Kalau tidak, belah bahagian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Okey, duduk. Itu sebab apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri kata peraturan mesyuarat, saya tidaklah terlampau *fussy* sangat peraturan mesyuarat mana yang relevan, saya bagi sahaja tetapi memandangkan perkara ini adalah suatu perkara yang amat mustahak bagi diri saya juga sebagai Speaker *because I am creating a precedent here. I don't mind stating it again. I am creating a precedent here.*

Setahu saya, *every Speaker is a law upon himself* dan *I am subjected also to be reviewed...* Peraturan Mesyuarat 43. *In answer to your opinion* Yang Berhormat Seremban dan *in response to* apa Yang Berhormat Kota Bharu bangkitkan, sebelum saya mengambil tindakan begini pun telah juga saya buat *research*.

#### ■1450

Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri cuma minta belah bahagian. Belah bahagian adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 46 dan di bawah Peraturan Mesyuarat 47. Saya baca. Selepas itu, itulah keputusan saya kerana itulah sebenarnya apa dalam hati kecil saya. Saya tidak menyebelahi kepada siapa-siapa.

Okey, Peraturan Mesyuarat 46(3) mengatakan. “*Apabila masalah itu telah dikemukakan oleh Pengerusi kepada Mesyuarat bagi diputuskan setelah tamat perbahasan...*”— setelah tamat perbahasan. “*Maka keputusan hendaklah diambil dengan menurut suara Ya atau Tidak dan (dengan syarat tidak ada ahli yang meminta diadakan belah bahagian) keputusan itu hendaklah dimasyhurkan oleh Pengerusi.*” Spesifik.

Bermakna apabila sudah perbahasan dibuat, lepas itu Speaker kemukakan kepada Majlis untuk keputusan, pada ketika itu Speaker akan mendengar suara ya atau tidak. Sebelah sini... *[Sambil menunjuk pada blok kerajaan]* Kadangkala suara mereka itu mungkin *breakfast* tidak cukup, maka suaranya tidak lantanglah. Sebelah sini... *[Sambil menunjuk pada blok pembangkang]* Oleh sebab mungkin dia terlampau bersemangat kerana sudah *rest*, maka suara dia terutama sekali kalau Yang Berhormat Seputeh itu, suara dia selalu saya dengar ‘tidak’ biarpun Peraturan Mesyuarat 12, tetapi saya gunakan *discrete* saya, saya kata usul dipersetujui. Perhatikan itu.... *[Membaca petikan]*

*“Apabila masalah itu telah dikemukakan oleh Pengerusi kepada Mesyuarat bagi diputuskan setelah tamat perbahasan, maka keputusan hendaklah diambil dengan menurut suara Ya atau Tidak dan (dengan syarat tidak ada ahli yang meminta diadakan belah bahagian) keputusan itu hendaklah dimasyhurkan.”*

Sekarang Ahli Yang Berhormat berdiri atas peraturan mesyuarat begitu tetapi saya terangkan tadi awal-awal bahawa ini cuma *procedural*. Jadi saya bawa Ahli Yang Berhormat

kepada Peraturan Mesyuarat 12(1). Sila, kita cerita pasal ini peraturan mesyuarat, sila buka peraturan mesyuarat masing-masing.

Peraturan Mesyuarat 12(1) mengatakan— ini adalah berkaitan dengan masa kerana dalam kita punya peraturan mesyuarat, masa kita bersidang pada setiap hari ialah daripada pukul 10 pagi sampai jam 5.30 petang dan kalau kita mahu berhenti lebih daripada jam 5.30 petang, maka usul perlu dibuat di bawah P.M.12(1). *Procedural*. Ini bunyinya... [Membaca petikan]

*"Tiap-tiap persidangan Majlis hendaklah dimulakan pada pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari pagi dan disambung semula dari pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan syarat bahawa sesuatu usul yang akan diputuskan tanpa pindaan atau bahasan boleh dikeluarkan oleh seorang Menteri pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan untuk mengubah waktu persidangan Majlis."*

*Procedural*. Pada kebiasaan apabila P.M.12(1) dibaca oleh Menteri, saya kata masalahnya sekarang ialah bahawa usul seperti begini, begini, siapa setuju, siapa tidak. Kadang-kadang saya dengar sebelah sini tidak setuju pasal kita akan bersidang sampai jam 12 tetapi saya juga buat keputusan usul dipersetujui.

Kalau usul seperti begini Yang Berhormat, yang serupa juga dengan P.M.14(2) ada belah bahagian, kenapakah tidak diletakkan secara khusus di Peraturan Mesyuarat 12(1) dan Peraturan Mesyuarat 14(2)?

Bermakna ada dua iaitu *procedural* usul untuk menetapkan siapa dulu, siapa kemudian, pukul berapa berhenti, pukul berapa mulai, tidak boleh ada belah bahagian. Kerana kalau ada belah bahagian, tidak ada Ahli Yang Berhormat yang bersidang penat, maka tidaklah habis agenda kerajaan kerana mahu sabotaj persidangan. Itu sebab kenapa tidak ada belah bahagian dalam *matters* usul *procedural*. Kerana dalam Peraturan Mesyuarat 14(2) dan 12(1), ia sebut sini tanpa pindaan dan bahas. Kalau tanpa pindaan dan bahas, bolehkah kita mengundi dengan sesuatu perkara yang belum kita tahu sebenar hurai?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini satu perkara yang penting, saya harap Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan— sebab ini akan menjadi satu *precedent* dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua tadi sudah katakan bahawa Tuan Yang di-Pertua merupakan satu autoriti dalam Dewan yang mulia ini. Kalau apa dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa tidak perlu ada belah bahagian pada mana-mana usul yang tidak ada perbahasan ataupun pindaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Procedural*, Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *Procedural*. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Iaitu P.M.12(1) dan P.M.14(2).

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Mengapa pula Tuan Yang di-Pertua perlu tanya sama ada setuju atau tidak setuju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang begitu.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kalau begitu, tidak payahlah tanya setuju atau tidak setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *it's only a question of formality.*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kalau *formality*, itu pun tak payah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat. *Is only a question of formality for the smooth transition of the business.* Di situ Speaker terpaksa buat dia punya *discretionary matter*. Kalau tidak adalah begitu, siapa setuju dan siapa tidak, bermakna Majlis itu tidak bersetuju tetapi tidak semestinya ada belah bahagian *because belah bahagian dia spesifik di 'subject of motion.'*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Shah Alam. Selepas Yang Berhormat Shah Alam, saya terus kemukakan. Selepas itu saya akan sebut apa yang saya masyhurkan dan selepas itu saya panggil Yang Berhormat Marang. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sefaham saya, *private members bill* ini, usul peribadi ini telah dijadikan satu perkara yang diutamakan untuk perbahasan kita pada hari ini dan ia adalah hasil daripada persetujuan pihak kerajaan sendiri untuk mengangkatnya daripada item ke-15 menjadi item yang lebih ke depan supaya ia berbahas.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah bersedia untuk menilai *private members bill* untuk diutamakan untuk perbahasan tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, *argument* di sini sama ada Peraturan Mesyuarat 14(2) itu salah, menentang peraturan mesyuarat atau tidak. Bukan alasan-alasan politik kerana itu saya tidak *interested*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak sebut tentang alasan politik. Malahan saya menyokong apa yang Tuan Yang di-Pertua putuskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Bahaha apabila kerajaan telah memutuskan, ia perlu didahulukan. Maka, itu hak kerajaan. Hanya yang saya ingin mendapat penjelasan sama ada daripada Tuan Yang di-Pertua ataupun daripada pihak kerajaan ialah parameter-parameter yang diambil kira, pasal ini merupakan satu *precedent* dalam amalan Parlimen di mana usul peribadi itu diberikan keutamaan daripada hal-hal yang lain.

So kalau boleh, dalam keadaan ia dikemukakan hanya semalam baru kita nampak selepas itu terus— atau pagi tadi— selepas itu terus menjadi diutamakan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kita hendak tahu supaya kita lain kali apabila kita ada usul peribadi, kita pun boleh ikut apa pertimbangan kerajaan, macam mana yang difikirkan. Adakah oleh sebab pilihan raya kecil hendak ada di Sungai Besar dan Kuala

Kangsar ataupun sebagainya? Apa pertimbangan-pertimbangan yang perlu kita memahami supaya *private members bill* itu boleh diutamakan daripada urusan kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau usul P.M.14(2) ini sudah saya kemukakan dan sudah saya masyurkan bahawa boleh, maka terpaksa saya panggil Yang Berhormat Marang pula untuk kemukakan usul dia. Di situ, terpulang kepada Yang Berhormat Marang apa yang dia sebut, saya kemukakan lagi masalah itu, barulah timbul belah bahagian.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yes. Undilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pada ketika itu tidak juga dia pergi mana-mana. Saya Yang Berhormat, cuma ikut saja peraturan mesyuarat yang sedia ada. Janganlah begitu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan kekeliruan...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu penjelasan saya Yang Berhormat. Bermakna apabila selepas ini, terpaksa saya jemput Yang Berhormat Marang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak. Penjelasan yang saya minta khususnya adalah daripada pihak kerajaan kerana kalau kerajaan sendiri tidak mengutamakannya, sudah pasti Tuan Yang di-Pertua tidak perlu membuat keputusan itu. So apa yang kita hendak tahu ialah apakah pertimbangan kerajaan untuk mengutamakan *private members bill* ini mengatasi semua urusan kerajaan yang lain supaya kami boleh buat lain kali, kalau kita tahu macam mana dia punya pertimbangannya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam ini lalang. Kejap sana, kejap sini.

■1500

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, saya ingin *respond* sedikit kepada Yang Berhormat Shah Alam. Tadi, Yang Berhormat Shah Alam mengatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Shah Alam dan juga rakan-rakan saya tadi mengatakan ini perkara baru yang tidak sempat diteliti dan sebagainya. Saya hendak ingatkan balik dalam Dewan yang mulia ini bahawa usul yang sama ini adalah kali ketiga dalam persidangan ini dibangkitkan. Sebelum ini sudah ada masuk dua kali di dalam *Order Paper*. Jadi *it is not a new matter to be discuss*. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya betulkan Yang Berhormat Kota Bharu. Saya tidak kata ini perkara baru yang perlukan pertimbangan. Saya meminta kerajaan menjelaskan atas pertimbangan apa supaya lain kali kalau saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kalau saya hendak buat usul peribadi, saya juga boleh menggunakan panduan yang diberikan oleh kerajaan supaya usul peribadi saya pun boleh diberikan keutamaan. Saya tidak pertikaikan soal hak kerajaan untuk membawanya ke atas. Itu memang betul, hak. Apa yang Tuan Yang di-Pertua putuskan memang sefaham sayalah memang ikut prosedur tetapi yang saya hendak tahu dan hendak faham ialah ini kali pertama *Privates Members Bill* diberikan keutamaan. Kerajaan angkat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey, saya faham, saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Diutamakan. So, *what were the consideration* sebab saya hendak belajar. Saya hendak belajar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau orang macam lalang ini bawa, tidak boleh *consider*.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghabisan. Penghabisan saya dengar ya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Adakah soalan daripada Yang Berhormat Shah Alam itu perlu dijawab sekarang? Kita pada peraturan mesyuarat, teruskan dulu. Apa yang hendak dibahas, penting tidak penting apa semua itu selepas daripada ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, sudahlah Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat. Saya bagi penjelasan. Saya yang bagi penjelasan. Tidak apa. Kalau nanti ada satu orang belum bagi penjelasan, tidak puas hati sedangkan saya beri penjelasan pun ada juga yang tidak puas hati. Begini penjelasannya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua. Pencelahan. Pada pandangan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah saya beritahu bahawa selepas tadi Yang Berhormat Kuching, selepas itu Yang Berhormat Shah Alam dan selepas itu saya tidak mahu layan lagi apa-apa *because sama sahaja*, Yang Berhormat pendirian saya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah. Sudah. Saya *respond* dahulu kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam sama dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu... *[Disampuk]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Bangun]* Gerakan pun mahu berucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya bercakap, Ahli Yang Berhormat. Saya berhujah, Ahli Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order. Point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point must not be similar to what's has been answered because it is repetitive.*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** No, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menurut Peraturan Mesyuarat 43, kalau hujah itu adalah *repetitive* seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat yang lain, Speaker boleh memberhentikan Ahli Yang Berhormat yang bercakap. Kalau juga berdegil-degil tidak ikut arahan Speaker, Peraturan Mesyuarat 44, Speaker ada kuasa untuk arahkan Ahli Yang Berhormat untuk keluar sekejap minum teh tarik!

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Fine. Okey, jangan ugutlah, Tuan Yang di-Pertua. Belum buat lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila tetapi jangan hujah apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang lain.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, jika satu usul persendirian di bawah, ini di bawah Peraturan Mesyuarat 49 — bukan. Saya mahu tanya, sekarang ini sekadar bacaan pertama sahaja, bukan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum pun sampai bacaan pertama, Yang Berhormat. Baru usul untuk angkat. Masih jauh lagi.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan, saya mahu tanya. Bukan, saya tanya. Jika ini dibenarkan, dibentangkan, ini diambil sebagai bacaan pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum, Yang Berhormat. Dia berbeza dengan usul kerajaan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So this one, saya hendak faham proses dia lah. Katakan sekarang Yang Berhormat Marang dibenarkan bentangkan, selepas itu adakah perbahasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi saya dengar, Yang Berhormat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Marang. Macam mana saya buat keputusan?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Akan tetapi kita akan ikut Peraturan Mesyuarat 49?

**Tuan Yang di-Pertua:** Keputusan itu bukan saya buat. Saya akan kemukakan kepada Majlis.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So, ini ikut Peraturan Mesyuarat 49 lah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yes!

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan mesyuarat itu tidur dengan peraturan mesyuarat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bangun dengan peraturan mesyuarat. Lebih kerap saya tidur dengan peraturan mesyuarat yang biru ini daripada orang rumah saya, Ahli Yang Berhormat *I have to understanding this. [Ketawa]* Akan tetapi masalah Ahli Yang Berhormat pada ketika waktu kita bercakap begini barulah angkat peraturan mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Dia orang pusing-pusing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi sekarang ini saya kemukakan masalah balik dan tidak ada belah bahagian kerana selepas itu baru ada selepas nanti apa yang saya dengar daripada Yang Berhormat Maran. Saya kemukakan balik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**USUL RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN  
AHLI BUKAN KERAJAAN DI BAWAH P.M. 49(1)**

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH  
(BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN) 2016**

**3.05 ptg.**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Yang di-Pertua. Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut;

- (i) menggantikan Seksyen 2 dengan seksyen berikut:

“**2.** mahkamah syariah akan mempunyai kuasa ke atas seseorang pengikut agama Islam dan di dalam hal-hal kesalahan di bawah perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Butiran 1 Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan Undang-undang Persekutuan.”; dan
- (ii) memasukkan selepas Seksyen 2 dengan seksyen berikut:

“**2A** dengan menjalankan undang-undang jenayah di bawah Seksyen 2, Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen yang disebutkan di atas selain dari hukuman mati.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang ini bila – pasal mesti Yang Berhormat hurai dahulu. Kalau Yang Berhormat hurai sekarang boleh, kalau Yang Berhormat hurai di

masa akan datang pun boleh di bawah Peraturan Mesyuarat 15(5). Mana satu? Saya mesti minta kepastian.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini ditangguhkan dan dibawa ke Mesyuarat akan datang mengikut Peraturan Mesyuarat 15(5). *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Marang.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

##### **3.07 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016, Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016 dan Usul Menteri Kewangan seperti yang tertera di Nombor Dua, Tiga dan Lima dalam Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ini prosedur. Tidak ada belah bahagian seperti Peraturan Mesyuarat 14(2). Lain kali percayalah kepada Speaker yang duduk di sini. Kesian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan. Walaupun Yang Berhormat Seputeh punya suara lebih nyaring, terpaksa saya kata usul dipersetujui supaya semua yang dibentangkan dalam *order paper* dapat dibahas menurut usul berkenaan. Terima kasih.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## RANG UNDANG-UNDANG PERTAHANAN AWAM (PINDAAN) 2016

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 3.08 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian, Akta Pertahanan Awam 1951 telah mengalami beberapa proses semakan dan pindaan kecil sepanjang tempoh kewujudannya. Namun sehingga kini tiada pindaan dibuat bagi memperjelaskan dan memperincikan tugas-tugas pertahanan awam yang merupakan elemen tetap dan penting dalam sistem pertahanan negara. Justeru, Akta Pertahanan Awam 1951 [Akta 221] dipinda untuk meningkatkan kredibiliti dan keupayaan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dari aspek pertahanan awam dan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016 digubal bagi penjenamaan semula JPAM kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dengan memperincikan dan memperkuatkuhan bidang kuasa JPAM sebagai agensi pertahanan awam sesuai dengan peranannya pada masa kini yang lebih meluas dan menyeluruh.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Aktiviti pertahanan awam di negara ini telah bermula seawal tahun 1938 lagi. Akta menggembung orang awam mempertahankan tanah air ini bagaimanapun terhenti apabila tercetus Perang Dunia Kedua pada tahun 1941.

#### ■1510

Apabila berakhirnya perang pada tahun 1945, British pada tahun 1948 mula membentuk Local Defense Core (LDC) yang menjadi asas permulaan penubuhan sebuah organisasi pertahanan awam di negara ini. Perundangan pertahanan awam kemudiannya digubal dan diluluskan pada tahun 1951 dikenali sebagai *The Civil Defense Ordinance 1951* yang berkuat kuasa mulai 24 Mac 1952. Fungsi ordinan ini adalah bagi melaksanakan tugas *passive defense* iaitu meliputi tugas memberi perlindungan menyelamat dan latihan serta khidmat kemanusiaan kepada penduduk awam yang tidak melibatkan serangan atau penggunaan senjata. Melihat kepentingannya demi keselamatan dan pertahanan negara, pertahanan awam menjadi salah satu elemen tetap dan penting sehingga disenaraikan sebagai salah satu bidang pertahanan negara di dalam butiran 2(h) senarai 1, senarai Persekutuan, Jadual Ke-9, Perlembagaan Malaysia.

Ordinan Pertahanan Awam 1951 kali terakhirnya dipinda pada tahun 1973 dengan memasukkan peruntukan seksyen 8, mengenai fungsi dan peranan JPAM dalam masa aman dan bencana selain fungsi hakiki menghadapi ancaman perang. Pada tahun 1979, ordinan ini telah disemak semula dan ditukar nama kepada Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221.

Akta 221 ini merupakan rujukan utama bagi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Jabatan Perdana Menteri dalam melaksanakan fungsi dan peranannya selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan tadi, Akta Pertahanan Awam 1951 memperuntukkan penglibatan JPAM terhadap tugas-tugas bantuan dan kemanusiaan sama ada dalam keadaan aman atau peperangan. Walau bagaimanapun, ia tidak menjelaskan secara terperinci peranan dan tugas JPAM dalam kedua-dua situasi tersebut. Malah fungsi pertahanan awam yang dinyatakan dalam akta ibu bersifat terlalu umum dan tidak menggambarkan keseluruhan fungsi pertahanan awam pada hari ini. Selain Perlembagaan Persekutuan atau Akta Pertahanan Awam 1951 ini, mempunyai perkaitan rapat dengan Akta Perkhidmatan Negara 1952, Akta 425, yang memperuntukkan kerahan tenaga kepada penduduk awam yang berumur 18 tahun ke atas untuk berkhidmat dengan angkatan tentera, pasukan polis atau pertahanan awam. Ketiga-tiga perundangan inilah yang menjurus kepada perlunya akta ini dipinda bagi memperkasa dan meletakkan semula fungsi dan peranan pertahanan awam sebagai sebuah angkatan dalam sistem pertahanan dan keselamatan negara.

Pindaan akta ini menjadi salah satu keperluan utama bagi memperjelas dan memperincikan tugas-tugas pertahanan awam yang sebenar selaras dengan agensi pertahanan awam di peringkat antarabangsa. Perincian peruntukan bagi Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2015 adalah seperti berikut:-

Fasa 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 meminda tajuk panjang dan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Malaysia Civil Defense Force) dengan fungsi dan kuasa serta perkara-perkara yang berkaitan. Rasional penubuhan Angkatan Pertahanan Awam ialah supaya ia mempunyai struktur penubuhan di bawah perundangan yang terdiri daripada anggota tetap dan anggota sukarela seperti yang ada di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia, sekali gus memperakankan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebagai agensi berpakaian seragam dan *regimented*;

Fasal 3, akta ibu dipinda dengan menggantikan nama Civil Defense Act 1951 kepada Malaysia Civil Defense Force Act 1951 selaras dengan penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia;

Fasal 4 meminda seksyen 2 bagi memasukkan takrifan baru *auxiliary member, chief commissioner, civil defense services, disaster management, employer, force, minister, regular member* dan *volunteer member* serta memotong takrif *civil defense forces* dan *civil defense services*. Takrifan ini bagi mengelakkan kekaburuan terhadap tafsiran dalam akta ibu yang terhad kepada takrif *civil defense* dan *civil defence forces and services* sahaja;

Fasal 5, seksyen baru 2A menubuhkan Malaysia Civil Defense Force yang mengandungi anggota tetap, anggota sukarela dan anggota bantuan. Keanggotaan dalam pertahanan awam meliputi anggota tetap sebagai pentadbir dan mengepalai *operational*

perkhidmatan pertahanan awam dengan didokong oleh anggota sukarela dan anggota bantuan sebagai anggota *operational* perkhidmatan medan bagi pertahanan awam.

Fasal ini juga memasukkan seksyen baru 2B(a) hingga (u) untuk memperjelaskan fungsi-fungsi pertahanan awam selaras dengan tugas-tugas pertahanan awam di peringkat antarabangsa di mana Malaysia adalah negara anggota dalam Pertubuhan Pertahanan Awam Antarabangsa (International Civil Defense Organisation - ICDO). ICDO adalah sebuah badan antara kerajaan yang berdaftar dan bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations).

Kesemua fungsi yang bergariskan ini merupakan ketetapan fungsi tugas yang terkandung dalam 15 bidang pertahanan awam antarabangsa dan diterima pakai oleh agensi pertahanan awam atau agensi pengurusan bencana di kebanyakan negara seluruh dunia sama ada yang menggunakan gelaran nama agensinya *Civil Defense, Civil Protection, Emergency Management, Civil Security* atau Difak al-Madani. Fungsi dan tugas ini telah terangkum fungsi sama ada fungsi menghadapi perang mahupun fungsi menghadapi kecemasan dan bencana yang meliputi situasi sebelum, semasa atau selepas suatu perang atau kecemasan dan bencana.

Fasal ini juga memasukkan peruntukan baru seksyen 2C bagi menjawab kemosyikilan mengenai sebarang fungsi bertindih sekiranya wujud. Seperti yang dinyatakan awal tadi, fungsi dalam pindaan Akta Pertahanan Awam 1951 merupakan teras fungsi agensi pertahanan awam seluruh dunia. Justeru, peruntukan seksyen 2C ini menyediakan penyelesaian fungsi yang dirasakan bertindih secara muafakat pentadbiran dan agensi lain berkenaan pengurusan bencana;

Fasal 6, fasal ini meminda seksyen 3, akta ibu yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi pertahanan awam dengan membuat penyelarasan kata nama angkatan dalam semua peruntukan berkaitan. Hukuman perlanggaran kepada mana-mana peruntukan juga dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000 dan penjara daripada 3 tahun kepada 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Peruntukan baru (k) turut dimasukkan bagi membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah bagi membolehkan anggota bantuan boleh menjalankan fungsi, kuasa dan keistimewaan seperti anggota tetap dan anggota sukarela pertahanan awam;

Fasal 7, fasal ini meminda seksyen 4, akta ibu, bagi mengadakan peruntukan berasingan berhubung dengan pelantikan Ketua Pesuruhjaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai lain oleh Yang di-Pertuan Agong bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan akta;

Fasal 8 memasukkan seksyen-seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G, 4H, 4I dan juga 4J dalam akta ibu. Seksyen 4A diadakan bagi memperjelaskan fungsi dan tanggungjawab Ketua Pesuruhjaya dalam menguruskan pertahanan awam, termasuk perwakilan kuasa kepada mana-mana pegawai pertahanan awam.

Seksyen 4B diadakan bagi membolehkan Ketua Pesuruhjaya mengadakan perintah tetap yang selari dengan kehendak akta ataupun ruangan bertulis lain dalam menguruskan pertahanan awam.

Seksyen 4C diadakan bagi memberi kuasa kepada anggota pertahanan awam mengambil tindakan perlu dan menyelamatkan nyawa dan harta benda, termasuk kuasa untuk memindah, menghalang, mengalih, menyekat dan memasuki secara paksa kepada orang atau premis atau struktur yang difikirkan boleh menjelaskan keselamatan nyawa atau dalam masa kecemasan. Hukuman bagi kesalahan menghalang kuasa anggota pertahanan awam ini boleh dijatuahkan denda sebanyak RM10,000 dan penjara 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 4D diadakan bagi anggota pertahanan awam mematuhi arahan atau perintah atau tugas yang ditetapkan di bawah akta atau oleh pegawai atasannya dalam melaksana atau menyempurnakan kuasa diberikan.

Seksyen 4E diadakan bagi memberi kuasa kepada Menteri mengarahkan penugasan anggota pertahanan awam berkhidmat di luar negara. Peruntukan ini berupa punca kuasa jika sekiranya terdapat keperluan anggota pertahanan awam dikerah memberi bantuan kemanusiaan di negara lain yang menghadapi bencana.

Seksyen 4F ini diadakan bagi memberi kuasa kepada Menteri bagi mengarahkan penugasan atau penempatan sementara anggota pertahanan awam berkhidmat dengan mana-mana angkatan pertahanan awam negara lain atau organisasi lain di luar Malaysia. Ini bersesuaian dengan keahlian pertahanan awam dalam Pertubuhan Pertahanan Awam Antarabangsa atau ICDO yang menggariskan bantuan khidmat teknikal dan pengurusan pertahanan awam di negara anggota dan negara-negara yang memohon bantuan ICDO.

Seksyen 4G ini diadakan bagi memberi kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya mendaftar anggota sukarela dan pertahanan awam mengikut syarat yang ditetapkan. Anggota sukarela ini bagaimanapun tidak layak menerima sebarang ganjaran saraan atau perkhidmatan atas perkhidmatan diberikan kecuali elaun tertentu yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

#### **■1520**

Seksyen 4H ini diadakan bagi memberi kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya dengan persetujuan Menteri mendaftar anggota bantuan dalam pertahanan awam untuk berkhidmat mengikut kawasan yang ditetapkan. Anggota bantuan ini bagaimanapun tidak layak menerima sebarang ganjaran saraan atas perkhidmatan diberikan kecuali elaun tertentu yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

Seksyen 4I bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan pasukan kadet pertahanan awam oleh Menteri. Kelayakan pasukan kadet ini diperjelaskan dalam peruntukan baru Seksyen 4J yang menetapkan syarat umur tidak kurang daripada 12 tahun dan tidak melebihi 30 tahun sebagai anggota kadet. Ini bermaksud orang yang berdaftar sebagai pelajar di institusi latihan atau pelajaran sama ada di peringkat sekolah menengah hingga institusi

pengajian tinggi boleh didaftarkan setelah perbincangan dengan Menteri bertanggungjawab mengenai pendidikan.

Fasal 9 – fasal ini meminda seksyen 5 Akta Ibu bagi menggantikan perkataan ‘*Director General for Civil Defense*’ dengan perkataan ‘*Chief Commissioner*’ dan perkataan ‘*civil defense forces and services*’ dengan perkataan ‘*the Force civil defense services*’

Fasal 10 – fasal ini meminda Seksyen 6 Akta Ibu bagi menggantikan perkataan ‘*civil defense forces and services*’ dengan perkataan ‘*Force*’.

Fasal 11 – fasal ini memasukkan seksyen baru 6A dan bagi memberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dari apa-apa tindakan guaman, tindakan pendakwaan atau prosiding terhadap anggota pertahanan awam akibat kecuaian dalam memberikan khidmat secara suci hati.

Fasal 12 – fasal ini membuat pindaan kecil kepada Seksyen 7 Akta Ibu bagi menggantikan gelaran jawatan ‘*Ketua Pengarah*’ kepada gelaran pangkat ‘*Ketua Pesuruhjaya*’ dan perkhidmatan kepada angkatan bagi menyeragamkan dengan penubuhan angkatan.

Fasal 13 – fasal ini meminda seksyen 7 Akta Ibu dengan memasukkan peruntukan seksyen baru 7A, 7B, 7C, 7D, 7E, 7F, 7G dan 7H.

7A diadakan bagi mengelakkan anggota pertahanan awam daripada menolak untuk berkhidmat, bersara atau meletak jawatan apabila berlaku pengisytiharan darurat oleh Yang Dipertuan Agong kecuali dengan syor dan pertimbangan Ketua Pesuruhjaya.

Seksyen 7B bertujuan melarang anggota pertahanan awam yang tanpa kebenaran bertulis Ketua Pesuruhjaya untuk bersara atau meletak jawatan pada ketika tindakan disiplin atau pendakwaan masih berlangsung terhadap anggota berkenaan.

Seksyen 7C bertujuan untuk menghalang majikan anggota sukarela dan anggota bantuan daripada berhenti atau menyekat keistimewaan cuti dan manfaat pekerjaan hakiki anggota dengan majikan sekiranya gagal hadir untuk bekerja atau tujuan dikerah untuk berkhidmat bagi menjalankan tugas-tugas pertahanan awam semasa berkuat kuasa darurat.

Seksyen 7D bertujuan memberi kuasa Menteri untuk membuat ketetapan bagi orang awam dilatih dengan bidang pertahanan awam termasuk *exercise* bagi maksud pertahanan awam. Ini kerana pertahanan awam diberi tanggungjawab untuk melatih dan membentuk komuniti yang siap siaga dengan kecemasan dan bencana.

Seksyen 7E bertujuan menggariskan senarai jadual pangkat yang seragam dan selari dengan pangkat agensi pertahanan awam di negara lain seperti dinyatakan dalam jadual.

Seksyen 7F bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Seksyen 7G bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menganugerahkan tauliah kehormat dan tauliah bersekutu dalam angkatan pertahanan awam kepada mana-mana orang yang difikirkan layak.

Seksyen 7H bertujuan memperuntukkan penalti terhadap mana-mana individu yang menyamar sebagai anggota pertahanan awam. Kesalahan melakukan penyamaran sebagai

anggota pertahanan awam ini boleh dijatuhkan denda sebanyak RM10,000 dan penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 14 – fasal ini meminda seksyen 8 Akta ibu bagi menggantikan gelaran jawatan Ketua Pengarah kepada gelaran pangkat Ketua Pesuruhjaya dan Perkhidmatan kepada pertahanan awam bagi menyeragamkan dengan pertubuhan pertahanan awam.

Fasal 15 – fasal ini meminda Akta ibu dengan memasukkan selepas seksyen 9 jadual yang berikut; *Schedule Section 7E, ranks for the Force*.

Bil.	Senior Officers	Officers	Staff Officers	Other Ranks
a.	Chief Commissioner for the Force	Lieutenant Colonel for the Force	Higher Staff for the Force	Sergeant Major for the Force
b.	Deputy Chief Commissioner for the Force	Major for the Force	Senior Staff for the Force	Sergeant for the Force
c.	Commissioner for the Force	Captain for the Force	Junior Staff for the Force	Corporal for the Force
d.	Deputy Commissioner for the Force	Lieutenant for the Force		Lance Corporal for the Force
e.	Assistant Commissioner for the Force	Second Lieutenant for the Force		Private for the Force
f.	Colonel for the Force			

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang telah saya jelaskan tadi merupakan usaha penambahbaikan dan perjenamaan semula Akta Pertahanan Awam 1951, satu akta yang telah berusia 65 tahun. Justeru bukan sahaja Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dijenamakan semula sebagai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia selaras dengan peruntukan yang telah sedia ada dalam Akta ibu. Pengurusan pertahanan awam juga dikemas kini melalui pindaan ini bagi menggambarkan ia masih relevan dengan sebarang situasi kecemasan, bencana, darurat dan ancaman peperangan.

Perincian fungsi ini juga merupakan langkah pemerkasaan pertahanan awam yang lebih dinamik dan memenuhi situasi semasa dan ia telah dibuktikan dengan penglibatan pertahanan awam ini dalam pelbagai senario yang berlaku semasa banjir besar saban tahun, insiden tsunami 2004, insiden pencerobohan Lahad Datu 2013 iaitu dengan mengendalikan pusat perlindungan awam, tugas keselamatan menghadapi insiden ketenteraman awam dan pelbagai kejadian kecemasan harian yang lain.

Pemerkasaan pertahanan awam merupakan tugas khusus bagi Ahli Dewan yang Mulia ini bagi memperakukan dan meluluskan rang undang-undang ini yang sekali gus memerlukan pertahanan awam di corak dengan seimbang baik daripada segi perjawatannya, peruntukan bajet tahunan dan keperluan logistik serta kelengkapan yang diperlukan. Perlu saya nyatakan di sini bahawa adalah tidak munasabah bagi sebuah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang

mempunyai perjawatan tetap seramai 1,265 orang di seluruh negara bagi mengurus, menyelia, melatih dan mencorakkan keanggotaan hampir 1 juta orang pada masa kini menjadikan nisbah antara pegawai tetap 1 orang bagi setiap 390 orang anggota.

Ini termasuk bilangan orang awam yang dilatih di mana statistik sejak tahun 2000, hampir dua juta orang rakyat Malaysia telah diberikan pendedahan dan pengetahuan asas pertahanan awam. Justeru peruntukan bajet yang dinikmati dalam lingkungan RM130 juta hingga RM140 juta setahun tidak dapat menampung kos operasi dan juga pengurusan pertahanan awam yang semakin besar dan disasarkan memiliki dua juta orang anggota pada tahun 2017. Lantaran itu rang undang-undang ini diharap akan menjadi pemangkin untuk meletakkan semula pertahanan awam seiring dengan agensi pertahanan awam lain di negara-negara yang lain serta menjadi platform bagi rakyat Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan dan bersama-sama memelihara keselamatan awam dan keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia, saya cadangkan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2015 untuk bacaan kali kedua untuk dibahaskan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertahanan Awam 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

### **3.29 ptg.**

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Tahniah saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri sebentar tadi kerana membaca usul yang begitu banyak perubahan kepada undang-undang yang lama yang membawa erti bahawa ini adalah satu pengukuhan yang cukup-cukup benar untuk memberi kekuatan kepada JPAM sebagai satu entiti yang lebih berkuasa memberi perkhidmatan kepada rakyat dan masyarakat.

### **■1530**

JPAM memang perlu diperkuuhkan dengan suasana yang ada sekarang yang dimaklumkan sebentar oleh Yang Berhormat Menteri, 65 tahun undang-undang ini tidak dikaji dan hari ini kita perlu ada satu undang-undang yang dapat mengatasi semua keadaan-keadaan dalam perkhidmatan awam yang cukup memberi cabaran yang besar terutamanya seperti yang disebutkan tadi perkara-perkara seperti tsunami, banjir-banjir besar dan juga masalah persempadanan di Sabah.

Saya mendapati bahawa JPAM yang mempunyai satu juta anggota dan akan naik ke dua juta seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi pada tahun 2018 sangat perlu diberi penekanan oleh kerajaan. Kerajaan patut menyokong untuk memberi penambahan dari segala segi agar entiti ini akan menjadi sebuah entiti yang cukup padu bagi membantu jentera-jentera pertahanan awam yang lain iaitu seperti polis dan tentera yang mana JPAM akan menjadi angkatan ketiga dalam memberi sumbangan kepada pertahanan awam negara. Saya menyokong penjenamaan semula JPAM kepada Angkatan Pertahanan Awam dan juga kepada perkukuhannya kepada Angkatan Pertahanan Awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa JPAM juga akan mengambil inisiatif tanggungjawab...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi. Itu bukan lagi JPAM - APAM.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Oh, APAM. [Ketawa] Betulkah Yang Berhormat Menteri? Tidak betul, tidak betul. Sekarang ini kita guna JPAM dahululah, selepas akta ini diluluskan barulah kita guna tukar nama. Sekarang baru perbahasan. Belum lagi, JPAM lagi.

Jadi saya sangat teringin sekiranya JPAM ini diberi satu bidang kuasa dan tanggungjawab yang baru yang lebih kemas dan lebih mantap untuk mengawal sempadan negara kita dan juga untuk memberi penekanan terhadap masalah pencerobohan tanah-tanah haram oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Oleh kerana pada masa ini kalau kita lihat sempadan negara kita ini memang luas. Daripada Langkawi sampai ke Tumpat, daripada Sabah ke Sarawak. Apa yang saya boleh baca di sini *coastline peninsular* jarak ialah 1,971 kilometer.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar hujah Yang Berhormat Langkawi saya pun rasa hendak bangun, hendak bertanya apabila kita diberi tugas yang berat ini menjaga sempadan, menjaga pendatang haram dan menjaga jenayah-jenayah yang ada di negara kita adakah pihak JPAM memberi perlindungan insurans kepada kita sebab ini adalah jenayah yang berat yang dijaga sebab kita ini adalah *line* yang ketiga selepas polis dan tentera. Jadi harapan saya dapat tidak Yang Berhormat Langkawi mencadangkan kepada kerajaan supaya kita dilindungi oleh insurans yang tertentu. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Ini bagus, Yang Berhormat Sibuti. Maksudnya satu idea dan agenda yang bagus. Maksudnya kita memberi perlindungan dari segi keselamatan insurans kepada *volunteers* dan juga orang-orang yang bekerjasama untuk menjalankan tugas-tugas JPAM.

Saya dimaklumkan dalam ucapan Menteri tadi ada seksyen di mana kerajaan memasukkan satu undang-undang khas, seksyen khas kepada *volunteers* ataupun

sukarelawan yang mengambil bahagian apabila dia diarah oleh Yang di-Pertuan Agong untuk melaksanakan tugas bagi perkhidmatan awam dia dapat perlindungan dari segi tindakan oleh jabatan dan majikannya. Jadi saya mohon masukkan Yang Berhormat Sibuti punya komen sebentar tadi ke dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada panjangnya jarak sempadan negara kita, di sebelah kiri kita ada Sumatera, di sebelah kanan kita ada dengar struktur airnya ada masalah, selepas itu ada Filipina dan di utara kita ada Thailand. Jadi sudah tentulah kawasan yang panjang ini tidak mampu dikawal oleh mana-mana *authority* tanpa ada bantuan daripada *force* yang ketiga.

Jadi oleh kerana demikian itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat memperkuatkan JPAM ini supaya ianya dapat digunakan bagi memastikan sempadan-sempadan utama kita ini dapat dikawal dengan sempurna dan memberi bantuan kepada pihak tentera dan juga pihak polis.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Boleh, Yang Berhormat Langkawi, Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tadi Yang Berhormat Sibuti ada sebut tentang insurans bila anggota JPAM ini bertugas di kawasan sempadan dan sebagainya, adakah nanti bila ada permohonan daripada anggota JPAM ini untuk mendapatkan senjata api bagi tujuan keselamatan. Adakah pihak kerajaan membenarkan mereka ini seperti yang diberikan kebenaran kepada anggota RELA? Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya sebenarnya menyokong di atas cadangan Yang Berhormat Sekijang bahawa anggota JPAM ini perlu diperkuatkan bukan sahaja dari segi kemampuan mereka, latihan mereka tetapi peralatan. Ini kerana mereka hendak bertugas kalau tidak ada alat contohnya seperti alat-alat keselamatan, senjata dan sebagainya yang ini patut diberi sokongan oleh kerajaan. Saya menyokong di atas hujah atau komen daripada Yang Berhormat Sekijang dan masukkan ke dalam ucapan saya

Lanjutan daripada itu, kemungkinan juga kerana *coastline* kita terlalu besar iaitu panjang 4,500. Kemungkinan juga JPAM ini boleh kita cadangkan kepada kerajaan agar ia mempunyai unit laut yang akan memberi sumbangan keselamatan juga kepada negara ini di samping membantu polis dan tentera dalam menjaga persempadanan laut kita yang begitu panjang di *Peninsular* dan juga Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Langkawi. Saya berdiri ini bila dengar cadangan Unit

Laut kepada JPAM. Saya rasa terpanggil dan minta pandangan Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi setujukah sekiranya Unit Laut ini direalisasikan sudah tentunya segala bentuk ancaman ataupun permasalahan pencerobohan dapat dikongsi semua sekali maklumat termasuk juga dengan penglibatan nelayan-nelayan ini.

Oleh kerana bagi hemat saya sudah sampai masanya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Langkawi, Malaysia ini terdiri daripada lautan yang luas. Sudah tentunya bila menjaga soal sempadan adalah soal bersama. Soal keselamatan soal bersama. Jadi saya melihat setujukah Yang Berhormat Langkawi sekiranya Unit Laut ini juga dapat diketengahkan dan diperbesarkan dengan penglibatan semua pihak termasuk juga perkongsian maklumat nelayan, APMM, supaya kita boleh mengurangkan risiko pencerobohan terutama sekali sama ada nelayan asing ataupun ancaman asing. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Hebat sekali cadangan ini kerana pada zaman teknologi, *Internet* dan sebagainya ini informasi sangat penting dan adalah merugikan sekiranya kita mempunyai informasi daripada JPAM tidak kita kongsikan untuk kepentingan rakyat di jabatan lain dan juga kumpulan yang lain. Jadi saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor dan harap kerajaan akan mengambil tindakan ke atas memperkuatkan sistem interaksi informasi di antara JPAM dan jabatan-jabatan lain termasuk dengan LKIM, JKK dan sebagainya yang sudah tentu akan memberi sumbangan yang cukup besar kepada memperkuatkan keselamatan negara kita.

Tadi saya melihat Yang Berhormat Menteri menyebut hanya di Sabah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Nanti sekejap saya bagi habis sekejap. Tadi Yang Berhormat Menteri hanya sebut keselamatan sempadan di Sabah tetapi dia tidak sebut di Langkawi. Di Langkawi ini sebenarnya ada masalah. Masalah kerana kita hanya 10 kilometer sempadan laut dengan Thailand. Di samping itu di utara Thailand kita ada lagi Burma, kita ada lagi Bangladesh dan India. Oleh kerana masalah yang berlaku di dalam negara mereka terdapat kumpulan-kumpulan manusia yang menyeberangi masuk ke Pulau Langkawi dan tiba-tiba sampai ke Langkawi dua, tiga kapal.

#### ■1540

Jadi, saya ada masalah besar dalam hal ini. Oleh sebab itu saya memohon supaya JPAM ini diperkuatkan dan ada satu unit khas di Utara Langkawi supaya kami rakyat Langkawi rasa selamat dan supaya pelancong-pelancong yang datang ke Langkawi juga akan rasa selamat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okeylah itu, sudah ada Kolonel Kehormat Langkawi, itu. *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya terpanggil juga, saya dengar tadi ada Yang Berhormat Sekijang hendak bagi pistol, lepas itu Pengerusi LKIM kita hendak bawa pergi ke

laut. Saya fikir sebab JPAM ini dia tiga, dia ada pegawai tetap, dia ada sukarelawan dan juga bantuan itu. Jadi adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan *training* yang komprehensif, yang lengkap ataupun tempat-tempat *training* sebab ini hendak pegang pistol, hendak pegang pistol hendak turun ke laut, ada unit laut pula. Jadi adakah kerajaan bersedia? Adakah *planning* kerajaan untuk memperkasakan dan memantapkan anggota JPAM ini dengan ilmu dan skil yang baik? Terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Bagan Serai saya bersetuju, fasal apa kalau kita bagi peralatan, kalau kita bagi senjata dan kalau kita bagi pakaian dengan baju lawa dan sebagainya tetapi kita tidak bagi dia latihan. Ilmu kosong, ilmu tidak ada. Jadi sudah tentu kita tidak akan dapat mempunyai anggota yang hebat dan berketerampilan dan memaksimumkan. *[Disampuk]* Yang memaksimumkan apa sahaja yang kita beri pada mereka.

Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan juga akan dapat memasukkan latihan yang komprehensif kepada anggota-anggota JPAM termasuklah *volunteers* macam kami ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, baju JPAM yang kita pakai itu tidak menggerunkan Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Ketawa]* Itu hendak kena tanya Menteri lah. Hendak bagi turun, kena bubuh...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** ...Kena bubuh yang *colour* yang harimau itu. Ha! Harimau, gerun sikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Di Sabah, warna baju itu macam baju ketua kampung Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang ini siapa pilih warna pun kita tidak tahu. Akan tetapi harap...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua pun hendak hina Menteri. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Keduanya, saya lihat bahawa JPAM ini perlu kita beri tanggungjawab untuk membantu tentera dan polis dalam menghadapi penerokaan haram di negara kita. Bukan sahaja yang sekarang ini kita nampak hanya di Cameron Highlands yang mana sebelum ini kerajaan sudah masuk di situ akan tetapi akhirnya tak lama kemudian ia akan berlaku kembali. Sudah tentulah kita dapat bahawa penguatkuasaan autoriti ini tidak mampu untuk berterusan berada di situ kerana mungkin pihak-pihak autoriti tertentu mereka mempunyai tugas yang lain untuk menjaga negara, sempadan, menjaga keselamatan rakyat dan sebagainya.

Ini menyebabkan matlamat kita untuk menghapuskan pencerobohan haram di Cameron Highlands itu nampaknya seolah-olah tidak kemas dan kukuh. Oleh sebab itu saya mohon mencadangkan supaya...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Bagi habis ya. Supaya JPAM diperkuuhkan supaya mereka ini boleh digunakan untuk membantu bagi mengawal pencerobohan haram yang berlaku di semua tempat di dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. *[Ketawa]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi, jiran sebelah. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah pertindihan kuasa antara mungkin tentera, polis dan juga sekarang ini jabatan baru, Angkatan Pertahanan Awam ini dalam perubahan *amendment* kepada rang undang-undang ini berkaitan Perkara 2C iaitu disebut dengan izin, *overlapping of functions*.

Jadi sudah tentulah bukan sekadar ketika kita menghadapi bencana sama ada banjir besar, keruntuhan bangunan dan sebagainya termasuk juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi tadi berkaitan dengan bagaimana kita hendak mengawal pencerobohan dan sebagainya ini. Ia berkait rapat dengan soal *overlapping of function*. Arahan tidak kiralah sama ada dari pejabat kerajaan, pejabat tanah dan sebagainya kemudian menyusun strategi hendak *mobilize* gerak kerja, mungkin penggunaan peralatan dan sebagainya.

Di sinilah saya kira yang sering menjadi masalah kepada kerja-kerja yang hendak dilaksanakan. Saya yakin bila JPAM ataupun kini disebut dengan singkatan APAM ini atau Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, kita harap supaya masalah pertindihan kuasa, arahan kerja, gerak kerja, strategi dan sebagainya dapat diatasi. Apa pandangan Yang Berhormat Langkawi?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Memang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi. Kita melihat JPAM ini disediakan dengan pelbagai kemudahan, lori, jentera, gergaji dan pelbagai lagi. Dalam masa yang sama kita ada RELA yang juga pertubuhan sukarela. Apa yang paling penting apakah JPAM ini membantu pertahanan dari segi bencana, apabila berlaku banjir, bila berlaku kebakaran, bila berlaku kemarau, di mana kita boleh melihat JPAM akan menjadi pasukan yang ketiga selepas polis, tentera dan bomba.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Langkawi, apakah berlaku pertindihan dengan RELA tadi? Bagaimana pula RELA hendak bertugas hendak masuk dan dalam masa yang sama bagaimana kita hendak memperkasakan JPAM setakat ini untuk membantu di peringkat penerokaan haram tanah seperti di Cameron Highlands. Jadi bolehkah Yang Berhormat Langkawi tolong jelaskan dan kalau boleh kita hendak lihat sejauh mana JPAM ini boleh membantu dari segi bencana yang dalam negara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Parit hendak bagi pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Langkawi, tadi ada cadangan yang mengatakan RELA diberikan kursus dan sebagainya. Akan tetapi pendirian saya yang pertama, bagaimana elaun mereka ini? Tidak adakah fikirkan untuk bayar mereka sagu hati atas apa-apa kerja yang mereka buat? Fasal apa saya rasa mereka akan menuntut. Akan tetapi kalau tidak sediakan peruntukan di mana hendak cari peruntukan itu? Itu yang pertama.

Kedua, oleh sebab JPAM ini terlibat dengan hal-hal bencana dan sebagainya, saya mencadangkan supaya ahli-ahli JPAM yang ada di kampung masing-masing dilantik duduk dalam JKK untuk memberikan pandangan bagaimana menghadapi segala bencana dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Langkawi? Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Pertamanya, saya ingin kongsi pendapat dengan Yang Berhormat Jerlun yang memberi komen tentang *overlapping* tugas-tugas. Ini saya rasa memang telah diadakan satu seksyen khas dalam 2C yang mengatakan bila melaksanakan tugas-tugas ini terdapat *overlapping*, maka jabatan terlibat akan adakan mesyuarat secara pengurusan.

Keduanya, Yang Berhormat Gerik bertanya tentang RELA dan JPAM. Ini saya sebagai MP di sini tidak boleh jawab, kita tunggu Menteri jawab apakah perbezaan tugas di antara JPAM dan RELA. Akan tetapi saya nampak JPAM ini dia lebih kemas kerana...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Menyampuk]**

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Ketawa]** Pendapat sayalah kan. Dengan adanya undang-undang baru ini nampaknya JPAM akan lebih kukuh kerana ia akan menjadi *force* yang ketiga selepas tentera, polis dan JPAM. Kemungkinan RELA itu bawah sikitlah, kan. Ketiga, Yang Berhormat Parit bersangkut paut dengan elaun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]**

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Elaun ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua kerana sekiranya *volunteers* ataupun...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Satu perkara yang kita kena ketahui adalah hari ini keadaan sudah berubah, fenomena iklim dalam negara kita, kita lihat begitu berbeza berbanding dahulu dan bencana yang berlaku luar biasa. Sudah tentu di samping kita memperkuatkan peranan JPAM dari segi undang-undang ini satu perkara yang saya fikir perlu kita beri keutamaan juga adalah JPAM mesti juga diberi suatu kuasa atau apa yang membolehkan mereka menggunakan peruntukan atau mendapat peruntukan untuk membantu dalam keadaan yang luar biasa ini. Banyak perkara yang berlaku.

Hari ini kalau kita tengok di Perlis, di bawah Menteri yang jaga bencana sendiri, berlaku suatu yang luar biasa. Perbelanjaan juga luar biasa sebab kemusnahan luar biasa perlu diselesaikan segera. Jadi soal-soal yang melibatkan prosedur kewangan dan soal-soal sesuatu yang hanya boleh kita laksanakan pada waktu aman, ia tidak boleh dilakukan di waktu yang sukar ini. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Langkawi, apakah perlu dimantapkan lagi perkara ini?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong bahawa JPAM ini perlu mempunyai bajet khas untuk menghadapi bencana alam kerana apabila dia hendak menjalankan tugas dia ketika berlaku bencana alam tapi kalau duit tidak ada, tidak guna sampai itu tapi tidak boleh dilaksanakan tugas.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Parit kerana Yang Berhormat Parit ada menyebut tadi bahawa sukarelawan perlu diberi sumbangan elaun. Ya, patut dan wajib kerana kalau kita minta dia pergi bertugas ataupun menjalani latihan berminggu-minggu, sudah tentu elaun perlu diberi oleh kerajaan dan mereka juga patut dimasukkan sebagai sebahagian daripada AJK JKJKK kampung supaya dapat memberi impak yang lebih kepada pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, penerokaan haram ini bukan sahaja berlaku di *Cameron Highlands* tetapi penerokaan haram ini berlaku di mana-mana tempat di semua negeri kerana tanah adalah sangat penting termasuk dengan tempat saya, walaupun pulau kecil tapi penerokaan haram berlaku.

Oleh yang demikian itu, adalah sangat penting supaya JPAM ini diberi kuasa sehingga ke peringkat daerah iaitu setiap kawasan Parlimen supaya di tiap-tiap kawasan Parlimen itu mempunyai pejabat yang kukuh dan lengkap yang mampu untuk memberi sumbangan, pertolongan dan bantuan kepada kerajaan bagi mengekang penerokaan haram di dalam tanah-tanah kerajaan dan juga di tepi-tepi pantai dan sebagainya.

Saya apabila membaca di dalam akta ini pelantikan *Chief Commissioner* ataupun Ketua Pesuruhjaya dan *Deputy Chief Commissioner* dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong, ini memberi makna bahawa masyarakat melihat bahawa JPAM ini amat-amat hebat dari segi kuasa mereka yang ada kerana diturunkan daripada Yang di-Pertuan Agong. Sudah tentu kuasa yang kukuh ini akan memberi motivasi yang kuat kepada pekerja-pekerja ataupun anggota JPAM untuk melaksanakan tugas-tugas mereka termasuklah Menteri yang bersangkutan.

Dalam keadaan kecemasan yang perlu tindakan serta-merta, *Chief Commissioner* ada kuasa penuh untuk mengambil tindakan dan ia dilakarkan di bawah seksyen 4C. Sudah tentu ini akan memberi satu kekuatan yang luar biasa kepada *Chief Commissioner* untuk melaksanakan tugasnya.

Tambahan lagi, ada satu seksyen di mana kalau ada mana-mana rakyat yang jahat ataupun orang-orang luar yang datang ke Malaysia ini akan menghalang tugas-tugas yang

akan dilaksanakan atau sedang dilaksanakan dalam operasi JPAM, maka *Chief Commissioner* boleh mengambil tindakan kepada orang-orang itu di bawah seksyen 4C(1)(c). Jadi ini sudah tentu akan memberi satu kebaikan kerana akhir-akhir ini kita dapati negara kita ini agak kucar-kacir dari segi politik dan sebagainya. Banyak NGO dan badan-badan lain serta orang-orang perseorangan yang banyak keras kepala yang cuba mengambil peluang sama ada untuk diri sendiri atau parti-parti politik tertentu untuk menghalang kerja-kerja yang dilaksanakan oleh jabatan kerajaan.

Di samping itu, denda juga dinaikkan kepada RM10,000 ataupun lima tahun penjara ataupun kedua-duanya sekali.

Saya sangat menyokong di atas *establishment of Civil Defense Cadet Corps* yang mana seperti Menteri nyatakan tadi, *Cadet Corps* ini bersesuaian untuk mereka-mereka berumur antara 12 hingga 30 tahun. Ini sudah tentu akan memberi impak yang positif kepada pelajar-pelajar dan belia-belia dalam negara kita ini kerana apabila mereka masuk ke dalam *Cadet Corps* ini, sudah tentu mereka akan diberi latihan, sudah tentu mereka akan mendapat latihan yang sempurna dan akan meningkatkan disiplin mereka dan dapat merasai semangat patriotisme untuk membantu negara dan dapat membantu masyarakat. Sudah tentu ini memberi peluang kepada rakyat negara ini, anak-anak muda di negara ini, untuk belajar bagaimana cara mereka dapat menyumbang tenaga, usaha dan juga jiwa raga mereka untuk pembangunan kebaikan masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Menteri ada menyatakan bahawa Menteri berkuasa untuk memberi *Honorary Commission* dan pangkat kepada mana-mana mereka yang dikehendaki oleh beliau, *deem fit*. Jadi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana memberi pangkat kepada kami kelmarin ini. Ramai jugalah. Ada yang dapat Kolonel, baju yang lawa. Termasuk Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena *handsome* kelmarin, hari ini tidak pakai tidak *handsome*.

Saya cuma hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Selangor tidak cukup syarat tinggi. *[Ketawa]* Itu kena tarik balik.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tidak setuju, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Peraturan Dewan. Yang Berhormat Pokok Sena menghina Dewan

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, tarik balik

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, yang ini dah terlebih ini. Tarik baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, tak cukup tinggi, tambah tinggi pakai kasut tinggi, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju kerana tidak adapun dalam seksyen 7G ini yang menyatakan setiap manusia yang mendapat pangkat itu kena ada ketinggian tertentu, tidak ada. *[Ketawa]* Dia hanya kuasa Menteri saja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tinggi tidak cukup, nanti 'pi' buat pemeriksaan sukarelawan, sukarelawan itu dia besar tinggi raga macam Yang Berhormat Gerik, jenuh '*langut*'. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Pokok Sena, kita apabila pangkat kolonel, kita bukan 'pi' buat kerja. Pangkat kolonel ini mengarahkan orang bawah buat kerja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Periksa, periksa perbarisan. Kalau dia besar raga macam Yang Berhormat Gerik itu, macam mana? Hendak '*langut*' kah? *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena. Tak apa, ikut mana pun, kolonel juga itu. Ini Yang Berhormat Bagan Serai kolonel juga...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Macam kolonel Yang Berhormat Bukit Katillah. Dia menjengket sahaja.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Cuma saya hendak tanya pihak kerajaan dan Menteri pada hari ini, apabila kita diberi dengan baju yang lawa, baju yang cantik, baju yang gah sikit tapi Tuan Yang di-Pertua kata tak garang, kita hendak tanya, yang pertama, adakah pangkat kolonel yang diberi itu dengan tauliahnya sekali itu boleh diguna pakai di mana-mana dalam negara ini? Adakah kita apabila pakai Kolonel Dato' Ir. Nawawi, kena tangkap atau tidak?

Jadi saya hendak supaya Menteri...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Teringin jadi kolonel nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya bertanya dengan Yang Berhormat Lumut tadi, dia kata mesti ditauliah baru boleh pakai. Tauliah daripada Agong. Yang dah dapat itu tak tahu boleh pakaikah tidak.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang itu saya hendak tanya Menterilah. Kalau boleh, kita pakai. Kalau tidak boleh, kita tidak payah pakai. Maksudnya kalau tidak boleh pakai ini, pangkat kolonel ini hanya syok sendiri sajalah. *[Ketawa]* Minta maaf, Yang Berhormat Pokok Sena ya.

So, yang kedua, Yang Berhormat Pokok Sena ada bisik kelmarin ini, adakah dengan pangkat kolonel ini dia akan dapat apa-apa elau? *[Ketawa]*

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita amat bersetuju apabila ada satu undang-undang khas, seksyen 7H yang memperuntukkan kepada kerajaan untuk mengambil

tindakan kepada mana-mana rakyat Malaysia yang berpura-pura menjadi ahli JPAM ini. Jadi dengan cara demikian itu— banyak dah kita lihat dalam TV, dalam surat khabar hari ini ramai sangat masyarakat Malaysia ini yang suka sangat mengambil peluang bagi menyamar sebagai polis, pegawai tentera dan sebagainya.

Oleh sebab itu...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan, Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada dua benda yang saya hendak tambah dan minta pandangan Yang Berhormat Langkawi.

■1600

Pertama, pasal *Cadet Corps* ataupun Kadet Remaja APAM. Saya kira sebelum ini pun banyak. Kita ada Kadet Tentera di sekolah, Kadet Polis, Kadet Remaja Sekolah (KRS), Kadet Bomba dan pelbagai badan beruniform. Cuma kita hendak minta Yang Berhormat Menteri dan juga APAM ini mengkaji balik mungkin ada apa-apa kelemahan yang terdapat dalam kadet-kadet sebelum ini. Supaya bila kita wujudkan Kadet Remaja ataupun Kadet APAM ini maka murid ataupun mereka-mereka golongan belia yang masuk ini akan terus minat menjadi sukarelawan selepas mereka keluar daripada umur 30 tahun. Itu yang pertama.

Kedua, tajuk berkaitan perkara yang ketujuh ini iaitu perkara 7H - *personation*. Memang jadi tabiat rakyat kita ini setengah-setengah golongan yang suka *impassionate*, suka ambil berlakon jadi orang lain. Dia tidak jadi macam contoh dia pergi curi uniform Yang Berhormat Langkawi, Kolonel Kehormat Langkawi ini dia curi. Dia pakai bintang apa semua dia ambil gambar kemudian dia pergi ugut orang dan sebagainya. Mungkin juga ketika ada bencana mungkin ada bangunan terbalik, teruntuh jatuhkah — dia masuk. Orang hendak pergi selamat mangsa tetapi dia masuk mencuri.

Jadi mungkin dengan RM10,000 yang kita hendak hukum ini adakah patut kalau dia boleh curi sampai berpuluhan ribu ataupun ratusan ribu harta benda yang dimiliki oleh mangsa-mangsa. Kita tahu *impersonation* ini bukan sekadar dalam bentuk konteks APAM ini sahaja ramai juga orang suka *impassionate* termasuk juga gelaran Datuk. Apa pandangan Yang Berhormat Langkawi?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Jerlun dan minta masuk ke dalam ucapan saya. Saya mohon menyokong sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia terlampau tinggi Yang Berhormat kita bagi yang rendah sedikit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi yang rendah dahulu. Tuan Yang di-Pertua pun pilih yang setaraf, comel. *[Ketawa]* Ini ada pilih kasih nampaknya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menghina Dewan ini. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya percaya ini merupakan satu inisiatif yang baik daripada Yang Berhormat Menteri. Bukan bermakna dia bagi pangkat kita kena puji dan bodek dia. Akan tetapi, saya hendak nyatakan bahawa JPAM telah pun memposisikan institusi ini sebagai suatu unsur tetap dalam sistem pertahanan negara. Ini kerana dari segi undang-undang ini telah memperincikan bagaimanakah kaedahnya *the third force* yang diungkapkan oleh Ahli Parlimen yang lain. Bahawa dalam sistem pertahanan negara kita ada baris ketiga, lapis ketiga.

Cuma saya ingin nyatakan bahawa ini merupakan inisiatif ini adalah satu inisiatif yang bukan sekadar berlaku di dalam negara kita tetapi negara-negara misalnya seperti Amerika Syarikat telah pun ada sejak daripada awal lagi yang dipanggil *civil defense*. Di mana mereka telah pergi lebih maju malah ada *movie* ataupun ada drama-drama yang dibuat. Misalnya *Our Cities Must Fight*, drama pendek yang menceritakan bagaimana tahap kesiapsiagaan rakyat di Amerika Syarikat bila berhadapan dengan nuklear war dan sebagainya. Jadi saya nyatakan perkara ini, sebab negara kita pun saya difahamkan baru-baru ini telah pun menjadi ahli tetap *International Civil Defense Organization* yang berpangkalan di Geneva. Ini satu perkembangan yang baik.

Cuma saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan adanya rang undang-undang ini kita telah mempermudahkan Akta Pertahanan Awam ini. Secara dasarnya ataupun secara umumnya kita melihat bahawa pasukan-pasukan yang lain misalnya Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). RELA juga mempunyai sejarah yang panjang dia bermula daripada *home guard*, pengawal kampung dan kemudian berkembang menjadi satu lagi yang dipanggil sebagai sistem pertahanan yang ketiga. Pada saya dengan undang-undang yang kemas ini yang cuba dikemaskin oleh Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri yang berkaitan tentunya menjadikan RELA itu tidak relevan. Jadi apakah Yang Berhormat Menteri mempunyai satu strategik agar semua anggota RELA ini diserapkan di bawah Jabatan Pertahanan Awam ini. Agar kita ada suatu badan yang menyatukan kesemua usaha ke arah menjadikan atau memperluaskan, atau memperkasakan sistem pertahanan ketiga negara ini.

Malah kalau saya teliti tadi beberapa pindaan misalnya *Cadet Corp* seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen daripada *backbenchers* sebentar tadi, *Members Civil Defense Cadet Corp*. Di sini juga saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah ada suatu strategik supaya program-program misalnya Program PLKN itu dikaji dan dihapuskan. Ini kerana dalam *Civil Defense Cadet Corp* ini dinyatakan juga penglibatan pelajar di peringkat rendah dan boleh juga dimasukkan ke peringkat pengajian tinggi. Ini kerana pada saya PLKN juga mempunyai motif seperti itu, mempunyai objektif seperti itu. Jadi pada saya, kalau kita ingin memperkasakan sistem pertahanan ketiga negara ini dengan objektif yang sama, dengan matlamat yang sama apa salahnya kalau kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri

menjadi satu *coordinating body* yang ambil semua sekali dengan matlamat yang sama letakkan di bawah satu badan.

Kenapa saya nyatakan seperti ini ialah PLKN pun kita belanja besar. RELA pun saya percaya ada implikasi kewangan kepada negara. Jabatan Pertahanan Awam pun saya yakin ada implikasi kewangan. Jadi biarlah kita minimumkan, kita jadikan Jabatan Pertahanan Awam ini satu *the body* dengan izin dan kesemua yang dengan semua agensi bermaksud seperti itu diletakkan di bawah satu badan. Ini tentunya boleh dikaji semula bagaimana peruntukannya, saya baca beberapa laporan media menyatakan rungutan malah Menteri sendiri menyebut kita perlu peruntukan tambahan untuk membeli peralatan-peralatan yang telah lama. Jadi, ini semua perkara boleh kita lakukan kalau kita *cut short* dengan izin belanja-belanja yang tidak perlu. Kenapa kita perlu ada banyak agensi tetapi dengan satu matlamat. Kita ada Jabatan Pertahanan Awam ini yang sekarang rang undang-undang sedang dipinda bagi maksud itu. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri nyatakan bahawa ataupun saya ingin tanya apakah kementerian sedang bergerak ke arah itu. Ini kerana saya yakin itulah yang diperlukan, kalau kita bercakap tentang *the third force* ataupun barisan ketiga pertahanan negara ini.

Bagi yang kedua yang ingin saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri ialah soal apa yang telah dinyatakan tadi bahawa kedudukan anggota-anggota Parlimen. Saya hendak ucap terima kasih kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya masih ingat tiga, empat bulan yang lalu saya dihubungi oleh JPAM Melaka. Dia telefon saya kebetulan dia pakai nombor telefon pejabat. Jadi saya cakaplah — dia tanya, "Yang Berhormat kami dapat arahan ini daripada Yang Berhormat Menteri hendak lantik Yang Berhormat sebagai Kolonel Kehormat." Saya pada ketika itu saya punya persepsi saya kata, "You pergi check dengan Yang Berhormat Menteri dahulu betulkah hendak lantik ini? Silap-silap esok you cadang you kena pindah pergi Sabah." Itu persepsi sayalah. Ini sebab satu perkara yang jarang-jarang, bak kata P. Ramlee pun kadang-kadang berlaku. Jadi ini satu *effort* yang baik, satu perkara yang baik. Yang Berhormat Menteri bagus alhamdulillah tetapi yah teguran-teguran itu mesti kita bagi — kalau tidak nanti dia lupa.

*Point of Order*, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Langkawi tadi okeylah hari ini kita dapat Kolonel Kehormat walaupun saya hendak pertikaikan dari segi Kolonel Kehormat itu kenapa tidak Yang di-Pertuan Agong beri kepada kita, ya tidak? Supaya kita boleh berperanan dengan lebih tepat lagi. Saya tidak ada *problem* soal elaun tambahan dan sebagainya, pada saya itu kalau ada lagi baik. Kalau tidak ada, kita kerja sukarela tidak ada masalah. Cuma bila ada sesuatu isu berlaku di kawasan misalnya ataupun di sesuatu negeri kita diarahkan untuk pergi. Bagaimana kita hendak berperanan, kalau kita tidak tahu bidang kuasa kita, kuasa kita setakat mana.

■1610

Kalau-kalau selepas ini apabila kita datang, ada satu lagi kolonel, kita Kolonel Kehormat. Jadi, macam mana dadu kena, mana arahan hendak ikut? Ini semua saya percaya kena diperhalusi semula. Saya cadangkan agar undang-undang ini menyatakan dengan jelas

Kolonel Kehormat kah, kolonel kah, biar satu sahaja yang anugerah ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, biar selaras. Malah dalam jadual ini pun dinyatakan tadi *Syria officers ranks for the force*, saya cuba carilah *where is Honorary Colonel*, tidak ada dalam buku. Bak kata Yang Berhormat Langkawi, kita syok sendirilah. Adakah *colonel for the force means, includes Honorary Colonel?* Saya pertikai ini bukan sebab saya hendak jawatan, tidak. Apabila kita turun padang, kita ada peranan. Macam mana Yang Berhormat Langkawi sebut, kita beri arahan, orang ikut. Ini kita punya arahan, dia kata dia pun kolonel orang beli. Pemberi ada, ya tidak? Dia tidak ada respek itu.

Jadi, kalau itu maksudnya, kalau sekadar hendak *pleased Ahli-ahli Parlimen*, pada saya, Ahli-ahli Parlimen semuanya Ahli Parlimen yang matang. Kita— *we don't need to be pleased*, dengan izin. *We want to work*. Kita hendak bekerja bersama-sama dengan rakyat. Kalau ada bencana, kita hendak turun, tidak kiralah bencana itu, kerana bencana ia tidak pilih parti mana ya. Tidak pilih orang UMNO kah, Barisan Nasional kah, Pakatan, dia tidak pilih. Dia datang, datang sekali, semua kena. Jadi, kita sama-sama membantu. Pada saya, undang-undang ini perlu diperhalusi semula bagi maksud itu. Kalau tidak, ia akan sekadar bercelaru di bawah dan daripada segi *implementation, problem* kita dalam negara ini ialah selalunya masalah pelaksanaan. Jadi, untuk melaksanakan Jabatan Pertahanan Awam ini sebagai *the third force, remember, the third force* ini satu perkara yang cukup penting, benteng ketiga pertahanan negara.

Saya juga ingin cadangkan supaya daripada segi peringkat dasar ini agar Yang Berhormat Menteri juga membuatkan suatu perancangan agar latihan-latihan diberikan. Misal, saya tengok *website International Civil Defense Organization* ini, yang berpangkalan di Geneva. Amerika ada latihan-latihan yang diberikan. Latihan-latihan *mountain rescue*, latihan-latihan bencana dan sebagainya. Ini perlu diperluaskan, hatta kepada semua anggota Parlimen yang berminat agar pengalaman ini dapat kita ambil dan dibawa ke kawasan masing-masing dan kita boleh kongsi dan *share* dengan para pegawai ataupun mereka yang berkhidmat, mereka yang sukarela ingin bersama-sama di dalam Jabatan Pertahanan Awam ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dan mohon penjelasan. Bahawa dalam undang-undang ini dibenarkan, bahawa kita diberikan— Menteri diberikan kuasa untuk menghantar mana-mana anggota ke luar negara, baik. Saya hendak tanya, apakah ada *safeguards* dalam undang-undang ini? Misalnya, kalau kita putuskan hari ini untuk hantar kumpulan Jabatan Pertahanan Awam Negara ini ke Syria untuk membantu mereka yang berada di Syria. Sebuah tempat atau kawasan perang yang perlukan bantuan, kita tengok banyak inisiatif yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa. Saya percaya Malaysia tidak muh terkecuali daripada membantu. Jadi, bagaimana kita hendak pastikan agar apabila kita hantar itu, kita hantar satu pasukan yang betul-betul boleh berperanan di *conflict areas*? Ataupun kita sekadar hendak hantar itu apabila kita hendak kawasan itu tidak membahayakan pasukan ataupun anggota pertahanan awam ini.

Ini kerana pada saya kalau kita hendak pergi lebih jauh, kita mesti ada pemikiran ke arah itu. Termasuk juga dengan penyediaan ataupun memberikan satu pendedahan kepada anggota-anggota ataupun pegawai-pegawai pertahanan awam ini daripada segi persenjataan dan sebagainya. Bukan kerana kita hendak pergi berperang tetapi kita bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Jadi, saya hendak nyatakan seperti ini pada saya ialah oleh kerana undang-undang ini, pengemaskinian ini dan jabatan ini juga memberikan kesan implikasi kewangan terhadap negara. Eloklah kita urus dengan baik dan saya harap perkara ini boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri agar misi dan visi yang akan kita dapat nanti dalam waktu penggulungan dapat kita simpulkan supaya biarlah Jabatan Pertahanan Awam ini jadi satu betul-betul lapis ketiga.

Saya juga hendak minta dengan sesungguhnya kepada Yang Berhormat Arau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jangan jadikan agensi ini, JPAM ini sebagai satu kenderaan politik. Biar amanah semua, yang terlibat, yang berminat dengan sukarelawan, masuk. Waktu pilihan raya jangan digunakan jentera ini untuk tujuan memenangkan parti-parti politik tertentu, termasuk daripada Yang Berhormat Putatan, ya tidak? Kita kena *clear* ini supaya apabila kita masuk, kita bawa satu semangat sukarela dan untuk membantu mangsa-mangsa. Jangan waktu Pilihan Raya Kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar ini, kita nampak pula kita dikerahkan, *no*. Pada saya, *let's prepare* satu- *draw a thin line*, satu garis pemisah yang betul-betul. Kita bekerja untuk negara dan membantu dan tidak bertujuan untuk memenangkan parti-parti politik yang sedia ada. Jadi, pada saya kalau itu berlaku, saya fikir undang-undang ini wajar disokong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bukit Katil, oleh kerana ini sangkaan tuduhan ataupun sangkaan jahat ataupun– kalau ada bukti, boleh beritahu tidak...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tidak, saya sokong tadi. Saya pun tidak minta...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...minta ahli anggota JPAM ini terlibat dengan politik boleh? Minta bukti.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya kata, minta *draw a line*, saya cadangkan. Kalau Yang Berhormat Putatan hendak buat, biar Yang Berhormat Putatan seorang sahaja. Jangan bagi bajet pada dia. Kita bagi pada Ahli Parlimen yang lain. Pada saya, kita *draw a line*. Saya beri peringatan ini bukan apa, kerana ini membabitkan wang rakyat dan saya sebutkan tadi bencana tidak mengenal pasti. Kita tumpu betul-betul dan keselamatan negara *it's our priority*. Jadi, pada saya dengan kata itu, sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai yang berminat lagi? Saya ingat Yang Berhormat Menteri hendak bangun jawab sudah. Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

#### **4.16 ptg.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya untuk berbahas. Saya hendak cakap tidak panjang. Cuma saya rasa, JPAM ini sebenarnya bukanlah salah satunya kerangka yang ada untuk melibatkan begitu ramai rakyat, cuma hendak dibrandingkan sebagai satu *third force* dan sebagainya.

Saya tertarik dengan hujah-hujah daripada Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya kita kena ada *thin line*, kita kena ada *framework* dan sebagainya. Kalau kita tengok dalam sosio demografi rakyat Malaysia ini, kita banyak sudah terlibat program. Perpaduan baik, RELA baik dan kalau kita ini biasa berdamping dengan rakyat di bawah ini, di akar umbi, perkara ini berlaku sepanjang tahun. Apabila banjir kah, ini semua satu kerangka yang dibuat untuk memberi penglibatan yang lebih tersusun. Kita dapat menggembung penglibatan ini dalam satu bentuk yang lebih efektif dan dalam keadaan lebih selamat, tersusun. Apabila sampai masa-masa ketikanya, kita dapat gerakkan keupayaan ini, kapasiti ini dengan lebih berkesan, dengan maklum bahawa *safety* itu penting. Orang yang hendak ditolong pun kita jaga dan ini adalah sebahagian daripada kerangka-kerangka yang sudah sedia ada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Perpaduan ini 15 tahun sebagai Pengurus, tidak ramai jadi Pengurus Perpaduan Daerah ini. Tidak ramai dan ia bukan kerja mudah. Dalam makna apabila banjir, apabila ada bencana, kita pun sudah turun tetapi tidaklah tersusun. Akan tetapi apabila ada JPAM dengan kerangka macam ini, saya ingat ini sangat baik. Untuk bukan sahaja kita mahu menyelaraskan keupayaan yang kita boleh guna apabila kita berhadapan dengan bencana tetapi kita juga membina satu organisasi yang akan membina rakyat itu sendiri. Bukan sahaja ia menyumbang, ia akan membina keupayaan rakyat itu dalam kerangka-kerangka yang tersusun.

Jadi, kalau kita kata jangan pakai politik dan sebagainya, saya ingat Yang Berhormat Bukit Katil kalau apabila banjir kita sudah turun, ini bukan diminta-minta, kita turun automatik. Sebenarnya kalau kita ada bencana, tidak payah disuruh-suruh kita sudah turun. Berbagai-bagi kerangka yang sudah ada. Jadi, kalau kita kata kerajaan mesti buat begini, begini, sebenarnya itu cerminan sama ada kita biasa dengan keadaan ini atau tidak, waktu bencana kita turun tidak. Sebenarnya, pada pandangan saya, tidak pelik sangat kalau kita kata kita kemas kini kerangka ini, itu lebih memberi kesan positif daripada kita cerita tentang takut ada perselisihan, percanggahan kegunaan dan sebagainya. Itu tidak timbul sebenarnya kalau kita dah biasa berkecimpung dengan isu-isu begini. Jadi, itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan jadi negara maju.

Saya amat bersyukur hari ini apabila dipanggil, diberikan satu pengiktirafan Kolonel Kehormat, apa-apalah pangkat. Bagi saya pangkat itu pun bukan yang utama sangat. Sebenarnya, satu pengiktirafan kepada kita sebagai pemimpin masyarakat dan meletak kita pada tahap-tahap yang sesuai dan kita akan dapat berfungsi dengan lebih efektif. Terpulanglah kepada kita apabila sudah jadi Kolonel Kehormat kah, Briged Jeneral Kehormat kah, untuk

mengaplikasikan *empowerment* atau pengupayaan diberi oleh kerajaan ini. Jangan kita terlampau kadang-kadang memandang terlampau jauh, kita terlupa kita cakap fasal *form*, kita terlupa *substance* ia sendiri.

■1620

Niat dan tujuan utama kita ada, *the third force* ini ataupun angkatan ini. Tidak lain dan tidak bukan menggembung keupayaan ada di kalangan rakyat kita dan memberi peluang kepada rakyat untuk mereka menyumbang dalam bentuk-bentuk yang lebih tersusun, teratur, selamat dan efektif. Sebenarnya ini satu imej yang amat penting. Kalau kita lihat negara-negara luar, dia tahu kita ada pengiktirafan begini, itu menunjukkan satu cerminan kejatidirian rakyat kita yang akan sentiasa terpanggil, teruja untuk ke depan bila ada isu-isu bencana contohnya. Kita bukan lihat bencana saja, mungkin isu-isu yang boleh mengganggu gugat keselamatan contohnya pencerobohan hutan, contohnya. Pencerobohan kawasan tадahan contohnya. Ini skop-skop yang mungkin ditambah dari semasa ke semasa.

Tapi pokok pangkalnya, ini satu pengiktirafan untuk kita menggembung usaha-usaha kita yang murni ini dan kita beri sedikit pengiktirafan sebab orang kata *unsung hero*, kadang-kadang buat kerja orang tidak tahu. Jadi inilah peluang terbaik di samping diberi pengiktirafan dalam bentuk pangkat dan sebagainya. Pangkat ini sebenarnya terima kasihlah tapi bagi saya itu satu tanggungjawab. Jangan kita sibuk cerita pangkat, apa kita boleh buat, itu dan ini tapi bila dapat esok balik, kita tidak buat sebab kita tidak biasa. Bukan kebiasaan kita. Saya tidak menuduh tapi kalau kita biasa benda ini sampai masa bila angkat letak di bahu saya tadi, saya rasa ini tanggungjawab lagi, tambah. Kalau kita berfikiran macam itu, kita tidak akan tanya banyak sangatlah.

Tapi bagaimanapun ada juga benar saranan itu. Biar kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri adakan *terms of reference* atau garis panduan rujukan supaya tidak terkeliru dan tidak ada *abuse* atau tidak akan rasa perkara-perkara yang akhirnya tujuan niat itu baik tapi tidak kesampaian. Sebab apa, kekeliruan dan sebagainya. Ini kita saya ingat amat mudah. Boleh disusun semula. Tapi yang penting dalam kerangka ini...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Tinggi. Saya tertarik dengan apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai macam mana kita boleh perkasakan bila kita sudah membuat satu buah kerangka yang cukup khusus kepada dalam kita membincarakan mengenai JPAM ini ataupun APAM ini. Jadinya ya, tapi kita pada pandangan Yang Berhormat, dalam kita membuat satu buah kerangka yang cukup komprehensif itu, mungkin kita masukkan satu elemen *at least* terutamanya kita yang telah

mendapat Anugerah Kehormat ini supaya diberi satu *training* dalam usaha untuk melengkapkan diri kita daripada segi asas kepada pertahanan awam itu sendiri.

Sebab saya hendak bagi contoh, apabila kita masuk mungkin di kawasan banjir dan segala-galanya, kadang-kadang memerlukan keperluan asas seperti bagaimana hendak menyelamatkan diri di dalam hutan yang hanya berbekalkan perahu sahaja dan setengah mungkin daripada kita tidak pernah mengalami atau tidak pernah ada *experience* untuk membawa perahu itu seperti Yang Berhormat Arau itu sendiri. Jadinya, sebab saya yang tololong selamatkan dia dan tololong mendayung perahu itu. Jadinya itu yang saya hendak tanya. Sebab itu penting untuk kita ini perlu mempunyai satu asas dan saya hendak memuji apa yang dibuat oleh pihak JPAM terutamanya bagi daerah Batu Pahat yang memang banyak membantu terutamanya tempat kita ini tempat kawasan mudah bencana.

Jadinya saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Kota Tinggi mengenai perkara ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narashid [Kota Tinggi]:** Saya sebenarnya masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Cuma hari ini saya rasa kita ini hendak jadi *superman* macam Yang Berhormat Menteri ini susah sikit sebab Yang Berhormat Menteri ini dia ada aura dan kelebihan-kelebihan dia. Tapi, di samping kita gerakkan, saya setuju tadi pun Yang Berhormat Bukit Katil cakap pun betul, kita kena ada latihan-latihan tertentu, kita kena ada pendedahan-pendedahan tertentu. Tapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat - Yang Berhormat kita, agaknya itulah sebab diberi nama Kolonel Kehormat. Saya tidak fikir, dia fikir kita ini kena turun, masuk. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri tidak apa. Kalau kita boleh masuk sungai, kita boleh selamatkan orang itu bonus. Tapi saya ingat lebih efektif kalau kita sebagai Yang Berhormat, kita menggerakkan usaha secara kerangka, struktur.

Kita gerakkan kemampuan-kemampuan kita membantu ahli-ahli JPAM. Kita gerakkan mungkin bajet-bajet kita ada supaya kita bantu pula mereka daripada segi peralatan. Ini *its not question* kita tanya kerajaan apa dia boleh buat. Dia bagi ini sebenarnya ada makna juga. Dia pun pandai ini. Jadi bila Ahli Parlimen, kita tahu kita ada bajet contoh sedikit sebanyak atau kita ada kekuatan di bawah melalui anak-anak buah kita di akar umbi yang kenal kita. Kita gerakkan mereka. Kalau kita sendiri sudah masuk sungai, kita pula orang hendak selamatkan kita. Jadi kita tidak jadi pemimpin yang efektif. Kita mesti ada kerangka-kerangka begini, pemikiran strategik, pendekatan yang lebih menyeluruh, holistik dan kita dapat membantu keupayaan sebagai Ahli Parlimen untuk mengerakkan jentera-jentera lain dan diselaraskan.

Dengan cara ini kita dapat berfungsi dengan efektif. Tetapi orang kata kalau kita tidak kenal, bak kata orang kita kena tahulah. Macam Yang Berhormat Parit Sulong tadi, kalau kita hendak tololong orang, sekurang-kurangnya kita kena pandai berenang. Kita hendak tololong orang terbakar, kita kena tahu juga hendak cari air dekat mana. Makna *basic-basic* itu kena tahulah. Jangan pula kita hendak menyelamat orang, kita pula minta tololong diselamatkan.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Kejap, kejap. Itu pun *point* juga itu tapi sekejap, sekejap saja. Jadi sementara kita ini hendak menolong orang, kita kena ada *basic skill*, itu saya setuju. Tetapi saya yakin dan percaya dan saya ingat mungkin tidaklah, Yang Berhormat Batu pun mungkin setuju. Tidaklah dia harap kita pergi terjun dalam lombong. Kalau boleh memang ada, itu *superman* tapi kalau kita gerakkan gerak kerja membantu daripada segi struktur, infrastruktur, gerakan tenaga keupayaan yang boleh. Itu satu. Keduanya sebelum ada keupayaan kemahiran ini, kita kena bina daya. Kita kena bina *capability* dan kapasiti yang boleh membantu. Ini banyak Ahli-ahli Parlimen boleh bantu.

Jadi saya ingat di samping kita ada *terms of reference*, kita ada *training*, kita juga Yang Berhormat Menteri, mesti mempunyai pendedahan-pendedahan strategik bagaimana kita menangani bencana. Bencana ini elemen dia mesti buat dengan kadar segera, cepat dan *time is critical, asset is critical*. Kalau kita ada kemahiran ini, kita boleh menangani. Cara hendak menangani bencana ini melalui kemahiran, pendedahan, *strategic thinking, mobilization, demobilization contohnya*. Ini lebih baik bagi saya. Jadi kalau daripada segi *training part* situ, saya rasa itu memang bagus. Akan tapi kita juga mesti mempunyai *support* elemen daripada segi kekuatan kita ada yang bukan di dalam JPAM. Ini satu lagi. Bukan makna JPAM ada 1,000 orang dekat situ, kita bergantung kepada JPAM semata-mata, tidak.

Kita, pandangan saya dilantik ini menjadi satu orang fasilitator, pemudah cara, jadi platform. *Common* punya, *common center* contohnya. Dengan cara itu kita dapat mengerakkan kerja-kerja menangani bencana ini dengan lebih efektif lagi. Sila Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya hendak tanya disebabkan Yang Berhormat Kota Tinggi adalah juga Pengurus kepada PLKN ini, saya hendak tanya bagaimana beratus-ratus ribu orang pelajar yang telah kita *trained* keluar daripada PLKN ini, satu hari kita boleh serapkan dalam APAM ini kerana saya rasa mereka juga mempunyai ilmu-ilmu tertentu sekiranya kita serius untuk menjadikan APAM ini sebagai *third force* dalam pertahanan negara ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Sebenarnya antara aspek-aspek yang kita sentuh, ini saya cakap sebagai Ahli Parlimen lah ya, sebenarnya kita memberi pendedahan kepada jati diri, disiplin, nilai-nilai murni dalam PLKN lah, sayang pada negara, *volunteerism* dan *unity*. Ini antara enam teras yang kita buat dan ini semuanya memupuk ke arah membina upaya mereka dan mereka mempunyai, anak-anak kita berumur 17-18 tahun, di samping membina upaya jasmani, kita juga membina daya jati diri sahsiah mereka. Yang paling penting umur 18 tahun, 19 tahun dia mempunyai daya fikir atau boleh membuat pertimbangan yang baik. Itu pun penting. Sebab kalau umur 18 tahun, 19 tahun dia tidak boleh buat keputusan, susah.

Jadi ini antara awalan dalam peringkat lapan minggu kita buat. Akan tapi dalam sebagaimana situasi saya cakap, memanglah 800 ribu alumni ini memang berpotensi untuk kita gembleng supaya mereka juga berminat kepada JPAM dan ini antara perkara-perkara yang mungkin yang kita fikirkan untuk ada kesinambungan dari segi program yang ada lapan minggu dan kita sambung kemudian dan kita bina satu pertubuhan kita panggil Bridged Sukarelawan Khidmat Negara dan mereka juga mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu dan mereka juga menjurus ke arah menangani isu-isu bencana ini dan inilah peranan kita. Kalau kita ada alumni di kawasan Parlimen masing-masing, kita boleh gembleng mereka supaya mereka jadi sebahagian daripada ketemukan pertahanan awam bila sampai ketika dan masa di perlukan.

Itu untuk Yang Berhormat Setiawangsa. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok contoh-contoh negara lain, pertahanan awam ini sudah *matured*, dia sudah matang. Macam di Amerika, *civil defence* atau yang lain, mereka mungkin sebab tenaga tidak ramai, mereka akan berpaksi ataupun *emphasis more on mechanisation* atau perlu ada peralatan-peralatan lebih canggih tapi sudah tentu dia melibatkan kos-kos yang lebih tinggi.

#### ■1630

Akan tetapi negara kita dalam kita menggerakkan kita ada *first force*, *second force* dan ini kita dalam peringkat awalan ini, saya rasa kita elok tumpukan pada pengupayaan ataupun membina upaya manusia dahulu supaya mereka disiplin, memahami bidang-bidang tugas mereka, skop-skop yang mereka lalui dan *response system*. Bila keadaan bencana, dia respons. Kadang-kadang ada *response system* tidak baik pun tidak bagus. Bila dia sampai, banjir pun sudah habis.

Itu satu lagi macam mana kita hendak membina keupayaan supaya mereka faham apa mereka perlu buat dan bila ada bencana, dia dalam keadaan segera, *early response system* ataupun keupayaan kita merespons kepada bencana itu dengan kadar yang paling cepat. Itu pun jadi kritikal dalam keadaan bencana ini. Ini antara skop-skop yang kita kena lihat dan saya rasa, elok diberi perhatian oleh kementerian supaya dia tidak tertumpu semata-mata kepada peralatan. Peralatan itu perlu tetapi disiplin, organisasi, bina upaya, *response system* pun juga perkara-perkara yang perlu ada.

Di sini saya rasa dengan kita sebagai Ahli Parlimen boleh berperanan membina upaya ini dalam kerangka yang lebih bukan *peak hours* sahaja tetapi sepanjang tahun. Bukan *seasonal* tetapi dalam bentuk sepanjang tahun. Kita tahu keadaan banjir hujung tahun sahaja, contohnya. Contoh bila tiba dahulu saya ingat Kota Tinggi sudah banjir, tenggelam, kita sedia upaya, tiba-tiba Kota Tinggi tidak tenggelam. Bak kata Yang Berhormat Parit, “*Apa guna ‘kota tinggi’ kalau tidak tenggelam*”, dia kata. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita cepat-cepat *mobilize* pergi hantar ke Pahang dan Kelantan. Itu satu contoh lagi yang kita boleh gerakkan mobilisasi ini dan ini amat penting untuk menjamin *effectiveness* kita sebagai pertahanan awam.

Saya ingat itu sahaja hujah saya. Saya menyokong rang undang-undang ini. Cuma perlu diperhalus balik perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

#### **4.32 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada ‘Menteri Bencana Alam’, Menteri yang menguruskan bencana dalam Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan satu undang-undang yang *overdue* dan kita membincangkan perkara *civil defense* ini adalah satu unit atau satu yang dikatakan *third force* ini dalam rangka Perlembagaan. Ini satu-satunya agensi yang telah mempunyai definisi dan kedudukan yang penting dalam Perlembagaan.

Itulah sebab saya hendak mulakan dengan menyokong bahawa *third line of defense* ini harus dikonsolidasikan supaya bukan sahaja lebih banyak kuasa tetapi supaya kita memahami kenapa falsafah Perlembagaan negara kita atau falsafah pertahanan negara kita memasukkan *third line of defense* ini.

Oleh itu saya juga secara prinsip, menyokong bahawa Program Latihan Khidmat Negara ini diserap dan dikoordinasi oleh APAM atau JPAM oleh sebab kebanyakan *content* yang kita hendak bawa kepada anak-anak muda ini adalah sebenarnya *civil defense*, bukan pertahanan tentera. Itulah sebab saya agak sebuah negara yang lebih *civilized*, lebih bertamadun sepatutnya mempertingkatkan lagi konsep *civil defense* ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pada masa yang sama, saya juga rasa peranan yang utama *overlapping* ini adalah tujuan utama kita perkenalkan pindaan undang-undang ini supaya segala tugas yang *overlap* ini dapat kita kurangkan dan mempertingkatkan lagi profesionalisme bagi setiap *line of defense* ini. Keselamatan negara ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh Yang Berhormat Batu? Pendek sahaja. Saya hendak ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** */ belum start lagi sudah ...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Part tadi PLKN* sahaja supaya jelas. Nanti sudah jawab lama mungkin sudah ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pendek sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tidak menyanggah, tidak kata Yang Berhormat Batu salah. Cuma saya hendak membetulkan sedikit tentang persepsi bahawa PLKN ini untuk ketenteraan. Sebenarnya jauh daripada situ, Yang

Berhormat Baru. Sebenarnya bila dalam *training* itu adalah elemen ketenteraan sedikit tetapi lebih bersifat disiplin, lebih bersifat daripada segi jasmani.

Sebenarnya buat pengetahuan Yang Berhormat Batu, enam teras utama:

- (i) patriotisme;
- (ii) kesukarelawanan;
- (iii) cinta pada negara;
- (iv) nilai-nilai murni dalam bermasyarakat;
- (v) jasmani yang sihat; dan,
- (vi) kemahiran.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tidak...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi saya betulkan itu sebab kita tidak hendak ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tidak mahu ...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi Dewan ini – kita tidak hendak bising bahawa ia bersifat ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ....daripada itu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi Yang Berhormat Batu, kalau kita hendak serapkan itu, dia lari daripada ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya – Biar, biar. Ini *floor* saya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:**...itu yang saya hendak terangkan. Terima kasih Yang Batu, terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya faham. Sebenarnya, apa-apa ciri yang telah dikemukakan integriti, patriotisme itu harus menjadi tugas setiap *government department*. Baik pun pendidikan atau mana-mana. Itu adalah *core start park, foundation* negara kita. Bagai saya, yang mana? Saya hanya cuma rasa *civil defense* sepatutnya komponen yang utama untuk kita memberi kepada anak-anak muda yang menyertai Latihan Khidmat Negara ini. Tidak apa, kita tidak perlu berbahas tentang perkara ini.

Cuma kita harus ingat, oleh sebab *bill* ini atau pindaan ini adalah mengurangkan *overlap*, kita harus jangan kita *lump* semua sekali dengan izin isu keselamatan dalam JPAM atau APAM ini. Oleh sebab tujuan utama untuk mempertingkatkan lagi peranan Angkatan Pertahanan Awam ini ialah supaya kita boleh mobilisasikan rakyat atau warganegara dalam isu pertahanan. Oleh itu kita harus faham kenapa kita ada tiga *line of defense*.

Pertama ialah *line* yang mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan negara kita selamat daripada ancaman kuasa-kuasa asing. Kedua ialah isu keselamatan masyarakat dan keselamatan orang awam daripada segi melindungi daripada jenayah, daripada ancaman pelbagai anasir yang mengancam keamanan dan keselamatan masyarakat. Ketiga yang kita bahaskan hari ini, kita harus ingat ini adalah *the last line of defense* untuk mempertahankannya nyawa individu.

Oleh itu, kita harus hadkan kuasanya atau peranannya dalam mempertahankan kampung halaman, jiran kita, nyawa setiap individu. Akan tetapi kita harus ingat, dia tidak menggantikan atau tidak boleh memainkan peranan polis atau agensi pasukan keselamatan yang lain. Itulah sebab kerja ini lebih mirip satu kombinasi bomba, *medic*, ambulans dan separuh daripada tugasan polis. Ia tidak boleh dijadikan penguat kuasa undang-undang. Ini kita harus ingat oleh peranan ialah untuk menyelamatkan, untuk menjamin keselamatan, nyawa setiap warganegara.

Oleh itu, saya agak tidak setuju kalau APAM ini digunakan untuk menangani pendatang asing atau peneroka yang di Cameron Highlands dan lain-lain lagi. Bagai saya, ia tidak harus mempunyai kuasa penguat kuasa undang-undang oleh sebab kerjanya adalah lebih masa keamanan, *peace time duty rather than war time duty*. Bagi saya juga, tidak berapa relevan, sungguhpun saya setuju *allowances* mesti mencukupi tetapi isunya bukan kita bagi elau untuk membina *third line of defense* itu. Sebaliknya kalau model *civil defense* paling yang *successful*, paling berjaya ialah setiap warganegara mempunyai kefahaman dan mempunyai kepakaran, APAM ini. Itu adalah *ultimate objective* yang harus kita membina sebuah negara yang selamat kerana setiap warganegara mempunyai fahaman bagaimana kita mengambil tugas ini.

Saya agak kalau ini jelas, ia tidak akan berlakunya kekeliruan bila kita siapa akan mengambil alih tugas baris pertahanan yang lain. Oleh itu dengan keadaan sekarang, nampaknya dengan ancaman cuaca yang tidak tertentu, dengan *global warming* dan juga ancaman *terrorism* yang tidak mempunyai bentuk yang dilaksanakan oleh individu yang kita tidak boleh jangka, *unpredictable* dan juga setiap hari kita menghadapi *accident*, menghadapi bencana, *mishap* dan lain-lain lagi.

#### ■1640

Oleh itu kita anggap *civil defense* itu harus tumpu 100% dalam perkara-perkara ini dan saya juga gesa supaya selain daripada pindaan undang-undang ini dan memberi garis definisi yang lebih *detail* dalam tugasannya tetapi juga kerajaan harus lakukan lebih untuk menjayakan JPAM ini dan juga menguatkuasakan peranan *civil defense*. Pertama sekali, saya anggap fasiliti dan *equipment* yang mencukupi. Bagi saya bukan senjata tetapi fasiliti untuk membantu menjalankan tugas untuk membantu rakyat. Saya ambil contoh, sebenarnya *target* atau tujuan atau sasarannya bukan supaya Angkatan Pertahanan Awam ini mempunyai uniform yang lebih canggih atau senjata atau peralatan tetapi juga kita harus ingat mereka pelanggan APAM ini adalah mangsa bencana. Mereka adalah *customer*, mereka berhadapan dengan mangsa-mangsa ini dan kita tidak boleh lontarkan mereka dapat *frontline* begitu tetapi tidak mereka tidak mempunyai peruntukan.

Bagi saya, peruntukan itu mesti mengandungi seperti *equipment medical* dan pakaian dan makanan dan lain-lain lagi. Saya harap Menteri harus kaji bagaimana kita boleh memainkan peranan. Sekarang ini kalau kita lihat kalau ada kebakaran atau banjir, JPAM dia hanya selamatkan orang, jaga kawasan tetapi makanan ini diambil alih oleh kebajikan. Lepas itu DBKL datang untuk buat lain. Itu yang jadi kekeliruan. Bagi saya, ada sedikit *improvement*,

saya ingin ucapan tahniah. Dulu semasa diletakkan dalam khemah, sekarang adalah *partition*. Itulah ada satu peningkatan, sedikit sebanyak memberi privasi kepada keluarga yang duduk dalam kem tetapi saya ingin gesa supaya kita ambillah satu tingkat yang lebih tinggi untuk membuat kerja-kerja pemulihan.

Kita ada banjir, janganlah tunggu JKR untuk buat jalan. Janganlah tunggu JKR untuk buat jambatan atau bagi unit-unit. Sepatutnya ada kabin-kabin yang disediakan supaya mangsa ini tidak duduk dalam khemah atau dewan, supaya ini perkara yang *temporary* boleh diambil oleh APAM dan mereka boleh memainkan tugas dengan lebih baik. Jambatan atau rumah-rumah sementara itu boleh dilaksanakan oleh angkatan ini dan saya juga setuju bahawa kita harus lebih mendalam kepada masyarakat. Pergi ke sekolah untuk membuat latihan.

Dulu semasa kita kecil, selalu ada latihan api, latihan *earthquake*. Saya dah lupa. Gempa bumi tetapi sebab Malaysia ini kita dah bagi satu andaian kepada anak-anak kita, kanak-kanak bahawa *we are lucky country*, dengan izin. Kita tidak ada bencana alam, tidak ada apa sehingga anak-anak kita, generasi baru mereka rasa *complacent*. Mereka tidak rasa sentiasa diancam oleh situasi yang boleh membahayakan keselamatan dan nyawa.

Oleh itu saya anggap angkatan ini harus memainkan peranan yang lebih besar dalam pendidikan untuk memberi satu *consciousness* yang sentiasa *alert* dalam keadaan bencana. Saya ingin juga kembali kepada undang-undang ini. Saya agak undang-undang ini tujuan yang utama ialah pembahagian kuasa, *the power division* lebih penting daripada uniform. Saya harap jangan setiap kali Menteri ada pinda ini atau Menteri ditukar atau pinda undang-undang, uniform baru untuk kontrak-kontrak diberikan. Itu bukan tujuan utama. Saya agak yang penting dalam keadaan bencana, yang paling penting ialah *line of command* harus kita jelaskan. Sekarang nampaknya semua agensi turun tetapi yang paling teruk daripada *disaster*, yang lebih *disastrous* lagi ialah *too many command center*. Itu akan menjadikan bencana ini lebih teruk.

Saya gesa supaya kerajaan bukan sahaja dalam undang-undang ini tetapi sini ada 2C. Saya agak ini tidak cukup kalau kita hanya kata “*Any overlapping functions relating to the handling of disaster between the force and any agency or authority such overlapping of function shall be resolved and dealt with administratively*”. Itu mungkin satu langkah yang sementara tetapi akhirnya dia harus ditafsirkan melalui undang-undang. *It cannot be just dealt with administratively but the function must be define legal*. Jadi bagi saya, ini adalah sangat penting. Kita harus tentukan di mana polis *take charge*, di mana *line* nya APAM *take charge*. Seperti yang kita lihat sekarang kalau ada jerebu, kita tidak tahu siapa yang harus isytiharkan bencana. Kalau ada gempa bumi, kita tidak tahu siapa sepatutnya mengezonkan kawasan keselamatan. Ini harus dikuatkuasakan supaya kita faham dan jelas undang-undang pindaan ini tidak mencukupi kerana dia tidak memberi definisi yang cukup.

Kemudian saya juga ingin tanya pada *substitution of section 4* pada 7(4), *appointment of chief commissioner*. Saya ingin tahu apa maksudnya “*The Yang di-Pertuan Agong may appoint...*” *Instead of shall appoint*. Saya ingin tahu ‘*may*’ itu adakah daripada segi istilah undang-undang tidak sekuat seperti ‘*shall*’. So, saya ingin tahu adakah pelantikan itu bukan

satu yang diwajibkan. Kemudian saya juga ingin menyatakan pendirian saya, *service outside Malaysia, attachment of member of the force outside Malaysia*. Bagi saya, itu adalah satu perkara yang tidak diperlukan kerana kita kata *this is the third line of defense*. Kalau *third line of defense*, tiba-tiba hendak pergi ke *first line* atau pergi ke luar negara, ia bercanggah dengan tugas yang telah diberi definisi dalam Perlembagaan.

Itulah sebab kalau mereka hendak pergi, mereka harus pergi sebagai *volunteer*, didampingi atau sebahagian daripada polis atau sebahagian daripada tentera. Ia tidak boleh membuat tugas kerana di luar bukan sahaja tidak ada jaminan untuk keselamatan mereka tetapi juga mereka tidak ada kuasa untuk menjalankan tugas yang telah diberi tafsiran dalam undang-undang.

Akhir sekali, saya ingin juga menekankan bahawa saya amat setuju bahawa *civil defense training* untuk *civilian population* itu diberi satu komponen yang besar dan diberi bajet yang mencukupi kerana akhirnya seperti yang saya sebut, yang penting ialah setiap warganegara mempunyai kesedaran dan kemahiran sebagai anggota JPAM dan inilah sebuah masyarakat yang kita boleh anggap paling selamat sekali, yang boleh mengurangkan ancaman dalam masyarakat. Dengan itu, saya ingin nyatakan sokongan saya dengan mengharapkan undang-undang ini dapat dipertingkatkan lagi dengan masa pindaan yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kangar. Ya, ada peluang semua *insya-Allah*.

■1650

**4.50 ptg.**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Jabatan Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Pindaan kali ini saya percaya memperincikan kepada dua perkara iaitu penjenamaan semula JPAM kepada *Civil Defence Force* atau dalam erti kata lain, Angkatan Pertahanan Awam serta memperkasakan fungsi-fungsi pertahanan awam.

Statistik yang direkodkan oleh Jabatan Pertahanan Awam dalam laporan kes kecemasan pada bulan Januari hingga Mac 2016 menunjukkan penurunan. Misalnya pada bulan Januari, jumlah kes ialah sebanyak 9,549 kes, Februari sebanyak 8,250 kes dan Mac sebanyak 8,608 kes.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita dapat lihat bahawa keahlian anggota Jabatan Pertahanan Awam turut meningkat yang mencecah anggaran satu juta orang dan disasarkan akan terus meningkat kepada dua juta orang menjelang tahun 2018.

Syabas dan tahniah saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri serta Jabatan Pertahanan Awam yang telah memainkan peranan yang penting serta berjaya memberi penekanan secara meluas serta kesedaran akan pentingnya menjadi nadi dalam urusan

menyelamatkan masyarakat apabila berlaku sebarang kecemasan tanpa mengira masa dan tempat.

Namun demikian, saya tertarik untuk menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan khususnya seperti yang diperlukan dalam fasal dua, Angkatan Pertahanan Awam sebagai langkah untuk mengelakkan lebih ramai rakyat menyertai anggota sukarelawan ini?

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa usaha besar diperlukan untuk memperkasakan rakyat dengan mengambil kira aspek-aspek berikut.

Pertamanya, perlukan kepada pegawai tetap Angkatan yang mencukupi yang kompeten, yang seimbang dengan jumlah anggota yang dilatih.

Kedua, menyediakan dana atau bajet yang mencukupi untuk melatih sehingga lebih dua juta anggota seperti yang disasarkan oleh Yang Berhormat Menteri menjelang tahun 2018.

Ketiga, selain daripada itu, haruslah menyediakan prasarana-prasarana seperti logistik, tempat atau latihan serta kelengkapan yang mencukupi.

Melalui cadangan yang saya nyatakan di atas, saya yakin jumlah keanggotaan yang disasarkan mampu dicapai sebelum tahun 2018 serta tingkatkan lagi martabat selaras dengan penaiktarafan kepada status angkatan. Justeru itu, peruntukan rang undang-undang yang dinyatakan perkara ini— tetapi apakah pandangan Yang Berhormat Menteri untuk memenuhi aspek yang saya nyatakan tadi?

Seterusnya pindaan seksyen 2B yang memperjelaskan tentang fungsi JPAM serta seksyen 2C berkaitan pertindihan fungsi diselesaikan secara pentadbiran. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah melalui pindaan pada seksyen ini, maka fungsi JPAM akan dikhususkan sepenuhnya supaya tidak berlaku sebarang pertindihan fungsi di antara Jabatan Bomba Malaysia dengan Jabatan Pertahanan Awam?

Oleh itu, saya mencadangkan agar Jabatan Perdana Menteri bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar dapat menyelesaikan masalah pertindihan fungsi di antara jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sudah dilantik memegang pangkat. Jadi biarlah kehadiran kita diertikan sebagai untuk menyelesaikan masalah ataupun memberi bantuan kepada kes-kes kecemasan dan tidak dipolitikkan.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

#### **4.55 ptg.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah untuk menyokong pindaan rang undang-undang ini tetapi sebelum saya sokong, saya ingin utarakan beberapa perkara.

Pertamanya, Yang Berhormat Menteri, kita lihat rang undang-undang ini dalam bahasa orang putih. Kita ini orang Melayu. Mungkin ada terma-terma dalam rang undang-undang ini yang sukar kita faham. Jadi soalan saya, bila kita hendak tukarkan kepada bahasa Melayu?

Kalau kita lihat pindaan rang undang-undang ini, ia bertukar daripada *Civil Defence Act* 1951 kepada *Malaysia Civil Defence Force*. Apabila melibatkan angkatan, daripada perkataan itu, ia sama juga seperti *Police Force* dan juga *Malaysia Arm Forces*, ia sepatutnya mempunyai organisasi tertentu. Dengan itu, saya ingin melihat organisasi ini dapat ditunjukkan di dalam—kalau ikut dalam pindaan rang undang-undang ini, *Chief Commissioner* akan membuat perintah tetap, kalau tidak silap saya baca dalam ini, dan kita ingin lihat organisasi *Malaysia Civil Defence Force* ini dibentangkan ataupun dipaparkan di dalam perintah tetap tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua—bahasa Inggeris lagi ini. Oleh kerana di dalam pindaan seksyen 2 disebut, “*Not attributable to an attack by an enemy or to any warlike act*”, ini mungkin perlu diperjelaskan. *Warlike act* ini terlalu umum apabila kita tulis di dalam rang undang-undang ini. Ia boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai perkara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 2A, “*The Malaysia Civil Defence Force is established which shall consist of regular members, volunteer members and auxiliary members*”. Ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh perjelaskan mengapa kita gunakan perkataan ‘*members*’ itu? Oleh kerana ia merupakan *Defence Force*, saya anggap kalau kita gunakan *regular personal*, *volunteer personal*, *auxiliary personal* mungkin lebih sesuai.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat *function of the forces*, terlalu optimistik APAM ini kerana mereka akan melatih *Civil Defence Force*. Disebut balik *Civil Defence Forces* sedangkan sebelum ini perkataan *Civil Defence Forces* telah diubah kepada *Malaysia Civil Defence Forces*. Jadi dalam hal ini, seksyen 2B(d)(i) itu mungkin boleh dilihat semula ataupun diubah kepada warga *Malaysia Civil Defence Forces*.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada peruntukan perbelanjaan tahun 2016, JPAM diperuntukkan sebanyak RM276 juta sahaja. Ini berbanding dengan Singapura, bahagian pertahanan awam dia, dia berbelanja setahun sebanyak SGD576 juta. Jadi saya percaya dengan perubahan akta ini, ia akan melibatkan implikasi kewangan.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada implikasi kewangan itu akan berlaku pada tahun ini ataupun pada tahun akan datang? Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, tahun hadapan, tahun 2017, kita jangkakan anggota APAM ini akan menjangkau kepada dua juta orang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kepada pindaan seksyen 7G, *Honorary and Associate Commission*. Dalam hal ini, mungkin ada perbezaan *Honorary Commission* dan juga *Associate Commission*. Seperti mana yang kita tahu tadi, kita semua telah dikurniakan dengan *honorary* oleh kerana kehormat. Kolonel-kolonel kehormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, baca watikah ini. [Sambil menunjukkan senaskhah watikah]

■1700

Kalau tuan-tuan baca watikah ini kita sudah tahu tanggungjawab kita. Kita bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri, segala tanggungjawab segala perbuatan, segala tindak laku kita, kita bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri sehingga 31 Disember 2021. Jadi Yang Berhormat Bukit Katil tadi mempersoalkan tanggungjawab itu sudah tidak payah soal dah. Memang sudah ada dalam ini. Pandai Yang Berhormat Menteri dia perangkap kita. Tapi saya rasa kita tidak ada masalah. Sebagai Ahli Parlimen kita bersedia untuk berkhidmat untuk rakyat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada struktur ataupun dipanggil di sini *rank for the forces*. kalau kita lihat pangkat *Senior Officers* ada *Colonel for the Forces*, seterusnya *Assistance Commission for the Forces*, *Deputy Commission for the Forces* dan seterusnya *Chief Commission for the Forces*.

Kalau di dalam tentera selepas kolonel ataupun polis, *Assistance Commissioner* ini satu bintang. Kemudian, *Deputy Commission for the Forces* berpangkat dua bintang. Kemudian *Commission for the Force* tiga bintang. *Deputy Chief Commission for the Forces* empat bintang. Selepas itu atasnya ada lagi *Chief Commission for the Forces* berapa bintang? Itu kita kena lihatlah. Saya ingat nampaknya lebih punya tingkatan pangkat itu.

Begitu juga dengan *Staff Officer* ini. Apa pangkatnya? *Junior Staff for the Forces* lambang, lambang di bahunya kena pastikan. Bawah itu Lans Koperal, prebet itu memang kita tahu tetapi apabila *Staff Officers* di perenggan ketiga *Highest Staff Force*, *Senior Staff for the Force*, *Junior Staff for the Forces*. Kalau dalam tentera mungkin Pegawai Waran 1, Pegawai Waran 2. Pegawai waran 1 dan 2 sahaja. Ini ada tiga tingkat ini.

Untuk itu, saya mohon Yang Berhormat Menteri perjelaskan supaya rang undang-undang yang kita pinda ini benar-benar jelas dan boleh di *apply*, diaplikasikan dan digunakan kepada warga yang terlibat apabila menyertai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Akta 1991 yang akan dipinda. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat menghasilkan akta ataupun pindaan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mana sebelah tadi Yang Berhormat Tasek Gelugor? Sudah keluar ya? Yang Berhormat Kuala Selangor.

## 5.02 ptg.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut bersama-sama untuk membahaskan satu akta untuk meminda Akta Pertahanan Awam 1951.

*Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti dan mengamati rang undang-undang ini. Saya dapati ia merupakan satu rang undang-undang yang akan

memberikan satu nafas baru, penjenamaan baru selaras dengan fungsi dan peranan JPAM yang semakin penting ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pertahanan Awam 1951 takrif pertahanan terbahagi kepada dua keadaan. Pertama, semasa peperangan yang mana maksudnya ialah apa-apa jua langkah yang tidak melibatkan penggunaan senjata bagi menghadapi serangan perrusuhan sama ada langkah itu diambil sebelum, semasa atau selepas masa serangan musuh. Itu yang pertama.

Kedua ialah semasa aman iaitu bermaksud apa-apa jua langkah yang diambil bagi melindungi nyawa dan harta benda sama ada langkah itu sebelum, semasa atau selepas sesuatu bencana. Berdasarkan pindaan akta ini, saya mendapati bahawa dan apa yang boleh kita fahami pertahanan awam ini mempunyai peranan yang sungguh besar sama ada pada masa aman, masa peperangan dan masa dengan apa jua langkah-langkah demi menyelamat, melindungi dan mengurangkan kehilangan nyawa serta kerosakan ke atas harta benda penduduk awam.

Secara terperincinya, menurut seksyen 8(1) Akta 221 ini pertahanan awam memainkan peranan dalam melakukan kerja-kerja bantuan bencana atau memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan nyawa orang ramai atau harta benda penduduk awam sekiranya berlaku atau akan berlaku bencana serta memudahkan pemulihan mangsa selepas berlakunya bencana tersebut.

Melihat kepada peranan JPAM ini, saya melihat fungsinya semakin hari semakin penting. Terutamanya dalam melatih dan juga melengkapkan rakyat dengan ilmu dan kesedaran pertahanan awam ke arah kesiapsiagaan menghadapi ancaman musuh, kecemasan dan sewaktu bencana. Penglibatan JPAM ini, saya lihat akan setidaknya meredakan sesuatu situasi yang dilihat sebagai suatu peranan besar dalam menggerakkan sesuatu pertolongan.

Hari ini saya ingin merekodkan ya ucapan terima kasih dan tahniah saya kepada Yang Berhormat Arau *[Tepuk]* yang sentiasa mengambil pendekatan yang pelbagai terutamanya dalam menaikkan lagi peranan JPAM sehingga begitu terbukanya beliau untuk melantik kami semua Ahli Parlimen sebagai Kolonel Terhormat dalam membantu urusan yang mana terletaknya peranan JPAM ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, boleh?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya hendak mencelah dan hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Akan tetapi sebelum itu saya sebenarnya tertarik dengan Yang Berhormat Lumut tadi. Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Kuala Selangor sebab dalam banyak-banyak orang naik pangkat kolonel, Yang Berhormat Lumut sahaja turun pangkat. Dia Laksamana pergi ke Kolonel. *[Ketawa]*

Saya ada dua perkara pendek. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor — Pertamanya JPAM atau Jabatan Pertahanan Awam ini adalah angkatan ketiga tetapi ia tidaklah akan melakukan kerja-kerja polis ataupun kerja tentera — Itu jelas. Cuma dari segi satu ketumbukan atau keupayaan yang boleh membantu banyak segi supaya proses kepolisian itu lebih tertumpu kepada bidang-bidang yang definitif dan juga peranan-peranan tentera itu lebih akan dapat dipertingkatkan untuk menangani isu-isu yang lebih spesifik dalam memerlukan sensitiviti atau peralatan yang lebih canggih contohnya. Jadi maknanya pertahanan awam ini ialah angkatan ketiga dan ia *should stay doing* angkatan ketiga.

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi saya dengar Yang Berhormat Batu cakap APAM, APAM ini saya macam tidak selesa sedikitlah. Kalau boleh, boleh tidak Yang Berhormat Menteri dan kementerian jangan panggil APAM. Panggil pertahanan awam atau *Civil Defense* atau perkataan yang akan memberi “*konotasi*” yang membina. Saya tidak kata itu tidak bagus. Mungkin separuh bahagian — separuh kumpulan masyarakat kita kata tidak ada masalah tetapi mungkin kepada masyarakat ini akan mengelirukan.

Jadi, saya tanya Yang Berhormat Kuala Selangor boleh tidak kita panggil pertahanan awam sahaja atau Angkatan Pertahanan Awam sahaja tetapi bukan singkatan-singkatan yang macam APAM tadi. Itu pandangan saya terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama yang telah diminta kepada saya mengenai tentang peranan JPAM ini sebagai angkatan ketiga. Sudah tentunya dengan pindaan akta ini pada hemat saya kerana bila menyebut tentang peranan JPAM, pengkhususan yang dinyatakan dalam akta ini iaitu penjagaan rakyat dan keselamatan awam.

Pada hemat saya ini, selari dengan soal-soal kita memastikan keselesaan, keamanan, kesejahteraan dan juga takrifan keselamatan ataupun pertahanan awam tadi yang telah saya nyatakan kepada dua bahagian sama ada semasa peperangan ataupun semasa keamanan.

Mengenai perkara nama tadi. Ini saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Cuma saya ada pemikiran saya ya mungkin sebagaimana yang telah disebut tadi di bawah jagaan Yang Berhormat Arau ada APMM. Hari ini, dia ingin namakan kepada APAM. Jadi perkataan A itu mungkin ada kaitan dengan Yang Berhormat Arau kerana A itu adalah Arau. Jadi dia ingin menyamakan nama tersebut. Mungkin, ini mungkin satu konotasi.

Jadi dari sini saya hendak nyatakan, jadi saya fikir mungkin Yang Berhormat Arau boleh nyatakan. Cuma saya fikir dalam soal nama ini mungkin kita boleh menghalusi, nama-nama yang mempunyai signifikan tertentu.

■1710

Cuma dalam konteks ini, APMM dan juga APAM ini mungkin ada konotasinya. Okey, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Tinggi tadi mengenai peranan dan tanggungjawab JPAM ini. Perkaranya mungkin remeh bagi sesetengah kerana kita tahu tadi sebagai *third force* ini, mereka ada tanggungjawab khusus. Saya pernah melihat di kawasan saya, dalam beberapa sekatan jalan raya, pegawai-pegawai dan juga kakitangan JPAM ini dengan berpakaian uniform mereka, melaksanakan bersama-sama sekatan-sekatan jalan raya di tempat saya. Jadi, adakah ini dilihat sebagai menambah tanggungjawab ataupun tersilap guna tenaga JPAM bagi satu tugas yang sama ada patutnya dilaksanakan oleh JPJ ataupun pihak berkuasa polis. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Seperti mana yang telah saya nyatakan sebentar tadi, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menambah. Oleh kerana bila saya lihat dari segi falsafah ataupun perkataan pertahanan awam ini dalam akta yang dibahaskan ini, dari segi peranan JPAM ini ada pelbagai. Oleh kerana di samping peranan hakiki penjagaan rakyat dan keselamatan awam tetapi kalau kita lihat di segi perkara yang lain ialah dalam soal menyelamat, melindungi dan mengurangkan kehilangan nyawa serta kerosakan ke atas harta benda awam. Di samping juga perkataan pertahanan awam itu juga, dalam soal-soal melakukan kerja bantuan bencana atau memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Kuala Krai tadi sudah tentunya mungkin Yang Berhormat Menteri boleh nyatakan secara terperinci. Oleh kerana dalam soal terjemahan ataupun interpretasi perkataan ‘pertahanan awam’ ini, sudah tentunya ada pelbagai. Akan tetapi yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan, kerana saya ingin meletakkan perkara yang mungkin menjadi soal yang sangat penting kerana saya sangat menghargai peranan bantuan yang dihulurkan oleh JPAM. Oleh kerana saya lihat pertahanan awam ini dapat melahirkan orang ramai dalam berbakti dengan ilmu-ilmu yang boleh mampu menyelamatkan mahupun meredakan sesuatu keadaan.

Banyak berita yang memaparkan kejayaan JPAM ini dalam memberi penyelamatan kepada orang ramai. Saya ambil contoh, pada Jun 2012, di Pantai Teluk Cempedak, JPAM berjaya menyelamatkan mangsa dari lemas. Kejadian berlaku ketika sekumpulan pemuda dari TUDM yang sedang mandi di pantai berkenaan dan dua rakan mereka di hanyut dan telah dibawa arus. Kebetulan dua orang anggota JPAM sedang melakukan rondaan rutin melihat mangsa terkapai-kapai meminta tolong dan saya ucapkan tahniah kepada JPAM. Bantuan telah diberikan oleh JPAM dan mangsa telah berjaya diselamatkan. Itu yang pertama.

Yang kedua saya mengambil contoh, berdasarkan laporan media pada tahun 2014, tindakan pantas anggota JPAM berjaya menyelamatkan sebuah kereta daripada hanyut ke dalam sungai dan mujur ketika kejadian tersebut anggota JPAM sedang melalui kawasan

tersebut. Dengan bantuan penduduk kampung, anggota JPAM bersama-sama dengan penduduk kampung, mereka bersama-sama menarik kereta itu ke atas daratan dan kejadian berlaku di Sungai Telemong, Hulu Terengganu itu dan dipercayai ada kaitan dengan banjir yang sedang melanda Terengganu pada ketika itu. Difahamkan pemandu kereta dipercayai hilang kawalan. Bukan itu sahaja saya lihat peranan JPAM ini. Dalam konteks ini, saya lihat ada juga kes yang mana kecekapan pihak JPAM cekap menangkap binatang berbisa. Bahkan, JPAM juga turut menyelamatkan haiwan yang terperangkap. Bukan hanya manusia, haiwan pun dia menyelamatkan.

Jadi, saya fikir sepertimana dilaporkan oleh media pada tahun 2013, tiga orang anggota JPAM berjaya menyelamatkan 30 ekor kambing yang hampir mati lemas apabila terperangkap di muka Kuala Sungai Penong. Kejadian berlaku semasa air masih surut dan kambing-kambing tersebut difahamkan sedang bermain-main di kawasan pasir yang timbul. Apabila air mula pasang, kambing-kambing tersebut terperangkap dan tidak dapat bergerak sementara paras air semakin naik. Biar pun hanya haiwan, tindakan JPAM tadi menyelamatkan kambing-kambing ini menunjukkan sifat kasih dan sayangnya JPAM bukan hanya kepada manusia tetapi kepada makhluk-makhluk yang lain. Tahniah saya ucapkan kepada JPAM. Saya juga ingin memberikan penghargaan dan pujian kepada pihak JPAM kerana ada kalanya mereka terpaksa memberanikan diri dalam membantu di saat bencana melanda walaupun dalam keadaan yang darurat. Sebagai contoh, baru-baru ini bila berlakunya pesawat TUDM terhempas di Kampung Asam Jawa, Kuala Selangor. Saya lihat anggota JPAM bersama-sama dengan nelayan, mereka menyabung nyawa hendak menyelamatkan anggota TUDM tersebut.

Walaupun dalam keadaan paya yang begitu luar biasa tetapi saya ingin mengucapkan tahniah kepada JPAM kerana akhirnya keenam-enam anggota TUDM tersebut berjaya diselamatkan. Itu juga saya hendak ucapkan tahniah apabila berlaku baru-baru ini di Sarawak, ketika ingin mencari nahas mangsa yang terkorban helikopter. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Yang Berhormat Arau turut bersama dengan JPAM pergi ke tengah sungai yang saya akui begitu banyak sekali buaya yang berkeliaran. Akan tetapi atas dasar kemanusiaan untuk membantu mangsa-mangsa tersebut, *alhamdulillah* semua mayat tersebut berjaya dibawa ke daratan. Jadi, ini saya lihat dari segi peranan yang paling pentingnya JPAM ini supaya kesedaran ini dapat digerakkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara berkaitan logistik. Ini saya hendak nyatakan kerana saya lihat bila menyebut tentang peranan, tentang masa depan JPAM, sudah tentunya situasi keselamatan awam dan kompleksiti suasana yang berlaku pada masa sekarang menimbulkan sedikit halangan kepada pihak JPAM dalam memberi sesuatu pertolongan. Kini bencana alam sukar dijangkakan. Sebagai contoh, tempat yang tidak pernah dikhawatirkan banjir telah pun dinaiki air. Permukaan bumi yang belum pernah diterokai bagi aktiviti penyelamatan juga perlu difikirkan. Sering kali misi penyelamatan menjadi sukar apabila kelengkapan dan logistik memperlakukan tugas-tugas JPAM. Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar kelengkapan dan logistik JPAM ini dapat dipertingkatkan

dan selari dengan peranan-peranan yang dimainkan oleh setiap anggota JPAM. Saya juga memohonlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana apabila saya melawat pejabat JPAM di Kuala Selangor, sedih saya Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang begitu serba kekurangan.

Apabila saya- baru-baru ini saya ucapan terima kasih- diberikan watikah sebagai Kolonel Kehormat. Malu saya nanti bila saya hendak melawat pusat JPAM di Kuala Selangor nanti dalam keadaan yang serba kekurangan dan kita hanya mampu mendengar. Akan tetapi inilah saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang budiman, tolonglah tengok-tengokkan. Bukan hanya di Kuala Selangor, di tempat Tuan Yang di-Pertua juga. Oleh kerana saya akui juga Tuan Yang di-Pertua juga seorang Kolonel Kehormat juga wajar diberikan perhatian. Terakhir Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada pindaan Rang Undang-undang JPAM ini, saya difahamkan anggota JPAM kini mencecah satu juta orang dan dijangka akan meningkat kepada dua juta orang pada tahun 2018 seperti yang disasarkan. Oleh yang demikian, bila merujuk kepada sasaran daripada satu juta kepada dua juta, penarafan kepada status angkatan ini adalah amat wajar pada fikiran saya. Bahkan, ini juga selaras dengan tugas dan tanggungjawab besar yang dimainkan oleh Jabatan Pertahanan Awam yang akan diberikan tanggungjawab untuk menjaga sempadan serta membantu kerajaan negeri membanteras penerokaan haram.

Saya juga ingin mengharapkan juga dengan adanya penaikan taraf ini sudah tentunya kita juga boleh sama-sama dalam konteks ancaman di lautan. Supaya JPAM juga dapat membantu nelayan-nelayan, supaya nelayan juga tidak dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing, terutamanya dalam mencari sesuap nasi di lautan tersebut. Saya juga ingin menyarankan agar Jabatan Pertahanan Awam ini dapat memperhebatkan penyertaan orang ramai agar imej JPAM dapat dipertingkatkan lagi.

#### ■1720

Golongan generasi muda seharusnya dijadikan sebagai golongan sasaran oleh JPAM atas dasar latihan dan kemahiran yang akan diberikan oleh JPAM supaya ia akan menjadi satu ilmu yang berguna kemandirian yang dapat digunakan untuk membantu pihak-pihak yang lain.

Saya juga difahamkan bila merujuk kepada modul latihan JPAM ini, ia tidaklah sekeras seperti latihan tentera seperti yang digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak. Kebanyakan latihan JPAM ini adalah lebih ringan dan mampu digalas oleh semua pihak. Generasi muda seharusnya berani menyahut cabaran dengan menyertai JPAM. Melalui pindaan ini dalam konteks Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam merupakan angkatan ketiga selepas tentera dan polis dan sudah tentunya ia selaras dengan senarai Persekutuan Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, memperlihatkan di atas pindaan rang undang-undang ini secara keseluruhannya, saya melihat cadangan pindaan kepada Akta Pertahanan Awam 2016 ini sudah tentunya akan memberikan impak dan imej yang lebih progresif dan juga positif kepada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Di samping memperkemaskan arahan,

keanggotaan JPAM juga boleh menjadi satu angkatan yang lebih *solidarity* nya memandangkan khidmat bakti kepada negara Malaysia yang tercinta dapat dizahirkan dan dibuktikan melalui keikhlasan individu-individu yang ada dalam JPAM dan di luar JPAM dalam menghulurkan segala bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Akhir kata saya ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas inisiatif untuk mengerakkan penjenamaan dan juga pergerakan JPAM khususnya dengan adanya rang undang-undang ini. Sekian terima kasih. Kuala Selangor menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

### **5.22 ptg.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *[Membaca doa]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada menteri.

Saya tertarik bila kita bincang tentang akta yang kita bincang hari ini, pertahanan awam yang ketika Yang Berhormat Menteri sebut dalam pembentangan tadi dia gunakan istilah Arab. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Saya cuma nak menarik perhatian kepada pandangan Islam terhadap konsep pertahanan awam ini.

Pertama sekali dalam akta kita ini disebutkan juga tentang, dalam penerangan Yang Berhormat Menteri menyebut tentang penjagaan sempadan. Penjagaan sempadan dalam Islam disebut sebagai 'Al Ribat' *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Iaitu kita berada di sempadan negara untuk pertahankan negara. Perkara ini dipandang besar oleh Islam kerana itulah kata Nabi SAW, *[Membaca sepotong hadis]* "Melakukan ribak berada di sempadan menjaga sempadan negara di jalan Allah SWT lebih baik daripada dunia dan juga apa yang ada atas dunia".

Bahkan satu lagi hadis Nabi SAW menyebut tentang ribak juga; *[Membaca sepotong hadis]*. "Lebih baik daripada berpuasa pada sebulan Ramadhan, berpuasa sebulan puasa sunat dan juga Qiam pada malam-malam berpuasa". *[Membaca sepotong hadis]* "Dan jika dia mati, diberikan berpanjangan di alam kuburnya". Hadis-hadis seumpama ini memberikan satu galakan kepada masyarakat khususnya orang yang beriman kepada Allah SWT untuk menjadi sebahagian rangkaian mereka yang menyumbangkan tenaga mereka menerusi kerja-kerja menjaga sempadan negara. Itu satu.

Kedua, disebutkan juga tentang JPAM ini iaitu antara tugasannya adalah menyelamatkan nyawa bila berlaku bencana alam dan sebagainya. Dalam satu ayat Allah Taala menyebut; *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Sesiapa yang menghidupkan satu nyawa, seolah-olah dia menghidupkan manusia semua sekali". Al-Imam Al-Ja'far seketika mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa; *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Wajib ke atas setiap orang menyelamatkan orang lain". *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Jika dibimbangi berlaku sebarang kehilangan"

Contohnya seseorang melihat seseorang mahu membunuh seseorang yang lain. Maka dia wajib untuk mempertahankannya ataupun bimbang akan berlaku kematian kerana lemas sedangkan dia mampu menyelamatkannya, maka wajib ke atasnya menyelamatkannya. Jadi hadis-hadis dan ayat seperti inilah sebenarnya memberi semangat kepada kita untuk menyokong rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini. Mudah-mudahan ia menjadi satu amalan berpanjangan kita pada hari akhirat nanti, *insya-Allah*.

Cuma satu yang saya hendak bangkitkan di sini tentang nama tadi. Ramai mereka yang bercakap ada sebut A-PAM, sebut APAM dan sebagainya. Kalau kita ambil konsep Islam, orang-orang Yahudi mereka sengaja menggunakan istilah yang mengelirukan sehingga Quran turunkan ayat; *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Jangan sebut perkataan raina, sebut perkataan unzurna”*. Dari sudut bahasa Arab, maknanya sama tetapi perkataan *raina* boleh mengelirukan maksud.

Maka saya mencadangkan kepada Menteri supaya diberikan satu ringkasan nama yang tidak mengelirukan dan tidak menimbulkan permainan dan juga senda gurau orang-orang awam seperti perkataan APAM mungkin dikaitkan dengan kuih dan sebagainya. Itu sedikit daripada saya. Saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor

#### **5.26 ptg.**

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak menteri dan juga Jabatan Pertahanan Awam Malaysia ataupun akan dipanggil nanti sebagai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atas khidmat yang telah pun dijalankan selama ia ditubuhkan. Memang kita akui bahawa masyarakat amat mengenali Jabatan Pertahanan Awam ini. Di mana-mana pun hari ini kalau kita melihat apabila berlaku sesuatu keadaan yang memerlukan apa jua bentuk pertolongan, maka pertama sekali yang dihalakan ataupun ditujukan maksudnya ialah kepada JPAM. Mereka akan menelefon JPAM terlebih dahulu.

Saya dapat menyebutkan di sini bahawa selain daripada ambulans yang disediakan oleh pihak hospital yang kita juga faham selalunya ambulans tidak mencukupi ataupun sedang dalam operasi. Maka yang paling cepat datang selepas itu ialah Jabatan Pertahanan Awam yang membawa pesakit-pesakit kronik dari dalam kawasan kampung, pedalaman dan juga di tengah-tengah bandar untuk diantar ke hospital bagi mendapatkan rawatan. Jadi ini juga adalah merupakan tugas yang telah dilakukan oleh pihak JPAM.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sini saya rasa kita perlu juga melihat dari satu sudut untuk memperkasakan pertahanan awam ini yang kita sebut sebagai pertahanan ketiga negara. Maka unsur-unsur kemanusiaan perlu juga diambil kira dalam kita membentuk satu rangka institusi pertahanan awam yang kuat dan kukuh di

mana anggota pertahanan awam ini yang sekarang berjumlah satu juta orang yang akan bertambah lagi menjadi dua juta orang. Mereka ini juga perlu diperkasakan semangat mereka, motivasi mereka dan juga kecintaan mereka kepada khidmat sukarela yang terkandung dalam inti pati pertahanan awam ini.

Apa yang ingin saya maksudkan ialah kita, pihak kerajaan, saya juga nak bertanya kepada pihak menteri. Adakah pihak kerajaan telah menyediakan satu pelan ataupun perancangan yang bersifat memelihara kebajikan anggota-anggota JPAM ini kerana kalau kebajikan mereka tak dipelihara, mereka akan hilang motivasi, mereka akan berasa begitu letih. Sekarang ini pun apa yang kita dapat tahu kebanyakan anggota-anggota JPAM yang agak senior, mereka telah meninggalkan perkhidmatan JPAM tersebut kerana mereka merasai bahawa beberapa perkara tertentu tentang kebajikan dan juga penghargaan kepada mereka tidak diperolehi. Jadi mereka terpaksa mencari bidang-bidang lain untuk mereka lakukan. Jadi dalam hari ini, kita mungkin kerugian tenaga-tenaga mahir dalam Angkatan Pertahanan Awam ini yang mana sedangkan mereka telah pun terlatih dan begitu berpengalaman tetapi mereka meninggalkan perkhidmatan ini.

#### ■1730

Justeru dengan sebab itu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga kepada sidang sekalian isu yang berkaitan dengan insurans, insurans kepada anggota Jabatan Pertahanan Awam ini. Apa yang diberitahu, apa yang difahamkan saya pun tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku, dikatakan di sini bahawa anggota pertahanan awam apabila mendaftar menjadi sebagai anggota, mereka dikehendaki membayar premium insurans sebanyak RM17.00 dengan menggunakan wang saku mereka sendiri.

Jadi kalaualah perkara ini satu kebenaran, saya merasakan mungkin sesuatu kerajaan perlu buat di mana bayaran premium insurans bagi menjamin keselamatan dan kebajikan anggota-anggota pertahanan awam ini sepatutnya dibayar oleh kerajaan. Jadi RM17.00 bagi seorang anggota patutnya diselesaikan oleh pihak kerajaan. Jadi ini akan memberikan satu keseronokan kepada anggota-anggota pertahanan awam kita apabila mereka kalau mereka dikenakan bayaran ini mereka akan terasa macam satu bebanan. Sudahlah mereka datang untuk mendaftar menjadi ahli sukarelawan tetapi ada beberapa bayaran yang mereka terpaksa jelaskan. Ini adalah satu perkara yang agak tidak patut kepada mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya sentuhkan di sini juga ialah berkenaan dengan peralatan dan juga latihan. Saya setuju dengan sahabat-sahabat, ahli-ahli Dewan yang lain yang juga telah membangkitkan tentang keperluan untuk kita meningkatkan peralatan-peralatan sama ada dari segi logistik ataupun peralatan-peralatan yang boleh digerakkan kepada peralatan yang lebih moden, peralatan yang lebih sofistikated.

Apa salahnya kalau kerajaan memandang bahawa peralatan kepada JPAM ini satu perkara yang serius dan penting kerana dengan peralatan yang sofistikated akan dapat membantu menyelamatkan nyawa rakyat. Akan dapat membantu menyejahterakan rakyat, akan dapat membantu untuk menghalang daripada berlakunya kecederaan-kecederaan kepada

rakyat. Jadi perbelanjaan yang besar sekalipun kalau digunakan untuk tujuan membekalkan peralatan-peralatan yang sofistikated, yang moden dan berkesan, saya rasakan bahawa rakyat akan begitu gembira kerana keprihatinan kerajaan dan keseriusan kerajaan untuk menjaga kebijakan dan juga kesejahteraan rakyat.

Jadi dengan alat-alat yang moden dan canggih dan ditambah pula dengan latihan yang sentiasa ditingkatkan dan dinaiktarafkan maka kita akan melihat di sini anggota-anggota pertahanan awam kita adalah di antara anggota pertahanan awam yang terbaik di dunia dan mungkin paling baik di kawasan Asia Tenggara. Itulah di antara imej-imej yang boleh kita bina bagi negara yang kita sayang ini.

Selain daripada itu, apa yang ingin saya sentuhkan sedikit lagi ialah kita perlu sentiasa meningkatkan dan memberi suntikan kepada suburnya semangat kesukarelaan. Semangat kesukarelaan ini sudah begitu luntur dalam masyarakat di Malaysia. Banyak sudah berkurangan tetapi semangat kesukarelaan ini kita nampak dia macam hidup di dalam JPAM, dia hidup di dalam Angkatan Pertahanan Awam negara kita.

Namun begitu, kalau semangat ini tidak dipupuk dari masa ke semasa kalau tidak dibajai dari masa ke semasa semangat kesukarelaan ini juga akan turut pupus. Mungkin hari ini kita kata akan bertambah anggota kesukarelaan kita menjadi dua juta orang pada tahun 2018. Ini mungkin kerana kita telah berjaya memupuk dan menimbulkan minat kepada ahli-ahli masyarakat untuk menjadi seorang sukarelawan dan merasai seperti mereka mempunyai ruang dan peluang berbakti kepada masyarakat melalui institusi JPAM.

Namun begitu kalau kita tidak memberikan satu kekuatan dan kehebatan imej kepada JPAM, maka ahli-ahli ataupun anggota JPAM tidak merasa sesuatu kebanggaan apabila mereka menjadi anggota JPAM, maka dia juga akan membawa kepada runtuhnya semangat dan juga runtuhnya perasaan kesukarelaan mereka apabila masyarakat kurang dan lama-kelamaan semakin kurang menghargai apa yang dilakukan oleh JPAM.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin maksudkan di sini ialah kita perlu meningkatkan dari masa ke semasa imej JPAM ini. Di antara perkara yang saya ingin cadangkan ialah sekurang-kurangnya kita perlu mengadakan program menghargai jasa ataupun menganugerahi anggota-anggota JPAM mengikut apa yang sesuai supaya mereka mendapat pengiktirafan, mendapat *appreciation* daripada masyarakat.

Saya rasa pihak kerajaan perlu membuka ruang supaya anggota-anggota JPAM ini diberikan anugerah-anugerah seperti pingat-pingat tertentu ataupun diberikan balasan-balasan yang bersifat hadiah sama ada berupa kewangan atau apa-apa benda yang lain sebagai menghargai usaha dan pengorbanan mereka. Kalau kita boleh ungkapkan dan kita boleh senaraikan senarai jasa-jasa yang telah dilakukan oleh anggota-anggota JPAM, barangkali terlalu banyak senarai yang perlu kita buat.

Namun begitu, saya sendiri belum pernah mendengar. Saya tidak tahu lah mungkin ada tetapi saya tidak pernah mendengar di mana adanya program-program yang anggota-anggota JPAM kita ini telah diberikan penganugerahan-penganugerahan berdasarkan kepada merit dan

juga pengorbanan yang telah mereka lakukan. Jadi apa salahnya kalau anggota pertahanan pertama tentera, anggota pertahanan kedua polis selalu mendapat apresiasi daripada kerajaan dan masyarakat, anugerah-anugerah diberikan, kenapa tidak anggota JPAM yang bukan sehari dua ditubuhkan mereka juga telah berusia lebih daripada 15 tahun. Jadi mereka juga telah pun menunjukkan prestasi yang begitu baik. Jadi sewajarnya mereka dianugerahi dengan perkara-perkara yang dimaksudkan.

Ini juga meliputi kepada anggota-anggota yang telah lama berkhidmat di dalam JPAM. Sekurang-kurangnya mereka dihargai. Tidaklah mereka meninggalkan Angkatan Pertahanan Awam dengan kosong sahaja dan meninggalkan perkhidmatan mereka begitu sahaja. Sedangkan mereka adalah anggota-anggota berpengalaman. Mereka telah dilatih dengan begitu hebat sekali. Apa salahnya mereka ini dilantik semula menjadi jurulatih-jurulatih ataupun menjadi penasihat-penasihat bagi menggerakkan JPAM ini secara lebih berkesan dan mereka juga diberikan pengiktirafan-pengiktirafan tertentu supaya kita dapat melihat JPAM, anggota-anggotanya sentiasa dihargai dan disanjung oleh masyarakat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan dalam peluang membahaskan rang undang-undang ini. Terima kasih dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

### **5.39 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menambah sedikit beberapa perkara yang lain yang banyak yang telah disentuh oleh rakan-rakan kita sebagai maklum balas kepada Menteri yang berkenaan dalam menjadikan Akta Pertahanan Awam ini sangat efektif pada masa akan datang.

Kita lihat penubuhan JPAM ini sudah masuk ke peringkat ianya akan menjadi satu institusi pertahanan yang penting. Kita ada tentera dan di samping tentera itu kita ada pasukan wataniah yang diwujudkan sekarang ini dalam setiap kawasan Parlimen katanya ada satu pasukan wataniah.

### **■1740**

Kemudian kita ada jabatan-jabatan polis yang khidmatnya memang kita memahami sudah jauh ke depan dari segi aset-aset peralatan yang juga tenaga manusianya yang agak besar. Selain daripada itu, kita ada pasukan bomba dan penyelamat yang juga saya rasa sudah diinstitusikan dengan sebegitu mendalam dan ada *specialized team* dia, SMART, STORM, yang saya rasa sudah meletakkan nama mereka bukan hanya urusan menyelamat di dalam negara tetapi juga di luar negara.

Jadi hari ini kita ingin meluluskan suatu Akta *Civil Defense* ini yang juga kelihatannya akan memberikan saingan yang sihat tentunya kepada badan-badan *defense* yang lain. Saya tertarik kalau kita melihat dalam rang undang-undang ini ada dinyatakan secara khususnya di

fasal 5(d) melatih JPAM ini memberikan latihan *civil defense* kepada *civil defense forces, fire officer* ini bahasa Inggeris yang saya baca, dengan izin *employee of statuary and other body* dan seterusnya. Ianya memberikan satu kedudukan yang cukup hebat kepada JPAM untuk melatih pasukan polis dan juga *fire officer*, bomba kita yang pada hemat saya sudah pun mempunyai kedudukan yang hebat di dalam *civil defense*, di dalam menangani isu-isu kecemasan. Jadi, apakah persiapan JPAM dalam hal ini untuk melatih satu pasukan yang sudah *established*, sudah mempunyai satu kedudukan yang hebat dalam urusan ini.

Walaupun kita rasa ini satu cabaran yang baru tetapi bagi JPAM untuk mengambil tanggungjawab ini saya kena berikan *respect* yang tinggi kepada JPAM. Ini tugas berat, *to bring the police under their training*, itu dia. Akan tetapi saya yakin dengan keupayaan, paling tidak pun dengan Menteri yang ada ini Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ia dapat dilaksanakan kerana setahu sayalah Yang Berhormat Menteri yang ada ini dia *lead by example. [Disampuk]* Baru dapat 6 biji harumanis itu, sudah puji habis.

Saya membawa satu anekdot cerita kehebatan Yang Berhormat Menteri kita ini. Semasa itu dia belum jadi Menteri baru kehilangan jawatan Menteri Besar dan dilantik atau dipilih sebagai Ahli Parlimen. Kami sama-sama berkempen di Pilihan Raya Kecil Tenang di Johor. Satu pilihan raya yang kritikal yang sepatutnya berlaku tenang, Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak tenang kerana apa, menjelang tengah hari hujan yang turun dengan lebat telah menyebabkan banjir yang saya rasa luar biasa dengan kenaikan paras air yang begitu mendadak dan menjelang tengah hari kita terpaksa menghentikan proses pengundian kerana tempat-tempat mengundi semua sudah tenggelam.

Jadi saya berkesempatan menjalankan tugas bersaing dengan Menteri, dengan Yang Berhormat Arau ketika itu dan dia sebagai orang yang bertanggungjawab, lebih senior kepada saya menasihatkan saya oleh kerana air telah naik, "*Yang Berhormat Kuala Krai eloklah keluar cepat daripada kawasan ini*". Saya ingat tujuannya adalah untuk menyelamatkan saya rupanya dia hendak berkempen, dia dapat lebih berkempen sendiri tanpa ada saingen. Ini cerita dia tetapi sebenarnya hendak kempen apa orang pun sudah tidak ada. Tiba-tiba bila air banjir telah naik, Yang Berhormat Arau pun kelam kabut cari jalan hendak keluar. Akan tetapi saya hendak katakan dia bertahan sampai akhir, Yang Berhormat Tenggara sudah hilang entah ke mana masa itu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Eh! Bukan, Yang Berhormat Sekijang menyelamatkan Yang Berhormat Pokok Sena sebab saya bersama dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Jadi Yang Berhormat Arau berada sampai akhir dan hampir-hampir dia menyebabkan pilihan raya kecil. Akan tetapi oleh kerana kehebatan Yang Berhormat Arau ini, hari ini dengan semangat sedemikian azamnya maka dia mengambil inisiatif yang saya rasa cukup hebat.

Jadi bagi saya selagi Menterinya, Menteri yang ada pada hari ini apa yang disebut di dalam rang undang-undang ini *insya-Allah* dapat dilaksanakan. Saya juga ingin mencadangkan

supaya – ada disebut juga di dalam rang undang-undang ini bahawa JPAM ini hendak diposisikan juga suatu hari ini mempunyai kehebatan di peringkat antarabangsa. Entinya kalau berlaku *disaster* di mana-mana negara selain daripada kita menawarkan SMART Team kita ataupun bantuan seperti semasa berlaku tsunami di Aceh, tentera kita mengambil tanggungjawab kita juga berharap JPAM bersedia dengan segala keupayaannya untuk muncul di persada antarabangsa dengan hebat dengan latihan yang mencukupi, dengan *specialized work* dia.

Dalam hal ini kita minta JPAM ambil tanggungjawab yang khusus. Jangan terlalu umum *civil defense*. Banyak benda bawah *civil defense* ini. Jadi kalau boleh dengan aset yang ada, yang mungkin dalam proses pembangunan *define* bidang mana yang kita hendak tumpukan di peringkat antarabangsa supaya kita tidak *overlap* dengan mana-mana jabatan yang sudah sedia berperanan di peringkat antarabangsa. Seterusnya saya juga ingin memberikan pandangan supaya JPAM ini diberikan imej yang baik di kalangan anak-anak muda kita. Kita pun ada dalam rang undang-undang ini...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kuala Krai sedikit.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita pun ada dalam rang undang-undang ini ada Kadet Kor bagi JPAM..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Krai saya tertarik tentang soal yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi mengenai koordinasi di peringkat nasional, peringkat antarabangsa dalam maksud pengurusan kalau saya faham. Adakah Yang Berhormat Kuala Krai sedar bukan sekadar di peringkat antarabangsa malah di peringkat domestik, peringkat dalam negara misalnya pada tahun lepas. Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan satu penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang akan bertindak sebagai penyelaras bagi agensi kerajaan khususnya bagi menangani masalah banjir.

Jadi JPAM juga ditumpukan ke arah itu, ada pula satu agensi yang lain bagi pengurusan ini, jadi kadang-kadang bercelaru juga tentang pelaksanaan malah itu berlaku sendiri dalam negara kita. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Katil. Saya harap perkara ini ambil perhatian. Kita tidak mahu menjadi suatu pertembungan untuk menjaga kepentingan mana-mana Menteri misalnya, ada Menteri mencadangkan di bawah jagaan beliau satu kedudukan *lead agency*, yang lain pula cuba untuk mengatasi. Saya rasa ini akan menyebabkan *resource* kita yang terhad ini akan *overlap*, bertindan dan membawa kepada pembaziran.

Jadi saya tidak pasti agensi yang mana yang paling tinggi di negara kita ini yang dia akan melaksanakan tanggungjawab ini mengkoordinasi mana-mana jabatan dan agensi yang

lain dalam menangani isu-isu *civil defense* ini tetapi diharapkan tidak *overlap* sebagai contohnya kita...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sekejap, kita ada perkhidmatan ambulans contohnya. Hospital ada, kemudian kita ada *private*, kita ada Mindef pun ada ambulans dia. Hari ini kita lihat dalam JPAM pun kita servis ambulans kita. Jadi sudah tentu ini perlu dilihat semula supaya urusan mengangkut pesakit atau mangsa-mangsa ini dikoordinasikan di bawah satu *lead agency*. Saya tidak pasti sama ada JPAM akan menawarkan diri ataupun pihak hospital ataupun pihak klinik kesihatan yang banyak ataupun pihak tentera ataupun pihak swasta. Jadi kita harap perkara ini mesti diselaraskan. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. Saya hanya hendak dapatkan daripada Menteri, berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh jabatan ini supaya mereka dapat berkhidmat dengan sempurna, itu yang pertama. Kedua, apakah aset-aset yang telah dimiliki oleh jabatan ini untuk menguruskan perkhidmatan mereka di dalam mengatasi masalah yang mereka hadapi? Terima kasih, Yang Berhormat.

■1750

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, saya rasa, *insya-Allah*, Menteri akan memberikan penjelasan. Saya lihat JPAM sudah agak *establish* aset-asetnya. Saya tidak tahu, Yang Berhormat Kuala Selangor tadi membayangkan kedudukan aset dan kemudahan-kemudahan yang masih jauh lagi daripada memuaskan tetapi bagi saya di Kuala Krai, kita mempunyai satu *base* JPAM yang agak *establish*, Yang Berhormat Menteri ya, yang saya rasa sudah *tested*, sudah teruji keupayaan dan kemampuan dia. Namun, sebagai salah satu kawasan Parlimen yang mempunyai rekod banjir yang besar dan juga malapetaka-malapetaka kemalangan jalan raya yang begitu banyak di sekitar situ, saya rasa peruntukan mestilah mencukupi dengan aset-asetnya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kerana kita di dalam JPAM ini ada tiga kategori pegawai dan kakitangan. Satu yang regular yakni mereka yang bekerja sepenuh masa, bergaji dan mereka merupakan kakitangan awam, saya jangka. Kemudian kita ada yang *voluntary*, yang sukarelawan-sukarelawan dan yang ketiganya *auxiliary*. Kategori kadet kor ini kita masuk di bawah mana? Di bawah *voluntary* atau *auxiliary*? Itu kita minta penjelasan.

Cuma saya hendak tahu dari segi ketiga-tiga kategori ini, macam mana *ratio* mereka antara regular, *volunteer* dan *auxiliary* ini dari segi jumlah pegawai dan kakitangan mereka? Dan apakah imbuhan-imbuhan yang disediakan kepada *voluntary defense force* ini? Walaupun namanya *voluntary*, jadi tidak seharusnya mengharapkan imbuhan yang besar, tetapi atas kerja yang sangat spesifik dan penting dan sangat penting kepada masyarakat, sudah tentu kita mengenang jasa-jasa mereka dengan imbuhan-imbuhan, mungkin semasa latihan, semasa

persediaan menghadapi bencana atau semasa mereka mengendalikan bencana. Jadi saya mohon penjelasan, apakah persediaan kerajaan dan JPAM untuk mereka yang bertugas sebagai *volunteer* ini?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis. Saya ingat selepas Yang Berhormat Lipis bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

### 5.52 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang saya kasih.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta berbahas Rang undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Saya di kesempatan ini melihat beberapa rakan-rakan telah menyampaikan ucapan, telah memberikan pandangan berbagai-bagai bentuk untuk memastikan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia ini dapat melaksanakan tugas dengan baik.

Tanpa kita sedari, JPAM ini telah mencecah sehingga 64 tahun berfungsi. Tanpa kita sedari. Kita tidak ketahui JPAM ini telah terlibat dan ditubuhkan selepas sejak perang dunia kedua, berfungsi sebagai badan berkecuali, melaksanakan tugas-tugas menyelamat nyawa, menyelamat harta benda secara sistematik tatkala negara ketika itu dalam keadaan suasana yang masih lagi huru-hara.

Jadi, dengan keanggotaan JPAM yang telah mencecah sehingga satu juta dan dijangka pada tahun 2018 akan mencecah sebanyak dua juta, maka kita ketahui akan diubah nama kepada lebih perkasa, diubah daripada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia kepada APAM, sekiranya rang undang-undang ini diluluskan. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Maknanya apabila menyebut angkatan, kalau Angkatan Tentera Malaysia satu batalion mencecah begitu ramai sekali sehingga 1,000 orang satu batalion, maka JPAM telah mencecah sehingga sejuta anggotanya. Maka, sudah pastilah pembaharuan akan dibuat kepada JPAM ini sendiri dan sebab itu ditukar kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Ramai rakan-rakan mengatakan APAM ini tidak sesuai, dia hendak Pertahanan Awam Malaysia sahaja. Pada saya, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ini sangat sesuai kerana kalau hendak permudahkan, kita akan menyebut APAM sahaja orang dah faham. Mungkin akan menjadi lebih manis orang akan menyebut APAM, pasukan APAM sudah datang untuk membantu pertahanan awam, untuk membantu aktiviti kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, tidak payah APAM, APM pun boleh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Angkatan Pertahanan Awam? Tidak sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau ATM, Angkatan Tentera Malaysia, ATM.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kalau ditambah 'Malaysia' itu lebih manis, APAM. Sebab itu saya tengok tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis ini dia minat apam, tidak apalah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sebab tiap-tiap minggu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, dah nak malam ini. Malam Jumaat ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap minggu di Lipis, pekan sehari dia besar, salah satu makanan sedap kegemaran masyarakat Lipis adalah apam dan saya percaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun suka sangat apam. Tuan Yang di-Pertua pun kalau makan apam sampai dua kadang-kadang. Kita makan satu sahaja, dia makan dua. Apam pula jenis saiz yang besar. *[Ketawa]*

Jadi saya berpendapat sangat sesuai kalau Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang itu saya tidak faham.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Menteri sebagai yang mengetuai pertahanan awam ini sangat sesuai sebab suatu ketika pernah berlaku bencana yang besar, mungkin saya berulang-ulang bercakap berlaku di *Cameron Highlands*, kawan-kawan pun mengambil contoh di *Cameron Highlands*, yang menyebabkan banjir, tanah runtuh, ada yang meninggal, ada yang tanaman habis, berbagai-bagai perkara yang berlaku ketika itu, Yang Berhormat dari Arau memainkan peranan yang cukup penting sekali melaksanakan tugas ketika itu sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sekarang beliau telah mengetuai JPAM ini dengan akan melakukan banyak perubahan-perubahan di mana hari ini saya melihat Yang Berhormat Kuala Katil begitu cantik sekali memakai uniform JPAM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini kes tak dapat apumlah ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil apam jauh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya tengok dalam senarai— saya semalam sudah menerima anugerah sebagai tauliah, menerima tauliah. Saya tengok dalam senarai ada nama Yang Berhormat Bukit Katil. Jadi saya bayangkan tengah hari tadi Yang Berhormat Bukit Katil memakai pakaian JPAM dengan berpangkat-pangkat, dengan bertopi

kuning, berbaju biru campurannya. Saya percaya sahabat saya ini nampak cukup segak sebagai kolonel kehormat itu.

Sebab itu saya katakan memang cukup indah sekali melihatkan beliau memakai ketika itu dan kita sebahagian Ahli dalam Dewan ini telah memakai pakaian tersebut yang hendak mencirikan gambar bahwasanya JPAM ini merupakan pasukan yang kuat, pasukan yang kukuh, pasukan yang pasti akan menghadapi apa jua rintangan yang akan berlaku, maka mereka akan menjadi pangkalan di hadapan melaksanakan tugas itu.

Saya melihat sendiri waktu banjir besar, walaupun dalam daerah yang kecil, mereka memberi kerjasama yang cukup baik sekali. Setiap pagi saya menghubungi JPAM. Saya akan hubungi sama ada laluan boleh dilalui. Sekiranya tidak boleh dilalui, saya minta bantuan JPAM ini mengambil saya untuk diantar ke suatu destinasi. Sebab itu saya kaitkan juga dengan masalah di *Cameron Highlands* sebab kalau kita fikirkan, adakah masalah di *Cameron Highlands* ini telah selesai dilaksanakan?

#### ■1800

Saya hendak Menteri daripada Arau ini supaya tidak melaksanakan tugasnya hanya separuh jalan. Saya hendak supaya dia teruskan dapat penyelesaian di Cameron Highlands itu.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
[Bangun]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kita bukan tidak menggalakkan orang melakukan perkara yang terbaik, melakukan daripada segi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut bangun.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Membantu negara untuk mengeksport pelbagai makanan-makanan mentah kepada luar negara, sama juga di dalam negara. Akan tetapi, sekiranya ia tidak mendatangkan apa-apa manfaat hingga menyusahkan masyarakat, maka peranan inilah yang perlu dimainkan oleh pihak JPAM itu sendiri. Sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbalik kepada uniform tadi. Kalau Yang Berhormat Bukit Katil pakai uniform, kita kenal dia anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Akan tetapi kalau tidak pakai uniform, macam mana orang hendak kenal kita. Bolehkah kita cadangkan supaya JPAM ini memperkenalkan kad pengenalan untuk Kolonel Kehormat ini sebagai ahli Pertahanan Awam Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Saya sangat setuju Yang Berhormat Lumut. Kalau kita – saya percaya yang kad itu akan disediakan. Kad itulah sebagai membuktikan kita ini kalau diubahnam sebagai APAM akan tercatat perkataan besar di atas anggota APAM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kuala Krau hendak makan apam dahulu. [Ketawa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sambung Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Selamat datang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana beri lagi saya ruang berbahas ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak hendak ikut Yang Berhormat Kuala Krau Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya sekejap lagi saya ikut sebab saya dimaklumkan memang di pejabat dia ada apam. Kuih apam, kuih apam. Jadi, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Lumut sebab inilah sebagai bukti kita telah dianugerahkan dan menganugerahkan walaupun kehormat. Maknanya beri penghormatan kepada kita selaku Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini, dipakaikan pangkat. Maka, kita pada hari ini dapat bersatu untuk memastikan rang undang-undang hari ini dapat diluluskan. Kita hendak supaya sebagai yang saya katakan tadi, bukan sekadar di Cameron Highlands yang berlaku. Banyak lagi lain-lain perkara yang berlaku sebab kita semua tahu kalau kita tengok sahaja orang yang beruniform ini, kita akan berasa gementar. Mungkin ini berlaku kepada hal-hal lain.

Kalau umpamanya JPAM akan melakukan rondaan di sebahagian tempat, maka ia akan pasti dapat sekurang-kurangnya mencegah atau mengurangkan perkara-perkara jenayah yang sering berlaku kepada kita hari ini. Ia tidak berlaku kepada hanya sekadar kawalan sempadan, kawalan sebagainya tetapi kita hendak supaya ia diperluaskan, membantu anggota polis dan membantu anggota tentera. Kita tahu kekuatan pada tentera, kita tahu kekuatan juga kepada polis tetapi dengan peranan yang dimainkan oleh JPAM ini sekurang-kurangnya ia dapat membantu bagi lapisan mungkin yang ketiga dalam negara kita ini.

Kekuatan yang ketiga, kita tidak mahu, sebuah negara yang saya kira masyarakat majmuk tetapi berada dalam keadaan yang aman, kita tidak mahu negara kita daripada keamanan yang cukup kita kecapi ini akan berlaku kepada yang tidak menjadi aman. Kita tengok umpamanya di negara-negara luar sendiri, kita tengok Syria, satu ketika negara yang aman tetapi akhirnya dalam satu agama, satu bangsa tetapi mereka berperang sehingga mencecah enam tahun. Sekarang ini negara mereka tidak aman lagi daripada 45 *pound* mata wang mereka, naik kepada 650 *pound* kenaikan harga mata wang di Syria itu sendiri. Ini disebabkan oleh sebab ketidaktenteraman berlaku di negara mereka itu sendiri.

Oleh sebab itu, penjenamaan ini, penjenamaan sama ada JPAM atau APAM, kita tidak menjadi masalah tetapi kalau hendak ditukar, kita sokong. Pandangan saya memang kekuatan itu terletak daripada nama 'angkatan', tidak pada jabatan kerana 'angkatan' menggambarkan kekuatan itu sendiri. Kalau tentera umpamanya, dipanggil siapsiaga. Mungkin JPAM boleh

meletakkan nama pula apa. Siap apa pula. Macam tentera ada kekuatan, siapsiaga, siap sedia, siap bertempur, siap apa? Kecuali bini panggil, kena balik *[Ketawa]*. Siap macam mana pun bini panggil, kena balik Tuan Yang di-Pertua. Jadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada pengalaman Yang Berhormat? Ada pengalaman pasal itu?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada pengalaman tetapi saya dengar cerita kawan-kawan — kadang-kadang tengah baru hendak *take off*, itu dia kata kita bertempur ini. Itu dalam golf lah. Kita bertempur ini. Kita *up* tidak kira berapa. Kita pasang tidak kira berapa. Siap siaga dia kata bini *call*. Dia cakap kena balik. Rupa-rupanya siap siaga bini *call*, kena balik. Itu bagi orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Jerantut bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Jerantut minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Lipis. Bukan pasal APAM tetapi pasal memperkasakan angkatan ini sendiri. Kita berkeyakinan dengan Yang Berhormat Menteri Arau akan sudah pasti melihat keperluan-keperluan memperkasakan terutama dari segi logistik.

Khususnya bagi kawasan-kawasan yang terdedah pada banyak risiko seperti bandar-bandar kecil yang jauh dari pusat bandar di Lipis, Jerantut dan kawasan Timbalan Yang di-Pertua Kuala Krau itu sendiri. Buat masa ini, logistiknya kalau kita perhatikan terutama di kawasan Parlimen Jerantut. Untuk makluman Yang Berhormat Arau, dari segi logistik terutama dari segi tempat pejabat yang menempatkan JPAM ini sendiri atau selepas ini APAM. Dia menumpang di kuarters. Duduk di belakang sahaja. Sedih tengok. Kalau dilihat kepada pejabat — ibu pejabat polis agak okey. Apa itu RELA masih okey. Tetapi bila sampai ke JPAM, sekadar menumpang. Itu satu.

Kemudian kemudahan-kemudahan yang lain. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Lipis. Sudah terlangsungkan kita membuat pindaan akta ini. Kita terus memperkasakan bukan sahaja dari segi angkatannya, dari segi nama tetapi juga dari segi logistiknya turut diperkasakan. Terutama yang saya katakan tadi, di kawasan-kawasan bandar kecil ini pastikanlah sekurang-kurangnya mereka ada pejabat yang boleh menaikkan semangat mereka sendiri. Apatah lagi Ahli-ahli Parlimen diberikan Kolonel Kehormat. Kolonel Kehormat pergi melawat pejabatnya — dapur rumah orang, dapur kuarters kerajaan. Jadi, saya penuh keyakinan Yang Berhormat Arau sebagai mengetuai agensi ini akan dapat memberikan kelebihan untuk sama dari segi logistik kepada kawasan-kawasan bandar-bandar kecil seperti yang saya katakan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Sahabat saya, jiran saya. Dia tahu masalah Lipis, dia tahu masalah Jerantut. Dia kerja

kuat. Rajin, sentiasa prihatin kepada rakyat termasuklah JPAM sebab itu dia bangkitkan perkara sedemikian rupa. Saya sangat bersetuju saranan sahabat saya dari Jerantut, sebab daripada nama JPAM ditukar kepada APAM. Kita tidak mahu macam orang jual apam dekat pekan sehari. Dia menempek dekat pekan sehari itu.

Jadi, JPAM pula nanti APAM ini akan menepek juga dekat mana-mana. Jadi, sebagaimana yang kita berbahas dalam Parlimen ini hendak nampak supaya ia cukup gah kekuatannya ada walaupun mungkin dari segi perang kita serah kepada tentera. Dari segi persiapan keselamatan negara. Akan tetapi, JPAM ini kita hendak supaya ia juga gah dilihat di mata kaca — mata orang ramai. Dia nampak supaya mereka ini ada kekuatan. Sebab itu persoalan saya sebagai tulang belakang kepada tentera dan PDRM ini, saya berharap supaya JPAM ini difokuskan sepenuhnya. Mestilah memberi kelengkapan yang secukupnya. Tidak silap saya Yang Berhormat Bukit Katil pun cakap tadi. Beri kelengkapan yang secukupnya. Beri ruang kepada mereka kursus-kursus tertentu. Beri mereka dengan kadar tangga gaji yang bersesuaian.

#### ■1810

Mungkin adanya sebagai *volunteer reserve*, mungkin, dengan izin, kemungkinan. Akan tetapi walau *volunteer reserve* macam *Police Volunteer Reserve (PVR)* ia tetap mempunyai elaun yang telah ditetapkan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia itu sendiri. Mereka menjalankan tugas, kawalan lalu lintas umpamanya, kawalan keraian dan sebagainya. Maka, kita mestilah— persoalannya, adakah mereka ini akan diberi latihan keanggotaan? Setidak-tidaknya mereka tahu asas bagaimana hendak menjalankan tugas seperti polis, tentera dan agensi-agensi lain itu sendiri.

Oleh sebab itu saya bersetuju ramai rakan yang kata, sehingga menyelamatkan binatang pun dilakukan oleh JPAM. JPAM tempat saya boleh menjinakkan ular, boleh bermain dengan ular, daripada ular liar yang mereka jumpa dilaporkan oleh orang, mereka boleh bermain dengan ular tersebut. Maka, sudah pastilah kalau dikatakan nombor tiga terbesar selepas PDRM dan tentera, kita mestilah melakukan menambah baik modul dan latihan untuk JPAM itu sendiri. Ini kerana mereka akan melakukan perkara yang besar juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ini adalah sangat baik. Saya menyokong sepenuhnya apa yang dilakukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri dari Arau yang sentiasa bertungkus-lumus melakukan yang terbaik kepada JPAM ini. Jadi, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 6.11 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**  
*Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Tuan Yang di-

Pertua, rakan-rakan yang dikasihi sekalian. Saya ucap terima kasih kepada semua kawan-kawan yang telah mengambil bahagian secara positifnya, dengan begitu positif tentang penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Kuala Neris, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kuala Krai dan akhir sekali, Yang Berhormat Lipis. Ada tidak saya tidak sentuh mana-mana pihak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua sentuh Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Lumut saya sebut tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, 11 orang pembahas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** 11 ya? Saya ucap terima kasih dan untuk menjawab semua, saya ingat saya akan menghadapi masalah teknik sedikit tetapi saya akan menyentuh secara keseluruhan. Oleh sebab apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi berbentuk cadangan yang cukup positif, maka sebahagian yang saya tidak jawab di sini, saya akan jawab secara bertulis. Oleh sebab saya rekod semua, satu persatu apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat timbulkan. Cuma secara umumnya, saya hendak terang bahawa kedudukan JPAM sekarang yang selepas ini akan diberi nama baru.

Macam-macam cadangan yang telah dibuat dan kita akan beri – kita juga akan maklumkan tentang nama yang telah disebutkan tadi. Antaranya ialah APM, jadi sesuai seperti kawan-kawan sebut tadi tentang kita ada ATM, kita ada APM. Ataupun dalam bahasa Inggerisnya ialah *Malaysia Civil Defense Force (MCDF)* ataupun PERTAMA. Ini kawan-kawan saya dalam Kabinet ada mencadangkan perkataan Pertahanan Awam Malaysia (PERTAMA) dan ada mencadangkan nama PAM. Apa pun yang paling penting ialah nama-nama yang dicadangkan ini sesuai dengan perubahan baru yang kita bawa.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya ingin maklumkan bahawa semua Ahli Yang Berhormat Parlimen, termasuk Dewan Negara dan juga Dewan Negeri akan dilantik menjawat jawatan kehormat. Ini kerana sebagaimana kita sedia maklum bahawa menghadapi bencana dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan pertahanan awam tidak memilih parti ya. Jadi, saya juga hendak pastikan supaya pemikiran semasa membantu daripada segi bencana itu, kalau ada pemikiran yang berbentuk kepartian ataupun lain-lain perkara, termasuk juga pemikiran perkauman dan sebagainya, kita dapat hapuskan. Akan tetapi kita hadapi bencana ini sebagai dugaan Allah secara bersama. Kita bersyukur bahawa banyak tempat – kalau Yang Berhormat semua pernah pergi ke semua tempat yang pernah dilanda bencana, kita melihat rakyat sendiri tampil untuk membantu di samping agensi kerajaan. Jadi, kehadiran JPAM,

selepas ini APM ini, boleh sama-sama menggembangkan tenaga dengan anggota lain, termasuk NGO, membantu mangsa bencana dan sebagainya.

Kedudukan sekarang ini, kerajaan telah menubuhkan *National Disaster Management Agency (NaDMA)* ataupun APBN. Apabila kerajaan menubuhkan NaDMA pada tahun lepas, bulan Oktober 2015, kita perlukan sekretariat. Jadi, sekretariat kepada NaDMA ini ialah—NaDMA itu ialah sekretariatnya— ialah NaDMA sendiri. Akan tetapi di peringkat negeri dan juga daerah kita tidak ubah. Cuma kita ubah daripada MKN kepada NaDMA. Kalau dulu di peringkat negeri, pengurusnya ialah Setiausaha Kerajaan, sekretariatnya ialah MKN. Sekarang diubah kepada NaDMA. Peringkat daerah demikian rupa, pengurusnya pegawai daerah. Sekarang ini sekretariatnya ialah NaDMA.

Paling penting sekarang ini yang harus Yang Berhormat perhatikan ialah di peringkat komuniti, di peringkat kejadian itu sendiri. Hal ini JPAM akan mengambil peranan utama untuk menyelaraskan di peringkat komuniti. Apabila saya beri pandangan ini, saya harap semua pihak tidak melihat bahawa agensi ini ada lebih ataupun yang ini kurang dan sebagainya, tidak. Semua agensi ini mempunyai peranan masing-masing untuk memberi sumbangan. Saya sendiri kena pastikan supaya semua agensi yang terlibat dalam memberi bantuan semasa bencana dan sebagainya itu tidak ada layanan yang berlebihan, kurang dan sebagainya. Saya beri layanan yang sama walaupun mereka berada di kementerian yang berlainan, saya memberi layanan yang sama kepada semua dan saya anggap mereka adalah anggota. Sama ada anggota kerajaan ataupun sukarelawan ialah rakyat Malaysia yang prihatin kepada pelbagai masalah yang berlaku.

Di peringkat komuniti ini JPAM menjadi bukan sahaja sekretariat tetapi ia menjadi sepenuh pengelolanya. Dalam arahan MKN apabila berlaku sesuatu bencana, maka kejadian di tempat bencana itu sendiri akan diketuai oleh polis. Kemudian timbalannya ialah bomba. Selepas itu, anggota lain seperti tentera, JPAM sendiri, RELA ataupun termasuk NGO menganggotai jawatankuasa di tempat kejadian. Akan tetapi selepas MKN datang, maka MKN akan menentukan hala tuju yang sebenarnya, siapa yang harus mengepalai ataupun mengetuai kejadian di tempat bencana tersebut. Dulu MKN, sekarang ini NaDMA, dan nanti apabila NaDMA hadir, NaDMA akan tentukan hala tuju yang seterusnya jawatankuasa yang mengendalikan apa-apa kejadian bencana yang berlaku. Jadi, JPAM dari Majlis Keselamatan Negara, daripada segi namanya pun tidak sesuai kalau kita kata daripada majlis pergi kepada jabatan. Sewajarnya daripada majlis kepada angkatan, sama ada ATM ataupun polis dan sebagainya.

## ■1820

Sekarang ini nama itu kita ubah selaras dengan peruntukan yang telah saya sebutkan daripada JPAM kepada Angkatan Pertahanan Awam. Jadi sesuai dengan sukarelawannya yang akan meningkat kepada dua juta pada tahun hadapan. Okey, di peringkat negeri contohnya macam kelmarin berlaku bencana yang besar. Saya tidak sempat balik sebab mengejar untuk membentangkan rang undang-undang ini. Patutnya saya sudah berada di

Perlis sekarang. 385 buah rumah mengalami kerosakan yang cukup teruk. Ini kejadian ribut yang cukup luar biasa yang berlaku di Perlis dan juga sebenarnya di Selatan Thailand. Ribut yang besar berlaku dalam masa yang sama, laut juga air pasang besar.

Jadi kejadian ini merupakan bencana yang harus kita hadapi. Serta-merta Jawatankuasa Bencana peringkat negeri mengadakan mesyuarat. Sekretariatnya JPAM. Kemudian oleh sebab Perlis tidak ada daerah, itu jawatankuasa yang sama juga mengendalikan di peringkat daerah. Akan tapi di peringkat komuniti itu ialah kejadian tempat bencana itu, polis, timbalannya bomba dan di komuniti sendiri ialah JPAM. Okey, untuk membolehkan kita melihat kehadiran JPAM di peringkat komuniti ini, kalau sekiranya berlaku bencana di masa akan datang, sementara kita menunggu bantuan datang sepenuhnya daripada peringkat negeri ataupun daerah. Di peringkat komuniti dia sudah dapat menyelesaiannya. Ini kehadiran JPAM untuk sama-sama mengendalikan bencana termasuklah pada hari ini Kolonel-kolonel Kehormat juga akan berada di peringkat komuniti.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri, hampir semua kawasan kita mengalami bencana termasuk banjir, banjir dan juga ribut. Termasuk di kawasan bandar. Mana kita sangka kawasan bandar boleh banjir. Mana kita sangka tenang di Johor Tenggara, tenang, boleh banjir. Tenang atas puncak bukit atau di puncak gunung yang tidak mungkin boleh berlaku banjir tapi berlaku banjir. Jadi hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat sini pernah mengalaminya dan saya bagi tahu bahawa Ahli Yang Berhormat lah sentiasa berada di barisan hadapan untuk sama-sama membantu mangsa banjir. Jadi bagi pihak NADMA dan juga bagi pihak kerajaan kita hendak ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan itu sebab Ahli Yang Berhormat, Timbalan Perdana Menteri sendiri telah memaklumkan kepada saya bahawa beri Kolonel Kehormat kepada semua Ahli Parlimen. Jangan mengira parti.

Ini saya terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengurus Pengurusan Bencana Negara dan saya Timbalan dan sekarang ini kita telah memberi peringkat Kolonel Kehormat kepada Ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat minta garis panduan kepada saya tadi tentang tugas. Yang Berhormat, inilah kehebatan ahli-ahli wakil rakyat. Jadi sebenarnya tanpa perlu dinamakan, diberi tugas, Yang Berhormat sebagai Ahli Yang Berhormat pun telah membuat kerja-kerja yang hebat. Sudah pasti dengan ada pangkat ataupun gelaran Kolonel Kehormat sudah pasti Yang Berhormat akan menjalankannya dengan lebih hebat lagi.

Kalau sekiranya ke hadapan ini kita lihat bahawa sesetengah tempat ada masalah daripada segi logistik ataupun pejabat di belakang kuarters kerajaan dan sebagainya, jadi Kolonel-kolonel Kehormat tolong perhatikan. Saya hendak bagi tahu bahawa saya sendiri sebagai wakil rakyat, saya memberi sumbangan kepada JPAM dalam bentuk gergaji dan sebagainya dan Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya Yang Berhormat hendak beri sumbangan, kita akan tulis situ JPAM. Lepas ini dia tulis APM. Yang Berhormat boleh tulis sedikit nama kecil di bawah itu macam DSNR tulis begitu boleh ataupun DSZH ataupun DSSK

boleh ataupun DSIS. Boleh tulis sumbangan daripada sebagai kenangan abadi, sebagai satu buah legasi dalam kehidupan masing-masing.

Jadi di samping kerajaan yang memberi aset, logistik dan sebagainya kepada JPAM, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh sama-sama membantu untuk menghidupkan JPAM di peringkat komuniti tersebut. Jadi sebab itu kalau sekiranya benda itu sudah elok, Yang Berhormat masuk dalam keadaan semua sudah elok, jadi saya ingat tidak ada masalah. Sekarang ini dalam keadaan kita membina. Jadi kehadiran Yang Berhormat ini ialah membina, memberi sumbangan tanpa mengira parti dan jangan bimbang sangat sama ada JPAM ini digunakan untuk tujuan parti politik. Saya hendak bagi tahu dalam polis dengan tentera pun kita ada pelbagai pandangan politik. Kalau kita hendak kira, kalau tentera dengan polis, patutnya semua menyokong kerajaan.

Yang Berhormat Lumut sedia faham bahawa juga ada pelbagai pandangan politik. Demikian juga JPAM, ada beberapa pandangan politik. Akan tapi bila kita memberi bantuan, kita akan memberi bantuan sebagai wakil rakyat dan juga dalam masa yang sama sebagai Kolonel Kehormat dan sebagainya. Jadi inilah kedudukan JPAM ataupun APM nanti iaitu meneruskan khidmat mereka dalam yang saya sebutkan tadi. Jadi sebagai sekretariat peringkat negeri, peringkat daerah dan juga peringkat komuniti. Ada orang bertanya saya apakah Kolonel Kehormat boleh hadir? Boleh hadirlah, tidak ada masalah sebab ini kita merancang bagaimana untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir dan kita kena tengok bahawa apabila berlaku bencana, orang yang datang bagi bantuan ini pelbagai ya.

Ada NGO, ada orang perseorangan dan sebagainya dan ada orang yang datang bagi bantuan dia tidak tahu macam mana hendak bagi bantuan. Itu sebab apa yang berlaku di Kelantan ini sebab orang yang buat khemah ataupun berada di tepi jalan sering kali mendapat pelbagai bantuan. Tapi yang ke dalam sikit, yang orang tidak tahu, jadi dia kurang sikit. Kalau kita lihat apa yang berlaku baru-baru ini sebab orang yang hendak bagi bantuan itu tidak tahu ke mana yang mereka harus salurkan. Jadi kadang-kadang orang melihat ada khemah, bagi bantuan dan sebagainya. JPAM hadir untuk *coordinate* semua benda ini. Walaupun benda ini kecil tetapi semua pihak main peranan supaya mereka boleh *coordinate*, supaya orang dapatnya dengan adil dan saksama. Jadi yang ini akan diteruskan.

Kemudian berhubung dengan elaun Yang Berhormat. Elaun dia sama seperti yang kita bagi kepada RELA, polis bantuan dan sebagainya. Ini elaun sebab orang yang berkhidmat sebagai anggota sukarela dan juga bantuan, mereka tidak dapat elaun tetapi kita bagi elaun mengikut kiraan jam sebagaimana yang kita bagi kepada RELA dan juga lain-lain anggota sukarela.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Sebelum kita pergi elaun, saya hendak kembali kepada peruntukan dan fasilitet yang telah di *provided by* JPAM ini.

Saya balik kepada dalam undang-undang kita ada seperti 2B (l) iaitu “*to assist relevant public authorities...*” yang ada agensi untuk *provide relief for distress, for welfare* dan lain-lain lagi. Pada (r); “*to manage all shelters including air-raid shelters and temporary shelters in the event of emergency*”. Saya ingin dapat pandangan dan juga mungkin Yang Berhormat Menteri boleh juga jelaskan dalam Kabinet iaitu kita sentiasa tahu sudah tentu setiap tahun ada banjir, kita tahu setiap Parlimen ada kebakaran. Boleh tidak selain daripada kita ikut apa yang dipraktikkan sekarang iaitu cari dewan komuniti untuk letakkan mangsa-mangsa.

JPAM sepatutnya ada *shelter* yang *permanent*, rumah-rumah kah atau unit kabin yang sedia ada yang di *maintain* yang mengikut peruntukan undang-undang di *maintain* oleh JPAM supaya mangsa-mangsa ini hidup ini dengan cara yang lebih berdigniti. Janganlah bila ada masukkan dalam sekolah, hendak masukkan dalam dewan, lepas itu hendak cari tempat tandas susah, kelam kabut. Lebih baik JPAM *maintain* lah beberapa unit yang *permanently* yang kalau ada kebakaran, ada banjir letaklah mereka di sana. Mungkin tarafnya rendah sikit daripada *three star hotel* tapi sekurang-kurangnya kita benda yang boleh dijangka.

Jadi saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, Adakah ini satu perkara yang munasabah boleh dilakukan? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya telah menjawab perkara ini di Parlimen sudah berkali-kali. Di kawasan yang kita jangka banjir berlaku tiap-tiap tahun sering kali penempatannya kita buat di sekolah. Hampir semua sekolah ini termasuk di Kelantan terutamanya telah dibina bilik air dan juga tempat mandi, Yang Berhormat.

#### ■1830

Jadi kalau sekiranya perpindahan yang berlaku saban tahun ini memang berlaku dan kadang-kadang mereka memang tahu benda ini akan berlaku. Mereka sudah macam sudah ada program-program tertentu. Akan tetapi di pihak kerajaan kita hendak pastikan supaya kemudahan bilik air, tempat mandi dan sebagainya disediakan. Hal ini Yang Berhormat semasa Majlis Keselamatan Negara dahulu sekarang ini ialah menjadi tugas JPAM, menjadi tugas semua pihak untuk memaklumkan kepada NaDMA. Ini sebab JPAM sendiri tidak boleh tidak mampu untuk mengadakan kemudahan ini. Kemudahan ini akan disediakan oleh NaDMA, NaDMA akan sediakan kemudahan dan JPAM akan memberi khidmat sokongan.

#### **Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi kita yang perlu sekarang ini ialah makluman daripada pihak bawah. Berhubung dengan dewan tetap Yang Berhormat. Sesetengah tempat sesuai kita buat dewan tetap tetapi setengah tempat tidak sesuai. *Maintenance* yang terbaik ialah bila ianya digunakan hari-hari. Macam sekolah kita gunakan hari-hari tetapi menyediakan satu dewan yang kosong saya ingat tidak sesuai.

Akan tetapi di setengah negeri mereka sudah menyediakan tempat, yang ini untuk umum. Akan tetapi sekiranya berlaku banjir, dewan ataupun tempat ini akan diisytiharkan sebagai kawasan perpindahan. Ini sebab bila kita hendak pindahkan orang Yang Berhormat,

kita kena pastikan bahawa dia tidaklah banyak tempat tetapi lebih tertumpu untuk memudahkan kita memberi khidmat makanan dan juga lain-lain termasuk juga perubatan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit. Saya rasa betul sekolah, dewan sudah ada, sudah jadi satu benda yang agak lazim berlaku. Akan tetapi saya hendak selaras dengan undang-undang yang ada apa salahnya kalau katalah JPAM ada 1,000 unit karavan atau kabin yang boleh, mobil. Bila ada berlaku letaklah kawasan lapang bagilah unit-unit kabin ini supaya keluarganya boleh hidup dalam keadaan yang lebih selesa. Sekolah atau dewan ini memang *design* dia bukan untuk menempatkan mangsa atau *refugee* atau apa istilah yang kita pakai.

Cuma saya rasa kita sudah tahu lah setiap kali ada banjir di tempat-tempat tertentu bolehlah kita sediakan unit. Di kawasan katalah kawasan bandar kebakaran selalu berlaku apa salahnya kalau Wilayah Persekutuan sediakan 100 unit yang kita boleh dibawa alih ke satu tempat ke satu tempat. Itu semua telah dilakukan di negara-negara yang lebih maju. Saya agak kosnya bukan sangat tinggi kalau perkara ini boleh berlaku sesuai dengan status kita sebagai sebuah negara yang maju dan bertamadun. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Memendekkan cerita kita akan ambil ingatan. Kita akan bagi pertimbangan tetapi pada masa sekarang Yang Berhormat kita ada tandas bergerak, kita ada. Kita ada 1,000 unit tandas bergerak sebab setengah tempat kadang-kadang tidak cukup untuk menampung orang yang begitu ramai. Cuma yang kita hadapi masalah tahun 2014 dahulu bila banjir ini berlaku serentak yang melibatkan 650,000 orang mangsa, ini luar biasa. Itu ada sedikit kekurangan di hari yang pertama tetapi selepas itu kita dapat selesaikan.

Akan tetapi Yang Berhormat mesti ingat di Dewan yang mulia ini kita berbincang dengan hebatnya tentang banjir yang berlaku dan sebagainya. Ini sebab usul saya terpaksa menjawab dan selepas ini terus bergegas ke Kuantan. Itu adalah hari yang kedua semasa kita bincang di Parlimen kita selesaikan perkara tersebut.

Akan tetapi Yang Berhormat cadang ini kalau sekiranya berlaku kejadian bencana bertompok kita boleh bawa kabin. Akan tetapi kalau sekiranya berlaku macam tahun 2014 Yang Berhormat hendak bawa kabin, hendak bergerak daripada KL ke Lipis sebagai contohnya, itu pun sudah tidak boleh kita buat sebab banjir sudah melanda di semua tempat. Ini memang sesuai mungkin di bandar dan sebagainya. Akan tetapi untuk kemudahan *partition* dan juga tandas bergerak ini kita sediakan. Lain-lain kemudahan *insya-Allah* kita akan bincangkan dalam jawatankuasa dari semasa ke semasa. Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas sebagai Tabung Bencana Negara untuk menghadapi segala bentuk bencana yang berlaku.

Kemudian fasal insurans dan juga lain-lain. Benda ini telah pun dibawa kepada kerajaan, kita tunggu. Berhubung dengan latihan. Latihan dibuat dari semasa ke semasa. Sekarang ini pun kita telah buat 400,000 latihan. Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya sudi melapangkan masa semasa kita buat jemputan nanti kita hadir untuk menerima latihan atas berhubung dengan pertolongan cemas, bagaimana hendak tolong orang dan sebagainya. ni

sebab benda ini penting. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, kita hendak pergi tolong orang nanti kita sendiri yang menghadapi masalah ataupun kita sendiri yang cedera.

Akan tetapi melalui latihan yang kita buat saya ingat Yang Berhormat akan bergembira. Kadang-kadang benda yang kecil itu kita boleh selesai contohnya ular masuk dalam rumah. Kadang-kadang isteri telefon kata ular masuk dalam rumah jadi kita pun bergegas balik. Sebenarnya semua orang boleh hadapi benda itu di mana besar mana ular pun kalau kita tidak tahu macam mana cara kita hendak selamatkan diri kita boleh berbuat demikian sementara hendak tunggu pertolongan.

Ini sebab kita kena ingat ular ini dia tidak nampak, dia rabun, dia hanya melihat pergerakan. Kalau kita lari itu tidak bagus. Akan tetapi kalau kita ada sedikit teknik bermain dengan tangan sebab dia akan mengikut tangan kita, jadi selamatlah badan kita. Wallahuaklam.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat saya syorkan supaya hadir bersama. Walaupun benda itu kadang-kadang ketawa kita ini pasukan tangkap ular, pasukan lebah dan sebagainya. Ini sebab kita tidak sangka satu hari mungkin berlaku kepada kita sebab ular ini tidak kira tempat. Sedangkan rumah hebat pun kadang-kadang muncul ular dari mana-mana, masa itu baru kita teringat JPAM. Kali ini rakyat sendiri yang boleh menyelesaiannya. Teknik untuk tangkap ular ataupun kalau sekiranya ada binatang berbisa kita boleh laksanakan.

Kemudian sekali yang saya sebut tadi Ahli Yang Berhormat boleh bagi sokongan kepada JPAM ini di peringkat komuniti supaya kita bina bersama. Ini sebab benda ini kita bagi benda yang bukan terbina sepenuhnya. Mungkin separuh setengah tempat mungkin 50% tetapi kita boleh binanya. Anggota-anggota yang kita bina termasuk logistik yang kita dermakan, ada Ahli Parlimen juga berbuat demikian yang bagi bantuan *chain saw* dengan izin dan sebagainya. Ada juga yang bagi ambulans kepada JPAM, saya terima kasih.

Tidak apa JPAM bergerak di mana-mana ada sedikit namanya di hujung situ nama Yang Berhormat Batukah dan sebagainya. Yang Berhormat Batu mungkin hendak bagi sumbangan ambulans *no problem* kita alu-alukan. Kita tulis sedikit itu sumbangan Yang Berhormat Batu. Jadi tiap-tiap kali jumpa orang sakit ataupun orang mati Yang Berhormat boleh.

Berhubung dengan cadangan kita supaya JPAM menyertai Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) yang ditubuhkan tiga hari yang lepas oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita minta kita menyertai bersama. Ini sebab dahulu JPAM ini dia di bawah Kementerian Dalam Negeri. Bila mereka buat rondaan bersama dengan polis dan juga RELA, jadi JPAM masuk bersama. Sekarang ini JPAM sudah masuk di Jabatan Perdana Menteri. Dengan itu kita memberi tawaran dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju supaya JPAM menyertai Agensi Kawalan Sempadan.

Keduanya ialah kita juga memberi tawaran kepada kerajaan negeri. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mencadangkan semula supaya penguatkuasaan. Ini bukan kita hendak tangkap tetapi kita memberi bantuan kepada renjer. Oleh sebab renjer ini dia tidak ramai, tetapi kita boleh bagi khidmat sokongan kepada renjer untuk mengawal kawasan hutan.

Sepatutnya Malaysia ini hutan sudah habis sudah kita sudah buat pelbagai program dan projek tidak perlu ada penerokaan baru. Ini sebab kalau kita lihat daripada udara kita akan melihat bahawa hutan itu hutan yang sebenarnya tidak banyak. Padahal hutan ini diperlukan untuk kawasan tadahan dan sebagainya.

■1840

Tidak patut kita membiarkan mana-mana orang berleluasa masuk dan tebang pokok begitu sesuka hati. JPAM memberi tawaran kepada kerajaan negeri untuk bersama dengan renjer menguatkuasakan kawasan tadahan, kawasan hutan dan juga lain-lain kawasan. Kita tak boleh biarkan dan banyak daripada yang berlaku ini ialah perbuatan daripada orang asing, daripada PATI. Mereka ini dah tak mungkin dikejar di bandar, mereka pergi ke kampung dan setengahnya berkahwin dengan orang tempatan tanpa kebenaran, jadi macam-macam berlaku dan bila berlaku, kita lihat pertahanan di peringkat kampung itu agak lemah.

Saya beri contoh, ada satu kampung ada orang asing yang di situ saya tak pasti sama ada mereka PATI tetapi bila saya pergi *check* baru-baru ini, saya tengok ada tiga orang yang memakai kad UNHCR. Kad itu saya tanya “*Ambil di mana?*” Dia kata dia beli. Jadi itu sebab akan ada kertas Kabinet berhubung dengan UNHCR ini sebab kad mereka juga banyak yang tiruan, yang orang berniaga di pasaran gelap.

Jadi dalam kampung itu ada orang asing datang sewa, tak banyak mungkin dalam 40 orang. Kita lihat kampung itu tak dapat buat apa-apa sebab apa, banyak kampung sekarang orang muda dah tak ramai sebab mereka keluar bekerja di bandar dan sebagainya. Jadi pertahanan kampung itu daripada apa segi sekalipun agak lemah padahal JPAM ini ialah barisan ketiga yang harus menjaga orang awam. Jadi kehadiran orang asing sama ada mereka itu sah atau tak sah, ini menimbulkan masalah. Masalah sosial juga berlaku dan sebagainya tetapi kampung itu tak dapat berbuat apa-apa sebab apa, mereka terdiri daripada orang-orang lama, orang-orang dewasa, ibu tunggal dan sebagainya.

Jadi saya tanya “*Kenapa tak buat apa-apa?*” Dia kata “*Siapa hendak tolong buat apa-apa?*” Sekarang saya kata, JPAM. Kita ada RELA, kita ada Bomba, kita ada pelbagai agensi tetapi saya bagi tahu dia, saya kata kita hendak tubuh JPAM di sini. Jadi bila kita kata kita hendak tubuh di sini, saya tengok baru kata hendak tubuh sahaja ada sedikit rasa hormat di pihak yang cuba membuat kacau di kampung yang berkenaan. Jadi JPAM, kita dengan komuniti, kita dengan rakyat.

Yang Berhormat jangan biarkan benda-benda ini berlaku sehingga tidak langsung rakyat di barisan ketiga ini tidak mendapat perlindungan. Kita bagi perlindungan, kita tak perlu meletakkan – kita kata ini kerajaan bila hendak datang. Polis pun saya ingat, orang kata kalau tiap-tiap aduan yang kita buat polis mungkin tak sempat datang tetapi barisan di peringkat komuniti yang ditubuhkan untuk tujuan menguruskan bencana, mereka juga boleh menjadi pasukan yang mengawal komuniti di peringkat ketiga tadi.

Jadi banyak perkara yang JPAM boleh buat di semua peringkat. Kita hendak bagi lihat dengan mudah, kita ada peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat komuniti dan semua

peringkat ini kerajaan telah bersetuju untuk meletakkan JPAM sebagai sekretariat kepada jawatankuasa pengurusan bencana. Lain-lain lagi itu sama ada JPAM ini patut dimasukkan dalam JKK ataupun tidak, sewajarnya mesti dimasukkan sebagai turut hadir kerana banyak masalah yang boleh kita selesaikan bersama. Jadi, saya ingat setakat itu dahulu Yang Berhormat, yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis dan saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan secara positif penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Jadi sekali lagi saya hendak ucap terima kasih bagi pihak anggota-anggota tetap JPAM di belakang sana termasuk penasihat undang-undang. Kita hendak ucap terima kasih kerana selama ini sebenarnya yang bagi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat ialah Yang Berhormat sendiri. Ada Yang Berhormat sebut nama saya itu, sebenarnya saya hadir itu atas pelbagai sifat tetapi yang paling penting, saya berani kerana Yang Berhormat semua berani contohnya macam di Sarawak baru-baru ini, bila orang bagi amaran kepada saya bahawa sungai ini tak boleh di jalan malam, air deras dan sebagainya. Saya kata kalau kita hendak jalan malam di Sarawak, kalau kita jalan siang tak mungkin kita berani sebab airnya terlampau laju tetapi untuk membolehkan kita berani, kita jalan malam sebab kita tak nampak air laju.

Jadi bila kita berani, Allah Taala pun tolong kita. Akhirnya kita boleh melepas banyak perkara dan itu secara apa yang berlaku itu, sebenarnya kita kena waspada dan kita tak boleh buat sesuatu tanpa kita ada kemahiran dan juga kepakaran. Jadi kita berharap JPAM akan muncul sebagai satu angkatan yang didukung oleh semua kita, rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]**

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

### **Fasal-fasal 1 hingga 15 -**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Satu soalan sahaja. Ringkas sahaja, saya agak tak payah bertulis sahaja. Hanya tanya pada fasal 7, kenapa kita pakai 'may' bukan pakai 'shall', itu sahaja.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya jawab secara bertulis. Saya ada jawapan di sini tetapi biarlah saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat sebab dia melibatkan perkataan undang-undang di situ. Jadi Yang Berhormat sudilah

menerimanya. Tuan Pengerusi, saya berterima kasih. Kali pertama dalam sejarah rang undang-undang diterima dengan sebulat suara.

*[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2016

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**6.49 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1987. Semangat Akta 333 ini diwujudkan antara lain adalah bagi membuat peruntukan mengenai kawal selia kenderaan-kenderaan motor dan lalu lintas di jalan-jalan dan perkara-perkara lain yang berkenaan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya.

**■1850**

Bagi mencapai maksud itu, keperluan peruntukan dalam Akta 333 ini perlu ditransformasikan sejajar dengan peredaran zaman, perkembangan teknologi semasa dan dasar kerajaan. Kali terakhir Akta 333 ini dipinda adalah pada tahun 2012 yang bertujuan antara lain untuk mengemaskinkan peruntukan-peruntukan tertentu selaras dengan dasar penggunaan basikal elektrik dan menyelaras kelas kenderaan bermotor bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan pemegang lesen memandu kelas D.

Selain itu, pindaan berkenaan juga turut memperuntukkan peraturan di mana belokan kiri dibenarkan (*authorize left turn*) dengan izin, di persimpangan jalan tertakluk kepada terdapatnya isyarat lalu lintas belok kiri diletakkan secara sah. Tujuan kerajaan memperkenalkan pendekatan *authorize left turn*, dengan izin, adalah untuk membantu melancarkan trafik di bandar khususnya di kawasan yang mengalami kesesakan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 yang menggariskan lima pendekatan dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya melibatkan elemen penguatkuasaan, pendidikan, kejuruteraan, persekitaran dan penilaian.

Pendekatan penguatkuasaan ini adalah merupakan perkara utama yang dititikberatkan oleh kerajaan bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan di bawah Akta 333.

Sebelum saya meneruskan pembentangan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016, suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di negara kita. Menurut perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada tahun 2015, bilangan kemalangan maut yang dicatatkan adalah sebanyak 6,193 kes dengan 6,706 kematian atau purata 18 kematian sehari, manakala sejumlah 4,120 cedera parah dan 7,432 mangsa cedera ringan yang direkodkan pada tahun 2015 akibat kemalangan jalan raya.

Berdasarkan kajian *Asian Development Bank*, daripada jumlah kematian yang berlaku ini, negara mengalami kerugian kos sosial sebanyak RM1.3 juta setiap kematian atau anggaran sekitar RM9 bilion setahun.

Analisis yang dijalankan oleh MIROS terhadap perangkaan kemalangan Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa 80.5 peratus kemalangan di Malaysia adalah berpunca daripada kecuaian manusia, 13.3 peratus berpunca dari faktor jalan raya dan persekitaran dan 6.2 peratus adalah disebabkan oleh mekanikal kenderaan. Mengambil kira analisis ini, tahap pematuhan peraturan lalu lintas di kalangan pengguna jalan raya masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan analisis tersebut, antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pengguna jalan raya adalah melibatkan kesalahan memandu secara laju dan melulu, cuai dan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat dan papan tanda. Situasi ini adalah didorong oleh tahap *perception of being caught* (POBC) yang masih rendah di kalangan pengguna jalan raya iaitu sekitar 25 peratus.

Selain itu, usaha untuk menangani isu keselamatan jalan raya menjadi semakin mencabar dengan bilangan pendaftaran kenderaan yang sentiasa meningkat saban tahun iaitu sebanyak 1.3 juta setahun serta pertambahan kira-kira 600,000 orang pemandu baru setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan hakikat ini, aktiviti penguatkuasaan perlu dijalankan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam usaha untuk meningkatkan *perception of being caught* (POBC). Kajian MIROS menunjukkan peningkatan POBC in akan dapat meningkatkan pematuhan pengguna jalan raya terhadap peraturan lalu lintas yang sekali gus akan menyumbangkan kepada pengurangan kadar kemalangan dan bilangan kematian di jalan raya.

Kerajaan sedar beban tugas kawal selia dan penguatkuasaan lalu lintas pada hari ini menjadi semakin kompleks memandangkan peningkatan kenderaan dan pemandu serta pertambahan jaringan jalan raya yang tidak seiring dengan perjawatan penguat kuasa yang diluluskan.

Mengambil kira perkara ini, kerajaan telah meneliti cadangan untuk memperluaskan kuasa Warden Lalu Lintas yang sebelum ini diberikan kepada majlis bandar raya kepada pihak berkuasa tempatan berstatus majlis perbandaran melalui pindaan yang dibuat di bawah Akta

333 ini. Tujuan pemberian kuasa Warden Lalu Lintas ini adalah untuk membolehkan sesuatu majlis bandar raya atau sesuatu majlis perbandaran itu mengawal selia dan mengurus aliran trafik dalam wilayah mereka bagi menangani isu kesesakan lalu lintas yang sering terjadi di bandar-bandar utama dengan kepadatan penduduk yang tinggi.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dengan keluhan dan denyut nadi rakyat, isu kesesakan lalu lintas turut menjadi keutamaan untuk ditangani. Bagi maksud ini, kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan di bawah *National Key Result Area – Urban Public Transport* (NKRA-UPT) telah memberi penekanan kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam khususnya pengangkutan awam yang berasaskan rel.

Melalui usaha yang diperkenalkan ini, ‘*ridership*’ pengangkutan awam pada waktu puncak telah meningkat dari 236,412 penumpang pada tahun 2010 kepada 447,195 penumpang pada tahun 2015. Langkah ini dilihat positif untuk mengalihkan kecenderungan menggunakan kendaraan persendirian kepada pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjaga keselamatan awam dan keperluan majoriti pengguna jalan raya, penguatkuasaan mata demerit atau Sistem Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) yang ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini akan dikuatkuasakan semula dengan pendekatan yang lebih berkesan dalam mengubah tingkah laku pengguna jalan raya. Pendekatan baru ini adalah mengambil kira saran dan pandangan ahli akademik dan aktivis keselamatan jalan raya bahawa kewajaran mata demerit diberikan berdasarkan kesalahan dilakukan dan bukan berdasarkan tempoh pembayaran kompaun.

Dengan pendekatan baru ini, semua pengguna jalan raya tanpa mengambil kira latar belakang pendapatan akan dikenakan mata sekiranya melakukan kesalahan demerit. Kerajaan mengharapkan melalui pelaksanaan sistem mata demerit ini, pengguna jalan raya akan lebih berhemah dan membudayakan *safety first* serta berusaha untuk tidak mengulangi kesalahan di bawah Akta 333 bagi mengelakkan kelayakan untuk mereka memandu di jalan raya ditarik balik atas faktor keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tujuan yang telah saya jelaskan sebentar tadi, sebelum Dewan yang mulia ini membahaskan rang undang-undang ini secara terperinci, izinkan saya menyatakan secara ringkas butir-butir pindaan yang dicadangkan.

Pindaan ini membabitkan 14 fasal utama secara keseluruhannya.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai pemula kuat kuasa akta yang dicadangkan.

#### ■1900

Fasal 2, bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 333 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta 333.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 333 untuk memasukkan peruntukan yang memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Penggerusi Majlis Perbandaran atau majlis perbandaran kuasa untuk melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan majlis perbandaran itu sebagai warden lalu lintas.

Fasal 4, pula bertujuan untuk meminda seksyen 3A Akta 333 untuk memasukkan subseksyen baru (3A), (3B) dan (3C) ke dalam seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Pengerusi Majlis Perbandaran bagi menjalankan dan melaksanakan kuasa dan tugas di bawah Akta 333.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 333 untuk memperuntukkan bahawa Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran dan warden lalu lintas hendaklah hanya menjalankan kuasa di bawah Akta 333 dalam bidang kuasa majlis perbandaran masing-masing.

Fasal 7 dan fasal 8 pula bertujuan untuk meminda seksyen 35 dan 35(A) di mana dengan pindaan ini Menteri Pengangkutan boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan suatu sistem pemberian mata bukan sahaja berkenaan dengan seseorang yang telah melakukan kesalahan tertentu di bawah akta ini tetapi juga kepada mana-mana orang yang telah membayar kompaun di bawah kaedah-kaedah itu.

Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan seksyen 37 Akta 333 untuk mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi penggantungan atau pembatalan lesen memandu atau lesen memandu percubaan di bawah seksyen 35 atau seksyen 35A mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bahawa warden lalu lintas tidak lagi bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan apabila kemalangan berlaku. Kuasa menyiasat kemalangan jalan raya adalah wajar dikekalkan kepada PDRM sahaja bagi mengelakkan kekeliruan dalam siasatan tersebut.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 65 Akta 333 untuk memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran kuasa untuk mengalihkan kenderaan yang rosak dan yang ditinggalkan di jalan raya. Pemberian kuasa tersebut adalah untuk mengelakkan halangan di jalan raya bagi keselamatan pengguna jalan raya selain mengurangkan kesesakan lalu lintas akibat kenderaan yang ditinggalkan di jalan raya.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 333 untuk memberi Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Perbandaran atau pegawai majlis perbandaran yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta 333.

Akhirnya, fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 123 Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bahawa pegawai atau orang dalam perkhidmatan majlis perbandaran yang tidak berpakaian seragam apabila menjalankan tugasnya hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan untuk mengisyiharkan jawatannya dan menunjukkan identitinya. Seterusnya yang ke-12, pindaan-pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil yang bersifat editorial.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan rendah diri dan rendah hati memohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Akta 333 ini dapat diluluskan di Dewan yang mulia demi memastikan usaha ke arah peningkatan tahap

keselamatan jalan raya dan menambah baik pengurusan dan kawal selia trafik khususnya di bandar-bandar utama dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menangani isu kemalangan jalan raya dapat dilakukan demi kesejahteraan rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang ataupun anutan ideologi politik. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 187 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jerlun.

#### **7.06 mlm.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan (Pindaan) 2016 yang disebut sebagai Akta 333. Pindaan ini adalah untuk memberi satu penumpuan yang saya kira ia bertepatan sampailah masanya. Ia merangkumi aspek pemberkuasaan kepada warden lalu lintas bagi mengukuhkan kuasa penguasaan di bawah Akta 333 dengan memperluaskan kuasa warden lalu lintas ini yang diberikan kepada Datuk Bandar, pegawai atau orang dalam perkhidmatan majlis perbandaran, majlis bandar raya, Perbadanan Putrajaya dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain daripada itu, rang undang-undang ini juga membolehkan semakan semula kaedah pemberian mata demerit yang dikenakan kepada pesalah. Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini memasukkan peruntukan yang memberi Yang Dipertua Majlis Daerah atau perbandaran melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan Majlis itu sebagai warden lalu lintas.

Kita sedar bahawa selalunya hal-hal berkaitan dengan trafik ini kita serahkan kepada PDRM, Polis Diraja Malaysia terutama sekali bahagian trafik. Kita juga sedar tentang kekurangan kakitangan yang menjadi kekangan kepada pihak PDRM sendiri. Jadi sebab itulah banyak hal-hal yang berkaitan dengan trafik apatah lagi contoh yang ketara bila ada satu-satu *accident* yang melibatkan kematian, masa yang diambil begitu lama. Jadi sudah tentulah saya kira dengan pelantikan ini akan meringankan bebanan tugas kepada pihak polis hendak bagi *parking saman* letak kereta yang salah dan sebagainya yang kini menjadi satu masalah yang kita tahu cukup berat.

Selain daripada kita beri kuasa kepada majlis perbandaran untuk melantik warden lalu lintas ini, diharapkan ia dapat menguruskan sistem trafik dengan lebih berkesan dan

memudahkan urusan yang melibatkan kesalahan lalu lintas. Kuasa turut diberikan kepada warden lalu lintas untuk mengalihkan kenderaan terbiar ataupun rosak di jalan agar tidak mengganggu lalu lintas.

Ini juga fenomena biasa, *double parking* dan sebagainya yang kalau hendak diharapkan kepada polis semata-mata maka ia sudah menjadi masalah. Hal ini, secara tidak langsung akan menyelaraskan tugas antara pihak berkuasa perbandaran dengan tugas anggota keselamatan trafik dan polis. Dengan agihan kuasa kepada warden lalu lintas ini, urusan yang melibatkan lalu lintas dapat diuruskan dengan lebih efisien, holistik apatah lagi musim-musim perayaan dan sebagainya.

Sedikit berkaitan dengan pindaan seksyen 35 dan seksyen 35(A) berkaitan dengan mata demerit. Berdasarkan kepada Akta 333 kini, mata demerit akan dihapuskan apabila pesalah menyelesaikan masalah penalti ataupun bayaran sama dan sebagainya. Namun, melalui pindaan ini mata ini akan terus dikekalkan dan walaupun saman itu dibayar atau pun diselesaikan. Hal ini diberikan diaplikasikan kepada pemegang lesen, pemandu memandu yang kompeten dan juga Lesen Memandu Percubaan (PDL).

#### ■1910

Kadar kemalangan di negara kita, memang kita sedar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, antara tertinggi di dunia, 20 tertinggi di dunia daripada 160 negara. Manakala, kes kerugian keseluruhan untuk tahun 2015 sahaja dianggarkan RM8.6 bilion. Kita masyarakat Malaysia selalunya kita akan menjadi kelam kabut. Contohnya, bila berlakunya kemalangan ataupun insiden seperti kehilangan kapal terbang MH370 dan sebagainya. Kita kelam kabut sedangkan hal-hal berkaitan dengan kemalangan trafik ini berlaku di depan mata setiap hari, setiap minggu, setiap bulan dan setiap tahun. Ia melibatkan kemalangan nyawa, kerugian tenaga manusia dan yang lebih penting sudah tentulah kalau kita kira dari segi ringgit ataupun nilai, berjumlah kalau 2015 ini, RM8.6 bilion. Ini merupakan satu kerugian yang cukup besar. Kita tahu bahawa melalui kajian yang dikeluarkan oleh MIROS, 1,849 kematian adalah mereka yang berumur 25 tahun ke bawah. Ini merugikan tenaga manusia di masa depan dan terutama sekali dalam usaha kita menjadi negara maju dalam masa yang terdekat.

Jumlah kemalangan pada tahun 2015 sahaja 489,606 berbandingkan dengan tahun 2014 - 476,196 dan kematian meningkat daripada 6,674 kepada 6,706 orang. Jadi, ini sudah tentulah merugikan dan ia menjadi satu masalah yang pada kita oleh sebab ia berlaku setiap masa, ia menjadi satu fenomena yang kita anggap biasa. Maka, sudah tentulah saya kira dengan adanya undang-undang baru ini, maka ia akan dapat mengurangkan sedikit masalah yang kita hadapi. Kita sedar bahawa selain daripada masalah demerit, mata demerit ini pun kadang-kadang banyak orang hanya sekadar mempersendakan.

Oleh sebab itulah orang tak hairan, orang tak berapa ambil kisah walaupun kita buat mata demerit tetapi bila kita bayar saman, maka selesai mata itu dipotong. Jadi, sebab itu mungkin antara sebab kenapa KEJARA yang lama itu tidak berkesan. Oleh yang demikian, langkah-langkah bagi mengekalkan mata demerit sedikit sebanyak akan dapat membantu

menghindarkan pesalah daripada terus mengulangi kesilapan mereka. Kita memberi cadangan untuk menyediakan satu sistem data di mana dalam talian yang membolehkan semakan mata demerit yang telah dikenakan dan memperhalusi bentuk denda yang dikenakan. Mungkin program khidmat masyarakat boleh dibuat, boleh mendatangkan menjatuhkan sedikit rasa malu orang yang terlibat. Jadi, kerajaan ataupun kementerian boleh melihat apa bentuk hukuman yang selain daripada memberi pengajaran tetapi ia memberi kesan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara subseksyen 37 iaitu pindaan berkaitan dengan penggantungan dan pembatalan lesen memandu. Ini juga merupakan satu peruntukan mengenai tatacara bagi penggantungan atau pembatalan lesen atau lesen memandu percubaan di bawah seksyen 35 atau 35A mengikut mana-mana berkenaan. Selari dengan pindaan pengekalan mata demerit terhadap pesalah lalu-lintas, penggantungan lesen akan dikenakan apabila pesalah mengumpul 20 mata atau lebih, namun secara berperingkat. Tempoh penggantungan pula enam ke lapan bulan bagi kali kedua, lapan ke 10 bulan bagi kali ketiga dan 10 sampai 12 bulan bagi kesalahan keempat dan seterusnya.

Jadi, seterusnya sampai pembatalan lesen. Bagi pemegang lesen memandu percubaan pula, amaran diberikan buat kali pertama setelah mengumpul 20 mata dan seterusnya, lesen memandu itu akan dibatalkan. Hal ini membuktikan bahawa pindaan ini relevan, tidak terlalu *rigid* dan memberi ruang kepada pesalah untuk memperbaiki kesalahan dan JPJ tidak sewenang-wenangnya membatalkan lesen pemandu. Persoalan yang timbul adalah apakah mekanisme penetapan mata demerit yang bakal dikenakan kepada pesalah? Apakah langkah yang akan diambil agar pemandu tidak hanya memperlahangkan kenderaan apabila ada sekatan jalan seperti orang angkat lampu bagi tahu ada *speed trap* dan sebagainya, yang itu *typical of Malaysian*, dengan izin. Sama juga yang kita buat AES, di mana orang tahu bila ada tempat yang AES, contoh macam saya balik ke Kedah, di Slim River dan juga di Taiping, tang tulah orang *slow* tetapi bila lepas sahaja tempat AES itu dia pecut balik 140, 160 dan sebagainya tanpa melihat kepada rasa tanggungjawab dan tidak ada ditanam dalam kepala ataupun minda mereka bahawa memandu laju itu berbahaya.

Jadi, inilah dan kadang-kadang apa yang berlaku dengan sikap pemandu kita ini adalah mereka tak kira orang, mereka kira diri mereka. Jadi, apa yang berlaku ke atas pemandu lain tidak menjadi masalah kepada mereka. Inilah yang seharusnya menjadi cabaran kepada semua pihak sama ada di peringkat kementerian mahupun di peringkat Kementerian Pelajaran sendiri. Kita dulu sering ada di peringkat sekolah-sekolah rendah, menengah, ada pertandingan. Pertandingan memandu cara berhemah, bersopan dan sebagainya. Akan tetapi hari ini saya ingat acara sebeginit dulunya kita ada buat dengan syarikat-syarikat minyak Shell dan sebagainya.

Saya ingat masa saya zaman sekolah dulu diadakan pertandingan cara memandu dengan berhemah dan sebagainya, dibantu oleh pihak swasta. Ini mungkin saya ingat kita kena *revive* kembali, kita wujudkan semula, kita didik kepada mereka. Kita tahu bahawa inilah masyarakat yang ada di negara kita ini yang kadang-kadang tidak mementingkan kebijakan

orang lain, hanya memikirkan diri sendiri yang akhirnya membawa kepada padah. Akan tetapi apa pun saya ingat dengan perubahan dengan pindaan rang undang-undang ini ia akan membantu melicinkan lagi, terutama sekali berkaitan dengan hal-hal *indiscriminate parking* contohnya dan juga kesesakan lalu lintas, terutama sekali di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur. Malahan ke hari ini, pekan-pekan kecil pun malahan di luar bandar pun sudah banyak isu-isu yang berkaitan dengan *traffic jam* yang dicipta oleh pemandu-pemandu yang hanya mementingkan diri, yang tidak memikirkan hal orang lain, yang menyebabkan kesesakan dan sebagainya. Jadi, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban.

#### **7.17 mlm.**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua, kami semua akan menyokong segala usaha untuk memastikan keselamatan jalan raya di negara kita. Memang isu keselamatan jalan raya di negara kita merupakan satu isu yang sangat serius. Oleh kerana jumlah kematian di jalan raya adalah amat tinggi di negara kita dengan adanya begitu banyak kemalangan di atas jalan raya. Cuma saya rasa persoalannya ialah bagaimana kita melaksanakan kaedah-kaedah untuk memastikan keselamatan jalan raya dan pelaksanaan dari segi penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

Yang pertamanya, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah bagaimana koordinasi di antara penguatkuasaan di antara beberapa agensi yang terlibat. Oleh kerana selepas pindaan yang kita akan luluskan pada hari ini, satu lagi agensi akan dipertanggungjawabkan untuk penguatkuasaan undang-undang jalan raya iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT) selain daripada pihak JPJ dan juga pihak polis trafik.

Saya hendak tanya ialah berkenaan dengan koordinasi. Oleh kerana kita lihat kadang-kadang di satu-satu tempat apabila ada operasi, kadang-kadang ia melibatkan ataupun tidak ada keseragaman. Ada operasi oleh JPJ kadang-kadang, di tempat yang sama kadang-kadang ada operasi oleh pihak polis trafik. Saya hendak tanya, apakah garis panduan yang ada di pihak Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai pelaksanaan operasi jalan raya ini? Apakah pegawai-pegawai polis trafik ataupun selepas ini juga kepada pegawai-pegawai PBT yang diberikan kuasa untuk menjadi warden jalan raya, mereka ada hak dan kuasa untuk mengadakan operasi ataupun *roadblock* di mana-mana dan pada bila-bila masa?

Itu satu persoalan yang ditanya-tanya oleh orang ramai. Oleh kerana kadang-kadang kita melihat anggota polis trafik mengadakan *roadblock* di selekoh-selekoh jalan, di hujung-hujung jalan. Kadang-kadang selepas *corner*. Ambil satu *corner* sahaja lihat ada polis trafik. Orang-orang- memang itu adalah satu cara untuk memerangkap pesalah-pesalah jalan raya tetapi kadang-kadang iaitu mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya, kepada

penunggang-penunggang motosikal khususnya. Selepas *corner* sahaja terus *diblock*. Jadi, saya hendak tanya apakah garis panduan yang ada? Adakah anggota penguat kuasa itu, mereka boleh mengadakan *roadblock* ataupun mengadakan operasi pada bila-bila masa? Itu satu persoalan yang saya harap dapat diberikan satu jawapan, apakah ada satu garis panduan?

■1920

Yang keduanya ialah kita hendak melihat kepada koordinasi yang lebih baik dan juga penguat kuasa-penguat kuasa ini selepas ini warden PBT juga diberikan kuasa untuk menguatkuaskan undang-undang jalan raya. Satu masalah yang sangat penting ialah bagaimana pihak JPJ memastikan integriti anggota-anggota penguatkuasaan ini. Memang satu masalah yang sangat besar di kalangan anggota penguatkuasaan khususnya di jalan raya ialah masalah rasuah.

Saya hendak terus terang di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa satu masalah yang menjadi budaya di kalangan masyarakat kita. Kadang-kadang bila ada *roadblock*, telah membuat satu kesalahan jalan raya, ada penguat kuasa memberhentikan kenderaan, budaya *settlement* ini merupakan satu cara yang paling mudah, duit kopi dan sebagainya. Jadi walaupun ada pindaan undang-undang yang lebih ketat ini dan selepas pindaan ini memang undang-undang lebih ketat, lesen memandu boleh ditarik balik, ada mata demerit dan sebagainya. Akan tetapi persoalannya ialah bagaimana pada masa yang sama integriti anggota-anggota penguatkuasaan itu dapat dipertingkatkan. Bagaimana kita memerangi amalan rasuah di kalangan penguat kuasa-penguat kuasa ini. Ini satu persoalan yang saya harap pihak Kementerian Pengangkutan juga akan memberikan penekanan.

Saya nak tanya juga satu soalan spesifik iaitu berkenaan dengan Fasal 7 dan Fasal 8. Dalam nota di belakang rang undang-undang ini mengatakan bahawa dengan pindaan ini Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan satu sistem pemberian mata bukan sahaja berkenaan dengan seseorang yang telah melakukan kesalahan tertentu di bawah Akta 333 tetapi juga kepada mana-mana orang yang telah membayar kompaun di bawah kaedah-kaedah itu.

Bagi saya sedikit kekeliruan dalam penjelasan ini. Saya faham kalau dia sudah lakukan kesalahan ada pemberian mata atau mata demerit. Akan tetapi kepada orang yang tengah membayar kompaun juga, apa maksud di sini. Apakah mereka telah membayar kompaun, kalau sudah membayar kompaun atas kesalahan yang telah mereka lakukan, mereka juga perlu mendapat dari segi mata demerit itu. Jadi saya harap ini dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan sistem AES. Saya rasa banyak pihak yang ingin mengetahui bahawa apakah status AES pada ketika ini. Saya melihat balik bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan bahawa lebih dua juta saman telah dikeluarkan di bawah AES. Sehingga kini status saman AES ini belum lagi dimuktamadkan. Adakah semua saman ini akan dibatalkan ataupun mereka

selepas beberapa tahun nanti juga perlu bayar? Ini satu persoalan yang saya rasa pihak kerajaan belum lagi membuat satu keputusan muktamad dan satu keputusan perlulah dibuat untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna jalan raya ataupun mereka yang telah pun dikenakan saman ini mendapat satu jawapan yang lebih jelas.

Saya juga hendak tanya apakah keputusan ataupun apakah perancangan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri baru-baru ini telah mengatakan bahawa ada cadangan untuk menurunkan kadar saman daripada RM300 kepada RM150 untuk menyeragamkan kadar saman ini. Jadi saya hendak tanya, saya melihat pindaan ini tidak ada melibatkan kadar saman. Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan apakah hala tuju daripada segi kadar saman yang akan dikenakan ini dan juga berkenaan dengan status AES terutamanya lebih dua juta saman AES yang telah dikeluarkan. Itu saja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### **7.24 mlm.**

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya membahaskan tentang pindaan rang undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pengangkutan khususnya buat Jabatan Pengangkutan Jalan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia yang telah berjaya menumpaskan tonto dalam OPS Cantas Khas Tonto pada bulan yang lalu.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas pengumuman nombor plat F dan juga V yang saya fikir ramai generasi muda ternanti-nanti tentang pengumuman dan juga pelaksanaan nombor plat ini. Kalau boleh kepada Ahli-ahli Parlimen yang ingin memiliki, dapatlah diberikan diskain sikit untuk mereka dapat memiliki nombor F dan V ini. Jadi saya harap ataupun ada permintaan rakan-rakan diberikan percuma jugalah kalau difikirkan sesuai kepada Ahli Parlimen.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016 ini, saya lihat memberikan impak yang sangat positif khususnya dalam pengendalian kesesakan lalu lintas serta pengukuhan sistem demerit yang mana untuk memberikan satu lagi kaedah penguatkuasaan yang lebih efektif. Melalui rang undang-undang ini, saya ingin nyatakan sokongan penuh saya dan saya amat yakin ia setidaknya akan memberikan impak baru kepada kesedaran untuk menjaga keselamatan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang dihormati ini saya lihat kesesakan lalu lintas ini yang berlaku di bandar-bandar utama sudah menjadi asam garam khususnya bagi warga metropolitan. Bandaraya Kuala Lumpur misalnya tidak pernah lari daripada berlakunya kesesakan lalu lintas bahkan ia lebih meruncing terutamanya pada waktu-waktu puncak dan lebih-lebih lagi sewaktu berlakunya hujan lebat. Biarpun rungutan demi rungutan pengguna di

jalan raya, keadaan ini seolah-olahnya tiada penyelesaiannya dan juga kesudahannya. Sedar atau tidak saya lihat kesesakan lalu lintas ini telah mewujudkan satu implikasi yang mana tekanan dan juga stres khususnya dan tidak sihat selain melambatkan sesuatu urusan di sesuatu tempat.

Secara tidak langsung juga boleh mewujudkan pergaduhan, salah faham dan juga ketegangan. Menurut pakar psikologi yang saya lihat, Dr. Meriam Omar Din menyatakan walaupun kesesakan lalu lintas ini bukanlah salah satunya masalah yang boleh menyebabkan pemandu kenderaan berada dalam keadaan tidak terkawal tetapi ia juga boleh memberikan satu kesan jika mereka turut tertekan dengan situasi di tempat kerja ataupun di rumah. Bila keadaan di situasi yang tegang, sedikit sahaja situasi sekeliling boleh menambahkan kemarahan dan menyebabkan mereka menjadi sangat panas. Ada kalanya boleh menyebabkan darah mereka menjadi lebih tinggi.

Kajian juga turut mendedahkan bahawa rakyat Malaysia di bandar besar secara purata menghabiskan dua jam sehari dalam kesesakan lalu lintas di samping kerugian produktiviti berjumlah RM5.51 bilion setahun. Kira-kira 88% orang penduduk bandar bergantung pada kenderaan persendirian manakala 12% bergantung pada perkhidmatan awam. Antara punca kesesakan ini apabila berlakunya kemalangan, kerosakan pada kenderaan, musim perayaan, waktu pulang penjawat-penjawat awam dan seumpamanya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya, sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat Kuala Selangor bercerita tentang stres dan juga kesesakan lalu lintas. Seperkara lagi yang saya nampak sekarang ini sebab kereta dah banyak sekarang ini. Satu buah rumah semua orang ada kereta, anak-anak sekolah menengah pun ada kereta sekarang ini. Jadi bila musim perayaan ataupun musim cuti hujung minggu, cuti sekolah dan sebagainya kereta terlampaui banyak di jalan raya dan juga banyak *traffic light*.

Kalau saya nak ambil contohnya di satu buah tempat yang saya pergi itu di Taiping, *traffic light* banyak sungguh dan *road block* dibuat selepas *traffic light*. Ataupun *road block* dibuat waktu kenduri, katakan kenduri kahwin banyak ini, di mana-mana kenduri kahwin cuti sekolah, masa itulah nak buat *road block*. Jadi ini antara benda yang mendatangkan stres dan juga kesesakan lalu lintas. Malah terjadi juga kemalangan, kadang-kadang yang buat *road block* itu kena langgar. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini. Adakah pihak yang berkuasa patut memikirkan dulu bila patut buat *road block* dan di mana patut buat *road block*. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya rasa soalan itu adalah relevan untuk mungkin pihak kementerian boleh bantu saya untuk menjawabnya kerana bila menyebut tentang soal stres atau tekanan, ini juga antara perkara yang boleh difikirkan kerana bagi khidmat saya sudah tentunya perlu ada perikemanusiaan terutama bila nak mewujudkan *road block* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya nyatakan di sini ialah mengenai isu keselamatan iaitu saya ada ingin menjurus kepada satu perkara yang spesifik iaitu mengenai beg udara. Saya lihat apabila menyebut tentang kemalangan, tidak semua kemalangan disebabkan kecuaian pengguna 100%. Saya ada terbaca di media dan juga saya dapat maklumat ini terus daripada salah seorang ibu mangsa yang mana merupakan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor.

#### ■1930

Ini yang mana pada 16 April dan 1 Mei yang lalu saya dikejutkan dengan kemalangan jiwa di Sabah dan Kedah. Apa yang paling menyedihkan mangsa kemalangan jiwa ini meninggal akibat penggunaan beg udara yang dikatakan jenis Takata buatan Jepun ini meletup. Beg udara ini yang sepatutnya membantu mengurangkan impak kemalangan bertukar menjadi senjata pembunuhan apabila meletup dan bukannya mengembang. Beg udara yang meletup ini melantunkan sekeping logam yang berbahaya. Beg udara jenama Takata ini menggunakan nitrat ammonia untuk menghasilkan letupan kecil bagi membolehkan beg udara menggelembung dengan cepat.

Saya juga difahamkan bahan kimia berkenaan menjadi tidak stabil apabila terdedah kepada lembapan menyebabkan terbakar terlalu cepat serta memecahkan kelonsong logam yang direka untuk menyimpan kimia itu. Setakat ini dilaporkan seramai lapan orang telah maut dan hampir 100 orang cedera disebabkan beg udara jenis Takata yang banyak digunakan kepada semua kereta atau kebanyakan kereta buatan Honda yang dipasang dengan beg udara ini.

Saya mohon pihak kerajaan lihat perkara ini secara serius. Ini kerana setidaknya kepada penggunaan beg udara jenis Takata ini sekiranya berbahaya wajar dipanggil semuanya balik dan ditarik balik penggunaannya. Pengguna juga diharapkan dapat menyemak kenderaan mereka mungkin telah tersenarai untuk dipanggil semula agar tidak menggunakan beg udara Takata ini. Kalau kita lihat dari segi sudut piawaian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian seharusnya beg udara ini disemak standard piawaiannya daripada SIRIM dan pihak Pengangkutan Jalan.

Selain daripada itu saya ingin turut mencadangkan agar pengeluar mendapatkan kelulusan pihak JPJ supaya setiap pemasangan beg udara yang ada dalam setiap kenderaan adalah terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, bila terdapat kemalangan secara tiba-tiba ianya juga menjadi punca kesesakan lalu lintas. Sesetengah bandar tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang masuk pada sesuatu masa. Misalnya di Kuala Lumpur sebagai contoh, setiap hari purata

dianggarkan tiga juta kenderaan direkodkan keluar dan masuk ibu kota dan 58% merupakan kereta, 27% motosikal manakala 15% adalah kenderaan berat seperti bas dan lori. Data ini cukup menggambarkan keadaan kesesakan lalu lintas yang berlaku di ibu kota ini. Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat menampung kemasukan kereta apabila setiap lorong laluan utama di sekitar ibu kota hanya boleh menampung 800 hingga 1,200 kenderaan setiap jam. Bagi mengurangkan kesesakan ini, setiap hari saya difahamkan 300 anggota polis trafik bertugas 24 jam mengawal aliran trafik iaitu pada waktu puncak mulai 6.30 pagi hingga 9.30 pagi dan 4.30 petang hingga 7.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua senario yang saya berikan tadi cukup jelas menunjukkan bahawa keadaan bandar utama sudah pasti mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk pada satu-satu masa atau keadaan. Oleh itu dengan adanya pindaan rang undang-undang yang dibahaskan pada malam ini, saya lihat ia sebagai satu jalan dan kaedah bagi membantu mengendalikan kesesakan lalu lintas terutamanya di kawasan-kawasan utama. Cadangan pindaan ini bertujuan memberi kuasa kepada warden lalu lintas pihak bandar.

Pindaan yang melibatkan seksyen 2, seksyen 3, seksyen 3A dan pindaan seksyen 4 Akta Pengangkutan Jalan 1987 akan membolehkan pihak warden lalu lintas menjalankan tugas-tugas polis dalam mengawal lalu lintas dalam kawasan masing-masing. Pindaan seksyen 52 juga tidak lagi menerima laporan kemalangan dan tugas ini menjadi tugas pegawai polis sahaja. Manakala seksyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987 membolehkan warden lalu lintas mengkompaun kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini. Manakala sekiranya tidak beruniform ketika bertugas pihak warden perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri atau kad kuasa melalui pindaan seksyen 123 Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini saya lihat dapat meningkatkan lagi kecekapan pengendalian kesesakan lalu lintas yang berlaku di bandar-bandar utama. Pada hemat saya apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah satu pindaan yang sangat baik dalam menyejahterakan penghidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua perkara yang seterusnya saya ingin nyatakan di sini mengenai kos mendapatkan lesen permotoran. Tuan Yang di-Pertua menurut Timbalan Ketua Pengarah JPJ kira-kira 80% daripada 117,000 pelajar yang menunggang motosikal ke sekolah tidak memiliki lesen motosikal yang sah di Johor. Kaji selidik bersama JPJ dan Kementerian Pendidikan juga mendapati hanya 20% atau 23,400 pelajar memiliki lesen motosikal B2 yang sah. Pelbagai alasan telah dikemukakan oleh pihak pelajar untuk mengelakkan daripada di saman. Ada di antara mereka yang menyatakan alasan yang mungkin munasabah disebabkan ibu bapa mereka tidak dapat menghantar mereka ke sekolah.

Kalau tidak ada motor mereka tidak boleh pergi ke sekolah. Selain kesukaran mendapatkan perkhidmatan pengangkutan ini juga menjadi isu kepada remaja dalam mendapatkan bas ke sekolah. Walau apa pun alasan sudah pasti masalah kewangan akan turut menjadi isu. Kadar yuran pembelajaran dan pemanduan dilihat masih lagi tinggi meskipun pihak Kementerian Pengangkutan telah menetapkan harga siling bagi memiliki sebuah lesen.

Walaupun telah mengikuti harga siling namun nilai ini masih lagi membebankan terutamanya bagi mereka yang kurang berkemampuan. Saya di sini ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana prihatin terutamanya kepada golongan generasi muda yang berumur 16 tahun ke atas dalam membantu mereka untuk mendapatkan lesen melalui Program MyLesen.

Cadangan saya kepada pihak JPJ terutama sekali kepada golongan belia yang berumur 18 tahun ke atas dan sekiranya ingin membuat lesen buat kali pertamanya, saya ingin mencadangkan supaya mereka dapat diberikan diskaun sebanyak 50% sekiranya memberi keputusan yang cemerlang dalam SPM. Pada hemat saya ini bukan sahaja membantu mereka yang kurang berkemampuan tetapi malah akan menggalakkan para generasi muda memotivasi diri untuk terus cemerlang dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua perkara yang terakhir ingin saya nyatakan di sini mengenai sistem merit dan *demerit* ini. Saya akui bahawa Malaysia berada dalam kedudukan 20 di kalangan 160 negara yang mempunyai jumlah kemalangan jalan raya. Sebanyak 361,408 kemalangan jalan raya dengan 4,940 kematian dicatatkan pada tahun 2015. Daripada jumlah kematian 60% adalah penunggang motosikal.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

Berdasarkan statistik Jabatan Pengangkutan Jalan pada tahun 2014, secara purata seramai 18 orang mati setiap hari di seluruh negara akibat kemalangan dengan purata jumlah kemalangan setiap hari. Selain daripada aspek teknikal seperti beg udara, terdapat kajian menunjukkan tiga faktor penyebab kemalangan iaitu:

- (i) sikap manusia;
- (ii) keadaan kenderaan; dan
- (iii) alam sekeliling.

Seperti yang dilaporkan kajian oleh Universiti Michigan keadaan jalan raya di Malaysia dikategorikan pada angka 17 paling bahaya manakala negara jiran Thailand pula pada angka 25 paling bahaya. Di sini saya lihat mengenai sistem mata *demerit* memperlihatkan kewajaran dan juga kesungguhan dalam menyedarkan pemandu agar tidak melakukan pelanggaran peraturan jalan raya. Sistem Pemberian Mata Demerit Jalan Raya (KEJARA) ini yang telah dinyatakan jika dilaksanakan secara tegas sudah pasti akan dapat mendisiplinkan pemandu.

Hal sebegini amat jelas. Saya ingin pada merujuk pada tonto seumpamanya, mereka diupah semata-mata untuk memberi laluan kepada klien agar tidak mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Ini sebenarnya pelindung kebatilan dan melakukan seakan-akan pengkhianatan kepada negara.

#### ■1940

KEJARA ini saya ingin nyatakan di sini bukanlah boleh menyusahkan rakyat malah mendidik dengan melindungi rakyat lain agar tidak bersikap pentingkan diri apabila memegang

stereng kereta. Sudah pasti pesalah harus dihukum bagi menyedarkan semula pemandu untuk lebih berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya melihat pindaan ini adalah sangat penting untuk menjelaskan dan menambah baik prosedur pengendalian kesesakan lalu lintas. Selain daripada itu, tindakan demerit juga adalah satu pelaksanaan yang sangat baik untuk mendisiplinkan khususnya pengguna jalan raya agar tidak mengulangi kesalahan berulang kali. Akhir kata saya ingin menyokong cadangan pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi khususnya untuk memastikan masa depan dan kesan positif kepada pengguna jalan raya. Sekian, Kuala Selangor menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Lipis. Empat orang lagi, Yang Berhormat Sungai Siput. Lima minit seorang selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. *[Disampuk]* Ya? Yang Berhormat Batu Gajah? Ya, ya. Saya panggil – sudah dipanggil Yang Berhormat Batu Gajah ya? *[Disampuk]* Belum lagi. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Selepas itu Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Lima minit sahaja. Yang Berhormat Datuk Halimah dia hendak balik segera, ada permintaan. Jadi kita kena cepatkan persidangan kita. Ya.

#### **7.42 mlm.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, terima kasih. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016, di mana memberikan kuasa dan takrifan kepada majlis perbandaran terutama pihak berkuasa tempatan di mana pada masa sekarang kita nampak PBT mempunyai kuasa yang terhad terutama mereka yang melanggar undang-undang jalan ini. Saya hendak bangkit dua isu di sini.

Satu ialah tentang apa yang berlaku di Majlis Perbandaran Petaling Jaya di mana saya difahamkan MPPJ ini telah pun mengadakan kerjasama dengan JPJ. Di mana kesalahan jalan raya di PBT di MPPJ ini kalau tidak bayar *parking* ataupun kesalahan lalu lintas yang berterusan dan tidak bayar bertahun-tahun ia link kepada JPJ. JPJ boleh *blacklisted* dan menyebabkan mereka tidak boleh bayar *road tax*. Ini yang berlaku di MPPJ saya difahamkan.

So, adakah perkara ini akan meliputi ke PBT lain di mana apa yang berlaku di pihak berkuasa tempatan sekarang ini kereta mereka sengaja *parking* di merata tempat. Tidak *parking* di tempat yang dikhaskan, *parking* di tepi jalan. Semasa pihak berkuasa tempatan, penguat kuasa menyaman mereka, mereka pun tidak sudi untuk bayar saman itu. Sampai PBT setiap tahun atau dua tiga tahun mengadakan satu kempen untuk bayaran potongan diskau 50% baru mereka bayar. Kalau tidak ada kempen ini mereka tidak mahu bayar.

Ada yang sampai 10 tahun tidak pernah bayar kompaun. Pada masa yang sama – saya difahamkan mulai tahun ini atau tahun depan, di mana kalau ini berjaya kerjasama antara PBT dan JPJ, saya harap ini boleh membantu. Ini boleh membantu di mana penguat kuasa boleh

diberi lebih kuasa kepada majlis bandaraya. Saya juga hendak bangkit isu di sini di mana di taman-taman sekarang ini banyak kenderaan besar, lori-lori yang bertan-tan ini, empat tan ke atas ini. Mereka *parking* di sana macam tempat itu khas untuk kenderaan mereka.

Banyak aduan telah pun dijalankan, PBT kata dia tidak ada kuasa untuk memberi kompaun. JPJ pun kata dia – polis trafik pun kata dia tidak ada kuasa. Kita selalu bergantung kepada JPJ datang ke taman untuk buat penguatkuasaan. Akan tetapi malangnya saya pun tidak pasti mengapa perkara ini jarang kita nampak JPJ datang untuk menyaman lori-lori besar yang mereka *parking* di taman-taman. Saya nampak sangat membahayakan kepada penduduk. Semasa mereka memandu kenderaan berat ini masuk ke taman, di mana jalan taman agak sempit, agak kecil dan mereka *parking* di depan rumah mereka, tepi jalan. Memang mengganggu jalan raya.

Akan tetapi hal ini berlaku kita banyak komplain, banyak aduan tetapi masalah tidak dapat diselesaikan. So, adakah pindaan ini boleh membantu pihak berkuasa tempatan supaya PBT ada kuasa untuk memberi saman kepada kenderaan berat yang lebih empat tan ini. Ada yang sampai 40 kaki panjang, lori pun *parking* di depan rumah. So itu sahaja, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kangar.

#### **7.46 mlm.**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016. Saya percaya pindaan yang dicadangkan ini dapat tingkatkan lagi tahap *efficiency* dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang jalan raya oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Berdasarkan kepada data yang direkodkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, jumlah pemandu terkumpul sejak lima tahun kebelakangan ini didapati kian meningkat. Jumlah pemandu pada lima tahun kebelakangan ini meningkat hampir dua juta. Oleh itu harus diberi perhatian serius kerana melalui peningkatan yang direkodkan dari segi pemandu di jalan raya maka kebarangkalian untuk berlaku kemalangan juga agak tinggi.

Boleh dikatakan hampir kesemua kemalangan boleh dikatakan berlaku akibat daripada kecuaian diri sendiri atau *human factor*. Ini terlalu jelas kemalangan diakibatkan oleh kecuaian manusia dan juga faktor kelajuan pemanduan oleh si pemandu itu sendiri. Malah amatlah sedikit sekali direkodkan sesuatu kemalangan itu berlaku akibat daripada kegagalan dari segi teknikal seperti brek mahupun tayar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar diberi perhatian serius terhadap pemandu yang menggunakan lorong kecemasan di lebuh raya terutamanya yang membantutkan bantuan atau pertolongan semasa kecemasan. Antara cadangan saya adalah dikenakan hukuman denda maksimum atau digantung lesen memandu untuk suatu jangka masa tertentu agar ia memberi satu pengajaran buat para pemandu yang

tidak mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang sewenang-wenangnya menggunakan lorong kecemasan hanya untuk sampai ke destinasi yang dituju.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bertanya kepada kementerian, apakah sebenarnya langkah proaktif yang diambil oleh kementerian bagi mendidik para pemandu di Malaysia agar kita dapat mengurangkan kadar kemalangan atas dasar *human factor* yang berlaku di seluruh negara. Selain daripada itu, saya menyambut baik saranan kementerian bagi meminda Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan dengan memberi kuasa kepada warden lalu lintas dan sistem mata *demerit* yang mampu memperkasakan lagi sistem penguatkuasaan undang-undang jalan raya.

Berpandukan kepada penguatkuasaan warden lalu lintas ini sememangnya dapat dilihat sebagai suatu yang amat positif kerana warden lalu lintas tugasnya mengawal lalu lintas dalam usaha membantu pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Kangar.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** ...Untuk mengawal lalu lintas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang bangun.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Okey.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sikit sahaja Yang Berhormat Kangar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Kangar, pandangan.

#### ■1950

Sejauh mana tadi Yang Berhormat Kangar sebut tentang sistem demerit ini yang terletak pada fasal 7 dan 8 untuk pindaan seksyen 35 dan 35A Akta 333 ini. Sejauh mana sistem pemberian mata ini diselaraskan antara jabatan-jabatan? Ini kerana seperti yang kita ketahui, kalau contoh kita semak saman kita sendiri pun, kalau dengan JPJ, saman trafik tidak ada dalam sistem JPJ. Kalau semak dalam sistem trafik, kadang-kadang saman di JPJ pun tidak ada. Jadi kita kena semak dua-dua.

Sama juga sistem pemberian mata ini. Kita tidak hendak nanti kalau contoh kita sudah bagi pula kuasa kepada warden lalu lintas dan bagi kuasa kepada majlis perbandaran dan sebagainya nanti tetapi pemberian mata itu tidak diselaraskan. Maksudnya kita kena semak pula. Kita hendak semak berapa mata kita kena dekat majlis, kita kena semak pula dengan JPJ berapa, dengan polis trafik berapa. Maksudnya sistem itu tidak diselaraskan. Adakah nanti dengan adanya akta yang baru ini nanti daripada sistem pemberian merit itu diselaraskan bersama? Terima kasih.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Saya setuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekijang supaya apabila sistem ini dilaksanakan, kita cuma perlu *check* kepada JPJ dan semua ini sudah termasuk dan diselaraskan. Saya berharap kerajaan akan mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang amat penting. Masukkan ucapan Yang Berhormat Sekijang dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 65 memperuntukkan pemberian kuasa kepada warden lalu lintas ini untuk mengalih kenderaan terbiar atau rosak di jalan ke tempat yang lebih sesuai agar tidak mengganggu lalu lintas. Namun demikian, persoalan yang timbul, adakah jenis denda yang dikenakan kepada pemilik kenderaan yang menghalang lalu lintas jika perlu dialihkan ke tempat lain. Ini kerana ramai pemandu suka meletakkan kenderaan secara suka hati tanpa memikirkan kepentingan pengguna jalan raya yang lain.

Saya turut terpanggil untuk mencadangkan tingkatkan jumlah pegawai penguat kuasa ataupun warden lalu lintas dengan cara rondaan berbasikal ataupun motosikal di tempat-tempat yang menjadi tumpuan. *Patrol bike* ini biasanya mempunyai pelbagai ciri dan spesifikasi khas untuk tujuan penguatkuasaan termasuk memberi senjata untuk mempertahankan diri jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut bangun.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

Saya tertarik tentang isu penguatkuasaan tadi. Terima kasihlah kepada pihak penguatkuasaan jalan raya ataupun JPJ yang sering kali memantau tentang lalu lintas ini terutamanya melibatkan kenderaan-kenderaan di kawasan yang sesak ataupun membuat pemeriksaan secara mengejut.

Cuma, apa pandangan Yang Berhormat Kangar tentang taktik pemandu-pemandu lori berat ini ataupun kenderaan-kenderaan perdagangan yang besar ini yang apabila mereka melihat pihak berkuasa membuat sekatan jalan raya ataupun membuat pemeriksaan, mereka mula meletakkan kenderaan mereka di bahu-bahu jalan seolah-olah mereka berhenti berehat. Jadi ini menyebabkan pemeriksaan ataupun penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan kepada mereka kerana mereka berhenti sedangkan mereka itu kemungkinan melakukan kesalahan mungkin dari segi lebihan muatan, mungkin lori-lori balak misalnya, sudah tentu mereka membawa berat yang lebih membahayakan keselamatan.

Jadi ini menimbulkan persepsi negatif di kalangan rakyat ataupun pengguna biasa. Mereka melihat penguat kuasa seolah-olah pejam mata terhadap kenderaan-kenderaan berat ini sedangkan kenderaan-kenderaan kecil, kenderaan-kenderaan perdagangan kecil seperti lori empat tayar atau enam tayar yang digunakan oleh orang-orang biasa, bukan tauke-tauke besar punya, dilihat melalui kawasan pemeriksaan ini dan kena saman. Ini menyebabkan kerajaan dituduh melindungi tauke-tauke besar atau kenderaan-kenderaan besar sedangkan rakyat biasa ditindas, diperas – istilah yang mereka gunakan.

Apa pandangan Yang Berhormat Kangar agar pindaan ini juga meliputi kenderaan-kenderaan yang sengaja diparking atau diletak di tepi jalan untuk mengelakkan penguatkuasaan berlaku kepada mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Sebenarnya fenomena ini semestinya dikesan oleh JPJ. Katakan kenderaan lori atau sebagainya di *parking* di tepi jalan setelah hampir dengan pemeriksaan JPJ. JPJ mesti tahu sebab apabila keadaan ini berlaku, kita boleh mengambil tindakan. Walaupun lori dan sebagainya tidak bergerak tetapi apabila keadaan ini berlaku, kita boleh *check* sama ada dia lebih muatan ataupun melanggar apa-apa yang difikirkan perlu oleh pihak JPJ. Jadi, saya menyeru agar dalam pindaan ini, keadaan-keadaan yang begini, situasi-situasi yang begini tidak akan terlepas daripada tindakan JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 37 berkenaan dengan sistem demerit. Sistem Mata Demerit atau Sistem KEJARA ini sebenarnya ditujukan khas kepada pemandu-pemandu kenderaan yang memiliki lesen memandu CDL dan Lesen Memandu Percubaan (PDL) bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, tingkatkan kesedaran keselamatan jalan raya, pematuhan peraturan jalan raya dan sebagainya.

Saya mohon Yang berhormat Menteri untuk menjelaskan bagaimana pula dengan pesalah bawah umur yang didapati bersalah memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah. Atau adakah undang-undang yang bakal dipinda ini turut terpakai sekiranya bagi mereka yang memandu tanpa lesen memandu yang sah?

Melalui pemahaman saya, adalah didapati bahawa pindaan ini, mata demerit akan terus dikenakan walaupun kompaun atau denda telah diselesaikan oleh pesalah dan hanya akan ditolak mata demerit sebanyak 50% sekiranya dalam tempoh setahun tidak membuat sebarang kesalahan atau dengan menghadiri kursus-kursus yang disediakan oleh JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun diadakan kursus tetapi adakah kursus ini sesuai dengan pesalah-pesalah dan waktu yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini kerana boleh dijangkakan kebanyakan akan sibuk dengan urusan kerja masing-masing.

Namun, saya ingin mencadangkan supaya diadakan kursus melalui konsep *e-learning*. Konsep ini boleh dilaksanakan tanpa mengira waktu dan masa. Sejurus selepas individu tersebut selesai mengikuti kursus secara dalam talian atau *e-learning*, individu terbabit hanya menduduki ujian di atas talian yang akan disediakan oleh pihak JPJ mengikut modul yang ditetapkan. Pihak JPJ harus memastikan ujian tersebut hendaklah dijawab sehingga lulus supaya dapat memberi pengajaran dan impak yang positif terhadap diri dan keselamatan pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah pengguna *highway* yang terpanjang di Malaysia. Sekali saya balik kampung mencecah lebih 500 kilometer. Pergi balik, 1,000 kilometer. Jadi, saya berharap agar pengguna-pengguna jalan raya memastikan bertimbang rasa dan mengamalkan pemanduan yang berhemah supaya saya selamat sampai ke kampung. *Amin*. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

### **7.58 mlm.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016. Ringkas saja, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membawa satu isu yang mungkin terletak di bawah bidang kuasa SPAD tetapi ada juga kena-mengena dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Isunya seperti ini.

Biasanya kenderaan-kenderaan berat ataupun kenderaan-kenderaan komersial yang membawa batu-batu dan sebagainya menggunakan jalan yang digunakan oleh kenderaan yang lain, kenderaan yang biasa. Ada banyak kali perkara ini berlaku di Ipoh-Lumut *highway*, batu-batu yang terlontar keluar daripada kenderaan berat ini kena pada cermin kereta yang kita bawa.

#### **■2000**

Ini adalah amat membahayakan sebab pada bulan lalu, ada satu kes yang saya sendiri lihat yang mana empat orang pelajar politeknik di Ipoh, yang membawa kereta, ada batu yang terlontar keluar daripada lori, terkena pada cermin tingkap sebelah dan ini menyebabkan pemandunya iaitu seorang pelajar perempuan, tidak dapat mengawal dan akhirnya telah mengalami satu kemalangan di *Ipoh-Lumut Highway*. Jadi, saya tidak tahu bagaimanakah menyelesaikan masalah seperti ini. Dengan siapa kita perlu mengadu bila keadaan seperti ini berlaku sama ada – bagaimanakah koordinasi antara JPJ dan juga dengan SPAD? Bila keadaan seperti ini berlaku, pihak manakah yang sebenarnya yang bertanggungjawab?

Mangsa pula ada menghadapi masalah sebab kepada pihak mana kita hendak mengadu dan kalau cermin pecah, siapa hendak bayar. Sebab kalau kita hendak tuduh kepada lori-lori – masalahnya, kita kena dapatkan nombor dan mungkin dalam keadaan yang tertekan ataupun dalam keadaan yang menyebabkan kemalangan itu mungkin kita tidak dapat *trace* ataupun lihat nombor plat kereta — lori. Ini menjadi masalah dan kalau kita ada nombor itu pun, kalau kita ada nombor lori itu pun, kalau kita mengadu kepada SPAD ataupun kepada JPJ, mungkin pemandu lori itu tidak akan mengaku dan kerugian itu ditanggung oleh siapa? Kerugian itu ditanggung oleh kita sendiri.

Jadi ini menjadi satu masalah ataupun kalau kita hendak pindahkan tanggungan itu, mungkin kita akan pindahkan tanggungan itu kepada pihak insurans dan pihak insurans sudah rugi. Jadi, saya rasa kita perlu ada satu mekanisme bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini. Ramai pengguna jalan menghadapi masalah ini. Sebab kenderaan berat ataupun kenderaan-kenderaan komersial ini, mereka mungkin tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan dan menyebabkan mereka mengambil muatan yang banyak dan mengakibatkan perkara-perkara seperti ini berlaku. Saya rasa pihak kerajaan kena mencari satu jalan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini untuk kepentingan semua pengguna jalan raya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru minat ya? Ringkas ya. Ya, Yang Berhormat Lipis penutup. Yang Berhormat Bayan Baru sila.

### **8.03 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya membahaskan rang undang-undang ini. Saya ingin memulakan perbahasan saya tentang daripada segi sikap kita sebagai pengguna jalan raya. Ini kerana saya rasa masalah di Malaysia adalah kita mempunyai kemalangan maut paling tinggi di seluruh dunia, per capita wise. Per capita wise kita adalah yang paling serius kerana beribu-ribu orang. Saya pasti Menteri ada statistik ramai yang mati dalam kemalangan jalan raya. Jadi, ini adalah kerana pendidikan kita adalah terhadap sikap pemandu ini amat rendah sekali.

Saya ingin menceritakan sedikit tentang *experience* saya apabila saya memohon *driving license* saya di Amerika Syarikat. *Rule number one* yang diajar kepada – walaupun saya sudah ada *driving license* dari Malaysia tetapi apabila saya memohon *driving license* di Amerika Syarikat, masih perlu menduduki undang-undang dan juga perlu semula undang-undang bertulis selepas itu kena praktikal. *Rule number* satu adalah di *hammered into our head is driving is a privilege, not a right*. Maksudnya, itu adalah satu keistimewaan, bukan satu hak. Siapa-siapa kalau melanggar undang-undang, dia punya keistimewaan itu akan ditarik balik. Bukan hak sebagai seorang rakyat untuk boleh memandu. *So driving is a privilege, not a right*. Bila-bila kerajaan boleh tarik balik *privilege* tersebut.

Jadi, dia mengajar semua pemandu itu kena berhati-hati dan bertanggungjawab semasa di jalan raya. Selepas itu adalah sistem demerit mereka. Cukup-cukup *strict*, cukup tegas, tidak boleh bincang, tidak ada duit kopi kah dan sebagainya. Semuanya mengikut – jadi dalam kalau tiga kali melanggar undang-undang, *speeding* kah atau langgar trafik kah, terus perlu digantung, tiga kali sahaja. Kalau *drink and drive*, kalau mabuk kah, terus *cancel on the spot*. Jadi ini adalah ketegasan menyebabkan mereka cukup bertegas, cukup berhati-hati.

Jadi, apabila saya nampak kerajaan ingin melaksanakan sistem demerit ini, saya cukup sokong. Akan tetapi saya rasa masalah di Malaysia adalah implementasi. Implementasi itu cukup penting. Adakah kerajaan mempunyai *political will or the will to make it a success*. Ini adalah persoalan kita bagaimana – saya harap Menteri terangkan apakah ia punya *steps* dan ia punya sistemnya yang akan dilaksanakan di Malaysia. Jadi, inilah yang saya – tetapi saya rasa ragu-ragulah sekarang kerana saya rasa rakyat di luar, apabila mereka nampak rang undang-undang ini di bentang, mereka pun ragu-ragu adakah *this one is serious* kali ini.

Ini kerana kita tahu bahawa JPJ tidak mempunyai kredibiliti yang meyakinkan kerana kita tahu bahawa tahun lepas surat khabar kata ramai yang boleh mendapat *copy lesen*, *lesen copy*. Sudah ada terbongkar kah dalam surat khabar bahawa mereka boleh bayar untuk dapatkan lesen walaupun tidak pergi duduki undang-undang. Tidak faham Bahasa Malaysia tetapi masih boleh dapat lesen. Ini terbongkar luas dalam surat khabar.

Kedua, apabila kita ada orang ditangkap langgar undang-undang, boleh di bincang dan lepas itu kalau settle boleh dapat dilepaskan. Jadi ini isu implementasi yang cukup serius dan saya boleh kata semua orang di sini termasuk Yang Berhormat Menteri ke, kita pun so we all – kita pernah langgar undang-undang. *Speeding* ke dan sebagainya. *I think guilty as charge.* Saya tahu, Yang Berhormat Menteri sendiri pun banyak saman juga. Yang Berhormat Menteri. Okey, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tahu, boleh *check* sendiri. Sebab saya baru *check* sahaja – Yang Berhormat Menteri. You banyak saman juga.

Jadi ini, kita kalau kita mahu tegas. *We must start from ourselves.* Okey. Serius dan itu sebab *enforcement* itu kena tegas. Ini kerana *this is too much. This is too much. Everyone has to be responsible.* Saya ingin cadangkan di Amerika Syarikat, apabila setiap orang apabila mereka *renew license* mereka, mereka kena duduk ujian undang-undang sekali lagi. *Every five years.* Apabila mereka *renew license*, kena duduk. Tidak kira siapa. Menteri ke, siapa ke semua kena duduk. Undang-undang *refresh*.

Jadi kalau *fail*, dia akan datang sekali lagi kena duduk undang-undang lagi. Kalau *fail consecutive* dua kali, *suspended* dia punya *license*. Ini betapa tegas mereka — okey. Jadi, saya rasa untuk kita perlu buat sesuatu macam ini kerana kita lepas dapat lesen selama-lamanya tidak payah duduk undang-undang lagi. Ada ramai yang sudah lupa tidak kisah langsung pun. Langgar sahaja. Jadi ini adalah – apabila orang tua juga yang orang yang telah lanjut usia, katakan 75 tahun dan ke atas mereka setiap dua tahun kena *test* — kena pergi duduk *test* bukan sahaja undang-undang tetapi praktikal juga.

Jadi, ini adalah sesuatu yang perlu kita contohi. Kalau kita serius hendak laksanakan, kita perlu tegas dan implementasikan secara tegas baru boleh berjaya kerana kita – *I think we have failed once* kerana saya tidak tahu kenapa kita tidak laksanakan walaupun diumumkan sistem demerit tetapi tidak dijalankan. *Now, we have a fresh start* tetapi kena bermula, kena tegas. Semua orang kena bertanggungjawab dan saya minta Yang Berhormat Menteri tolong selesai *you punya saman*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lipis. Selepas Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Menteri jawab.

■2010

**8.10 mlm.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Boleh. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Nampak segar Tuan Yang di-Pertua. Selepas balik minum, makan – ubat tidak makan...

**Seorang Ahli:** Makan ubat tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya tadi disediakan apam tadi. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya belum cakap Tuan Yang di-Pertua, sebab saya nampak Tuan Yang di-Pertua nampak segar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tahu ke arah itu Yang Berhormat Lipis.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua makan tidak share.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya sudah rakam ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Kedua, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli Dewan. Nampak memang agak penuh lagi Dewan kita. *[Ketawa]* Ketiga, saya hendak membahas rang undang-undang. Kesempatan ini saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan rang undang-undang sebentar tadi. Kalau kita melihat daripada pembentangan sebentar tadi, sudah pasti kita hendak melihat negara kita menuju ke arah kepada negara yang maju. Hendak mencontohi negara-negara yang telah membawa banyak pembangunan, khususnya daripada segi pengangkutan itu sendiri. Oleh sebab itu kita membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 2016 adalah untuk memastikan negara kita juga mengorak langkah kepada perundangan, pengangkutan yang lebih efisien dan lebih baik daripada yang ada pada hari ini kepada yang akan kita lakukan. Oleh sebab itu kita kena menerima hakikat bahawa negara kita yang sekarang ini mempunyai kenderaan yang begitu banyak sekali.

Kalau kita melihat di Kuala Lumpur sahaja, kita tidak lari daripada berlakunya *jammed*, kita tidak lari daripada berlaku kesesakan jalan raya disebabkan oleh kenderaan yang hari ini sebagaimana yang pernah saya katakan, setiap dua minggu pertukaran plat nombor sahaja di Wilayah dan Kuala Lumpur ini. Maknanya, dalam masa dua minggu mencecah sehingga 9,000 pendaftaran baru kenderaan. Tidak kira motor, kereta, lori dan sebagainya yang boleh mendaftarkan di atas jalan raya ini menyebabkan kenderaan-kenderaan ini terlalu banyak. Saya menyokong saranan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi. Kita ada—akan mengeluarkan plat nombor baru iaitu F dan V. Saya menyarankan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada dalam Dewan ini, mungkin luar daripada rang undang-undang. Saya hendak menyarankan sahaja, F ini daripada nombor satu ataupun V daripada satu sehinggalah 222, dapat dipakai oleh Ahli Parlimen di Malaysia ini. Maknanya, saya P.79, saya kena ambil F79.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Gerik F54.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Gerik F54.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi 156.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Kota Tinggi 156.

Nombor satu saya tidak tahu siapa, itu dia berasas baiklah kalau dapat nombor satu.

**Seorang Ahli:** Ikut Parlimenlah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Sekijang 41. Kita ikut Parlimen. Maksudnya, ikut Parlimen daripada satu sehingga 222 ini Ahli Parlimen pakai, JPJ sudah tahu, ini Ahli Parlimen punya kereta. Jangan saman, dia kata. Kalau saman, penyakit, dia orang tidak luluskan rang undang-undang pada hari ini. Tidak apa, hari ini kita

boleh bagi ruang untuk melulus sebab kita menyokong untuk menambah baik kepada negara kita. Akan tetapi kalau tidak bagi F dengan V atau V, salah satu, F atau V. Saya ingat ramai yang bersetuju. Yang Berhormat Ledang senyum pun setuju saya rasa. Yang Berhormat Tenggara pun main *handset* pun setuju saya rasa walau sambil bermain *WhatsApp* dengan orang tertentu. Yang Berhormat Kuala Selangor, dia sudah sebut setuju. Jadi, kita bagi ruang kepada Ahli Parlimen, saya bukan cantik sangat 79. Tidak cantik pun 79.

**Seorang Ahli:** Cantik.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Lipis orangnya cantik, nombor itu tidak cantik. 69 cantik tonggang terbalik. Jadi, saya— itu sebagai saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi. Bukan banyak, hanya 222 nombor sahaja diberikan kepada kami. Kalau SUDR hendak, kena tambah 223 nombor itu. SUDR sebab dia pandang, nampak dia tunjuk-tunjuk jari dia hendak juga. Jadi, saya cadangkan juga kepada SUDR.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau melihat daripada perubahan, kita melihat daripada kesalahan di bawah APJ 1987, ini menunjukkan kementerian sangat komited dalam membantu pengguna jalan raya sehingga memberi ruang dan peluang kepada kepentingan ini kepada warden lalu lintas, diperturunkan kepada majlis perbandaran untuk juga dapat kuasa daripada kuasa lalu lintas, boleh menyita kereta dan sebagai, boleh menyaman. Kita menyokong sebab kadang-kadang kita melihat daripada segi kepesatan kenderaan ini menyebabkan ada ketikanya mereka mengganggu lalu lintas menyebabkan kita tidak boleh— sehingga berlaku hampir sejam atau dua jam gangguan lalu lintas tersebut. Ini kita sokong kerana untuk menuju negara maju. Kalau kita mengambil contoh negara maju itu sendiri, kita tengok di Jepun umpamanya. Kita tengok di Amerika, kita tengok di negara-negara lain umpamanya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Mencelah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Boleh sikit sahaja, saya hendak habis.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya melihat di Jepun. Saya mengambil contoh, kalau *line* kuning umpamanya. Kalau kita berdiri di tepi jalan untuk melintas, kereta itu akan berhenti memberi laluan kepada orang melintas di atas *line* kuning menyeberangi jalan. Akan tetapi di Malaysia, kalau kita berdiri di tepi jalan, kita acah hendak melintas dia akan tekan lagi laju kereta itu seolah-olah hendak melanggar kita hendak melintas laluan kuning tersebut. Sila Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya juga pendekkan secepat mungkin beberapa perkara. Saya pun dekat Amerika juga dulu, jadi saya setujulah dengan tadi bahawa di Amerika ini memang maju. Akan tetapi banyak juga kejadian-kejadian di dalam TV, kereta langgar, mati pun banyak. Cuma bezanya di sana, dia tidak banyak motor kecil-kecil c.c. ini. Dia tidak banyak— minta maaf, kapcai. Jadi, sebenarnya kalau tengok peratusan ramai kita

ini per kapita tinggi sebab motor ini. Jadi, adakah kita— ini bukan masalah pembangkang atau ini, *political will* itu bukan sahaja kerajaan. Kita semua, rakyat semua. Kita ada kemauhan sungguh tidak hendak kurangkan kadar kematian ini? Sekarang kita tengok, ini betul Tuan Yang di-Pertua, kita takut apabila- mula-mula motor kapcai laju, saya bukan menghina, tidak ya. Saya guna perkataan kapcai. Sekarang ini motor-motor besar pun kita bawa, katakanlah 110, 120, dia bawa 140 celah-celah kita dia masuk. *[Disampuk]* Ya, yang 200 saya tidak sempat tengok. Dia laju sangat.

**Seorang Ahli:** Berdesupkah?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi, ini pun sama ada hendak katakan orang kapcai pun tidak betul, yang pakai motor besar pun bawa laju juga. Sudah tentu yang motor besar ini mempunyai status mungkin strata yang mungkin berbeza dalam masyarakat. Akan tetapi maknanya, kalau cakap *political will*, jangan pergi buat cerita buat AES kita polemikkan, itu jangan. Kalau betul-betul serius, ini bukan masalah parti politik. Ini masalah kesejahteraan rakyat, semua kena ambil, termasuk rakyat semua. Seluruh strata masyarakat atas bawah, sama ada kapcai ataupun motor besar atau kereta besar, kita sama-sama buat. Mungkin kita mulakan satu budaya yang lebih serius, kita mulakan pembelajaran. *Education inculcation of good road ethics* daripada peringkat yang paling bawah. Kita *enforcement* yang kuat daripada segi penguatkuasaan. Satu lagi, saya hendak sebut, kita satu tahun, industri kereta kita 500,000 kah atau 600,000? Itu kereta baru berdaftar. Saya ingat itu tidak masuk motor itu, saya ingat. Kereta, makna satu tahun setengah juta kereta register baru, selepas itu tidak masuk lagi berapa banyak motosikal, saya pun tidak ingat berapa banyak. Maknanya, setiap tahun banyak. Kita sudah kena sampai bukan sahaja cara bawa kereta, kita juga kena fikir macam mana hendak *car pooling*, contohnya.

Satu lagi kerajaan buat yang kita jangan lupa, kita pasang MRT 70, 80 *million* supaya rakyat kurangkan naik kereta. Kita pasang *Mass Rapid Transit* dengan kereta api, kita kena guna. Jadi, budaya ini bukan sahaja setakat *enforcement*, kita kalau betul-betul benar hendak lihat kita selamat macam mana rakan saya daripada Bayan Baru tadi cakap. Di Amerika kita kena bantu— bukan sahaja Menteri dan Timbalan Menteri punya kerja ini. Ini keseluruhan. *We want to have a better life, we must be part of the solution.* Jangan kita menuduh sana, sini, sini macam AES, jadi polemik politik. Ask, tepuk dada, tanya sendiri hendak betul atau tidak betul? Kalau kita buat dan kita *put aside all these political differences*, kita tengok macam mana hendak *tackle*. Oleh sebab yang mati ini manusia, anak kita, cucu kita, kaum kerabat kita dan yang baiknya Yang Berhormat Lipis, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang tengok apabila *accident*, tidak kira bangsa. India kah, Cina kah, semua kita datang tolong.

## ■2020

Sebenarnya ada *one community* yang sangat *beautiful* dan cantik dalam *scenery* tapi tidak dapat hendak *highlight* sebab kita *maybe* terlampaui terperangkap dengan pembangkang, kerajaan, kerajaan punya tugas. Bukan, pandangan saya Yang Berhormat Lipis, apa pandangan Yang Berhormat Lipis, minta juga pandangan Yang Berhormat Lipis di samping F

dengan V tadi, kita kena- saya hendak cadangkan pada pandangan Yang Berhormat Lipis supaya kita bulatkan tekad sama-sama, *we taken together*. Jangan tanya orang lain, kita. Tadi betullah, tepuk dada, hendak ke tidak hendak. Kalau hendak sama-sama kita buat. Ada kerangka baru kerajaan dan kementerian. Kalau kita buat satu *emulate system*, sama-sama kita laksanakan dengan betul. Jangan jadi isu polemik kemudian. Apa pandangan Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Yang Berhormat Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis, saya juga tertarik tentang keselamatan jalan raya. Saya difahamkan ada tujuh perkara yang salah untuk jalan raya ini tapi saya dapat ingat 6.

- i) Langgar lampu isyarat,
- ii) Potong *double line*,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang ketujuh itu langgar Peraturan Mesyuarat.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:**

- iii) potong sebelah kiri,
- iv) tidak pakai tali pinggang keledar,
- v) lebih pada had laju,
- vi) letak kenderaan di bahu jalan.

Satu lagi apa nama saya tidak perasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, langgar Peraturan Mesyuarat, bukan berucap, mencelah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ha mencelah, dia tidak pakai *signal* ya, bukan apa. Yang Berhormat Lipis, kita tengok kemalangan paling besar dalam kan. Bila kita tengok yang tadi itu, semua kita pakat tidak tali pinggang keledar. Saya pun selalu tidak pakai. Ceritanya macam mana rakyat takut bila hendak bawa memandu dengan baik ialah dengan kaedah polis kena tunggu di tiap-tiap jalan ini. Kena buat dalam masa tiga bulan ini hari-hari ada, itu cadangan saya. Yang kedua, bila kita bagi kuasa pada Majlis Perbandaran, kepada Dewan Bandaraya terutama di *highway*, orang suka potong balik kiri. Cukup menyampah kita tengok. Kita ini ikut jalan betul, '*depa*' pergi potong balik kiri. Sebenarnya sama-sama sampai lambat tidak apalah.

Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat Lipis, macam mana ini. Bila kita '*pi*' turun kuasa, setiap pegawai yang ada ini jaga di sepanjang *highway* ini. Tidak apalah kita lambat pun tapi saya percaya perjalanan kita lebih selamat. Jadi, inilah minta Yang Berhormat Lipis pun, komen Yang Berhormat Lipis '*lagu*' mana. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani. Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis. Setujukah Yang Berhormat Lipis dengan saya bahawa hampir 40% daripada penunggang-penunggang motosikal khususnya anak muda yang umurnya 30 tahun ke bawah tidak mempunyai lesen motosikal khususnya pelajar-pelajar universiti dan anak muda dalam alam persekolahan. Ini disebabkan oleh sistem untuk dapatkan lesen motosikal di Malaysia ini susah sangat. Saya masih ingat dulu, kalau kita, zaman-zaman kita universiti, kita *register*, lepas itu kita masuk *driving school* untuk 7, 8 jam. Kemudian dia ajar beberapa perkara yang penting. Lepas macam mana kita *break* tidak jatuh. Lepas itu macam mana kita buat lapan, dapat lesen.

Sekarang ini Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis kena tengok macam mana pam tayar, macam mana hendak *repair* motor, berjam-jam. Akhirnya anak-anak muda jemu. Bukan saja jemu, dia punya *test* pakai komputer. Sekali *test* dia kena bayar RM17. Lepas itu kalau *fail* kena bayar lagi RM17. Budak-budak ini kadang-kadang dia main *game* pandai tapi bila dia main komputer, hendak *test* dalam komputer, banyak kali dia *fail*. Akhirnya apa berlaku, akhirnya dia ‘cemuih’, dia jemu dan lepas itu dia hendak kena *re-test* pula, dia kena tunggu. Kemudian kalau tidak *renew* dia punya L selama 3 bulan, dia kena *take all over again*. Yang Berhormat Lipis percayalah, anak-anak muda ini rasa jemu. Akhirnya dia bawa motor tidak berlesen.

Sebab itu bolehkah Yang Berhormat Lipis mencadangkan kepada kementerian supaya lihat balik khususnya yang *test* komputer ini. Saya tidak yakin walaupun dia dapat 100% *mark* dalam komputer ini, dekat bawah itu dia praktikkan. Tidak mungkin. Malah ada orang buat duit banyak, lagi *fail* lagi bagus dan saya pernah berucap di sini ada sekolah-sekolah yang boleh ‘*kautim*’ dengan pelajar-pelajar ini. Kalau hendak lulus, bayar RM600. Kalau hendak lulus bayar RM500, ada. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis, bolehkah Yang Berhormat Lipis cadangkan supaya *review* balik benda-benda yang saya kata. Anggaplah ini tidak masuk logik, tidak masuk akal. Sebab biarlah pelajar-pelajar ini, khususnya anak-anak muda ini mendapat lesen dengan mudah.

Bila dia dapat lesen mudah, dia rasa *confident* bawa motor. Ini kadang-kadang dia bawa motor tapi dia tengok *security* kadang-kadang macam baju polis, dia terjun. Dia terkejut, dia deras saja potong sebelah kiri itu. Dia langgar kadang *side mirror* kita. Dia langgar *side mirror* Tuan Yang di-Pertua, dia angkat saja, bukan hendak berhenti pun. Kita tengok-tengok sudah terkulai sudah kita punya *side mirror*. Dia angkat tangan saja. Ini masalah dia. Sebab apa, sebab kita menekankan benda-benda yang saya rasa tidak masuk akal. Suruh budak-budak ini kurung 8-9 jam dengar ceramah entah apa-apa. Tidak mungkin berlaku kalau sekiranya kita hendakkan supaya anak muda kita ada lesen.

Jadi saya rasa begitu juga dengan motokar. Hendak dapat lesen, saya rasa susah betullah. Kalau kita umur 50-60 tahun ini, cemuih lah. Tak ‘*mau pi*’ lah kelas ini. Lebih baik kita bawa motor tidak ada lesenlah. Dia anggap begitu. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Lipis supaya kementerian kena hendak tengok betul-betul. Bukan setakat tujuh

yang pada peringkat tadi, tapi isu sebenarnya, isunya kenapa mereka langgar undang-undang. Di samping itu harus lihat ramai anak muda yang tidak mempunyai lesen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, sudah 20 minit Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya ingat, saya rasa, saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kita pernah bersidang dulu 4.41 pagi tamat. Pernah sekali 4.41pagi. Jadi kita ini jarang-jarang sudah bersidang ini kita saya ingat kalau hari ini habis 4.41 pagi pun tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Saya sedia menunggu, saya sedia.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tok Man Pendang mana ke daya dia malam Jumaat pun. Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Parit Sulong okey lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya sangat bersetuju dengan rakan-rakan. Saya rasa saya cuba mengulas dulu Yang Berhormat Sungai Petani lah. Saya masih ingat saya mendapat lesen motor pada umur 16 tahun, sudah ada lesen motor. Memang betul, saya lepas buat ujian berlisan, tidak sampai satu jam, saya boleh bayar *test card* RM10, saya pergi *test*. Saya *test*, saya lulus. Saya lulus, saya bayar RM20, saya sudah dapat lesen. Akan tapi hari ini sangat berbeza. Berbezanya kita kena bayar sehingga kalau kereta, anak saya baru *test* kereta, mencecah sehingga RM1,200 kalau tidak ada berlaku kegagalan. Sebab itu dalam sistem demerit ini, dia mengatakan akan memberi *point*, memberi *points* kalau kita melakukan kesalahan, kita ada 20 *points*, tiga *points*, tiga *points* beberapa kali kesalahan, cecah 20 *points* itu. Maka lesen kita akan digantung dan kita akan dihantar ke pusat pemulihan. Berkursus semula untuk mendapatkan lesen itu dengan beberapa kesalahan. Sebab saya tidak berapa pasti kesalahan yang ke berapa.

Jadi kita menyarankan sebagaimana Yang Berhormat Sungai Petani perkatakan sebentar tadi, kita tidak mahu nanti selepas ini program pemulihan ini dilakukan, ada pula sesuatu syarikat yang mengambil alih untuk pemulihan ini sedangkan kita sudah ada lesen. Cuma kadang-kadang saya hendak beritahu risiko yang paling tinggi adalah wakil rakyat yang ada di dalam Dewan ini yang menanggung risiko paling tinggi kerana mereka ini duduk saja di atas jalan raya mengejar ke satu buah kawasan untuk melakukan aktiviti-aktiviti tertentu. Sudah pastilah kereta itu akan dipandu dengan begitu laju sekali. Apabila berlaku sedemikian rupa, inilah yang menyebabkan salah satu kadang-kadang terlupa pakai tali pinggang keledar pun, maka melakukan kesalahan berat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik sebanyak tujuh kesalahan tadi.

Maka ini kena dilihat daripada segi perkara ini. Demerit ini memang baik. Kalau dulu kita bayar, kita akan dipotong balik markah kita. Akan tetapi sekarang ini markah itu tidak hilang. Bayar pun tidak hilang. Baik kita jangan bayar sebab tidak hilang markah itu.

Sekurang-kurangnya kementerian kena memikirkan bagaimanakah caranya demerit itu, sekurang-kurangnya ada juga pertimbangan kalau dia tidak melakukan kesalahan yang kerap sangat. Maka potong segera, ia akan menjadi markah yang penuh balik. Sebab itu kadang-kadang kita memikirkan pelaksanaan ini yang kita hendak laksanakan ini baik.

## ■2030

Akan tetapi persoalannya sekarang ini yang melaksanakan itu menjadi tidak baik sebab rakyat hari ini pandai. Mereka melihat, mereka boleh menengok YouTube, mereka boleh menengok video-video tertentu umpamanya. Ini yang menyebabkan kadang-kadang rakyat menjadi marah sedangkan kita hendak merubah kita kepada negara maju tetapi pemikiran kita masih tidak maju hendak memikirkan bagaimana kita hendak berubah ia menjadi kepada negara maju. Oleh sebab itu saya sentuh Jepun. Kalau kita pergi Jepun walaupun saya menjelak kaki tidak berapa lama di Jepun tetapi soalnya disiplin orang Jepun itu cukup disiplin termasuklah orang merokok tidak akan kelihatan di atas jalan raya orang merokok. Sudah pasti kereta akan berhenti kalau di *lane* kuning kalau di Jepun. Umpamanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis kalau di Dewan pun macam orang Jepun lagi bagus.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya setuju. Oleh sebab itu saya dalam Dewan kalau tengok sayalah orang paling disiplin. Mana saya ada kacau orang. Saya tidak ada kacau orang. Saya berbahas, saya berbahas bersungguh-sungguh kecuali Yang Berhormat Tenggara dia selalu kacau saya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kacau waktu bila itu, kacau waktu bila?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Dia kacau saya tidur. Tuan Yang di-Pertua tidak nampak dia kacau, dia tidak tekan *button*. Tengok saya tengah berucap pun tengah bersemangat ini dia kacau lagi. Sudah pakai tudung merah, marah pakai tudung merah dan ucapan saya.

Oleh sebab itu rakan-rakan memperkatakan tadi walaupun Yang Berhormat Kota Tinggi mengatakan tentang Amerika tetapi saya melihat sistem Amerika itu juga dia menghormati kepada orang. Kalau dia tidak lari laju dia akan duduk di tepi, penguatkuasaan akan sentiasa berada atas jalan raya melihat bagaimana kenderaan itu bergerak. Kalau kenderaan itu berjalan perlahan duduk di *lane* kanan maka mereka akan di saman dan cukup disiplin sehingga di tempat beri laluan itu walaupun tidak ada orang mereka akan berhenti. Ini persoalannya bagaimana kita hendak melaksanakan ini. Persoalannya kita meletakkan berbagai-bagai rang undang-undang. Selepas ini kita melihat kalau boleh dikautim, dikautimkan akan lepas.

Betul Yang Berhormat Seremban masih kautim? Betul ya, betul bahasa ya. Saya takut silap itu yang tanya sebab bahasa yang sering digunakan. Kita banyak sebenarnya perkara-perkara yang perlu kita buat perubahan. Buat perubahan dari semasa ke semasa. Bagaimana kita hendak laksanakan, kita carikan apa-apa angka yang tertinggi kesalahan itu menyebabkan kemalangan maut, hari kenderaan padat bagaimana. Oleh sebab itu Yang Berhormat Gerik

katakan tadi kesalahan itu mestilah dilaksanakan, diletakkan banyak lagi perkara-perkara yang kesalahan berat yang telah kita lakukan, yang kita kena melihat bagaimana harus kita meletakkan kesalahan-kesalahan itu.

Walau bagaimanapun apa yang kita hendak lakukan ini mungkin menjadi *trial and error*, dengan izin. Tidak apalah kita banyak menengok sistem-sistem ini tetapi kita balik-balik dari semalam kita berbahas Rang Undang-undang Kanun Tanah dan sebagainya balik-balik rakan-rakan semua menyebut tentang penguatkuasaan.

Kadang-kadang penguasaan ini saya pernah bercakap dalam Dewan ini saya bercakap dalam Dewan ini kadang-kadang banyak kena saman hanya cermin hitam. Kadang-kadang yang banyak saman kerana nombor plat kecil. Cermin hitam itu sebabnya hitam, pakai cermin mata hitam. Jadi cermin itu lagi jadi hitam. Oleh sebab itu kena saman. Walaupun tidak masuk dalam demerit soal cermin hitam tetapi rakyat semua melihat perkara ini yang pastinya kita mesti jangan menyebabkan rakyat marah. Tidak kira siapa pun rakyat itu mereka akan marah dengan apa yang kita lakukan tetapi kita tidak buat apa perkara yang sebenarnya harus kita lakukan. Ini sebenarnya, bukan soal rang undang-undang ini, rang undang-undang ini baik tetapi pelaksanaan ini tidak baik.

Ada pula rakan-rakan saya walaupun pembangkang dia tunjuk suruh cepat. Saya sudah cakap tadi hendak habiskan 4.41 pagi. *[Ketawa]* Saya tidak tahulah rupanya bersemangat juga malam Jumaat ini hendak balik. Kalau PS tidak apalah dia hendak balik cepat. Tidak apalah kalau macam itu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia sudah kemas beg, sudah kemas beg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kalau macam itu saya bersetujulah dengan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Kita jangan marah, tidak buat pelaksanaan perundangan ini. Kita kena menyokong semua orang yang bertanggungjawab yang penuh dalam Dewan pada malam ini bertanggungjawab atas rang undang-undang ini. Kita mesti beritahu rakyat kita menyokong rang undang-undang ini untuk menambah baik dari segi Rang Undang-undang Pengangkutan ini supaya kita menuju ke arah negara yang maju kita dapat laksana dengan baik. Saya dengan ini sekian terima kasih. *[Tepuk]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bukan senang dia hendak habis itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

### **8.35 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian seperti Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat

Batu Gajah, Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Gerik dan juga Yang Berhormat Sungai Petani dan juga Yang Berhormat Kota Tinggi.

Pertama, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun mengenai kementerian menyediakan satu mekanisme semakan mata demerit secara talian. Kementerian Pengangkutan akan mengkaji cadangan untuk mewujudkan sistem semakan ini, semakan mata demerit bagi memudahkan pesalah membuat semakan dan mengambil langkah-langkah mengubah tingkah laku pemanduan bagi mengelakkan mendapatkan mata demerit dan seterusnya pihak kerajaan akan membangunkan sistem semakan ini apabila pelaksanaan bermula.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Seremban membangkitkan mengenai status AES. Operasi AES di 14 lokasi masih berjalan seperti biasa. Saman-saman AES masih dikeluarkan dan kerajaan sedang menambah baik pelaksanaan AES dan pemasangan kamera AES akan diperluaskan.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pendang bangun.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri AES ini. *[Disampuk]* Tidak apalah Jumaat pun Tuan Yang di-Pertua pun hendak balik juga. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di bawah peraturan mana gambar-gambar AES ini boleh diambil tindakan? Sedangkan dalam akta ibu perkara 53A(3) yang mengatakan bahawa kesalahan-kesalahan yang dirakamkan itu hanyalah boleh dibuat oleh pegawai JPJ dan polis. Jadi macam mana yang gambar AES ini yang dirakam oleh kamera statik ini boleh digunakan untuk menyaman pemandu-pemandu? Apakah ada peraturan lain yang dibuat oleh kementerian?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saman-saman ini dikeluarkan oleh pihak JPJ. Memang JPJ mempunyai kuasa untuk menyaman menggunakan sistem AES ini. Jadi seperti Yang Berhormat...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Di bawah peraturan apa Yang Berhormat? Adakah yang ada digazetkan atau apa, ini undang-undang.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tidak, tadi Yang Berhormat pun sering mengatakan bahawa JPJ mempunyai kuasa untuk menyaman.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Gambar itu dirakam oleh polis atau pegawai JPJ sedangkan kamera statik.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Kamera itu diselenggarakan oleh JPJ. Ada pegawai menyenggara kamera itu. Kamera itu memang di bawah kawalan JPJ. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seremban bangun. Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya rasa ada kekeliruan di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kamera itu diselenggarakan ataupun gambar-gambar itu diperiksa oleh pegawai JPJ. Akan tetapi saya rasa ini bukan realitinya. Realitinya ialah sebelum ini AES ini dikendalikan oleh dua syarikat iaitu ATES dan juga Beta Tegap.

#### ■2040

RM60 juta telah dibayar kepada kedua-dua syarikat ini padahal 2.1 juta saman dikeluarkan dan oleh kerana saman-saman itu tak boleh dikutip daripada pesalah-pesalah ataupun orang-orang yang telah melanggar undang-undang itu, sementara kerajaan menangguhkan pelaksanaan saman-saman ini, kerajaan telah membayar RM60 juta kepada kedua-dua syarikat ini kerana mengendalikan kamera-kamera AES. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak tepat bahawa gambar-gambar itu diselenggarakan oleh pegawai-pegawai JPJ. Saya rasa itu adalah satu kenyataan yang tidak tepat. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah saman ini dikeluarkan atas kesalahan, kesalahan memandu laju. Jadi, saman itu dikeluarkan atas kesalahan. Sebagai contoh kesalahan melanggar lampu merah. Jadi kerajaan mempunyai mekanisme untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan menggunakan kamera tersebut. Jadi, kamera itu hanya adalah mekanisme.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak menyambung Yang Berhormat Seremban juga telah menyebut mengenai pengurangan kadar saman. Pengurangan kadar saman tidak melibatkan pindaan Akta 333 kerana seksyen 120 JPJ 1987 telah memperuntukkan kuasa budi bicara untuk menetapkan sesuatu kadar kompaun tidak melebihi RM300.

Seterusnya, Yang Berhormat Seremban juga...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seremban bangun lagi.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya hendak menjawab teruslah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tak, ini soalan lain sebelum AES.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey. Yang Berhormat Seremban juga...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, berkenaan AES, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum menjawab sama ada apakah status 2.1 juta saman yang telah dikeluarkan. Adakah itu akan dibatalkan secara keseluruhannya ataupun masih akan mengutip daripada orang-orang yang telah dikeluarkan saman itu memandangkan pelbagai isu berkenaan AES itu.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Buat masa ini, saman itu masih *valid* kerana kesalahan telah dilakukan dan sekarang pihak kementerian telah mencadangkan kepada pihak kerajaan iaitu telah mencadangkan kepada pihak Kabinet untuk memberi diskaun sebanyak RM150. Jadi saman itu masih *valid*. Seterusnya Yang Berhormat Seremban juga telah menyatakan bagaimana koordinasi di antara agensi untuk melaksanakan operasi jalan raya. Koordinasi di antara agensi penguat kuasa dijalankan dengan cara SOP yang telah diluluskan oleh agensi masing-masing. Warden lalu lintas hanya akan melaksanakan kesalahan tertentu sahaja di bawah Akta 333 yang diberi kuasa melalui warta oleh Menteri Pengangkutan bagi mengelakkan pertindihan penguatkuasaan.

Seterusnya Yang Berhormat Seremban juga telah membangkitkan bagaimana memastikan integriti di kalangan penguat kuasa anggota JPJ. Bagi memastikan isu integriti di kalangan agensi penguat kuasa ditangani, kerajaan telah menujuhkan Unit Integriti di Jabatan Pengangkutan Jalan. Siasatan dan tindakan akan diambil terhadap anggota yang terlibat dengan penyelewengan dan sebagai pengajaran kepada anggota penguat kuasa lain. Selain itu juga, isu integriti boleh ditangani dengan polisi kerajaan memperkuatkan penguatkuasaan secara automatik bagi mengurangkan *human intervention* iaitu seperti AES.

Seterusnya Yang Berhormat Seremban juga telah membangkitkan mengenai apakah setelah membayar kompaun masih perlu memasukkan mata demerit. Bagi pindaan yang dicadangkan dalam fasal 7 dan 8, seseorang yang melakukan kesalahan boleh kompaun dan kemudiannya membayar kompaun tersebut akan masih diberikan mata demerit. Sistem pemberian mata di bawah Akta 333 adalah satu mekanisme yang ditetapkan di bawah akta bagi mengenal pasti kelakuan atau kebiasaan pemandu yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain dan keselamatan awam atau tidak kompeten untuk memandu. Sistem pemberian mata bukanlah satu mekanisme untuk menentukan kesalahan tetapi adalah mekanisme untuk mengelak para pemandu melakukan kesalahan secara berulang-ulang dan seterusnya mengurangkan statistik kemalangan khususnya kemalangan maut.

Seterusnya Yang Berhormat Seremban juga dan Yang Berhormat Kuala Selangor membangkitkan mengenai garis panduan melaksanakan *roadblock*. JPJ ada SOP yang jelas bagi mengadakan sekatan jalan raya dan diadakan di jalan yang lurus dan tidak membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Sekatan jalan raya hanya boleh dilakukan oleh JPJ dan polis di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pemberian kuasa kepada warden lalu lintas tidak termasuk kuasa untuk adakan *roadblock*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Seremban dan Yang Berhormat Pendang. Yang mana satu Yang Berhormat?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Roadblock* sama ada polis ataupun JPJ. Negara maju macam Switzerland, dia buat *roadblock*,

dia umumkan dalam radio dan televisyen bahawa pada tempat sekian jam sekian, *roadblock* akan diadakan sebab tujuannya ialah untuk mengurangkan kecelakaan jalan raya. Kita kadang-kadang buat *roadblock* sembunyi-sembunyi hendak menangkap orang, yang tidak berlesen itu memang salahlah tetapi apakah boleh kementerian mengarahkan JPJ ataupun polis kalau hendak buat *roadblock*, isytiharkan supaya semua pemandu, pengguna jalan raya memperlakukan kenderaan mereka. Boleh atau tidak?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Boleh sambung sedikit?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak katakan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa *roadblock* sepatutnya diadakan di jalan lurus. Itu mengikut SOP tetapi ini telah menjadi satu kebiasaan dan selalu berlaku bahawa bukan di kalangan pegawai JPJ tetapi terutamanya di kalangan pegawai-pegawai polis trafik yang selalu mengadakan sekatan-sekatan ataupun mereka hendak *ambush* pengguna-pengguna jalan raya di selekoh-selekok, di simpang-simpang jalan. Ada corner sahaja, masuk sahaja ataupun di bawah pokok dan ini selalu berlaku. Ini bukan kadang-kadang, ini selalu berlaku.

Di kawasan saya sendiri, tiap-tiap minggu saya lihat ada anggota polis trafik buat macam itu di selekoh-selekok. Kita tahu bahawa tujuannya ialah hendak memerangkap, hendak *ambush* tetapi kadang-kadang ini menyebabkan satu keadaan yang amat membahayakan kepada pengguna jalan raya. Jadi saya hendak tanya, adakah kalau mereka buat sekatan macam itu di selekoh-selekok bukan di jalan lurus, adakah pegawai-pegawai penguasa kuasa ini telah melanggar peraturan ataupun undang-undang yang ditetapkan dan apakah tindakan terhadap mereka ini?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, telah saya maklumkan sebentar tadi bahawa SOP JPJ dia buat di jalan yang luruslah. Jadi sekiranya kalau ada mana-mana JPJ buat di selekoh, boleh maklum kepada kementerian dan kita akan mengambil tindakan kepada pegawai JPJ tetapi mengenai pegawai polis trafik, itu di luar bidang kuasa kementerianlah. Jadi, maknanya Yang Berhormat...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, Sekijang di belakang. Sedikit sahaja hendak tanya.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ya, okey.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Kalau katalah tadi berlaku kemalangan contohnya, tadi Yang Berhormat Seremban sebut bila ada *roadblock* di selekoh, berlaku kemalangan contohnya. Adakah mereka yang terlibat dalam kemalangan itu kalau dia hendak sue di mahkamah, adakah ada sebarang akta ataupun undang-undang yang boleh dikenakan kepada pihak berkuasa tersebut yang menjalankan *roadblock* di kawasan selekoh seperti ini. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya dah maklum tadi untuk pihak JPJ memang dia buat di jalan yang lurus. Sekiranya pihak polis trafik dia buat di jalan selekoh, itu di luar bidang kuasa kementerian. Jadi ini boleh dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri ya. Jadi ini menjawab sekali soalan Yang Berhormat Pendang.

**■2050**

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Kuala Selangor membangkitkan supaya pelajar yang berjaya dengan cemerlang dalam SPM diberikan 50% diskaun dalam pengambilan lesen memandu motosikal.

Untuk makluman, kementerian melalui JPJ sentiasa prihatin dengan kos pengambilan lesen memandu. Oleh itu, JPJ telah menetapkan kadar siling untuk mengurangkan dan mengawal kos kenaikan harga pengambilan lesen memandu B2. JPJ juga telah memperkenalkan Program myLESEN sejak 15 September 2015 iaitu dengan harga diskaun RM299. Siri satu Program myLESEN telah berjaya mendaftarkan 63,000 permohonan dan 50% daripadanya telah berjaya mendapatkan lesen motosikal dan selebihnya dalam proses. Seterusnya, JPJ sentiasa menggalakkan mana-mana pihak untuk membuat program CSR bagi memberikan 50% diskaun kepada pelajar-pelajar cemerlang ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor juga telah membangkitkan adakah pengeluar kenderaan mendapat kelulusan JPJ berkaitan standard piawaian beg udara yang digunakan. Bagi tujuan mengawal selia dan penguatkuasaan berkaitan piawaian pembinaan beg udara serta keselamatan penumpang dan pemandu kenderaan semasa kemalangan arah hadapan, pihak JPJ telah mewartakan peraturan UN R94 di bawah Kaedah Pengangkutan Jalan. Peraturan tersebut telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012 terhadap kenderaan baru melalui pelaksanaan Prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh JPJ.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor juga membangkitkan mengenai pelaksanaan produk *recall* oleh pihak Honda melibatkan isu beg udara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini jenis kenderaan. Saya terpanggil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Menteri yang hebat menjawab soalan yang bukan senang dijawab. Tahniahlah.

Saya berdiri untuk menyokong rang undang-undang ini tetapi saya minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri soal jenis kenderaan yang disentuh oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Kalau kita melihat *point* demerit ini, adakah ia berbeza di antara pemandu lori, pemandu bas, pemandu teksi ataupun pemandu biasa, pemandu warga emas dan pemandu motosikal yang banyak kita lihat mat rempit – basikal mungkin tidak adalah tetapi minta pandangan. Mungkin tidak termasuk dalam rang undang-undang ini. Minta pandangan peribadi Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada perbezaan mata demerit. Untuk kenderaan persendirian dengan kenderaan pengangkutan awam, mata demerit

kepada kenderaan komersial atau kenderaan awam, lebih, *penalize* dia lebih, mata dia lebih. Untuk kenderaan persendirian dia kurang, memandangkan pemandu yang membawa kenderaan komersial dan awam ini lebih membahayakan kepada pihak penumpangnya sekali.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, soal warga tua dan pemandu yang kurang upaya macam mana?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat, yang itu terlalu *detail*. Saya akan jawab secara bertulis. *[Disampuk]* Pandangan? Memang benar – sebab itu tadi dalam mata demerit pun kita membezakan mata demerit antara pemandu persendirian dan pemandu kenderaan komersial. Yang lain-lain saya akan menjawab secara... *[Disampuk]*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah membangkitkan adakah pemberikuasaan kepada Warden Lalu Lintas ini, PBT boleh dikuatkuasakan lori kenderaan berat yang meletak di kawasan perumahan.

Untuk makluman, kuasa untuk mengambil tindakan terhadap lori kenderaan berat yang diletakkan di kawasan perumahan akan turut diberi kuasa kepada majlis bandar raya dan majlis perbandaran di bawah seksyen 79 Akta 333 ini. Jadi maknanya apabila lulus rang undang-undang ini, maka pihak majlis bandar raya dan perbandaran mempunyai kuasa terhadap lori-lori yang *parking* di taman-taman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Cuma soalan saya mengenai beg udara Takata ini. Sebab di Amerika sekarang ini, saya difahamkan mereka telah mengeluarkan seakan-akan amaran tentang masalah beg udara Takata yang digunakan dalam senarai siri kereta-kereta yang ada kerana ia boleh menyebabkan kematian, bukan disebabkan kemalangan tetapi bila wujud tekanan dan sebagainya, logam yang ada di beg udara tersebut boleh melantun terus kepada pemandu dan boleh mengakibatkan kematian.

Jadi saya khuatir di negara kita. Sejauh manakah di peringkat JPJ khususnya ataupun pihak kementerian melihat perkara ini? Ini kerana saya difahamkan di negara kita juga ada kebanyakan kereta yang menggunakan beg udara Takata. Jadi saya takut nanti sekiranya kita tidak menyedarkan rakyat, ia boleh mengakibatkan kematian tanpa wujudnya kemalangan. Hentakan kecil pun sudah boleh menyebabkan kemalangan maut kepada pemandu disebabkan bahayanya kononnya beg Takata ini kerana apa yang telah saya baca di Amerika. Dua kes sudah berlaku di Malaysia, di Sabah dan juga di Kedah, dan saya lihat ini satu perkara yang saya fikir sangat pentinglah. Harap pihak kementerian dapat menelitiinya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya mengambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan akan memaklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat Kuala Selangor.

Seterusnya – saya terberhenti tadi mengenai status pelaksanaan produk *recall* oleh pihak Honda. Aktiviti produk *recall* ini telah mula dilaksanakan oleh pihak Honda sejak tahun 2014. Aktiviti ini menghadapi kesukaran kerana pemilik-pemilik kenderaan tidak hadir ke pusat servis Honda untuk proses penggantian beg udara. Namun, berdasarkan mesyuarat terkini antara JPJ dan Honda pada 18 Mei 2016 yang lalu, pihak Honda perlu menyegerakan aktiviti tersebut dan perlu siap sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan. Ini mengenai isu beg udara Takata ya.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor juga telah menyebut mengenai nombor plat F dan V. Yang Berhormat Lipis juga membangkitkan perkara yang sama. Memang plat nombor F dan V ini sememangnya menjadi rebutan peminat kereta khususnya saya dapat di media sosial dan juga di media cetak. Malah saya juga telah menerima banyak mesej daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan yang ingin memiliki nombor plat F ini khususnya yang mempunyai nama bermula huruf F seperti Fuad, Fariz, Fatmi dan cadangan Yang Berhormat Lipis agar nombor plat F dan V ini diberi kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan saya bincangkan dengan Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]*

Seterusnya, Yang Berhormat Sekijang yang telah mencelah bertanya mengenai bolehkah tindakan diambil terhadap pegawai yang melakukan sekatan jalan raya dan menyebabkan kemalangan. Subseksyen 78(3) menyatakan bahawa pegawai tidak akan berliabiliti terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan ke atas mana-mana orang atau harta benda sekiranya langkah atau tindakan diambil mengikut subseksyen 78(1) iaitu mengadakan galangan atau sekatan jalan raya ataupun *roadblock*.

#### ■2100

Seterusnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar mengenai apakah langkah proaktif untuk mengurangkan kadar kemalangan berdasarkan *human factor*. Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambah baik dari semasa ke semasa bagi mendidik pengguna jalan raya yang lebih selamat dan membudayakan *safety first*. Antara inisiatif yang digariskan di bawah pelan ini adalah penambahbaikan kurikulum pendidikan pemandu, pelaksanaan mata demerit dan Automated Awareness Safety System (AwAS) iaitu pengenalan semula daripada AES.

Yang Berhormat Kangar juga mencadangkan agar denda maksimum atau penggantungan lesen memandu sekiranya memandu di lorong kecemasan. Kesalahan memandu di lorong kecemasan boleh di kompaun maksimum RM300 atau sekiranya disabit kesalahan di mahkamah, denda maksimum yang boleh dikenakan adalah RM2,000. Kesalahan memandu di lorong kecemasan adalah kesalahan di bawah kaedah demerit yang boleh diberikan mata dan apabila mencapai mata maksimum boleh digantung.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat Kangar juga menyentuh pesalah bawah umur memandu tanpa lesen. Mata demerit akan hanya dikenakan kepada pemandu yang mempunyai lesen CDL dan PDL sahaja. Walau bagaimanapun pesalah bawah umur boleh didenda oleh mahkamah dengan kehilangan kelayakan memandu.

Seterusnya, Yang Berhormat Kangar mencadangkan agar kursus pemulihan KEJARA dijalankan secara talian atau *e-learning*. Untuk makluman, pihak JPJ akan menetapkan keperluan kursus modifikasi tingkah laku kepada pemandu yang telah mencapai mata demerit yang ditetapkan. Kursus pemulihan yang diamalkan di negara maju menggunakan pendekatan bersemuka dan bukan dalam format-format *e-learning*.

Singapura, Australia dan negara-negara Eropah memulakan pendekatan bersemuka memandangkan berdasarkan pendekatan psikologi, perubahan sikap perlu dibuat secara sentuhan perasaan dan kaedah bersemuka lebih berkesan. Oleh itu, kementerian dan JPJ mengambil kira cadangan ini dan akan mengkaji pendekatan terbaik sebagai usaha untuk memberikan kesedaran kepada mereka yang telah mencapai mata demerit untuk berubah dan menjadi pengguna jalan raya yang lebih yang lebih berhemah.

Ahli Yang Berhormat Bayan Baru menyentuh mengenai kerajaan perlu mempunyai *political will* untuk pelaksanaan mata demerit yang lebih tegas. Untuk makluman, kerajaan komited dan mempunyai *political will* yang cukup kuat untuk melaksanakan Sistem Mata Demerit dalam usaha menjaga keselamatan dan kepentingan majoriti pengguna jalan raya. Sehubungan dengan itu, semua pihak termasuk Yang Berhormat Bayan Baru diharap memberi sokongan terhadap rang undang-undang ini bagi pelaksanaan Sistem Mata Demerit yang lebih efisien.

Seterusnya Yang Berhormat Lipis telah membangkitkan mengenai pelaksanaan kursus pemulihan di bawah Sistem Mata Demerit tidak diswastakan kepada institut memandu atau pihak ketiga. Untuk makluman, kursus pemulihan di bawah Sistem Mata Demerit akan dikendalikan oleh JPJ sendiri di setiap JPJ negeri dan JPJ cawangannya.

Seterusnya, menyentuh sikap pemandu yang kurang berhemah di jalan raya oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Bagi mengubah sikap pemandu yang tidak berhemah, kementerian telah mengambil langkah iaitu pendedahan pelajaran keselamatan jalan raya di peringkat sekolah. Tujuannya untuk mendidik mereka daripada muda lagi.

Seterusnya, Yang Berhormat Bayan Baru juga mencadangkan supaya diperketatkan proses pelesenan pemandu dan mengambil kira model negara-negara maju seperti Amerika Syarikat. Kementerian melalui JPJ sentiasa meneliti standard pemanduan di negara ini. Pada Julai 2014, kementerian dan JPJ telah memperkenalkan KPP baru, kurikulum pemandu yang baru untuk mencapai *outcome* generasi baru, pemandu kompeten dan berhemah. Kurikulum baru yang dilaksanakan ini adalah setanding dengan standard dan amalan negara-negara maju. Kurikulum baru ini juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi meningkatkan lagi tahap kompetensi pemandu-pemandu baru.

JPJ sentiasa memantau sindiket-sindiket yang cuba menipu, menyeleweng dalam proses pengambilan lesen memandu. Tindakan undang-undang akan diambil jika didapati lesen diperolehi dengan cara yang salah dan tidak mengikut SOP. Kementerian dan JPJ akan sentiasa mengambil inisiatif untuk memperkasakan sistem pelesenan pemandu di negara ini ke arah penghasilan pemandu yang berhemah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak minta menteri tolong *update* Dewan ini apakah siasatan berkenaan dengan lesen *copy* yang telah tersebar luas di media. Berapa tangkapan? Adakah pegawai yang telah dijumpai salah menjual lesen *copy* dan apakah siasatan daripada Menteri supaya – jangan kata ada *political will* tetapi ada orang yang bersalah. Kita tahu bahawa lesen *copy* itu memang sudah ada sejak masa saya sekolah lagi apabila saya pergi memohon lesen.

Itu berpuluh-puluh tahun. Isu ini besar dan saya minta Yang Berhormat Menteri *update* Dewan ini apakah yang terbaru siasatan dan tangkapan. Adakah tindakan disiplin telah dijalankan? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab Yang Berhormat Bayan Baru dengan secara bertulis.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua akhirnya saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan sokongan kepada pindaan ini. *Insya-Allah* segala pandangan dan nasihat yang tidak saya sebutkan dalam jawapan ini akan saya ambil perhatian. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang untuk saya menjawab. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**

**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

**9.11 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (5), subseksyen (17), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.59 bagi tahun 2016 disahkan.

- (i) Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan diwartakan bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru dan meminda peruntukan sedia ada, pindaan dilakukan adalah seperti berikut:
  - (a) Jadual Pertama Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan  
(Pembekalan Berkadar Sifar) dipinda seperti berikut:  
Berhubung dengan butiran 2 dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan '*medical means and medical gasses and medical devices*' dengan perkataan '*medical means, medical gasses and medical devices*';  
(b) Jadual Pertama Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan  
(Pembekalan Berkadar Sifar) dipinda seperti berikut:  
Butiran 24 dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan '*the lease or air container*' dengan perkataan '*the lease of air container*';  
(c) Pindaan kepada lampiran bagi Jadual Pertama Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 juga dibuat bertujuan untuk menambahkan senarai barang berkadar sifar seperti berikut:
    - (i) semua jenis kacang dal tidak termasuk *whole and not skinned* di bawah kod 0713; dan
    - (ii) kanji (*starch*) di bawah kod 11.08.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**[Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 5 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bil. ST.59 bagi tahun 2016 disahkan, hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas 2016 telah berlangsung selama lapan hari mulai dari hari Isnin, 16 Mei 2016 hingga hari Khamis, 26 Mei 2016. Persidangan kali ini turut menyaksikan berlangsungnya persidangan Kamar Khas buat pertama kalinya dalam sejarah Parlimen Malaysia. Saya bagi pihak Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat kali ini disempurnakan dengan jayanya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua warga Parlimen Malaysia, pegawai-pegawai kerajaan, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh persidangan Dewan kali ini. Atas kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai buat semua. Bagi yang beragama Islam, selamat menjalani ibadah puasa yang akan menjelang tiba tidak lama lagi. Akhir kata, saya doakan semoga selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.17 malam]*